

HADIS MAQBUL dan MARDUD dalam Kitab Hidayat Al-Salikin

AKHMAD SAGIR
AZWIRA ABDUL AZIZ
MUHAMMAD HASAN SAID IDERUS

Hadis MAQBUL dan MARDUD dalam Kitab Hidayat Al-Salikin

Buku ini memuatkan tentang status hadis yang ada dalam *Kitab Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani serta nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq. Perbahasan dibuat untuk mengetahui status hadis sebagai bahan rujukan beramalan. Hadis yang terdapat dalam *Kitab Hidayat al-Salikin* akan nampak maqbul atau mardud ketika diketahui hasil atau hukum secara kualiti sahīh, hasan dan daʿīf. Buku ini mengandungi enam bab mengikut topik yang merangkumi hadis Rasulullah SAW, mengenal matan dan sanad hadis, biografi Syeikh Abdus Samad al-Palembani, *Kitab Hidayat al-Salikin*, status Hadis dalam *Kitab Hidayat al-Salikin*, dan nilai hadisnya. Secara umum buku ini sangat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat yang memerlukan status hadis dalam *Kitab Hidayat al-Salikin*. Justeru, penerbitan buku ini merupakan wahana bagi memartabatkan *Kitab Hidayat al-Salikin* dalam kalangan umat Islam, khususnya di Nusantara agar dapat terhindar daripada mengamalkan hadis yang tidak bersumber daripada yang sebenar serta membuka wawasan semua pihak untuk dapat bertoleransi kepada orang lain dalam hal yang terjadi khilaf.

AKHMAD SAGIR, PhD., Pensyarah di Universitas Islam Negeri (UIN) Antasari Banjarmasin, Dekan Fakultas Dakwah dan Komunikasi Universitas Islam Negeri (UIN) Antasari Banjarmasin, Indonesia dan mantan pelajar Fakulti Pengajian Islam UKM. Bidang kepakaran beliau adalah kajian hadis dan 'Ulum Hadis, AZWIRA ABDUL AZIZ, PhD., Dekan Fakulti Al-Quran & Sunnah Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dan Pensyarah Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berkepakaran dalam bidang metodologi hadis dan pengajian Islam. MUHAMMAD HASAN SAID IDERUS, Pelajar PhD. Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunah Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Pensyarah di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Samarinda, Indonesia.

PENERBIT UKM
UKM PRESS
http://ukmpress.ukm.my

1970-2020 UKM #menciptamasadepan

ISBN 978-967-251-220-2
9 789672 512202

HADIS MAQBUL DAN MARDUD DALAM KITAB HIDAYAT AL-SALIKIN

HADIS MAQBUL DAN MARDUD DALAM KITAB HIDAYAT AL-SALIKIN

Akhmad Sagir
Azwira Abdul Aziz
Muhammad Hasan Said Iderus

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi • 2020
http://ukmpress.ukm.my

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2020
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
http://ukmpress.ukm.my
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No*. 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
UKM CETAK SDN BHD
Aras Bawah, Bangunan Penerbit UKM
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /
Cataloguing-in-Publication Data

Kandungan

Senarai Jadual ... 7
Prakata ... 9

BAB 1 Hadis Rasulullah SAW ... *11*

BAB 2 Mengenal *Matan* dan Sanad Hadis ... *14*

BAB 3 Biografi Syeikh Abdus Samad al-Palembani ... *50*

BAB 4 *Kitab Hidayat al-Salikin ... 60*

BAB 5 Status Hadis Kitab *Hidayat al-Salikin ... 65*

BAB 6 Nilai Hadis *Hidayat al-Salikin ... 301*

Rujukan ... 309
Indeks ... 321

Senarai Jadual

JADUAL 2.1 Peringkat lafaz keterpujian ... *37*
JADUAL 2.2 Peringkat lafaz ketercelaan ... *37*
JADUAL 6.1 Pembahagian sumber riwayat hadis dalam kitab *Hidayat al-Salikin ... 303*
JADUAL 6.2 Pembahagian kualiti/hukum hadis dalam kitab *Hidayat al-Salikin ... 305*

Prakata

Alhamdulillah Rabb al-ᶜalamin, segala pujian bagi Allah SWT yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit, bumi dan di antara keduanya. Dengan limpah rahmat, hidayah, taufik dan kurnia-Nya, penulisan buku ini dapat diselesaikan. Salawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW yang telah menyampaikan *risalah* Allah SWT kepada seluruh umat manusia dan pembawa rahmat bagi sekalian alam.

Buku ini cuba merungkai hadis-hadis dalam kitab *Hidayat al-Salikīn*. Penulisan buku ini adalah untuk berkongsi dan mengambil manfaat daripada aspek kaedah kajian dan bagi umat Islam di Nusantara dapat terhindar daripada mengamalkan hadis yang tidak bersumber yang benar serta membuka wawasan semua pihak untuk dapat bertoleransi kepada orang lain. Akhirnya, dalil yang tidak dapat dikatakan sebagai hadis dapatlah dinyatakan sebagai *qawl al-hukama* apabila tidak bercanggah dengan mana-mana dalil sedia ada.

Buku ini merupakan adaptasi daripada penulisan disertasi Doktor Pengajian Islam yang bertajuk *Kajian Hadis dalam Kitab Hidayat Al-Salikin oleh Syeikh Abdus Samad Al-Palembani dengan Nukilan Tambahan daripada Shamsuddin Siddiq* di Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2009 menjadi Hadis *Maqbul* dan *Mardud* dalam Kitab *Hidayat al-Salikin*.

Penulis sangat sedar bahawa kejayaan penulisan buku ini tidak dapat dinafikan daripada bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Oleh itu, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan kalungan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat. Kepada seluruh tenaga akademik Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah dan Fakulti Pengajian Islam, terutamanya kepada Ustaz Dr. Azwira Abdul Aziz. Penulis mengucapkan *jaza Allah khayr al-jaza'* kepada beliau yang telah memberikan bimbingan, arahan, saranan, dan meluangkan masa yang banyak untuk menyemak dalam melengkapkan penulisan ini.

Terima kasih juga disampaikan kepada pihak Pusat Pengurusan Siswazah, Pengurusan Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya dan pihak lain seperti Prof.

Madya Hj. Ishak Sulaiman berserta murid beliau Khadher Ahmad. dan juga kepada semua pihak yang turut membantu penulis menyiapkan buku ini. Tidak ketinggalan terima kasih disampaikan kepada Kementerian Agama Republik Indonesia (RI), menerusi Universiti Agama Islam Negeri (UIN) Antasari yang telah memberi laluan kepada penulis untuk melanjutkan pengajian di UKM, serta membantu sebahagian keuangan yang sungguh sangat berguna. Semoga amal baik mereka diberikan balasan dan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah SWT *amin ya Rabb al-ᶜalamin*. Sekian.

Akhmad Sagir
Azwira Abdul Aziz
Muhammad Hasan Said Iderus

Bab *1*

Hadis Rasulullah SAW

Pengenalan

Hadis Rasulullah SAW merupakan sumber pokok kedua ajaran Islam setelah al-Quran. Ia bukan merupakan ungkapan biasa, pesan serta kelakuan yang terlahir daripada seorang Nabi dan Rasul sahaja, tetapi juga sebagai keterangan penafsiran (bayan tafsir) atau keterangan penjelasan (bayan tafsil) terhadap isi kandungan ayat al-Quran yang masih bersifat universal atau *mujmal* (Mahmud 196; al-Khatib 1989; al-Hanafi 1938).

Sebahagian ulama memberikan nama atau istilah untuk hadis Nabi dengan *wahyu ghayr al-matluw*, sebagai bandingan terhadap istilah *wahyu al-matluw* terhadap kitab al-Quran (Zahu t.th.). Kemudian, pandangan ini masih meninggalkan satu masalah, sebab dengan kenyataan bahawa seluruh hadis Nabi sebagai wahyu, maka boleh memberikan maksud atau erti bahawa segala jenis hadis atau apa jua yang dinisbahkan kepada Nabi SAW adalah wahyu, sementara dalam kaitan yang sama para ulama pada umumnya juga berpendapat bahawa hadis adalah segala kenyataan (sabda), perbuatan, *taqrir*, dan hal ihwal yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW. Manakala, ulama usul menyatakan, bahawa hadis adalah segala kenyataan, perbuatan dan *taqrir* Nabi yang berhubung kait dengan hukum atau yang layak dijadikan hukum syarak.

Ekoran daripada pemahaman seperti tersebut itulah, maka diperlukan pengetahuan untuk memilih perkara mana yang mesti diikuti dan diteladani kerana sememangnya benar-benar berasal daripada Nabi SAW. ataupun tidak dapat dikatakan sebagai bersumber daripada Rasulullah SAW dan di sinilah letak pentingnya penyelidikan lebih mendalam yang ianya boleh menjelaskan atau memberikan gambaran terhadap hadis Nabi yang berkaitan dengan ajaran Islam yang asasi, seperti praktikal Nabi dalam mengamalkan ibadah berdasarkan petunjuk al-Quran sehingga ianya dapat merangkumi dan menyelaras kepada setiap keadaan masyarakat atau umat yang mempunyai kepelbagaian budaya.

Pengetahuan terhadap hadis menjadi sangat penting kerana berhubung kait dengan autoritinya untuk dijadikan *hujah* dalam menentukan dan membentuk suatu hukum, amalan dan peradaban Islam. Oleh itu, kajian tentang hadis yang akan menemukan hasil atau hukum secara kualiti *ṣaḥīḥ, ḥasan* dan *daᶜīf* terhadap hadis berkenaan dalam sesebuah kitab yang sudah menjadi pegangan dan rujukan umat perlu dilakukan dilihat kembali secara mendalam oleh seorang pemerhati, penyelidik ataupun bagi orang yang mempunyai semangat (ghirah) dan kecintaan kepada hadis Nabi SAW.

Sejarah mencatatkan bahawa beberapa dekade lepas, kaum Muslimin sempat kehilangan sunnah (tradisi Nabi) yang sebenar, lebih ironi dan peliknya adalah suasana ataupun keadaan seumpama bencana ini boleh berterusan dan nampak semacam di biar begitu sahaja, bahkan ada yang beranggapan seperti dipertahankan secara fanatik oleh sekumpulan masyarakat yang tidak mengetahui secara cukup tentang hadis bahkan mereka lebih banyak mengetahui riwayat yang *Munkar* dan tertolak. Justeru, perlu adanya pengkajian terhadap hadis untuk mengenal pasti kapasiti dan kualiti suatu hadis yang dijadikan dalil dalam sesebuah kitab.

Di Palembang Sumatera Barat Indonesia, dicatitkan nama seorang ulama besar yang diiktiraf sebagai tokoh dan pelakon sejarah yang sangat berjasa terhadap perkembangan Islam di Daerah Palembang ini. Nama ulama tersebut adalah Syeikh Abdus Samad al-Palembani (1710-1812 M.) yang oleh Prof. Saifuddin Zuhri, bekas Menteri Agama Republik Indonesia (priode 1962-1967), dinyatakannya sebagai "Matahari Islam" dari Sumatera.

Sebagai seorang ulama besar, nama Syeikh Abdus Samad al-Palembani tidak hanya dikenal di Palembang Sumatera Barat sahaja. Ia juga dikenali di pelbagai daerah di Indonesia; bahkan, mengikut Haji Wan Muhammad Saghir ᶜAbdullah, penulis *Seri Ulama Pengarang Asia Tenggara,* nama al-Palembani juga popular di Kemboja, Thailand, dan Malaysia. Hal ini disebabkan kerana karyanya yang monumental, iaitu kitab *Siyar al-Salikin* dan *Hidayat al-Salikin* yang banyak dipelajari oleh umat Islam di negara-negara tersebut. Lebih daripada itu, kitab yang terakhir (*Hidayat al-Salikin*) tersebut disimpan dari pelbagai perpustakaan besar di dunia seperti di Mekah, Mesir, Turki, dan Beirut.

Kitab Hadis *Hidayat al-Salikin*

Kitab *Hidayat al-Salikin* merupakan kitab yang lebih mengambil tumpuan kepada tasawuf dalam paparannya, namun demikian di dalamnya sedikit sebanyak juga ada memperbincangkan perkara yang berkenaan dengan fiqah dan tauhid. Dan apabila memperbincangkan tajuk dalam kitab tersebut pengarangnya tidak melupakan untuk merujuk kepada sumber ajaran Islam seumpama al-Quran dan hadis nabi dalam rangkaian *istinbat al-ahkam*nya ataupun memperkuatkan penjelasanya, kerana beliau sedar bahawa dua kitab tersebut menjadi rujukan utama terhadap masalah masyarakat atau umat, sama ada yang berhubung kait dengan kehidupan peribadatan mereka secara amnya, mahupun yang berhubung kait dengan kelakuan ataupun amalan seharian mereka. Dan kitapun sedia maklum bahawa hadis merupakan salah satu sumber utama bagi para ulama untuk mengulas dan menguraikan perintah ataupun larangan daripada al-Quran ataupun hadis itu sendiri yang menjadi ketetapan syari^{c}at.

Oleh itu, buku ini mencuba mendalami hadis yang dimaktubkan dalam kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini, kemudian akan ditakhrij*, ditahqiq* dan dilakukan kritik atau analisis ke atas *sanad* dan *matan* untuk mendapatkan kesimpulan atau *natijah* yang berkenaan dengan nilai, hukum atau kualiti hadis berkenaan.

Kesimpulan

Buku ini sama sekali tidak bermaksud untuk mengenepikan, apalagi menafikan kitab *Hidayat al-Salikin* sebagai rujukan amalan, tetapi justeru kerana ingin memurnikannya daripada sebarang kesilapan untuk menjadikannya semakin diyakini oleh generasi mendatang sebagai pegangan dalam beramalan. Selain itu, juga untuk memastikan sesuatu yang menjadi amalan keseharian ini betul-betul mempunyai dasar rujukan yang jelas dan benar. Sehingga dapat menafikan dan menghilangkan keraguan sebahagian kalangan tentang kredibiliti kitab berkenaan, dan salah satu jalannya adalah dengan cara melakukan penyeledikan secara ilmiah seperti dalam buku ini.

Mudah-mudahan buku ini dapat membuka hati dan minda kita kaum Muslimin bahawa adalah ulama terdahulu dan masa kini sesungguhnya ingin menjadikan generasi sesudah mereka mempunyai prinsip yang teguh serta tetap *istiqamah* dalam beramalan serta zikir kepada Allah.

Bab *2*

Mengenal *Matan* dan Sanad Hadis

Pengenalan

Al-Quran berbeza dengan hadis Nabi, dari segi periwayatan, misalanya al-Quran seluruhnya bersifat *qat^c^i al-wurud,* sedangkan hadis Nabi pada umumnya, bersifat z*anni al-wurud* (al-Adlabi 1983). Para ulama sepakat bahawa riwayat yang *mutawatir* daripada hadis Nabi adalah *qat^c^i al-wurud*, sedangkan yang *ahad* ulama berbeza pendapat, sebahagiannya menyatakan berstatus z*anni al-wurud*, sementara yang lain menyatakan bahawa riwayat yang berkualiti *ṣaḥīḥ* sahaja yang *qat^c^i al-wurud* (Syuhudi 1988). Dalam sejarah dicatat bahawa telah berlaku periwayatan hadis secara makna, sehingga timbul masalah yang berhubung kait dengan *matan* hadisnya, manakala al-Quran telah pun dijamin keautentikan teksnya, berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr, 15:9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Quran, dan Kami-lah yang memelihara dan menjaganya.

Dari segi *dalalah*nya, hadis seumpama dengan al-Quran, yakni ada yang *qat^c^i al-dalalah* dan ada yang *zanni al-dalalah*. Hanya saja, al-Quran pada umumnya bersifat global (*ijmali*), sedangkan hadis Nabi bersifat terperinci (*tafsili*), kerana salah satu fungsi hadis Nabi terhadap al-Quran adalah sebagai keterangan penafsiran (bayan al-tafsir) atau keterangan penjelasan (bayan al-tafsil), oleh itu para ulama sepakat bahawa hadis Nabi boleh dijadikan sandaran hukum bagi sesuatu perkara dalam masalah agama, kerana selain fungsi di atas, ia juga boleh manjadi penguat bagi al-Quran, memperincikan yang masih bersifat *mujmal* daripada al-Quran, bahkan boleh menjadi asas ketetapan hukum yang belum dijelaskan dalam al-Quran secara nyata, dengan syarat tidak terkeluar dari panduan al-Quran.

Bab dua buku ini dipaparkan pengantar yang berkenaan dengan cara penyelidikan hadis, merangkumi langkah-langkah penyelidikan *sanad* dan *matan* hadis, yang diasaskan kepada kaedah penyelidikan hadis yang sudah pun dibuat oleh para ulama pakar kritik hadis.

Takhrij Al-Hadith sebagai Langkah Awal

Apabila memperbincangkan sesuatu perkara semestinya diawali dengan definisi sebagai pengenalan dan apabila memulai tentang *ta*ᶜ*rif,* maka sudah menjadi kenescayaan untuk memperhatikan daripada dua sisi makna, iaitu dari segi bahasa dan dari segi istilah ilmu yang berkenaan.

Pengertian *Takhrij al-Hadith*

Secara bahasa, kalimat "*Takhrij"* adalah bentuk *masdar* daripada kata *kharraja-yukharriju-takhrijan* (خرَّجَ - يُخَرِّجُ - تَخْرِيْجًا) berakar daripada huruf: *kha', ra* dan *jim* mempunyai dua makna asasi, iaitu *al-Nafadh* ᶜ*an al-shay'* (النفاذ عن الشيئ = 'menembusi sesuatu') dan *ikhtilaf lawnayn* (إختلاف لونين = 'perbezaan dua warna') Nampaknya kedua-dua makna asas itu dapat digunakan sekali dalam hadis, yakni bahawa *takhrij* bererti menelusuri atau berusaha menembusi suatu hadis untuk mengenal pasti segi yang ada hubung kait dengannya, sama ada dari segi sumber pengambilan, kualitinya, mahupun dari segi lainnya. Mahmud al-Tahhan menerangkan bahawa kata *takhrij* secara bahasa bererti:

إِجْتِمَاعُ أَمْرَيْنِ مُتَضَادَّيْنِ فِي شَيْءٍ وَاحِدٍ

Kumpulan dua perkara yang saling berlawanan dalam satu masalah.

Kalimat *Takhrij* berakar kata *kharaja* (خرج) yang memberi erti keluar dan kemudian dibentuk kata (di*muta*ᶜ*addi*kan) dengan menambah huruf '*Hamzah'* pada awal menjadi *akhraja* yang memberi erti mengeluarkan, mengikut Louis Ma'luf dalam *Qamus al-Munjid fi al-Lughah*, lafaz tersebut bererti menjadikan sesuatu itu keluar daripada tempatnya, menjelaskan masalahnya dan mengetahui tempat keluar sesuatu, dan dalam *Qamus Lisan al-*ᶜ*Arab* juga disebutkan bahawa kalimat "*al-khuruj"* merupakan kalimat *masdar* yang memiliki erti "keluar" *naqid al-dukhul* (sebagai kebalikan daripada erti masuk) dan apabila ditambah imbuhan *hamzah*

diawal kalimatnya, maka bertambahlah ertinya menjadi mengeluarkan (Maznur t.th.). Kata *takhrij* itu sendiri dapat diertikan dalam beberapa erti, dan yang masyhur adalah (1) *al-istinbat* = mengeluarkan, (2) *al-tadrib* = meneliti, melatih, dan (3) *al-tawjih* = menerangkan, memperhadapkan.

Adapun mengikut istilah yang diguna pakai oleh ulama hadis (*muhaddithīn*), kata *takhrij* memiliki beberapa erti, antaranya:

1. Menjelaskan hadis kepada orang lain dengan menyebutkan para periwayatnya dalam *sanad* hadis dengan kaedah periwayatan yang mereka lakukan.
2. Mengeluarkan dan meriwayatkan hadis daripada beberapa kitab, seperti Abu Bakar al-Bayhaqi (458 H/1066 M) yang banyak mengutip hadis daripada kitab *al-Sunan* karya Abu al-Hasan al-Basri al-Saffar, lalu al-Bayhaqi mengemukakan *sanad* sendiri.
3. Menunjukkan asal usul hadis dan mengemukakan sumber pengambilannya daripada berbagai kitab hadis yang disusun oleh *mukharrij* dan menisbahkannya dengan cara menyebutkan metode periwayatan dan *sanad* masing-masing.
4. Menunjukkan tempat hadis pada sumber asalnya, dikemukakan hadis berkenaan secara lengkap dengan *sanad*, kemudian menjelaskan darjatnya.

Pengertian *takhrij* yang diguna pakai dalam penyelidikan ini adalah yang disebut terakhir (nombor 4), dikemukakan oleh Mahmud al-Tahhan. Bererti penelusuran atau pencarian hadis pada pelbagai kitab sumber asal daripada hadis berkenaan yang dikemukakan *matan* dan *sanad* secara lengkap, dan pengertian *takhrij* yang dikemukakan oleh Mahmud al-Tahhan juga dapat disebut sebagai *taḥqīq al-Ḥadīth*.

Berdasarkan pengertian yang dikemukakan di atas, maka ada tiga hal yang asasi bagi pengertian *takhrij* ini, iaitu:

1. Kegiatan penelusuran suatu hadis untuk mengenal pasti letak hadis atau sumber asal bagi hadis yang diselidiki.
2. Sumber pengambilan hadis itu merupakan sumber asal, yang dikumpulkan dan disusun oleh para pengarangnya dengan jalan yang diterima daripada guru-gurunya dan lengkap dengan rangkaian *sanad* sampai kepada Nabi Muhammad SAW.
3. Hadis yang termaktub dalam kitab sumber asal itu dikemukakan secara lengkap dengan *sanad* dan *matan*, dan dijelaskan darjatnya.

Kepentingan Kegiatan *Takhrij al-Hadith*

Sedikitnya ada tiga perkara yang menjadi dasar pentingnya kegiatan *takhrij al-hadith* dalam penyelidikan atau kajian hadis, iaitu:

1. Untuk mengenal pasti asal usul riwayat hadis yang akan diselidiki.
2. Untuk mengeathui seluruh riwayat bagi hadis yang akan diselidiki.
3. Untuk mengetahui ada atu tidaknya *shahid* dan *mutabi*^{c} pada *sanad* yang diselidiki.

Dengan demikian, kepentingan tersebut tidaklah terkeluar daripada unsur-unsur yang ada dalam pengertian *takhrij al-hadith* itu sendiri. Mahmud al-Tahhan pula memasukkan perlunya mengetahui kualiti hadis sebagai salah satu indikator definasi *takhrij al-hadith*. Oleh itu, ia menganggap mengetahui kualiti hadis sebagai salah satu faktor pentingnya kegiatan *takhrij al-hadith*, di samping faktor-faktor lainnya.

Sejarah dan Perkembangan *Takhrij* dan Ilmu *Takhrij*

Mentakhrij hadis dalam erti "merujuk semula sebuah hadis kepada orang yang menyebut/meriwayatkannya daripada golongan Imam hadis dalam kitab mereka dengan *sanad*" tidak timbul dengan tiba-tiba, dan bukan pula pemikiran baru. Ia muncul seiring dengan adanya semangat untuk mengekalkan amalan sunnah dengan keyakinan sebenar, ianya berkembang dari semasa kesemasa mengikut perkembangan zaman itu sendiri.

Pada masa sebelum hadis dibukukan tidak diperlukan menyebut *sanad* secara keseluruhan, cukup menyebut *sanad* yang menerima daripada Rasulullah SAW sahaja, kerana pada masa itu masih lagi banyak para sahabat dan *tabi*^{c}*in* yang dilabelkan sebagai orang yang sangat bersih jiwanya daripada sifat dusta. Akan tetapi semakin jauhnya zaman daripada Nabi SAW dan sahabatnya menyebabkan keperluan untuk menyebut para perawi bagi sesebuah hadis adalah sangat penting untuk mengenal pasti adakah seorang periwayat berkenaan termasuk kumpulan orang yang jujur dan amanah untuk diambil riwayatnya ataukah sebaliknya, apatahlagi selepas terbunuhnya ^{c}Uthman bin ^{c}Affan, bahkan seorang *tabi*^{c}*in* Ibn Sirin (w.11 H) membuat kenyataan:

لم يكونوا يسألون عن الإسناد، فلما وقعت الفتنة قالوا : سموا لنا رجالكم، فينظر إلى أهل السنة فيؤخذ حديثهم، وينظر إلى أهل البدع فلا يؤخذ حديثهم.

Selama ini mereka tidak pernah menanyakan perihal isnad, akan tetapi manakala berlakunya fitnah (pembunuhan), mereka serta merta sentiasa berkata: nyatakan kepada kami para *rijal* (perawi) kamu, apabila ia lihat daripada kalangan *muḥaddith*, maka diambillah hadisnya, adapun apabila daripada golongan ahli bid^{c}ah maka tidaklah diambil hadis mereka.

Panjangnya salasilah *sanad* ini, sedikit sebanyak menjadi salah satu punca semakin sukar dan kurangnya orang yang berminat menghafal hadis dengan *sanad*, dan hal ini sungguh sangatlah dibimbangkan akan hilangnya hadis Nabi yang sangat berharga ini, kerena selain banyaknya orang yang telah mati syahid juga tersebarnya hadis *mawdu^{c}* yang dibawa oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sehinggalah pada akhir kurun kedua dan masuk awal kurun ketiga Khalifah ^{c}Umar bin ^{c}Abd al-^{c}Aziz berjaya mengumpul dan membukukan hadis-hadis Rasulullah SAW.

Sebagaimana para sejarawan hadis, kita pun maklum dan mengakui bahawa awal kurun ketiga Hijrah sudah ada kegiatan *takhrij al-hadīth* ini, akan tetapi mengikut Muhammad Abu al-Layth ianya tidak lebih daripada sekadar kenyataan seorang *muḥaddith* tentang sebuah hadis dengan *sanad* yang sampai kepada Nabi SAW sahaja sama ada melalui tulisan dalam kitab mahupun dengan *lisan* dalam sesuatu majlis.

1. *Takhrij* dalam erti kata *Istikhraj*

Selepas kurun keemasan itu sedikit, demi sedikit kegiatan *takhrij* ini berkembang menghala kepada makna *takhrij* yang dipahami sekarang. Pada awalnya kegiatan ini dikenali dengan istilah *istikhraj* yakni seorang *muḥaddith* mengkaji satu kitab hadis, *Ṣaḥīḥ Muslim* umpamanya kemudian meriwayatkan satu persatu hadis di dalamnya dengan *sanad* sendiri, kemudian dia menemui *mu'allif* kitab berkenaan atau *rawi* di atasnya sehinggalah *rawi* sahabat. Hal ini dilakukan untuk meninggikan *sanad* dan kerana adanya keinginan yang tinggi agar hadis itu menjadi kuat dengan berbilang dan banyaknya jalur periwayatannya. Seperti yang dilakukan oleh ramai ulama yang disebutkan oleh Abu al-Layth, sejumlah 28 *mustakhraj* antaranya:

a. Abu al-Fadl Aḥmad bin Salamah al-Bazzar al-Naysaburi (w. 286 H).
b. Abu Bakr Muḥammad bin Muḥammad bin Raja' al-Isfarayini al-Naysaburi (w. 286) telah mentakhrij hadis *Ṣaḥīḥ* Muslim, al-Mustakhraj ^{c}ala *Ṣaḥīḥ* Muslim, kemudian bermunculanlah mustakhrajat yang lainnya.

c. Abu ᶜAli al-*Ḥasan* bin ᶜAli bin Nasr al-Tusi al-Khurasani (w. 312 H) mentakhrij Jamiᶜ al-Tirmidhi.
d. Abu ᶜAbdillah Muḥammad bin ᶜAbd al-Māik bin Ayman bin Farj al-Qurtubi al-Andalusi (w. 330 H) mentakhrij kitab Sunan Abi Dawud.
e. Abu ᶜAbdillah Muḥammad bin Yaᶜqub masyhur dengan Ibn al-Akram al-Naysaburi (w. 344 H) mentakhrij kitab Ṣaḥiḥayn (Bukhari dan Muslim).
f. Abu Bakr Aḥmad bin Ibrahim al-Ismaᶜili al-Jurjani (w. 371 H) mentakhrij *Ṣaḥīḥ* al-Bukhari.
g. Abu Bakr Aḥmad bin ᶜAli bin Muḥammad bin Ibrahim bin Manjuwayh al-Asbahani (w. 428 H) mentakhrij kitab Ṣaḥiḥayn, Sunan Abi Dawud dan Jamiᶜ al-Turmudhi.
h. Abu Naᶜim Aḥmad bin ᶜAbdullah bin Aḥmad al-Asbahani (w. 430 H) mentakhrij kitab Ṣaḥiḥayn dan bab al-Tawhid Ibn Khuzaymah.
i. Abu al-Fadl Zayn al-Din, ᶜAbd al-Rahim bin al-Husayn al-ᶜIraqi (w. 806 H) mentakhrij kitab Mustadrak al-Hakim.

2. *Takhrij* dalam erti mengumpul dan merujukkannya

Kegiatan *takhrij* ini kemudian maju satu langkah ke arah yang dipahami sekarang dengan kemunculan Imam al-Dar Qutni (w. 385 H) yang mentakhrij dengan kegiatan mengumpul hadis-hadis seorang *syeikh* daripada *Syeikh*nya, kemudian merujukkan periwayatannya kepada salah seorang daripada Imam-imam hadis (*Muhaddithin*) yang terdahulu seumpama *Ashab al-Kutub al-Sittah* sehinggalah kemuncaknya pada zaman Imam al-Bayhaqi. Imam yang melakukan *takhrij* seumpama ini disebutkan oleh Abu al-Layth, seramai 8 orang antaranya adalah:

a. Abu al-*Ḥasan* ᶜAli bin ᶜUmar al-Dar Qutni (w. 385): Takhrij Hadith Abi Ishaq Ibrahim bin Muḥammad al-Muzakki al-Naysaburi (w. 362) dan Takhrij Fawa'id Abi Bakr al-Shafiᶜi (w. 354).
b. Abu Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqi (w. 458 H.): Takhrij al-Ajzi' al-Kanjrudhiyat min Hadith Abi Saᶜid Muhammad bin ᶜAbd al-Rahman al-Kanjrudhi (w. 453 H.) dan Takhrij Ahadith al-Umm li al-Imām al-Shafiᶜi (w. 204 H)
c. Abu Jaᶜfar Muḥammad bin ᶜAbd al-Latif bin al-Kuwayk al-Ribᶜi (w. 790 H): Takhrij al-Arbaᶜin li al-Badr Ibn Jamaᶜah (w. 767 H).

3. *Takhrij* dalam erti mengkaji hadis dalam sebuah kitab

Pada perkembangan selanjutnya kegiatan *takhrij* ini mencapai tahapan akhir sehinggalah ke hari ini, yakni "kegiatan untuk merujukkan sesebuah hadis kepada kitab sumber atau kitab Imam terdahulu yang meriwayatkan hadis tersebut serta *sanad*, kemudian dinilai hadis tersebut mengikut keadaan periwayat dan *matan*. Mengikut Abu al-Layth orang yang melakukan *takhrij* seumpama ini cukup banyak, beliau menyebutkan ada 36 orang termasuklah enam orang pelajar Pengajian Tinggi Shari^{c}ah, Universiti di Arab, antaranya adalah: Abu Bakr Muḥammad bin Musa al-Hazimi al-Hamadani (w. 584 H): Takhrij Ahadith al-Muhadhab li Abi Ishaq Ibrahim bin ^{c}Ali al-Shayrazi (w. 476 H); Shamsuddin Muhammad bin Ahmad bin ^{c}Abd al-Hadi al-Maqdisi (w. 744 H): Takhrij Ahadith al-Mukhtasar al-Kabir fi al-Usul li Ibn al-Hajib (w. 646 H); Jamaluddin Abu ^{c}Abdillah bin Yusuf bin Muhammad al-Zayla^{c}i (w. 762 H): Nasb al-Riwayah li Aḥadith al-Hidayah dan al-Is^{c}af bi Ahadith al-Kashshaf li Jar Allah Mahmud bin ^{c}Umar al-Zamakhshari (w. 528) (ini yang pertama dicetak); Zain al-Din Abu al-Fadl ^{c}Abd al-Rahim bin al-Husayn al-^{c}Iraqi (w. 806 H): Takhrij Aḥadith al-Ihya' al-Kabir, al-Mughni ^{c}an Haml al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar, Takhrij al-Ahadith al-lati Yushir ilayha al-Turmudhi fi kulli bab.; Jalaluddin Abu al-Fadl ^{c}Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad al-Suyuti (w. 911 H): Takhrij Ahadith al-Muwatta' li al-Imam Malik, Tajrid al-^{c}Inayah fi Takhrij Ahadith al-Kifayah dan lain-lain.; Muhammad bin Ja^{c}far al-Kattani (w. 1345 H): Takhrij Ahadith Musnad al-Shihab.; Sheikh Muḥammad Nasir al-Din al-Albani: Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil li al-Sheikh Ibrahim bin Muḥammad bin Dawyan (w. 1353 H); Doktor Muhammad Abu al-Layth: al-Zuhd li Hannad bin al-Sari (w. 243 H) tahqiq dan Takhrij ke atas hadis-hadis dan athar yang termaktub di dalamnya.

Daripada paparan sejarah dan perkembangan serta sebahagian contohnya mengikut perkembangan pada masanya, dapatlah dinyatakan bahawa kegiatan *takhrij* itu sendiri sudah bermula pada pertengahan abad ketiga Hijrah dengan erti:

a. *al-istikhraj* yang diawali oleh al-Bazzar, sehinggalah abad kelapan Hijrah.
b. Pada masa yang sama juga berkembang dalam erti *takhrij* yang lebih dekat kepada pemahaman hari ini, di mana dipelopori oleh Imam al-Dara Qutni.

c. Selanjutnya berkembang lagi kepada pemahaman yang *takhrij* sepertimana ada sekarang dan hari ini, pada perkembangan ini diawali oleh al-Khatib al-Baghdadi (w. 463 H).

4. *Takhrij al-Hadith* Sebagai Bidang Ilmu

Walaupun kegiatan *takhrij al-ḥadith* ini sudah berlangsung lama sejak kurun ketiga Hijriyah lagi dan masing-masing *muḥaddithin* tersebut menggunakan kaedahnya sendiri, namun ianya belum lagi dalam rupa bentuk sebuah ilmu yang *matan*g secara ilmiah, kegiatannya hanyalah dapat dilakukan oleh kalangan tertentu sahaja, belum merata untuk diguna pakai oleh semua orang.

Kegiatan *takhrij* ini berbeza dengan ilmu cara mentakhrij hadis itu sendiri. *Takhrij* dalam erti secara ilmiah mempunyai kaedah, asas, dan jalan sendiri yang mesti dilalui oleh ilmu ini. Pertama sekali diperkenalkan oleh (1) Dr. Mahmud al-Tahhan dalam kitab *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid* yang diikuti oleh (2) Dr. ᶜAbd al-Muhdi bin ᶜAbd al-Qadir dalam kitab *Turuq Takhrij al-Ḥadīth*, tak lama setelah itu lahirlah (3) Dr. ᶜAbd al-Mawjud Muhammad ᶜAbd al-Latif dengan kitabnya *Kashf al-Litham ᶜan Asrar Takhrij Hadith Sayyid al-Anam*, kemudian disusul pula oleh (4) Muhammad ᶜUthman al-Khasht menulis kitab *Mafatih ᶜUlum al-Hadith wa Turuq Takhrijih,* kemudian muncul (5) Dr. Abi Bakr ᶜAbd al-Samad bin Bakr bin Ibrahim ᶜAbid dengan kitabnya *al-Madkhal ila Takhrij al-Ahadith wa al-Athar wa al-Hukm ᶜalayha*, setelah itu muncul (6) Sheikh Bakr bin ᶜAbdillah Abu Zayd dalam kitabnya *"al-Ta'sil li Usul al-Takhrij wa Qawaᶜid al-Jarh wa al-Taᶜdil*, setelah itu (7) Dr. Walid Hasan al-Amani menulis kitab *Manhaj Dirasat al-Asanid wa al-Hukm alayha* dan (8) Dr. Muhammad Abu al-Layth dalam kitabnya *Takhrij al-Hadith Nash'atuh wa Mamanhajiyyatuh*.

Setelah metodologi *takhrij* ini menjadi sebuah ilmu yang mapan dan diakui dalam dunia ilmiah, dalam masa sama meluasnya penggunaan komputer, alat super canggih ini pun mulai memasuki dunia Islam dan ianya menjadi rapat dengan keseharian umat Islam, maka timbullah idea untuk mencipta program dalam kajian keIslaman, termasuklah program hadis secara berkomputer yang dilengkapi dengan *pentakhrijan* hadis yang ada dalam di dalamnya antaranya:

Pertama: Program Hadis Berkomputer ke atas Kitab tertentu

a. *Al-Muassasah al-ᶜAlamiyah* di Kuwait bekerjasama dengan syarikat al-Sakhar, telah menghasilkan program hadis berkoputer menggunakan CD-Room yang memuat kitab hadis yang sembilan, iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri* dan *Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah,* dan *Sunan al-Darimi, Muwatta Malik,* serta *Musnad Ahmad bin Hanbal*, dengan menggunakan *al-Muᶜjam al-Mufahras* sebagai proses pencarian hadisnya menerusi CD tersebut dengan empat kaedah *takhrij* yang disebut oleh Abu al-Layth atau yang seumpamanya.
b. Kaedah *maklumat hadith-hadith Nabawi al-sharif* (*Al-Ḥadith* Database). Program ini diasaskan oleh Pusat Komputer al-Islami di Lundon dan ia ditubuhkan pada tahun 1983 manakala program ini beredar pada tahun 1986. Ia memauat *al-Kutub al-Sittah* ditambah dengan *Muwatta*' *Malik* dengan ditolak hadis yang terulang-ulang. Menerusi program ini boleh dicari hadis melalui lafaz atau *jumlah* (ayat) daripada hadis berkenaan.
c. *Mashruᶜ Salsabil li khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyah* oleh Syarikat Salsabila Komputer di Mesir yang dimulai tahun 1989 M. dan menyelesaikan program ke atas *Ṣaḥīḥ al-Bukhari* bernombor oleh Ustadh Muḥammad Fu'ad ᶜAbd al-Baqi termasuk *Fath al-Bari*. Program ini menyediakan pencarian melalui empat pertama kaedah *takhrij* bahagian pertama menerusi *sanad* pertama, dan dengan nombor.

Kedua: Program Hadis Berkomputer ke atas Kitab yang Tidak Terhad

a. Program *al-Mawsuᶜah al-Dhahabiyah li al-Hadith al-Nabawi wa ᶜUlumih* dihasilkan oleh pusat *al-Turath*, Jordan dalam satu CD-Room. Ia merupakan ensiklopedia hadis pertama yang memuat 128 buah kitab dan dua di antaranya adalah al-Quran dan *tafsir*, bakinya adalah kitab hadis, *sharh*, *takhrij* dan *rijal*, bahkan pelbagai subbidang tersebut merangkumi 400 jilid.
b. Program *Markaz Khidmah al-Sunnah*: Dr. Muhammad Mustafa al-Aᶜzami yang mulai membuat program ini pada tahun 1978 dan pada tahun 1989 berhasil memasukkan sebahagian besar kitab hadis dan kitab *rijal*.
c. Program *Mawsuᶜah al-Hadith al-Nabawi* yang diasaskan oleh Dr. ᶜAbd al-Malik Bakr ᶜAbdullah Qadi, dimana pemikiran

beliau sudah muncul pada tahun 1979. Beliau berazam untuk mengumpulkan hadis Nabi berserta *sanad* dalam satu kitab, mengikut tajuk feqah, sehinggalah terkumpul dalam tiga kumpulan yang tersusun mengikut bab dan tajuk.

d. Program *Mawsu^{c}ah al-Sunnah al-Nabawiyah wa Rijal al-Ḥadith* yang diasaskan oleh kumpulan pengkaji dan penyelidik keislaman di Jordan sehinggalah berjaya menghasilkan dua *mawsu^{c}ah,* iaitu *mawsu^{c}ah al-ḥadīth* dan *mawsu^{c}ah al-rijal wa ^{c}ulum al-ḥadīth*.

e. Program *al-Mu^{c}allimah al-Hadithiyah al-Kubra* oleh Syarikat *al-Risalah* di Jordan, Ianya diketuai oleh Ustaz Shu^{c}ayb al-Arna'ut. Mereka berjaya mengemaskan semua kitab hadis yang ber*sanad* yang disebut melebihi 400 jilid yang dibukukan oleh *muhaddithun* yang *thiqah* pada awal kurun kelima Hijrah.

f. Program *Mawsu^{c}ah al-Hadith al-Nabawi*, dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan Sunnah dan Sejarah di Universiti Qatar ekoran Muktamar Dunia yang ketiga tentang Sunnah Nabi melanjutkan idea yang dibangkitkan oleh Direkturnya Dr. Yusuf al-Qardawi. Ia mencuba mengumpulkan hadis *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* sahaja. Manakala, yang *mawdu^{c}* dibuat dalam bahagian yang tersendiri.

g. Program *Mawsu^{c}ah Jami^{c}ah li al-Sunnah al-Nabawiyah al-Mutahharah*, dilaksanakan oleh Muassasah *"Iqra"* di Mesir. Ia ditubuhkan pada tahun 1988 yang dibahagikan kepada: *mawsu^{c}ah ḥadithiyah, jami^{c}ah li ruwat al-ḥadith li mustalah al-hadith* dan lain-lain.

h. Program *al-Maktabah al-Alfiyah li al-Sunnah al-Nabawiyyah,* dihasilkan pada tahun 1996 oleh syarikat Ariss Computer di Bayrut yang bekerjasama dengan syarikat Anzimat al-Hawasibi di Riyad kemudian dikeluarkan semula oleh syarikat al-Turath, Jordan. Program ini bukanlah program khusus untuk proses carian hadis dan kajian *sanad* dan perawi, bahkan ia hanyalah 'stor' maklumat atau '*maktabah*' sahaja.

i. Program *al-Shamilah,* program yang sememangnya mengandungi banyak kitab dan banyak cabang ilmu Islam, tidak hanya kitab hadis serta *sharah*nya, kitab *takhrij*nya dan lain-lain dalam kajian hadis, juga kitab tafsir serta *^{c}ulum al-Qur'an*nya, kitab fiqh sehinggalah kitab Tasawuf seumpama kitab *Ihya' ^{c}ulum al-Din* dan lain-lain.

j. Program *Maktab al-Kutub,* ia merupakan program terkini yang tidak hanya program *takhrij* dengan menyebutkan kitab *turath* berserta *sharh*nya, juga memuatkan kitab-kitab berkenaan secara lengkap mengikut asalnya. Sehinggalah dapat diketahui dan dibaca secara terus ke dalam kitab yang berkenaan tanpa pergi ke perpustakaan.

Kitab *Takhrij*

Sebenarnya telah dipaparkan sedikit contoh kitab *takhrij*, namun ianya berkaitan dengan sejarah dan perkembangan *takhrij* itu sendiri dan pembahagiannya pun mengikut organisasi sejarah. Adapun contoh berikut adalah mengikut kajian fokus yang dilakukan oleh para *pentakhrij*.

1. *Takhrij al-Hadith* terhadap satu kitab tertentu antaranya:
   a. *Takhrij Aḥadith al-Umm li al-Imam al-Shafiᶜi* oleh Imam al-Bayhaqi(al-Marᶜishli:t.th)
   b. *Takhrij Ahadith al-Muhadhdhab li Abi Ishaq al-Shahrazi* oleh Muhammad bin Musa al-Hazimi (w. 584 H.).
   c. *Takhrij Ahadith al-Mukhtasar al-Kabir li Ibn Hajib* oleh Ibn ᶜAbd al-Hadi al-Maqdisi (w. 744H)
   d. *Takhrij Ahadith al-Kashshaf li al-Zamakhshari,* oleh al-Hafiz ᶜAbdullah bin Yusuf al-Zaylaᶜi (w. 762 H.).
   e. *Al-Badr al-Munir fi Takhrij al-Ahadith wa al-Athar al-Waqiᶜah fi al-Sharh al-Kabir li al-Rafiᶜ* oleh al-Hafiz ᶜUmar bin ᶜAli Ibn Mulaqqin (w. 804 H.).
   f. *al-Mughni ᶜan haml al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar li al-Imam al-Ghazali* oleh al-Hafiz ᶜAbd al-Rahim bin Husayn al-ᶜIraqi (w. 806 H).
   g. *Takhrij Ahadith al-lati yushir ilayha al-Turmudhi fi Kulli bab,* oleh al-Hafiz ᶜAbd al-Rahim al-ᶜIraqi (806 H.).
   h. *Takhrij Ahadith Arbaᶜin al-Nawawi* oleh al-Hafiz Ibn Hajar dan juga oleh al-Hafiz al-Sakhawi (852 H.).
   i. *Nata'ij al-Afkar fi Ahadith al-Adhkar li al-Nawawi* oleh Ibn Hajar.
   j. *al-Talkhis al-Khabir fi Takhrij Ahadith Sharh al-Wajiz al-Kabir li al-Rafiᶜ,* juga oleh Ibn Hajar.
   k. *Hidayat al-Ruwah fi Takhrij Ahadith al-Masabih wa al-Mishkat (al-Masabih li al-Baghawi* dan *al-Mishkat li al-Khatib al-Tabrizi*)

oleh Ibn Hajar.

l. *Tuḥfat al-Rawi fi Takhrij Ahadith al-Baydawi (Tafsir al-Baydawi)* oleh al-Hafiz ᶜAbd al-Ra'uf al-Manawi (1031 H.).

m. *Ghayat al-Maram fi Takhrij Ahadith al-Halal wa al-Haram li Yusuf al-Qardawi* oleh Nasir al-Din al-Albani.

2. *Takhrij al-Hadith* mengenai satu perkara tertentu
   a. Ahadith dham al-Ghina' fi al-Midhan oleh ᶜAbdullahYusuf al-Hadi
   b. *Dala'il al-Tahqiq fi ibtal Qissah al-Gharaniq* oleh ᶜAli bin Hasan al-Halabi.
   c. *Al-Tanqih li ma ja'a fi salat al-Tasbih* oleh Jasim Sulaiman al-Fuhaydi.

3. *Takhrij al-Hadith* mengenai hadis-hadis tertentu
   a. Al-Istiᶜadhah wa al-Hasbalah min man sahhaha Hadith al-Basmalah oleh Ahmad bin Muhammad al-Siddiq al-Ghummari.
   b. *Al-Isabah fi Sihhat Ḥadith al-Dhubabah* oleh Khalil Ibrahim Mulla Khatir.
   c. *Athar al-Burhan fi ᶜala Duᶜfi Hadith Istaᶜinu ᶜala Injah al-Hawa'ij bi al-Kitman* oleh Abu Lu'ay Khalid Ahmad al-Mu'adhdhin.

4. *Takhrij* dan *Tahqiq* al-Hadith

Pada tahun kebelakangan ini, *pentakhrijan* terhadap kitab *turath* pada umumnya tidak lagi rancak dilakukan sebagaimana yang telah dilakukakan oleh para ulama terdahulu, namun demikian *pentakhrijan* kitab itu masih lagi ada dilakukan dengan *pentahqiqan* sekali, bahkan hampir semua kitab *turath* sudah *ditahqiq* oleh para ulama, terutamanya kitab yang banyak mengandungi hadis, selain mentakhrij mereka juga men*tahqiq* hadisyang terdapat dalam kitab berkenaan antaranya:

a. *Jamiᶜ al-Usul li Ibn al-Athir* yang di*tahqiq* oleh al-Sheikh ᶜAbd al-Qadir al-Arna'ut.
b. *Al-Rihlah fi Talab al-Ḥadith li al-Khatib al-Baghdadi* yang di*tahqiq* oleh Dr. Nur al-Din ᶜItr.
c. *Al-Ihsan fi Taqrib Ṣaḥīḥ Ibn Hibban* yang di*tahqiq* oleh Shuᶜayb al-Arna'ut.
d. *Musnad Abu Yaᶜla al-Musili* yang di*tahqiq* oleh Husayn Salim Asad.

e. *Al-Qawl al-Badi*^{c} *fi al-Salat* ^{c}*ala al-Habib al-Shafi*^{c} *li al-Sakhawi* yang di*tahqiq* oleh Bashir Muhammad ^{c}Uyun.

Kaedah *Takhrij al-Hadith*

Kegiatan *takhrij al-hadith* kepada sumber asalnya tidaklah semudah sepertimana penelusuran ayat al-Quran. Pencarian terhadap ayat al-Quran cukup diperlukan sebuah kitab kamus al-Quran sahaja, misalnya *al-Mu*^{c}*jam Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim,* sedangkan penelusuran terhadap hadis Nabi tidaklah mencukupi hanya dengan sebuah kamus sahaja, kerana hadis Nabi terhimpun dan ditulis dalam banyak kitab dengan kaedah penyusunan yang pelbagai. Untuk itu, ulama telah menyusun kitab kamus dengan cara yang beragam pula.

Umpamanya, M. Syuhudi Ismail menyatakan bahawa kaedah *takhrij* yang umum digunakan terutamanya bagi pengkaji hadis ada dua, iaitu pertama*, takhrij al-hadith bi al-laf*z, iaitu usaha pencarian hadis dalam kitab hadis dengan cara menelusuri *matan* hadis berdasarkan lafaz daripada hadis berkenaan; kedua*, takhrij al-hadith bi al-mawdu*^{c}, yakni upaya pencarian hadis dalam kitab hadis berdasarkan topik atau tajuk masalah yang diperbahaskan dalam sejumlah *matan* hadis.

Abu al-Layth, menyimpulkan bahawa kaedah *takhrij* ada enam, iaitu *pertama,* melakukan *takhrij* melalui kata-kata yang *gharib* dan penting dalam sesebuah hadis, *kedua*, melalui awal *matan* hadis berkenaan, *ketiga*, melalui *rawi* yang paling atas daripada hadis tersebut, *keempat*, melalui tajuk hadis, *kelima*, melalui sifat yang ada pada *sanad* atau *matan* sama ada nampak mahupun tersembunyi dan *keenam*, melalui kajian yang mendalam terhadap hadis berkenaan.

Manakala ^{c}Abd al-Muhdi dan al-Tahhan mengemukakan kaedah *takhrij* hadis ini ada lima cara, iaitu: pertama*, takhrij* menerusi lafaz pertama daripada *matan* hadis berkenaan; kedua*, takhrij* menerusi lafaz daripada *matan* hadis; ketiga*, takhrij* menerusi periwayat pertamanya; keempat*, takhrij* menerusi (memperhatikan) tajuk hadis; dan kelima*, takhrij* menerusi status hadis tersebut.

Daripada pandangan beberapa ulama tersebut, dapat digambarakan bahawa mereka semua memuat *takhrij al-hadith bi al-laf*z dan *takhrij al-hadith bi al-mawdu*^{c}, yang diambil intisarinya oleh Syuhudi, manakala Abu al-Layth menambahkan kaedah, iaitu kajian mendalam terhadap hadis berkenaan, manakala kaedah yang lain sama dengan pandangan

^{c}Abd al-Muhdi dan Mahmud al-Tahhan, kerana pada asasnya baik Syuhudi mahupun Abu al-Layth kedua-duanya merujuk kepada Mahmud al-Tahhan. Dan Majoriti ulama mengakui bahawa kaedah *takhrij* menerusi *al-Mu^{c}jam al-Mufahras li Alfaz al-Ahadith al-Nabawi* adalah lebih mudah dan praktikal daripada metode *takhrij* lainnya, kerana dengan hanya mengetahui salah satu kalimat daripada *matan* hadis yang diinginkan, sudah boleh mentakhrij hadis berkenaan kepada kitab asalnya, khasnya sembilan kitab hadis (*kutub al-tis^{c}ah*) dan juga boleh dengan menggunakan program hadis berkomputer.

Kajian ini pun lebih banyak menggunakan metode *takhrij al-ḥadith bi al-lafz* (*bi al-kalimah*) sama ada secara manual; menerusi kitab *al-Mu^{c}jam al-Mufahras* dan lainnya, mahupun menggunakan program hadis berkomputer yakni program *al-Shamilah* dan lainnya, juga sekali sekala menggunakan metode *takhrij al-ḥadith bi al-mawdu^{c}*, apabila kaedah pertama tidak dapat mengesan sesebuah hadis yang diingini, atau kaedah *takhrij* lain yang berkesan.

Langkah Penyelidikan *Sanad* Hadis

Untuk mendapatkan kesimpulan atau *natijah* sesebuah hadis yang terdiri daripada *sanad* dan *matan*, maka mestilah dilakukan kritik dan analisis terhadap kedua-dua segi itu. Sebahagian ulama mengatakan bahawa penyelidikan terhadap *sanad* merupakan langkah awal untuk melakukan analisis *matan*, kerana satu *matan* bagi sesebuah hadis boleh jadi tidak bercanggah dengan apa jua rujukan ajaran Islam, akan tetapi boleh jadi ianya bukan daripada Nabi SAW atau bukan hadis, oleh itu buku ini dimulakan dengan kritik *sanad.* Tahapan untuk kritik *sanad* ini seyogianya mengikuti laluan langkah-langkah sedia ada sebagai berikut:

Melakukan *I^{c}tibar Sanad*

Setelah kegiatan *takhrij al-ḥadith* dilakukan, langkah selanjutnya adalah melakukan kegiatan *al-i^{c}tibar*. Kata *al-i^{c}tibar* merupakan bentuk *masdar* daripada kata *i^{c}tabara* yang mengikut Ibn Faris (w. 395 H) dalam bukunya *Mu^{c}jam Maqayis al-Lughah* bahawa kata itu terdiri daripada huruf *ayn, ba' dan ra'* (عبر) yang menunjukkan erti:

"النُّفُوْذُ وَالْمُضِيُّ فِى الشَّيْئِ"

Menembusi dan melewati sesuatu.

Mahmud al-Tahhan mengemukakan, secara bahasa *al-i^c^tibar* bererti:

النَّظْرُ فِى الشَّيْءِ لِيُعْرَفَ بِهَا شَيْئٌ آخَرَ مِنْ جِنْسِهَا

Memperhatikan sesuatu untuk mengetahui sesuatu yang lain yang sejenis dengannya.

Manakala secara istilah, *al-i^c^tibar* bererti :

تَـتَبُّعُ طُرُقِ حَدِيْثٍ إِنْفَرَدَ بِرِوَايَتِهِ رَاوٍ لِيُعْرَفَ هَلْ شَارَكَهُ فِى رِوَايَتِهِ أَوْ لاَ

Menelusuri jalur-jalur sanad yang lain untuk suatu hadis tertentu yang pada bahagian sanad terdapat seorang periwayat sahaja untuk mengetahui apakah ada periwayat yang lain atau tidak ada (untuk bahagian sanad dimaksud).

Dengan kata lain menyertakan *sanad-sanad* yang lain untuk satu hadis tertentu, iaitu dengan melakukan *i^c^tibar* ini akan dapat dilihat dan dikenal pasti periwayatan lain untuk bahagian *sanad* daripada hadis yang dikaji. Dengan demikian maka akan terlihat dengan jelas seluruh jalur *sanad* hadis yang diselidiki, termasuklah nama periwayatnya dan metode periwayatan yang mereka guna pakai daripada perawi pertama (sahabat) sehingga perawi terakhir (*mukharrij*) bagi periwayatan hadis tersebut.

Berdasarkan kepada *ta^c^rif al-i^c^tibar* di atas dapat dipahamkan akan manafaat dilakukannya *i^c^tibar sanad* ini adalah untuk mengetahui keadaan *sanad* hadis satu persatu sehingga keseluruhannya daripada sebuah hadis, untuk dilihat ada atau tidak adanya penyokong dari segi *sanad* berupa periwayat yang berstatus *mutabi^c^* ataupun *shahid*. Dan *al-i^c^tibar* ini mesti dilakukan dan dijalani sama ada dituliskan dalam sesebuah naskhah ataupun tidak. Sebagai contoh untuk kagiatan *i^c^tibar sanad* dan *matan* ini dikemukakan hadis yang ke 160 (12), pada bab ketiga pasal ketiga daripada kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani, iaitu:

الْحَيَاءُ مِنْ ٱلْإِيمَانِ

Setelah dilakukan *takhrij* dapat digambarkan bahawa ianya diriwayatkan oleh hampir semua *ashab kutub al-sittah* kecuali al-Nasa'i,

juga diriwayatkan oleh imam Malik dalam kitabnya *Muwatta'*. Hadis ini bersumber daripada ᶜAbdullah bin ᶜUmar dan Abu Hurayrah, Imam al-Turmudhi menambahkan juga daripada Abi Bakrah dan Abi Umamah, dan ianya dapat diertikan bahawa hadis ini mempunyai *shahid* dan *mutabiᶜ*. Adapun *matan* hadis ini pula sebenarnya tidak hanya sependek itu, namun intinya seluruh periwayatannya menyebut *matan* tersebut dan oleh itu tidak ada *shak* bahawa ianya benar-benar daripada Nabi Muhammad SAW bahkan mengikut Imam Abu ᶜIsa al-Tirmidhi, kedua-dua jalur periwayatan (*sanad* Abu Hurayrah dan Ibnu ᶜUmar) adalah berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ.*

Lakaran Gambar Rajah *Sanad*

Untuk memperjelas dan mempermudah proses kegiatan *al-Iᶜtibar*, maka diperlukan lakaran gambar rajah seluruh *sanad* hadis yang diteliti, dan dalam melakarnya ada tiga hal penting yang mesti diambil perhatian, iaitu:

1. Jalur seluruh *sanad*,
2. Nama periwayat, dan
3. Metode (*sighat*) periwayatan yang digunakan oleh masing-masing periwayat.

Dalam menghubungkan jalur *sanad*, garisnya mesti jelas agar dapat dibezakan antara satu jalur *sanad* dengan jalur yang lain, apalagi kalau hadis yang diselidiki itu memiliki *sanad* dan jalur yang cukup banyak. Penempatan nama periwayat dalam gambar rajah *sanad* juga mesti dilakukan dengan teliti, agar tidak berlaku kecelaruan ketika masuk kepada kitab *rijal al-hadith*. Mungkin ada nama yang ditulis berbeza untuk *sanad* yang berbeza padahal peribadi periwayatnya sama. Demikian pula boleh sebaliknya nama periwayat memiliki kesamaan padahal untuk orang yang berlainan.

Lakaran gambar rajah *sanad* ini memuat seluruh nama *rawi*, mulai dari periwayat pertama, yakni sahabat Nabi yang menerima dan meriwayat hadis berkenaan, sehinggalah *mukharrij*nya, seperti al-Bukhari atau Muslim dan lain-lain. Adapun dalam penulisan label (*sighat al-riwayah*) yang digunakan masing-masing periwayat, mestilah sesuai dengan yang termaktub dalam *sanad*, kerana ianya merupakan petunjuk bagi pengkaji tentang kaedah atau cara periwayatan yang telah dilalui oleh periwayat hadis berkenaan.

Lakaran ini tidaklah semestinya selalu dimasukkan ke dalam sesebuah tulisan, akan tetapi kegiatannya mesti dijalankan kerana untuk mengenal pasti atau memastikan persambungan *sanad*, sama ada pertemuan guru dan murid itu dikelai dengan menerusi kenayataan berguru dan mempunyai murid ataupun menerusi tarikh lahir murid dan wafatnya guru tersebut. Dan lakaran ini sangat diperlukan dalam kajian hadis, apabila hadis yang dikaji tidak diriwayatkan oleh dua imam hadis (al-Bukhari dan Muslim) atau salah seorang daripada mereka, dan atau nilai hadis (darjat) nya belum disepakati, sama ada *ṣaḥīḥ, ḥasan, daᶜīf, mawduᶜ* ataupun lainnya. Sebagai contoh kepada lakaran gambar rajah ini, dikemukakan satu hadis yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* hlm. 146 bab ke-4, sebagai berikut:

Shakhsiyah Periwayat serta Metode Periwayatannya

Pada sub buku ini akan dipaparkan perkara yang berkenaan dengan sanad dan *matan*: pertama, kaedah *keṣaḥīḥan* sanad sebagai acuan; kedua, sisi keperibadian periwayat; ketiga, sekitar *al-jarh wa al-taᶜdil*; keempat, segi persambungan *sanad* yang diselidiki; dan kelima menyelidiki *shudhudh* dan *ᶜillah* pada *sanad* dan *matan*.

1. Kaedah *Keṣaḥīḥan Sanad* Sebagai Acuan

Untuk menyelidiki sebuah hadis, diperlukan satu acuan yang jelas. Dalam hal ini yang diguna pakai adalah kaedah *keṣaḥīḥan* hadis apabila hadis yang diselidiki tergolong hadis *ahad* atau bukanlah tergolong hadis *mutawatir*. Kaedah *keṣaḥīḥan* hadis yang telah dirumuskan oleh ulama dan berlaku sehingga ke hari ini, sebenarnya telah muncul benihnya sajak zaman Nabi SAW dan sahabat beliau. Bahkan Imam al-Shafiᶜi, al-Bukhari, Muslim dan lainnya telah pun menyemaikan benih kaedah itu dan menggunapakainya terhadap hadis yang mereka teliti dan mereka riwayatkan.

Hal ini membuktikan bahawa kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis memiliki tingkat kebenaran yang cukup tinggi sebagai acuan untuk menyelidiki *keṣaḥīḥan sanad* hadis, bahkan dalam beberapa keadaan, kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis nampak lebih kritis dan hati-hati daripada kaedah kritik *eksternal* dalam ilmu sejarah. Oleh itu, apabila kritik *eksternal* dalam ilmu sejarah dapat diiktiraf sebagai metode yang ilmiah, maka tentulah

sepatutnya pula kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis ini dapat diakui sebagai satu metode ilmiah. Dalam batas-batas tertentu, kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis dapat diguna pakai sebagai metode untuk penyelidikan sumber sejarah, sebaliknya dalam hadtertentu pula, kritik eksternal sejarah dapat diguna pakai sebagai cara penyelidikan *sanad* hadis.

Dengan demikian, kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis atau kritik eksternal ilmu sejarah telah memiliki kriteria sebagai suatu kaedah yang bersifat ilmiah untuk menilai suatu informasi, atau berita, atau fakta, khasnya yang berkenaan dengan informasi daripada Rasulullah SAW. Adapun rumusan kaedah *keṣaḥīḥan* hadis, antara lain dikemukan oleh Abu ᶜAmr Uthman bin ᶜAbd al-Rahman bin al-Salah al-Shahrazuri, yang dikenali dengan nama Ibn al-Salah (w. 577H/1245M) adalah sebagai berikut:

أَمَّا الْحَدِيْثُ الصَّحِيْحُ فَهُوَ الْحَدِيْثُ الْمُسْنَدُ الَّذِيْ يَتَّصِلُ إِسْنَادُهُ بِنَقْلِ الْعَدْلِ الضَّابِطِ إِلَى مُنْتَهَاهُ وَلاَ يَكُوْنُ شَاذًا وَلاَ مُعَلَّلاً

Adapun hadis *ṣaḥīḥ* adalah hadis yang bersambung sanad (sampai kepada Nabi SAW), diriwayatkan oleh (periwayat) yang ᶜadil dan dabit sampai akhir sanad, tidak mengandungi kejanggalan (shudhudh) dan cacat (ᶜillah).

Sedangkan mengikut Muhyi al-Din Abu Zakaria bin Sharaf al-Nawawi yang dikenali dengan nama al-Nawawi (w. 676 H,/1277 M.) adalah sebagai berikut:

مَا اتَّصَلَ سَنَدُهُ بَالْعُدُوْلِ الضَّابِطِيْنَ مِنْ غَيْرِ شُذُوْذٍ وَلاَ عِلَّةٍ.

Maksudnya:
Hadis *ṣaḥīḥ* ialah) hadis yang bersambung sanad, (diriwayatkan oleh orang-orang yang) adil dan dabit, serta tidak mengandungi kejanggalan (shudhudh) dan cacat (ᶜillah).

Berdasarkan pengertian tersebut, maka unsur-unsur kaedah *keṣaḥīḥan* hadis ada tiga hal penting, yakni:

1. *Sanad* hadis yang berkenaan harus bersambung, mulai daripada *mukharrij*nya sampai kepada Nabi SAW;
2. Seluruh periwayat dalam hadis itu mesti *ᶜadil* dan *dabit*;
3. Hadis itu (*sanad* dan *matan*) harus terhindar daripada kejanggalan (*shudhudh*) dan cacat (*ᶜillah*).

Bahkan, ketiga hal itu dapat dihuraikan menjadi tujuh butir, yakni lima butir yang berhubung kait dengan *sanad* dan dua butir berhubung kait dengan *matan*, yakni:

a. Yang berhubung kait dengan *sanad* adalah i) *sanad* bersambung; b) periwayat bersifat *ᶜadil*; c) periwayat bersifat *dabit*; d) terhidar daripada kejanggalan (*shudhudh*) dan e) terhindar daripada cacat (*ᶜillah*).
b. Yang berhubung kait dengan *matan* adalah a) terhidar daripada kejanggalan (*shudhudh*) dan b) terhindar daripada cacat (*ᶜillah*).

Dengan berpandukan kepada unsur-unsur kaedah *keṣaḥīḥan* hadis tersebut, maka ulama hadis menilai bahawa hadis yang memenuhi semua unsur itu dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sementara yang tidak terpenuhi semua syarat *keṣaḥīḥan* hadis tersebut maka tidaklah dapat dikatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*. Dalam kaitannya dengan penyelidikan *sanad*, maka acuan yang digunakan tentulah unsur kaedah *keṣaḥīḥan* hadis yang berhubung kait dengan *sanad*. Unsur itu, ada yang berhubung kait dengan rangkaian atau persambungan *sanad* dan ada juga yang berhubung kait dengan keadaan peribadi para periwayat hadis berkenaan.

Adapun unsur kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis ini dapat dibahagikan kepada unsur kaedah mayor dan unsur kaedah minor. Unsur kaedah mayor *keṣaḥīḥan sanad* hadis adalah (1) *sanad* bersambung; (2) periwayatnya bersifat *ᶜadil*; dan (3) periwayatnya bersifat *dabit* atau *tamm al-dabt*. Manakala, unsur kaedah minornya adalah:

a. Unsur kaedah minor *sanad* bersambung adalah a) *muttasil* dan b) *marfuᶜ*, c) *mahfuz* dan d) bukan *muᶜallal*.
b. Unsur kaedah minor periwayatnya bersifat *ᶜadil* adalah a) beragama Islam; b) *mukallaf* (*balig* dan berakal); c) melaksanakan ketentuan agama Islam; dan d) memelihara *muru'ah*.
c. Unsur kaedah minor periwayatnya bersifat *dabit* atau *tamm al-dabt* adalah a) hafal dengan baik hadis yang diriwayatkannya; b) mampu dengan baik menyampaikan hadis yang dihafalnya kepada orang lain; c) terhindar daripada *shudhudh*; dan d) terhindar dari *ᶜillah*.

Sedangkan unsur terhindarnya daripada *shudhudh* dan *ᶜillah* dapat terpenuhi apabila unsur *sanad* bersambung atau unsur periwayatnya bersifat *dabit* benar-benar terpenuhi. Kewujudan unsur terhindar daripada *shudhudh* dan *ᶜillah* dalam konteks definisi hadis *ṣaḥīḥ* bersifat metodologis dan penekanan akan kewujudan *sanad* bersambung ataupun periwayat bersifat *dabit* atau *tamm al-dabt*.

2. Sisi-sisi Kepribadian Periwayat yang Diteliti

Mengikut pendapat ulama hadis, ada dua perkara penting yang mesti diselidiki pada diri periwayat hadis untuk dapat dipastikan sama ada hadis yang dikemukakannya dapat diterima sebagai hujah atau pun ditolak. Kedua perkara dimaksud adalah ke*adilan*nya yang berhubung kait dengan kualiti peribadi dan *kedabitan* yang berhubung kait dengan kapasiti intelektual. Kedua-dua sifat tersebut memiliki kriteria masing-masing yang disebut sebagai unsur kaedah minor, penjelasannya adalah sebagai berikut:

a. Kualiti atau keadilan Periwayat

Kata "adil" dalam bahasa Melayu diertikan sebagai a) menyebelahi pihak yang benar; b) meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul; c) menepati hak seseorang atau sesuatu; d) tidak berat sebelah. Kata "*ᶜadil*" itu sendiri berasal dari bahasa Arab: *al-ᶜadl*, bentuk *masdar* dari kata kerja *ᶜadala*, berakar kata daripada huruf *ᶜayn, dal,* dan *lam*, memiliki dua makna denotative; antara yang satu dengan yang lainnya saling bertentangan, yakni a) *al-iṡtiwa'* yang bererti "persamaan", makna ini berkembang menjadi beberapa erti, antara lain "lurus, "tidak berat sebelah", dan "sama rata"; b) *al-iᶜwijaj* yang bererti "menyimpang" dan daripada makna ini berkembang menjadi, antara lain "zalim", "aniaya", dan "berpaling".

Sedikitnya ada 15 kriteria "*adil*" yang dikemukakan oleh para ulama, iaitu (1) beragama Islam, (2) baligh, (3) berakal, (4) taqwa, (5) memelihara *muru'ah*, (6) tetap dalam beragama, (7) tidak berbuat dosa besar, (8) menjauhi dosa kecil, (9) tidak berbuat bidaᶜah (10) tidak maksiat (11) tidak fasik, (12) menjauhi perkara yang dibolehkan, tetapi dapat merusak *muru'ah*, (13) baik akhlaknya, (14) dapat dipercayai beritanya dan (15) kebiasaannya benar.

Daripada kelima belas kriteria yang dikemukakan ulama tersebut, dapat disimpulkan menjadi empat kriteria atau empat unsur minor bagi periwayat bersifat adil, iaitu (1) beragama Islam; (2) *mukallaf*; (3) melaksanakan ketentuan agama; dan (4) memelihara *muru'ah* (maruah). Kerana ke 15 kriteria di atas pada asasnya sama, hanya berbeza iṡtilah sahaja, dengan demikian menjadi lebih mudah dipahami dan praktikal untuk menetapkan seorang keadilan seorang periwayat.

b. Kapasiti intelektual atau ke-*dabit*-an periwayat

Periwayat yang intelektualnya memenuhi syarat *ṣaḥīḥ*nya *sanad* hadis, disebut periwayat yang *dabit*. Secara *harfiah* kata *ḍabit* memiliki beberapa erti, yakni "yang kokoh", yang kuat", "yang tepat", dan "yang hafal dengan sempurna". Manakala, dari segi istilah, ulama berbeza pendapat: Mengikut Ibn Hajar dan al-Sakhawi, orang *ḍabit* adalah orang yang kuat hafalannya tentang yang telah ia dengar dan berupaya untuk menyampaikan semula hafalannya itu bila-bila masa yang diingini. Manakala, sebahagian ulama yang lain menyatakan bahawa orang *dabit* adalah orang yang mendengar percakapan sebagaimana adanya; ia memahami erti percakapan itu secara benar; kemudian menghafalnya dengan sungguh-sungguh dan berjaya dengan sempurna, sehingga dia mampu menyampaikan hafalannya itu kepada orang lain dengan baik.

Daripada paparan para ulama tersebut dapatlah disimpulkan tentang unsur daripada sifat *ḍabit* seseorang *rawi* adalah a) Periwayat itu memahami dengan baik riwayat yang telah didengarnya (diterimanya); b) hafal dengan baik riwayat yang telah didengar atau diterimanya; c) mampu menyampaikan riwayat yang telah dihafalnya itu dengan baik bila-bila masa yang ia kehendaki.

Kalangan ulama berpendapat pula bahawa untuk menetapkan *Keḍabitan* periwayat dapat dinyatakan sebagai berikut :

i. *Keḍabitan* periwayat dapat diketahui berasas kepada kesaksian ulama.
ii. *Keḍabitan* periwayat dapat pula diketahui menerusi kesesuaian riwayatnya dengan riwayat yang disampaikan oleh periwayat lain yang terkenal *kedabitan*nya.
iii. Apabila seorang periwayat sekali-sekala mengalami kesilapan, maka dia masih dapat dinyatakan sebagai periwayat yang *ḍabit*. Akan tetapi apabila kesilapan itu sering berlaku, maka periwayat berkenaan tidak dapat disebut sebagai periwayat yang *ḍabit*.

Perilaku atau keadaan yang dapat merusakkan *keḍabitan* periwayat, sebagaimana disebut oleh al-ᶜAsqalani dan ᶜAli al-Qari (w. 1014 H), ada lima perkara, yakni (1) dalam meriwayat hadis, lebih banyak silapnya daripada benarnya; (2) lebih ketara sifat

lupanya daripada hafalnya (*al-ghaflah* ^{c}*an al-itqan*); (3) riwayat yang disampaikan dishaki mengandungi kekeliruan (*al-wahm*); (4) riwayatnya bertentangan dengan riwayat yang disampaikan oleh orang-orang yang *thiqah* (*mukhalafah* ^{c}*an al-thiqah*); dan (5) buruk hafalannya.

Dengan demikian yang menjadi asas penetapan ke-*dabit*-an periwayat secara implisit adalah hafalannya bukan tingkat kefahaman periwayat tersebut terhadap hadis yang diriwayatkan. Namun demikian, periwayat yang faham, hafal dan mampu menyampaikan hadis yang diriwayatkannya itu kepada orang lain bagaimanapun adalah lebih tinggi kedudukannya daripada periwayat yang hanya hafal dan mampu menyampaikan hadis yang diriwayatkannya itu kepada orang lain. Hal ini dinyatakan oleh Abu Zahrah bahawa periwayat yang faham dan hafal dinilai lebih kuat (*rajih*) daripada periwayat yang sekadar hafal sahaja.

c. Sekitar *al-Jarh wa al-Ta*^{c}*dil*

Al-Quran sememangnya mengajar agar seseorang tidak mencela orang lain. Akan tetapi, untuk kepentingan penyelidikan hadis, keburukan atau kekurangan periwayat dalam hubungkaitnya dengan periwayatan hadis sangatlah perlu dikemukakan. Dengan demikian, peribadi periwayat tidak hanya ditumpukan terhadap hal-hal yang terpuji (*al-ta*^{c}*dil*) sahaja, tetapi hal-hal yang tercela (*al-jarh*) pun juga diselidik.

Mengikut bahasa, kata *al-Jarh* adalah bentuk *masdar* daripada kata kerja *jaraha-yajrahu-jarhan*, yang bererti "melukai", sama ada berkenaan dengan fizikal mahupun nonfizikal. Manakala, mengikut istilah ilmu hadis *al-Jarh* bererti tampak jelasnya sifat peribadi periwayat yang tidak adil, atau buruk bidang hafazannya dan kecer*matan*nya yang mana keadaan itu menyebabkan gugurnya atau lemahnya riwayat yang disampaikan oleh periwayat tersebut. Adapun kata *al-ta*^{c}*dil* secara bahasa merupakan *masdar* dari kata kerja ^{c}*addala-yu*^{c}*addilu-ta*^{c}*dilan,* mempunyai banyak erti, antara lain "keadilan", "pertengahan", "lurus", dan "condong kepada kebenaran", manakala mengikut istilah ilmu hadis, kata *al-ta*^{c}*dil* bererti mengungkapkan sifat bersih yang ada pada diri periwayat, sehingga dengan demikian tampak jelas keadilan peribadi periwayat itu dan kerananya riwayat yang disampaikannya dapat diterima.

Dari definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa *al-jarh* dan *al-ta^{c}dil* itu adalah kritik yang berisi celaan dan pujian terhadap para periwayat hadis. Pengetahuan yang membahas pelbagai hal yang berhubung kait dengan *al-jarh* dan *at-ta^{c}dil* disebut dengan *^{c}ilm al-jarh wa al-ta^{c}dil.* Pengetahuan ini mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam penyelidikan *sanad* hadis, kerana berkaitan dengan diterima atau ditolaknya suatu riwayat.

Sikap ulama pengkritik terhadap para periwayat berbeza-beza, yakni (1) ada yang "keras" (*tashaddud/mutashaddid*), "keras" dalam menilai *keṣaḥīḥan* hadis, seperti al-Nasa'i (w. 303 H/915 M) dan Ibn al-Madini (w. 234 H/849 M) atau "keras" dalam menilai kelemahan atau kepalsuan hadis; (2) ada yang "longgar" (*tasahhul*), "longgar" dalam menilai *keṣaḥīḥan* hadis, seperti al-Hakim al-Naysaburi (w. 405 H/1014 M) dan al-Suyuti (w. 911 H/1505 M) atau "longgar" dalam melemahkan suatu hadis, seperti Ibn al-Jawzi (w.597 H/1201 M); dan (3) ada yang "moderat" (*tawassut/mutawassit* atau *ta^{c}dil*), seperti al-Dhahabi (w .747 H/1348 M) yang dikenal sebagai *mutawassit* dalam menilai periwayat dan hukum hadis.

Dengan adanya perbezaan sikap para ulama kritik dalam menilai periwayat dan hukum hadis tersebut, bererti dalam penyelidikan hadis yang dinilai tidak hanya para periwayatnya sahaja, tetapi juga para pengkritiknya. Sikap mereka menjadi pertimbangan dalam menentukan isi kritik yang lebih objektif, sekiranya berlaku perbezaan dalam mengkritik. Perbezaan sikap kritikus hadis dalam menilai periwayat sangat besar kesannya dalam menentukan kualiti hadis, terutamanya terhadap hadis untuk dijadikan hujah.

Dalam kaitannya dengan keadaan para periwayat, ulama pakar hadis telah menyusun peringkat para periwayat dilihat daripada kualiti peribadi dan kapasiti intelektual mereka. Keadaan periwayat yan berbeza-beza itu dibezakan dengan lafaz tertentu, dalam istilah *ilm al-jarh wa al-ta^{c}dil* disebut *maratib alfaz al-jarh wa al-ta^{c}dil* (peringkat lafal ketercelaan dan keterpujian. *Muḥaddithin* berbeza pendapat tentang jumlah peringkat yang diguna pakai untuk *al-jarh wa al-ta^{c}dil*, sebahagian ulama membahagi menjadi empat peringkat; sebahagian yang lain menjadi lima peringkat; dan sebahagian yang lain lagi membahagi menjadi enam pringkat.

Perbezaan dalam kalangan ulama hadis tentang peringkat periwayat hadis mengenai *al-jarh wa al-ta^{c}dil*, sedikit disebabkan oleh tiga perkara, iaitu (1) kerana terdapat perbezaan pandangan

dalam penetapan bobot kualiti terhadap periwayat tertentu; (2) kerana terdapat perbezaan lafaz untuk mensifati kualiti periwayat yang sama; dan (3) kerana daripada kalangan ulama ada yang tidak konsisten dalam mensifati periwayat tertentu.

Mengikut Ibnu Hajar al-ᶜAsqalani dan al-Suyuti, ungkapan *al-jarh wa al-taᶜdil* itu, sebagai berikut:

JADUAL 2.1 Peringkat lafaz keterpujian

No.	Peringkat	Ungkapan yang diguna pakai
1	I	أوثق الناس, أثبت الناس, فوق الثقة إليه المنتهى فى التثبت, لاأثبت منه, من مثل فلان, فلان يسأل عنه
2	II	ثقة ثقة, ثبت ثبت, حجة حجة, ثبت ثقة, حافظ حجة, ثقة مأمون, ثبت حجة
3	III	ثقة, ثبت, حجة, حافظ, ضابط
4	IV	صدوق, مأمون, لا بأس به, خيار
5	V	ضالح الحديث, محله الصدق, رووا عنه, جيد الحديث, حسن الحديث, مقارب, وسط شيخو وسط, شيخ, وهم, صدوق له أوهام, صدوق يخطئ, صدوق سوء الحفظ, سيئ الحفظ, صدوق تغير بآخره, يرمى ببدع
6	VI	صدوق إن شاء الله, صويلح, أرجو أن لا بأس به, مقبول

JADUAL 2.2 Peringkat lafaz ketercelaan

No.	Peringkat	Ungkapan yang diguna pakai
1	I	أكذب الناس, أوضع الناس, ضع الكذب, ركن الكذب, ركن الكذب إليه المنتهى فى الوضع
2	II	كذاب, دجال, وضاع
3	III	متهم بالكذب, متهم بالوضع, متروك الحديث, ذاهب الحديث, هالك, ساقط, لايعتبر به, لا يعتبر حديثه, سكنوا
4	IV	ضعيف جدا, لا يساوى شيئا, مطروح بطرح الحديث, أرم به راه, ردوا حديثه, مردود الحديث, ليس بشيئ
5	V	ضعيف, ضعّفوه, منكر الحديث, مضطرب الحديث, حديثه مضطرب, مجهول
6	VI	لين, ليس بالقوى, ضعف أهل الحديث, ضعف, فى حديثه ضعف, سيء الحفظ, مقال فيه, فى حديثه مقال, ينكر ويعرف, فيه خلاف, اختلف فيه, ليس بحجة, ليس بالتره, ليس بالعبد, ليس بذاك, ليس بالمرضى, ليس بذاك القوى, طعنوا فيه, تكلموا فيه, لا أعلم به بأسا, أرجو أن لا بأس به

Peringkat keterpujian dan ketercelaan tersebut menggambarkan bahawa, dari peringkat pertama sehinggalah peringkat ketiga daripada lafaz keterpujian seorang periwayat, dapat menghasilkan hadih *ṣaḥīḥ* dalam bentuk pertama yang selalunya terdapat dalam *Ṣaḥīḥayn* (Bukhari dan Muslim). Tingkat yang keempat menghasilkan *ḥadīth ṣaḥīḥ* dalam bentuk kedua (*ṣaḥīḥ li ghayrih*), yang oleh al-Turmudhi dikategorikan sebagai *ḥasan li dhatih.* Tingkat kelima dan keenam pula menghasilkan hadis *ḥasan li gayrih.* Adapun untuk tingkat pertama sampai dengan tingkat keenam dari lafaz ketercelaan seorang periwayat menghasilkan *ḥadith daᶜif* dengan beberapa tingkatan.

Dalam menghadapi berlakunya perbezaan penilaian terhadap hadis tersebut, ulama telah mengemukakan beberapa cara yang dapat dijadikan panduan untuk melakukan kritik *sanad* atau yang berhubung kait dengan periwayatan sesebuah hadis, teori dimaksud adalah sebagai berikut:

التَّعْدِيْلُ مُقَدَّمٌ عَلَى الْجَرْحِ

Kritik yang berisi pujian terhadap periwayat mesti didahulukan (diambil berat) daripada kritik yang berisi celaan.

Alasannya kerana sifat asal periwayat adalah terpuji, di mana pandangan ini dikemukakan antara lain oleh al-Nasa'i (w. 303 H/915 M).

الْجَرْحُ مُقَدَّمٌ عَلَى التَّعْدِيْلِ

Kritik yang berisi celaan terhadap periwayat harus didahulukan (diambil berat) daripada kritikan yang berisi pujian.

Alasannya: (a) ulama yang mengemukakan celaan lebih mengetahui keadaan periwayat yang dikritiknya daripada ulama yang memuji periwyat tersebut; (b) yang dijadikan asas oleh ulama untuk memuji periwayat hadis adalah persangkaan baik semata-mata. Pendapat ini didukung oleh amnya ulama hadis, fiqah dan usul fiqh.

إِذَا تعَارَضَ الْجَارِحُ وَ الْمُعَدِّلُ فَالْحُكْمُ لِلْمُعَدِّلِ إِلاَّ إِذَا ثَبَتَ الْجَرْحُ الْمُفَسَّر

Maksudnya:

Apabila berlaku pertentangan antara kritikan yang memuji dan yang mencela, maka yang mesti dimenangkan (diambil berat) adalah kritikan yang memuji, kecuali apabila kritikan yang mencela disertai penjelasan mengenai sebab-sebabnya.

Dengan kata lain, kritik yang berisi celaan terhadap periwayat tidak dimenangkan (tidak diambil berat) kecuali dengan syarat; (a) ulama yang mengemukakan celaan telah dikenal benar-benar mengetahui peribadi yang dikritiknya; (b) celaan yang dikemukakan mestilah didasarkan pada hujah-hujah yang kuat, yakni dijelaskan sebeb-sebab yang menjadikan periwayat berkenaan tercela kualitinya.

الْجَرْحُ مُقَدَّمٌ إِنْ كَانَ عَدَدُ الْجَارِحِ أَكْثَرُ مِنَ الْمُعَدِّلِ

Maksudnya:
"Kritikan yang mencela didahulukan apabila yang mencela lebih banyak daripada yang memuji."

Teori-teori itu diguna pakai dalam upaya memperolehi hasil penyelidikan yang lebih mendekati kepada kebenaran, apabila kepastiannya sukar didapatkan. Demikian nyata bahawa kaedah *keṣaḥīḥan sanad* hadis yang diguna pakai oleh ulama untuk menyelidiki *ṣaḥīḥ* atau tidaknya suatu hadis, memiliki akurasi atau tingkat kebenaran yang tinggi, bahkan dalam beberapa keadaan kaedah ini lebih kritis daripada kaedah ilmu sejarah. Ianya mengambil berat kepada moral periwayat, agar menyampaikan khabar kepada orang yang boleh dipercayai, bukan setakat jujur sahaja, tetapi ia mesti salih, dan diketahui mempunyai ingatan yang kuat, semua ini tidak didapati dalam ilmu sejarah.

Kaedah *keṣaḥīḥan* juga menggunakan hujah agama (Islam) yang tidak sepenuhnya dapat diterimapakai oleh para kritikus sejarah, khasnya para orientalis, sehingga di antara mereka ada yang masih meragukan eksistensi dan origenaliti hadis Nabi. Sebaliknya, mengikut kritikus hadis (dari kalangan Islam), justeru menjadikan hujah agama sebagai salah satu asas penetapan keadilan periwayat yang dapat dipercayai.

4. Segi Persambungan *Sanad* yang Diselidik

Segi-segi persambungan *sanad* yang mesti diselidiki adalah (1) *sighat-sighat* metode periwayatan; dan (2) hubungan periwayat dengan metode periwayatannya. *Sighat-sighat* atau lafaz itu dapat memberi petunjuk akan

metode periwayatan yang diguna pakai oleh masing-masing periwayat. Dari *sighat-sighat* itu pula dapat diselidiki tingkat kebenaran metode periwayatan yang digunakan periwayat dalam *sanad*. *Sighat-sighat* atau lafaz yang diguna pakai dalam periwayatan hadis ini bermacam-macam rupa bentuknya dan memiliki tingkat kebenaran yang berbeza-beza pula ada yang disepakati dan ada yang tidak disepakati. Ini bererti bahawa metode periwayatan hadis pun berbeza-beza.

Dalam hubungannya dengan persambungan *sanad*, kualiti periwayat sangatlah menentukan. Misalnya, periwayat yang tidak *thiqah* menyatakan telah menerima hadis dengan *sighat sami*^{c}*na*, walaupun metode itu dii^{c}tiraf ulama hadis mempunyai tingkat kebenaran yang tinggi, tetapi kerana yang menyatakan *sighat* tersebut adalah orang yang tidak *thiqah*, maka informasi yang dikemukakannya tidak dapat dipercayaai. Sebaliknya, apabila yang menyatakan *sami*^{c}*na* adalah orang yang *thiqah*, maka informasinya dapat dipercayaai. Selain itu, ada periwayat yang dinilai *thiqah* oleh ulama dengan syarat apabila dia menggunakan *sighat* periwayatan *haddathani* atau *sami*^{c}*tu*, *sanad* bersambung, tetapi bila menggunakan selain kedua *sighat* itu, *sanad* mengandungi *tadlis*, seumpama Ibn Jurayj (w. 149 H).

5. Menyelidiki *Shudhudh* dan ^{c}*Illah*

Kegiatan penyelidikan *sanad* masih belum dapat dikatakan selesai apabila penyelidikan tentang kemungkinan adanya *shudhudh* dan *illat* belum dilaksanakan dengan teliti, kerana pada realitinya boleh jadi *sanad* hadis yang nampak berkualiti *ṣaḥīḥ* namun setelah dilakukan penyelidikan yang lebih teliti menunjukkan bahawa *sanad* hadis berkenaan mengandungi kejanggalan (*shudhudh*) ataupun cacat (^{c}*illah*).

Ulama berbeza pendapat mengenai *shudhudh* suatu hadis, al-Shafi^{c}i (150-204 H/767-820 M) yang diikuti pandangannya oleh al-Hakim (w. 405 H/1014 M), menyatakan bahawa hadis *shadh* adalah hadis yang diriwayatkan oleh orang-orang *thiqah*, tetapi riwayatnya bertentangan dengan riwayat yang dikemukakan oleh ramai periwayat yang *thiqah* juga, lebih lanjut beliau menegaskan bahawa bukanlah hadis *shadh* apabila satu hadis yang diriwayatkan oleh seorang periwayat yang *thiqah*, sementara periwayat yang *thiqah* lainnya tidak meriwayatkan hadis itu. Senada dengan kenyataan tersebut, ^{c}Ajjaj al-Khatib sendiri menyatakan bahawa hadis *shadh* adalah hadis yang diriwayatkan secara *maqbul* (dapat diterima), tetapi berlainan dengan riwayat yang lebih kuat.

Sementara Abu Ya^{c}la al-Khalili (w 446 H) berpandangan bahawa hadis *shadh* adalah hadis yang *sanad* hanya satu sahaja, sama ada periwayatnya bersifat *thiqah* ataupun tidak *thiqah*. Apabila diperbandingkan antara *ta^{c}rif* yang dikemukakan, tersebut nampak konsep al-Khalili relatif lebih sederhana, namun pendapat al-Shafi^{c}i lebih moderat untuk diikuti.

Adapun pengertian *^{c}illah* secara bahasa adalah cacat, salah baca, penyakit, dan keburukan. Manakala, secara istilah ilmu hadis, -sepertimana dikemukakan oleh Ibn al-Salah (643 H.) dan al-Nawawi (w. 676 H.)-, *^{c}illah* adalah sebab yang tersembunyi yang boleh merosakkan kualiti hadis yang pada zahirnya nampak *ṣaḥīḥ*. Dimaksudkan *^{c}illah* di sini bukanlah dalam erti umum berkenaan sebab kecacatan hadis, misalnya periwayat pendusta atau tidak kuat hafalan, cacat umum seperti ini dalam ilmu hadis disebut dengan istilah *ta^{c}an* atau *jarh*.

Ibn al-Madini (w. 234 H./849 M.) dan al-Khatib al-Baghdadi (w. 463 H./1072 M.) mengemukakan bahawa langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menyelidiki *^{c}illah* hadis, adalah:

1. Menghimpun seluruh *sanad* hadis yang semakna (apabila memiliki *mutabi^{c}* dan *shahid*);
2. Mengkritik seluruh periwayat dalam berbagai *sanad* berdasarkan kritik yang telah dikemukakan oleh para ulama. Kemudian membandingkan antara *sanad* yang satu dengan *sanad* lainnya.

Sebagaimana halnya *shudhudh* boleh berlaku pada *sanad*, kata ^{c}Ajjaj al-Khatib, *^{c}illah* hadis juga boleh berlaku pada *matan,* atau kedua-duanya sekali, dan *^{c}illat* pada *sanad* sahaja pun boleh memberikan kesan yang buruk terhadap *sanad* dan *matan* sekali. Sebagai contoh hadis yang terdapat *shudhudh* pada *matan* dikemukakan salah satu hadis daripada kajian ini iaitu hadis nombor 22 (2) bab lima buku ini.

صلاة بسواك أفضل من سبعين صلاة بلا سواك

Solat dengan bersiwak lebih afdal daripada 70 kali solat tanpa siwak

Hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, Ibn Khuzaymah dan al-Bazzar daripada ^{c}A'ishah r.a. Ada juga bersumber daripada Ibn ^{c}Abbas dan Jabir yang diriwayatkan oleh Abu Na^{c}im. Dari segi *matan* Ibn al-Mulaqqin menyatakan bahawa beliau mendapati banyak hadis yang semakna dengannya dan banyak jalur periwayatannya.

Mengikut al-ᶜIraqi dengan mengutip pandangan al-Bayhaqi bahawa riwayat ini benar adanya jika tanpa ayat من سبعين صلاة. Hadis ini adalah *ḥasan li ghayrih* apabila ayatnya صلاة بسواك أفضل من صلاة بلا سواك, kerana mendapat sokongan daripada hadis lain yang lebih kuat, akan tetapi apabila ada ayat من سبعين صلاة maka dihukumkan *daᶜif* sepertimana dinyatakan al-ᶜIraqi.

Kesimpulan Hasil Penyelidikan *Sanad* Hadis

Langkah terakhir terhadap penyelidikan *sanad* adalah mengemukakan hasil penyelidikan. Hasil yang dikemukakan mestilah berisi *natijah* (*kongklusi*) yang disertakan dengan hujah yang jelas. Isi *natijah* dapat difokuskan dari dua segi, iaitu (1) dari segi jumlah periwayatnya mungkin berupa pernyataan bahawa hadis yang berkeanaan berstatus *mutawatir* atau berstatus *ahad*; (2) dari segi kualiti (dalam hal ini hadis *ahad*), mungkin hasilnya berkualiti *ṣaḥīḥ*, atau *ḥasan*, atau *daᶜif* sesuai dengan yang telah diselidiki. Apabila perlu kenyataan berkenaan kualiti itu disertai dengan macamnya, seumpama *ḥasan li ghayrih* dan lain-lain.

Daripada huraian tersebut, dapat dibuat kenyataan bahawa langkah-langkah penyelidikan *sanad* diawali dengan kegiatan *takhrij al-hadith* dan kegiatan *al-iᶜtibar* serta lakaran gambar rajah. Ketga langkah itu dimaksudkan, bukan hanya untuk mengetahui ada atau tidaknya *shahid* dan atau *mutabiᶜ*, tetapi yang lebih penting adalah untuk memastikan apakah *sanad* yang diselidiki terhidandar daripada *shudhudh* dan *ᶜillah.* Langkah seterusnya, menyelidiki peribadi periwayat dan metode periwayatannya, dan diakhiri dengan pengambilan *natijah* atau kesimpulan.

Langkah Penyelidikan *Matan* Hadis

Secara bahasa *matan* bererti punggung jalan (muka jalan), atau tanah yang keras, manakala secara istilah, *matan* adalah pembicaraan (*kalam*) atau materi berita yang dibawa oleh *sanad* yang terakhir, baik pembicaraan itu sabda Rasulullah SAW, daripada sahabat atau tabiᶜin, mahupun isi pembicaraan itu berupa perbuatan sahabat dengan tidak disanggah oleh Nabi SAW.

Kesahihan Matan sebagai Acuan

Sedikitnya ada tiha alasan mengapa penyelidikan terhadap *matan* hadis sangat diperlukan, yakni 1) keadaan *matan* hadis tidak dapat dilepaskan daripada kesan keadaan *sanad*; 2) dalam periwayatan *matan* hadis dikenal adanya periwayatan secara makna (*riwayah bi al-ma*ᶜ*na*); dan 3) dari segi kandungan hadis, penyelidikan *matan* sering kali juga memerlukan penggunapakai pendekatan rasional, sejarah, dan prinsip asas ajaran Islam.

Ulama hadis sepakat bahawa unsur-unsur yang mesti dipenuhi oleh suatu *matan* yang *ṣaḥīḥ* ada dua, iaitu terhindar daripada *shudhudh* (kejanggalan) dan terhindar daripada ᶜ*illah* (cacat), ertinya kedua-dua unsur itu mesti dijadikan acuan utama dalam menyelidiki *matan* hadis. Adapun langkah-langkah penyelidikan *matan* ini para ulama secara terus menerangkan tanda-tanda *matan* hadis yang *ṣaḥīḥ* sahaja. Sementara untuk melengkapinya bagi mengnalpasti *matan* yang terhindar daripada *shudhudh* dan ᶜ*illah* itu, maka penjelasan tolok ukurnya (*ma*ᶜ*ayir an maqayis naqd al-matn*) sangatlah mustahaq untuk dibahasakan, walaupun para ulama tidak seragam dalam huraiannya. Al-Khatib al-Baghdadi, menyatakan bahawa suatu *matan* hadis dapat dikatakan *maqbul*, kerana berkualiti *ṣaḥīḥ*, apabila:

1. Tidak bertentangan dengan akal sehat.
2. Tidak bertentangan dengan hukum al-quran yang *muhkam*.
3. Tidak bertentangan dengan hadis *mutawatir*.
4. Tidak bertentangan dengan amalan yang telah menjadi kesepakatan ulama masa lalu.
5. Tidak bertentangan dengan dalil yang sudah pasti.
6. Tidak bertentangan dengan *hadith ahad* yang kualiti *keṣaḥīḥan*nya lebih kuat.

Unsur tolok ukur yang dikemukakan oleh al-Baghdadi itu nampak ada yang tumpang tindih, manakala bahasa, sejarah, dan lainnya disebutkan oleh ulama sebagai tolok ukur juga, namun al-Baghdadi tidak menyebutkannya. Mengikut jumhur ulama bahawa unsur yang dapat dijadikan tolok ukur untuk mengenal pasti kepalsuan suatu hadis adalah:

1. Susunan bahasanya rancu.
2. Kandungannya bertentangan dengan akal sehat dan susah dirasionalkan.
3. Kandungannya bertentangan dengan tujuan asas agama Islam.

4. Kandungannya bertentangan dengan *sunnatullah* (hukum alam).
5. Kandungannya bertentangan dengan fakta sejarah.
6. Kandungannya bertentangan dengan petunjuk al-Quran ataupun *hadith mutawatir* yang telah mengandung petunjuk secara pasti.
7. Kandungannya berada di luar kewajaran diukur dari petunjuk umum ajaran Islam.

Sementara Salah al-Din al-Adlabi membuat kesimpulan bahawa tolak ukur untuk penyelidikan *matan* ada empat, iaitu:
1. Tidak bertentangan dengan petunjuk al-Quran.
2. Tidak bertentangan dengan hadis yang lebih kuat.
3. Tidak bertentangan dengan akal yang sehat, indera, dan sejarah.
4. Susunan kenyataannya menunjukkan ciri-ciri sabda Nabi SAW.

Ibn al-Jawzi pula mengemukakan pendapatnya dengan kenyataan yang cukup ringkas, bahawa "setiap hadis yang bertentangan dengan akal ataupun bercanggah dengan ketentuan pokok dalam agama, maka ketahuilah bahawa hadis tersebut adalah palsu". Al-Damini dan al-Jawwabi memisahkan tolok ukur *matan* hadis *ṣaḥīḥ* yang diguna pakai oleh kalangan sahabat Nabi dan kalangan pakar hadis, seperti berikut ini:
1. Kalangan Sahabat Nabi:
   a. Menguji *matan* hadis dengan al-Quran.
   b. Menguji *matan* hadis dengan hadis yang lain yang berkualiti *ṣaḥīḥ*.
   c. Menguji *matan* hadis dengan akal.
2. Kalangan Pakar Hadis:
   a. Menguji *matan* hadis dengan al-Quran.
   b. Menguji *matan* hadis dengan hadis lain yang berkualiti *ṣaḥīḥ* dari segi ada atau tidak adanya *idraj* (sisipan), *al-idtirab* (pertentangan yang tidak dapat dikompromikan), *qalb* (pergantian kalimat atau ayat), dan *ziyadah* (tambahan).
   c. Menguji *matan* dengan hadis lain dari segi *sanad* (*mutawatir* atau *ahad*).
   d. Menguji *matan* hadis dengan peristiwa sejarah.
   e. Menguji *matan* hadis dari segi *rakakah al-lafz* (kecelaruan lafaz) dan (penyimpangan) makna yang jauh (daripada teks asalnya).

Dengan demikian, meskipun unsur-unsur asas kaedah *keṣaḥīḥan matan* hadis hanya dua macam sahaja, terhindar daripada kejanggalan

(*shudhudh*) dan cacat (*ᶜillah*), namun aplikasinya dapat berkembang dan menuntut adanya pendekatan dan tolok ukur yang cukup banyak sesuai dengan keadaan *matan* hadis yang diselidiki. M. Syuhudi Ismail menambahkan bahawa ada beberapa hal penting yang semestinya diambil perhatian apabila melakukan penyelidikan *matan* dengan menggunakan tolok ukur di atas, yakni:

1. Hadis Nabi SAW ada yang bersifat *targhib* (hal yang memberikan harapan) dan *tarhib* (hal yang memberikan ancaman) dengan maksud untuk mendorong umatnya agar gemar melakukan amal kebaikan tertentu dan berusaha menjauhi apa yang dilarang oleh agama.
2. Dalam bersabda, Nabi SAW menggunakan kenyataan atau ungkapan yang sesuai dengan intelektual dan keislaman orang yang diajak, walaupun secara amnya apa yang dinyatakan oleh Nabi SAW berlaku untuk seluruh umat.
3. Hadis, ada yang didahului oleh suatu peristiwa yang menjadi sebab lahirnya hadis tersebut (*sabab wurud al-hadith*).
4. Sebahagian daripada hadis Nabi SAW ada yang telah *mansukh*.
5. Nabi SAW itu selain Rasulullah, juga manusia biasa. Dengan demikian, ada hadis yang erat kaitannya dengan kedudukan beliau sebagai utusan Allah, di samping kedudukan beliau sebagai individu, pemimpin masyarakat dan pemimpin negara.
6. Sebahagian hadis Nabi SAW ada yang berisi hukum (*hadith ahkam*) dan ada yang berupa alu-aluan dan motivasi untuk kebaikan hidup di duniawi (*irshad*).

Syuhudi mengajukan tiga langkah yang perlu dilakukan dalam kegiatan penyelidikan *matan* hadis, iaitu:

1. Menyelidiki *matan* hadis dengan melihat kualiti *sanad*;
2. Menyelidiki susunan lafaz berbagai *matan* yang semakna; dan
3. Menyelidiki kandungan *matan*. Penjelasan lebih lanjut tentang ketiga-tiga langkah tersebut akan dikemukakan pada sub bab berikut ini.

Penelitian *Matan* dengan Melihat Kualiti *Sanad*

Kaedah ini tidak bererti bahawa *sanad* lebih penting daripada *matan*, bahkan mengikut ulama, kedua-kedua bahagian hadis itu sama pentingnya, hanya saja penyelidikan terhadap *matan* akan memberi erti apabila *sanad*

telah pun jelas memenuhi syarat *keṣaḥīḥan* hadis. Dan setiap *matan* semestinya mempunyai *sanad*, kerana ketiadaannya boleh menjejaskan kualiti *matan* bahkan tidak dapat dinyatakan berasal daripada Rasulullah SAW atau apabila *sanad* sangat *da^c^if* makana tidak diperlukan kepada penyelidikan *matan* kerana hasilnya tidak akan memberi manfaat kepada kehujahan hadis berkenaan.

Mengikut ulama hadis, suatu hadis barulah dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ* (dalam hal ini *ṣaḥīḥ li dhatih*) apabila *sanad* dan *matan* kedua-duanya sekali berkualiti *ṣaḥīḥ* pula. Dengan demikian, hadis yang *sanad ṣaḥīḥ* dan *matan* tidak *ṣaḥīḥ*, atau sebaliknya, *sanad da^c^if* dan *matan ṣaḥīḥ*, tidak dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ li dhatih*. Suatu hadis yang *sanad ṣaḥīḥ* dengan tingkat kebenaran yang tinggi semestinya *matan* juga *ṣaḥīḥ*, kerana *keṣaḥīḥan sanad* hadis memberikan petunjuk kepada *keṣaḥīḥan* hadis Nabi SAW.

Penelitian Susunan Pelbagai *Matan* Semakna

Penyelidikan terhadap susunan *matan* hadis yang semakna perlu dilakukan kerana realitinya dalam *matan* berlaku perbezaan lafaz. Perbezaan ini timbul kerana adanya periwayatan secara makna (*al-riwayah bi al-ma^c^na*), akan tetapi, juga ada kemungkinan bahawa perbezaan lafaz pada *matan* tersebut disebabkan oleh kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh periwayat, sama ada periwayat yang *thiqah,* lebih-lebih lagi periwayat yang tidak *thiqah*, namun terhadap periwayat yang *thiqah* masih dapat ditolak ansur, asalkan kekeliruannya tidaklah terlalu banyak dan diikuti dengan kajian secara teliti ke atas kesilapan tersebut. Adapun hadis Nabi yang dimungkinkan diriwayatkan secara lafaz (*riwayah bi al-lafz*) oleh sahabat sebagai saksi pertama, hanyalah hadis yang dalam bentuk sabda (kenyataan). Adapun hadis yang tidak dalam bentuk sabda, mungkin hanya dapat diriwayatkan secara makna sahaja, kerana ketika dinyatakan oleh sahabat, kesimpulan ayatnya berasal daripada sahabat berkenaan.

Dengan adanya perbezaan lafaz pada berbagai *matan* hadis yang semakna itu, maka *muqaranah* (perbandingan) penting dilakukan. Cara *muqaranah* tidak hanya tertentu kepada *matan* sahaja, tetapi juga kepada sanad-sanad. Cara *muqaran* dalam penyelidikan *matan*, begitu juga *sanad* sebagai konfirmasi atas hasil penyelidikan sedia ada dan sebagai upaya mennyelidiki susunan *matan* yang lebih dapat dipertanggungjawabkan kerisionalnya berasal daripada Rasulullah SAW.

Penelitian Kandungan *Matan*

Apabila susunan lafaz telah diketahui, maka langkah selanjutnya adalah meneliti kandungan *matan.* Dalam kaedah ini perlu diambil perhatian *matan* dan dalil yang mempunyai kesamaan tajuk, oleh itu perlu dilakukan kegiatan *takhrij al-hadith bi al-mawdu*^{c} dan jika *sanad* memenuhi syarat, maka kegiatan *muqaranah* dapat dilakukan.

Ulama hadis sepakat bahawa hadis yang nampak berlainan mestilah "diselesaikan", sehingga tidak nampak pertentangan itu, tetapi mereka berbeza pendapat dalam kaedah penyelesaiannya. Ibn Hazm secara tegas menyatakan bahawa *matan* hadis yang bertentangan, masing-masing hadis boleh diamalkan. Untuk itu, ia menekankan penggunaan *istithna* (pengecualian) dalam menyelesaikan perkaran itu, dengan kata lain ada usaha untuk mengkompromikan dua hadis yang nampak saling bertentangan maknanya itu, disebut juga *talfiq al-ḥadīth* yakni mengamalkan kedua-dua hadis berkenaan, tidak dibenarkan hanya mengamalkan salah satunya sahaja dengan meninggalkan yang lainnya.

Manakala Shihab al-Din al-Qarafi (w. 684 H) mengguna pakai cara *al-tarjih* (penyelidikan untuk mendapatkan petunjuk yang mempunyai hujah yang lebih kuat). Dengan cara *al-tarjih* itu, mungkin penyelesaian yang dihasilkan berupa bentuk penerapan *al-nasikh wa al-mansukh* (yakni hadis yang satu menghapuskan petunjuk hadis yang lainnya) ataupun *al-jam*^{c}*u* (yakni mengkompromikan, hadis yang nampak bertentangan itu sama-sama diamalkan dengan melihat segi-seginya masing-masing). Lain lagi dengan al-Shafi^{c}i (w. 204 H./820 M) memberikan gambaran bahawa mungkin sahaja *matan-matan* hadis yang nampak pada zahirnya bertentangan itu mengandungi petunjuk bahawa *matan* yang satu bersifat global (*mujmal*) dan yang lainnya bersifat terperinci (*mufassar*); mungkin yang satu bersifat umum (^{c}*amm*) dan yang lainnya bersifat khusus (*khas*); mungkin yang satu sebagai penghapus (*al-nasikh*) dan yang lainnya sebagai yang dihapus (*mansukh*); atau mungkin kedua-duanya menunjukkan kebolehan untuk diamalkan.

Dalam menyelesaikan *matan* hadis yang nampak pada zahirnya bertentangan itu dapatlah diringkaskan beberapa pandangan ulama: al-Shafi^{c}i umpamanya menggunakan kaedah *al-jam*^{c}*u*, kemudian *al-nasikh wa al-mansukh*; al-Tahwani dengan kaedah *al-nasikh wa al-mansukh,* kemudian *al-tarjih*; Al-Adlabi pula dengan metode *al-jam*^{c}*u*, kemudian *al-tarjih*; manakala Ibn al-Salah dan Fasih al-Harawi (w. 837 H.), dengan

kaedah 1) *al-jam^{c}u*, 2) *al-nasikh wa al-mansukh,* 3) *al-tarjih*; Muhammad Adib Salih dengan kaedah 1) *al-jam^{c}u,* 2) *al-tarjih,* 3) *al-nasikh wa al-mansukh*; Ibn Hajar al-^{c}Asqalani melalui empat tahapan iaitu 1) *al-jam^{c}u,* 2) *al-nasikh wa al-mansukh,* 3) *al-tarjih*, 4) *al-tawqif* (menunggu sehingga ada petunjuk atau dalil lain yang dapat merungkaikannya atau menjernihkannya.

Dari pelbagai metode penyelesaian yang dikemukakan oleh para ulama berdasarkan kemungkinan masalah yang ada, nampaknya metode penyelesaian yang dikemukakan oleh Ibn Hajar al-^{c}Asqalani labih akomodatif kerana secara praktikal dalam penyelidikan *matan*, keempat-empat tahapan atau kaedah itu sememangnya lebih dapat memberikan alternatif pilihan yang lebih hati-hati dan relevan. Dengan melalui cara *al-tawqif*, setelah tidak dapat menyelesaikan masalah dengan tiga cara sebelumnya (*al-jam^{c}u, al-nasikh wa al-mansukh* dan *al-tarjih*) dalam penyelidikan terhadap hadis tertentu, penyelidik terhindar daripada pengambilan keputusan atau kesimpulan yang salah.

Kesimpulan Hasil Penyelidikan *Matan Hadis*

Langkah terakhir daripada penyelidikan *matan* hadis adalah menyimpulkan hasil penyelidikan. Apabila kualiti *matan* hadis hanya dikenal dua macam sahaja, *ṣaḥīḥ* dan *da^{c}if,* maka kesimpulan penyelidikannya pun akan ada pada dua kemungkinan tersebut. Apabila hujah yang ada untuk *matan* hadis berkenaan telah memenuhi kaedah ke*ṣaḥīḥ*annya, maka *matan* hadis berkenaan adalah *ṣaḥīḥ*. Sebaliknya, apabila hujah yang dikemukakan tidak memenuhi kaedah *keṣaḥīḥan matan*, maka *matan* hadis berkenaan adalah *da^{c}if* pula.

Apabila *matan* yang diselidiki ternyata *ṣaḥīḥ* dan *sanad* juga *ṣaḥīḥ,* maka dalam *natijah* disebutkan bahawa hadis yang diselidiki berkualiti *ṣaḥīḥ*. Apabila *matan* dan *sanad* sama-sama *da^{c}if,* maka dalam *natijah* disebutkan bahawa hadis yang diselidiki berkualiti *da^{c}if,* sementara apabila antara *matan* dan *sanad* berbeza kualitinya, maka perbezaan tersebut mesti dijelaskan.

Kesimpulan

Hadis yang telah sampai pada kita melalu proses panjang. Ulama sejak dahulu sudah membuatan kesimpulan bagaimana memahami dan meneliti sebuah hadis. Salah satu cara tersebut adalah dengan mentakrij hadis. Takhrij merupajan salah satu cada dalam mengetahui status hadis.

Sejak dahulu Ulama hadis (*muhaddithīn*), memberikan makna *takhrij* ke dalam beberapa erti, seperti pertama menjelaskan hadis kepada orang lain dengan menyebutkan para periwayatnya dalam *sanad* hadis dengan kaedah periwayatan yang mereka lakukan. Kedua mengeluarkan dan meriwayatkan hadis daripada beberapa kitab.

Daripada kedua arti yang diberikan ulama hadis di atas maka dapat dikatakan bahawa *takrij* akan dapat menjadi kesimpulan atau *natijah* sesebuah hadis yang terdiri daripada *sanad* dan *matan*. Setelah mentakhrij maka di ketahui bagaimana ikhtibar dalam menjalankan hadis tersebut agar sekiranya dapat diketahui status hadisnya, sama ada maqbul atau mardud. Justeru, hal ini telah kita dapat ketahui status hadisnya.

Bab *3*

Biografi Syeikh Abdus Samad Al-Palembani

Pengenalan

Pada bab ketiga buku ini dikemukakan yang berhubung kait dengan Syeikh Abdus Samad. Dalamnya diperbahaskan tentang riwayat dan perjuangan hidup beliau, keturunan (nasab) dan salasialahnya, pengembaraan beliau dalam menuntut ilmu dan karya beliau.

Riwayat dan Perjuangan Hidup

Syeikh Abdus Samad al-Palembani terkenal sebagai seorang ulama sufi yang terkenal di Nusantara yang begitu kuat antipenjajah dan telah menunjukkan kesungguhannya yang luar biasa untuk berjuang kerana agama dan tanah air. Hal ini dapat dibuktikan dengan memperhatikan langkah-langkah beliau dalam masa menuntut ilmu dan sekembalinya ke tanah air. Belajar di Mekah kurang lebih 30 tahun lamanya banyak ilmu yang didapatkan, tetapi niat awal tentu sahaja untuk menyebarkan ilmu yang telah didapatkan tersebut, oleh itu Syeikh Abdus Samad al-Palembani *rahimahullahu Ta*ᶜ*ala* kembali ke Nusantara bersama dengan sahabatnya, iaitu Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari, Syeikh Adurrahman Misri dan Syeikh ᶜAbd al-Wahab Bugis. Apabila sampai di Jakarta mereka berpisah untuk menuju ke tempat masing-masing kecuali Syeikh ᶜAbd al-Wahab Bugis yang berangkat mengikuti Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari ke Banjarmasin, Kalimantan Selatan Indonesia, kerana ia telah menikah dengan puteri Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang bernama Syarifah.

Mengikut ustadz Wan Muhd. Saghir, ketika Syeikh Abdus Samad al-Palembani pulang ke Palembang, beliau mendapati Palembang sudah dikuasai oleh penjajah Belanda. Beliau sangat benci kepada penjajah

bahkan oleh sebab perasaan bencinya kepada penjajah itu, beliau mengambil keputusan untuk berhijrah semula ke Mekah dengan perahu layar yang dibuatnya sendiri dari kayu pohon yang ditebangnya di hutan. Sikap ini jelas memperlihatkan keteguhan jiwa dan tekad beliau yang enggan bertolak ansur dengan penjajah kafir yang memeras bangsanya.

Selama berada di Mekah untuk kali yang kedua ini, beliau sentiasa mengikuti perkembangan beberapa peperangan di Nusantara antara orang Islam dengan penjajah kafir dan juga antara orang Islam dengan orang Siam Buddha di Fattani dan sekitarnya termasuk Linggora dan Ligur. Bahkan kerana adanya keinginan membangkitkan semangat atau motivasi perjuangan melawan penjajah beliau sempat menyusun sebuah kitab yang bertajuk:

صيحة المسلمين وتذكرة المؤمنين فى فضائل الجهاد وكرامة المجاهدين فى سبيل الله

Kitab ini memiliki makna "Nasihat untuk kaum muslimin dan peringatan untuk orang-orang beriman, tentang kelebihan berjuang dan kemuliaan para mujahidin di jalan Allah".

Syeikh Abdus Samad adalah salah seorang ahli tarekat Indonesia yang bersemangat jihad melawan penjajah non-Muslim, ajarannya dapat berkesan kepada orang-orang sesudahnya, sehingga lahirlah beberapa bait daripada *Syair Perang Menteng*, yang menceritakan perlawanan orang Palembang terhadap tentera Belanda yang dikirim untuk menaklukkan kota mereka pada tahun 1819. Perang ini dikenali dengan nama komandan pasukan Belanda, Muntinghe yang dimelayukan menjadi Menteng. Sang penyair Melayu menggambarkan kaum putihan (haji) mempersiapkan diri untuk berjihad *fi sabillillah*. Mereka membaca *asma'* (*al-Malik*, *al-Jabbar*), berzikir dan beratib dengan suara kuat sampai "*fana*" dan dalam keadaan tak sedar (mabuk zikir) mereka menyerang tentera Belanda, berani mati, kerana mungkin berasa kebal dan sakti. Dengan semangat dan keberanian itu, akhirnya mereka berjaya menumpas serangan pertama Belanda.

Kaum haji *mujahid* yang digambar dalam syair tersebut adalah orang tarekat, walaupun sang penyair tidak menyebut nama tarekat tersebut, tetapi tidaklah sukar untuk menarik kesimpulan bahawa mereka mengamalkan amalan tarekat *Sammaniyah*. Tarekat tersebut sememangnya telah berkembang di Palembang, dan dibawa dari tanah suci Mekah oleh murid-murid Syeikh Abdus Samad pada penghujung abad ke-18. Inilah salah satu

warisan beliau memotivasi murid-murid beliau untuk sentiasa berjihad demi agama, bangsa dan tanah air, dan hal ini masih lagi dilestarikan oleh generasi sesudahnya.

Syeikh Abdus Samad al-Palembani sememangnya lama sekali menetap di Mekah, dan barangkali beliau adalah orang Indonesia pertama yang mendapat ijazah untuk mengajar tarekat *Sammaniyah*. Setelah mendapat *ijazah* (kebolehan mengembangkan sesuatu amaliah) daripada pendiri tarekat Syeikh Samman sendiri, Beliau kemudian mengajarkannya kepada orang Indonesia lainnya yang berada di Mekah, terutamanya kepada orang yang berasal dari kota kelahirannya Palembang.

Dari paparan tersebut nampak jelas bahawa ternyata beliau tidak hanya menulis karya tasawuf sahaja, ia pula mengarang sebuah risalah berbahasa Arab mengenai jihad, bahkan yang lebih menariknya lagi ia juga telah menulis surat kepada Sultan Mataram (Hamengkubuwono I) dan Susuhunan Prabu Jaka (putra Amangkurat IV) yang dapat dianggap sebagai dorongan untuk terus berjihad melawan orang kafir, sebagaimana dilakukan para sultan Mataram sebelumnya. Syeikh Abdus Samad, rupanya seorang sufi yang tidak mengabaikan urusan dunia, bahkan mungkin boleh disebut militan di samping amaliah akhiratnya, tidak menghairankan kalau murid-muridnya yang ahli tarekat juga siap untuk berjihad secara fizikal apabila diajak oleh beliau.

Selepas menyelesaikan tulisan kitab tentang jihad tersebut beliau mebulatkan tekad untuk membantu umat Islam di Fattani, lebih-lebih lagi ketika itu teman karibnya Syeikh Daud Fattani sedang berada di Fattani. Maka, akhirnya Syeikh Abdus Samad al-Palembani berlayar ke Fattani tetapi ketibaan beliau agak terlambat. Pasukan pertahanan Fattani telah hampir kalah berhadapan dengan keganasan Siam. Sementara itu Syeikh Daud Fattani dan pengikutnya telah mengundurkan diri ke Pulau Duyung Terengganu untuk menyusun semula langkah perjuangan, pertahanan Fattani akhirnya menjadi lemah dan Siam menakluki Fattani. Syeikh Abdus Samad kemudiannya dikatakan telah berkhalwat (mengasingkan diri untuk beribadat) di sebuah masjid di Ligor, ada pula khabar bahawa beliau berkhalwat di masjid Kerisik, dan para pengikutnya yang beraliran tasawuf mempercayai bahawa di sanalah beliau menghilangkan diri dan kemungkinan wafatnya.

Ada perbezaan pendapat dalam menentukan tahun kematian Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini; Hj. Abd al-Rani Mahmud mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 1203 H./1789 M., pendapat

ini diikuti oleh K.H. Sirajuddin Abbas apabila tidak ada kepastian tentang tahun wafatnya beliau pun menulis sekitar tahun tersebut selepas menyelesaikan kitabnya yang terakhir. Pendapat ini disanggah oleh sebahagian orang dengan alasan kerana pada tahun itu beliau baru menamatkan karangan kitab *Sayr al-Salikin* juzuk yang keempat di negeri Thaif, walaupun sesungguhnya boleh saja berlaku kematian bila-bila apatah lagi selepas menyelesaikan penulisan kitab beliau, akan tetapi masih ada lagi perjalanan aktiviti beliau selepas itu.

Oleh itu, sebahagian yang lain menyatakan dengan sangat umum bahawa beliau meninggal dunia setelah tarikh atau tahun tersebut. Pendapat lain mengatakan bahawa Syeikh Abdus Samad meninggal dunia sebagai syahid dalam peperangan Kedah melawan Siam dalam satu siri peperangan yang dipimpin oleh Tengku Muhammad Sa^{c}ad 1244 H./1828 M. Mengikut pakar sejarah Kedah, Dato' Wan Shamsuddin bin Mohd. Yusuf dalam kertas kerjanya pula berpendapat bahawa ada yang mengatakan, Syeikh Abdus Samad meninggal dunia setelah tahun 1246 H. bersamaan dengan 1830 M. kerana didapati adanya artifak sejarah berupa sehelai bendera berwarna jingga yang bertuliskan syair bahasa Arab yang menyebutkan kemenangan Kedah ke atas Siam pada tahun tersebut, dan beliau juga menyebutkan bahawa syair itu adalah hasil karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani.

Lain lagi dengan Ustaz Haji Ismail bin Ishak Banjasmit al-Fattani, Ketua bahagian sejarah dan pusat pemulihan seni budaya tempatan dan alam sekitar wilayah Fattani Dar al-Salam dalam kertas kerjanya yang dibentangkan dalam sebuah seminar, menyatakan bahawa kubur Syeikh Abdus Samad al-Palembani *rahimahullahu ta^{c}ala* telah ditemukan oleh pengkaji-pengkaji sejarah Fattani pada tahun 1994 di kawasan perkuburan kampung Ban Terab, mukim Cenong, daerah Cenak, wilayah Singgora. Dan dikatakan bahawa al-Palembani ditangkap oleh tentera Siam pada tahun 1823 M /1239 H dan dibunuh secara pancung leher dan kepalanya dibawa ke Bangkok untuk menjadi pertanda kemenangan tentera Siam. Jadi yang ditanam di perkuburan Ban Terab itu hanyalah badannya sahaja.

Ada satu fakta lagi yang dapat dikaitkan dengan tahun kewafatan Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini, iaitu mengikut ulama besar dari Makkah al-Mukarramah yang berasal dari keturunan Padang Indonesia Syeikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (wafat 1410 H) *rahimahullah ta^{c}ala* di dalam kitabnya yang bertajuk *^{c}Iqd al- Farid* pada bicara sanad-sanad atau salasilah riwayat ilmu yang diambil secara berantai dari guru ke guru.

Beliau menyebut dalam sanad bagi kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali bahawa Syeikh Nawawi al-Bantani (meninggal dunia pada 1315 H) sempat berguru dengan Syeikh Abdus Samad al-Palembani. Dan kedua-duanya adalah Syeikh yang digelarkan dengan "*al-Mu^{c}ammar*" iaitu Syeikh yang berumur panjang. Dan Syeikh Nawawi al-Bantani tidak disebutkan tahun lahirnya, cuma dikatakan sejak kecil lagi telah berangkat ke Mekah untuk mengaji.

Justeru, sekarang kalau kita katakan umur Syeikh Nawawi itu seratus tahun maka beliau lahir pada tahun 1215 H. dan kalau kita taqdirkan Syeikh Nawawi al-Bantani mengaji di Mekah dengan Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam umur 20 tahun, maka dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa al-Palembani masih hidup sehingga tahun 1235 H./1819 M., maka ada benarnya pendapat yang mengatakan bahawa Syeikh al-Palembani meninggal dunia setelah tahun 1235 H.

Keturunan dan Salasilah

Mengenai salasilah keturunan Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini tidak diperolehi sebarang keputusan yang muktamad. Bahkan para sejarawan pun tidak dapat mengambil satu kata putus mengenai salasilah keturunannya, kerana kebanyakan daripada hasil penulisannya tidak ada yang mencatitkan nama dan keturunannya dengan lengkap. Walau bagaimanapun dari sekian banyak hasil penulisan beliau yang dapat ditemui dan diketahui, ada juga kitabnya yang ditulis dalam bahasa Arab yang bertajuk *Anis al-Muttaqin,* kitab ini mencatit dengan lengkap nama penulisnya sampai kepada datuk beliau. Dalam kitab itu Syeikh Abdus Samad al-Palembani menulis namanya sebagai *al-Faqir Abdus Samad bin aqih Husin bin Faqih Abdullah al-Palembani.* Ada juga pandangan bahawa Abdus Samad merupakan anak kepada ^{c}Abd al-Rahman bin ^{c}Abd al-Jalil daripada isterinya yang bernama Raden Ranti, kenyataan ini mengikut sanad yang diperakui oleh Ahmad Fahmi bin Zam-zam yang meriwayatkan daripada guru beliau Musnid al-Hijaz *al-^{c}Allamah* Syeikh Yasin bin Isa al-Fadani (wafat 1410H) *rahimahullahu ta^{c}ala*, dan inilah yang menjadi pegangan beliau, berdasarkan sanad yang didapatkan.

Daripada dua pendapat tentang nama dan keturunan Syeikh Abdus Samad ini dapat kita perhatikan bahawa masyarakat kita dulu kurang memperhatikan masalah pencatitan nama ini, namun demikian lebih condong kepada pandangan Wan Muhd. Saghir yang memperpegangi

kepada kitab tulisan Syeikh Abdus Samad al-Palembani sendiri dengan mencantumkan nama beliau sebagai *al-Faqir Abdus Samad bin Faqih Husin bin Faqih Abdullah al-Palembani.* Dan kontroversi ini dapat dikurangkan dengan memperhati bahan-bahan yang ada, terutama sekali berpandukan kitab hasil penulisan beliau di mana dalam setiap kitab yang ditulis itu tercatit nama Syeikh Abdus Samad al-Palembani, walaupun hal sedemikian boleh dilakukan oleh sesiapapun. Apapun yang maka jelas bahawa *nisbah* al-Palembani kemudian daripada nama Syeikh Abdus Samad itu menjadi isyarat bahawa beliau ini berasal dari Palembang Sumatera Selatan Indonesia, dan *al-Palembani* itu sendiri diambil daripada nama tempat beliau dilahirkan.

Mengikut cerita bahawa Abdus Samad berketurunan Fattani yang dilahirkan di Palembang, hal ini dipahamkan kerana beliau lebih banyak berada di Fattani dan membina kehidupan di sana, beliau mempunyai kawan rapat daripada Fattani, iaitu Syeikh Daud Fattani, yang bersama-sama menuntut ilmu di Mekkah, bahkan al-Palembani sempat mencucurkan peluh untuk berjuang melawan penjajah di Fattani .

Pengembaraan Menuntut Ilmu

Sejak kecil lagi setelah dilahirkan di Palembang beliau terus dibawa ke Pattani, di sini Abdu Samad selalu dihantar orang tuanya mengikuti pengajian pondok yang ada di Fattani kerana pada masa itu hubungan antara Fattani dan Palembang sangat erat, lebih-lebih lagi sistem pengajian pondok di Fattani sejak zaman dahulu lagi, hingga ke Zaman al-Palembani mempunyai sistem tersendiri yang tidak dijumpai di tempat lain di Nusantara ini, seandainya ada pun namun sistem pondok di Fattani tetap lebih istimewa.

Kemudian balik semula ke Palembang untuk mengaji di sana dan seterusnya menyambung pengajian ke Mekah dan Madinah pada pertengahan abad ke-18 M. bersamaan abad ke-12 H., dalam bidang pengajian Ushuluddin, Fikah dan Taswuf. Selama berada di tanah Arab beliau sempat belajar kepada beberapa orang guru yang memberi bimbingan secara *ruhaniah*, antaranya adalah: Syeikh ᶜAthaillah, Syeikh Muhammd bin ᶜAbd al-Karim al-Samman al-Qadiri al-Khalwati al-Madani, Syeikh Muhamad bin Sulayman al-Kurdi, dan juga kepada Syeikh ᶜAbdil Muᶜin al-Damanhuri, *rahima Allah ᶜalayhim*.

Karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani

Syeikh Abdus Samad al-Palembani adalah salah seorang penulis Islam berbangsa Melayu abad ke 18 M. Beliau bergiat menulis kitab semasa beliau berada di Mekah dan Madinah (1178-1203 H – 1764-1789 M). Beliau merupakan tokoh yang ulung dalam memperkenalkan ajaran dan aliran al-Ghazali kepada masyarakat di Nusantara menerusi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Usaha ini dilakukan dengan mentarjamah dan syarahan ke dalam bahasa Melayu seumpama Kitab *Bidayat al-Hidayah* karangan Imam al- Ghazali *rahimahullahu ta^c^ala*.

Kitab karangan Syeikh Abdus Samad al-Palembani banyak yang berkenaan dengan tasawuf. Ia adalah mewakili isi pengajaran yang membicarakan aspek-aspek yang berkenaan dengan psikologi atau ruhaniah, dan perbincangan yang berkaitan dengan *al-Fada'il* (sifat keutamaan *ruhaniah*) dan lain-lain ilmu Islam. Dari huraian dan pendekatan pengajaran tasawuf yang dibuat oleh al-Palembani, nampak bahawa beliau seorang yang konsen dalam bidang tasawuf beraliran Al-Ghazali. Kitab *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* dan *Sayr al-Salikin fi Tariqat al-Sadat al-Sufiyah*, adalah yang mengisytihar bahawa beliau boleh disebut sebagai agen pengembang tasawuf al-Ghazali di Nusantara, dan sehingga kini kedua-dua kitab tersebut masih lagi digunakan sebagai buku teks di pusat pengajian tradisional oleh penuntut ilmu tasawuf yang meneruskan tradisi ruhaniah dengan gaya ajaran lama.

Kalau diperbandingkan bilangan karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani tidak sebanyak karya penulisan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fattani, sahabat beliau pada masa menuntut ilmu di tanah Arab, namun demikian al-Palembani terkenal di alam Melayu lantaran ajaran tasawufnya yang sangat berpengaruh di tengah-tengah masyarakat. Djohan Hanafiah dalam bukunya "*Masjid Agung*, *Sejarah dan Masa Depan-nya*" (1988), menyebut bahawa Syeikh Abdu Samad (1704-1788) adalah salah satu penulis sastera keagamaan yang paling menonjol pada masa kesultanan Palembang, menuntut ilmu di Mekah dan belajar tarikat kepada Muhammad al-Saman di Madinah. Berikut antara kitab karya Syeikh al-Palembani yang dapat diketahui:

Kitab *Sirat al-Murid fi Bayan Kalimat al-Tawhid*

Kitab ini merupakan kitab yang paling tua antara hasil karya beliau, ia selesai ditulis pada tahun 1181 H dan penulisan kitab ini pun dilakukan

sewaktu Syeikh Abdus Samad al-Palembani belajar Ilmu Tauhid daripada guru beliau yang bernama Ahmad bin ᶜAbd al-Munᶜim ad-Damanhuri di Mekah. Kitab ini memuatkan fasal Ilmu Kalam yang didasarkan kepada syarahan/kuliah yang disampaikan oleh Syeikh ᶜAbd al-Munᶜim ad-Damanhuri dalam pengajian beliau.

Kitab *Hidayat al-Salikin*

Kitab ini dikarang oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani secara tarjamah dan syarah bagi kitab *Bidayat al-Hidayah* karangan Imam al-Ghazali *rahimahullahu taᶜala*.

Kitab *Sayr al-Salikin fi Tariq al-Sadat al-Sufiyyah*

Kitab ini boleh dikatakan sebagai tarjamah kepada *Ihya' ᶜUlum al-Din*. Kitab ini ada empat juzuk yang ditulis secara berperingkat, juzuk pertama ditulis pada tahun 1193 H dan siap pada tahun 1194 H. di Mekah, juzuk kedua mula ditulis pada tahun 1194 H dan siap pada 19 Ramadan 1195 H. di Ta'if, juzuk ketiga mulai ditulis pada tahun 1195 H dan selesai pada 19 Safar 1197 H. di Mekah al-Musyarrafah dan juzuk keempat tidak disebut muali ditulisnya dan diselesaikan pada malam Ahad 20 Ramadan 1203 H.

Kitab *Anis al-Muttaqin*

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Abdus Samad dalam bahasa Arab, nuskhah tulisan tangannya masih lagi tersimpan di perpustakaan Yayasan Pendidikan dan Daᶜwah Islamiyah al-Fattanah, Kalimantan Barat Indonesia.

Kitab *ᶜUrwat al-Wuthqa*

Tidak ditemukan sebarang maklumat berkenaan kitab ini, ia dinyatakan karangan al-Palembani mengikut kajian dan penyelidikan oleh Wan Muhd. Saghir. Namun demikian, daripada namanya pun kita boleh mereka bahawa ia memperbahas masalah tasawuf yang berhubung kait dengan hubungan antara hamba dengan Penciptanya.

Kitab Ratib Syeikh Abdus Samad al-Palembani

Kitab ini pun tiada didapati sebarang maklumat, sama ada tentang teks asalnya mahupun salinannya, tetapi daripada namanya, kita dapat paham bahawa kitab ini tentulah memperbahas hal ehwal atau perkara yang berhubung kait dengan perjalanan hidup dan amalan harian Syeikh al-Palembani, *wallahu a^c^lam.*

Kitab *Nasihat al-Muslimin wa Tadhkirat al-Mu'minin fi Fada'il al-Jihad wa Karamat al-Mujtahidin fi Sabilillah*

Kitab ini menggambarkan tentang tentangan dan perlawanan Syeikh Abdus Samad al-Palembani terhadap kaum penjajah yang pada waktu itu sangat kuat meletak pengaruhnya di Nusantara, malangnya kitab ini telah hilang. Mungkin nuskhah tulisan tangan beliau ini dikirim ke Palembang dan berjaya dirampas oleh pihak Belanda (yang pada waktu itu menjajah Indonesia) dan mungkin telah membakarnya.

Usaha Syeikh al-Palembani mengarang beberapa kitab seperti tersebut, menjadi bukti nyata tentang kesungguhan dan semangat beliau dalam bidang da^c^wah Islamiyah di Nusantara, walaupun beliau telah menghabiskan kebanyakan hayatnya di luar tanah airnya. Dan dengan adanya karangan tersebut sedikit sebanyak dapat mengikis dakwaan sesetengah kaum intelektual moden yang menyatakan bahawa ulama masa silam tidak memainkan peranan yang aktif dalam bidang penulisan dan da^c^wah. Mudah-mudahan tulisan beliau, sentiasa dibaca dan dikenangi sebagai khazanah Islam masa kini dan masa akan datang dan mudah-mudahan pahala amal jariah sentiasa dilimpah Allah SWT kepada penulis dan pengkajinya demi kekalnya akidah Islam dan kemajuan umat serta syiar Islam hari ini.

Kesimpulan

Syeikh Abdus Samad al-Palembani adalah ulama yang terkenal di Nusantara. Beliau juga dikenal di Jazirah Arab kerana beliau merupakan salah seorang ulama yang menjadi Guru Besar di Tanah Arab. Selain itu juga ramai murid berliau yang menjadi ulama besar seperti. Syeikh

Nurudin al-Raniri, Syeikh Abdu Rauf al-Raniri, Syeikh Yusuf al-Makasari, Syeikh Abdu Somad al-Palimbani dan banyak ulama lainnya.

Syeikh Abdus Somad Al-Palembani masa kecil seorang anak yang cerdas dan memiliki ingatan yang kuat. kepada gurunya yang disebut terakhir ini, beliau belajar mengaji al-Quran serta tajwidnya dan ilmu agama lainnya sehingga ia hafal kitab suci al-Quran dalam usia 10 tahun. Pada usia ini pula ia mendapatkan malam lailat al-Qadar yang di dalamnya banyak terdapat keajaiban-keajaiban yang tak bisa dihinggakan. selain itu beliau dikenal banyak mengarang kitab, salah satunya *Kitab Hidayatus Salikin* yang diguna pakai di Nusantara.

Bab *4*

Kitab Hidayat Al-Salikin

Pengenalan

Pada bab keempat buku ini dikemukakan perbahasan ditumpukan kepada kitab *Hidayat al-Salikin* yang merupakan tarjamah dan syarah kepada kitab *Bidayat al-Hidayah* karangan Imam al-Ghazali. Kitab ini bertajuk lengkap *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin,* ada juga yang menyebut dengan tajuk lain, iaitu *Bidayat al-Salikin*, namun yang masyhur dan sudah pun diperakui ialah *Hidayat al-Salikin.* Ia siap ditulis pada hari Selasa 5 Muharram 1192 H./1778 M. di Mekah dan diterbitkan pertama kalinya oleh percetakan Syeikh Hasan al-Tukhi berdekatan dengan Masjid Jami^{c} al-Azhar Mesir, al-Matba^{c}ah al-Masriyah Mekah tanpa tarikh dan dicetak untuk kali pada tahun 1298 H.

Semua cetakan hanya menyebut nama pengarangnya sahaja yakni Syeikh Abdus Samad al-Palembani tanpa menyebut nama orang tua pengarang, kecuali hanya satu edisi cetakan yang dilakukan oleh Matba^{c}ah al-Ahmadiyah Singapura yang menyebut nama pengarangnya terus nama orang tua beliau, iaitu Syeikh Abdus Samad bin Abd al-Rahman al-Palembani tanpa tahun penerbitan, dan dibahagian hadapan cetakan ini juga terdapat riwayat pengarang dan sahabatnya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Setiap cetakannya, daripada cetakan pertama hinggalah sekarang ini, selalunya mencantumkan sekali kata pengantar dan puisi Syeikh Ahmad al-Fattani selaku pen*tashih*nya yang pertama.

Isi Kandungan Kitab

Secara global (*mujmal*) kitab *Hidayat al-Salikin* ini adalah bercorak pelajaran tasawuf untuk golongan *mubtadi'* (permulaan). Kitab ini mengandungi tujuh bab yang didahului oleh *muqaddimah* atau pendahuluan dan diakhiri oleh *khatimah* atau penutup. Pengarang menyebut di dalam *muqaddimah* kitabnya dengan katanya:

ورتبته على مقدمة وسبعة ابواب وخاتمة

Dan saya susunkannya meliputi satu muqaddiman dan tujuh bab dan satu *khatimah* (penutup) (Abdus Samad al-Palembani, T.th)

Keseluruhan isi kandungan kitab *Hidayat al-Salikin* secara terperinci merangkumi beberapa bidang pengajian Islam, walaupun hanya masalah tertentu sahaja yang dihuraikan lebih lanjut oleh pengarangnya. Bidang pengajaran Islam yang terkandung dalam kitab ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu *pertama* bidang aqidah, *kedua* bidang fikah dan *ketiga* bidang tasawuf.

Bidang yang berhubung kait dengan aqidah dimuat dalam bab yang pertama dan pada bab yang kedua dimuat masalah yang berkaitan dengan masalah fikah. Sementara pengajaran yang boleh dimasukkan atau dikategorikan sebagai bidang tasawuf terutamanya mengenai pembersihan hati atau rohani adalah bidang yang terbesar perbincangannya. Masalah ini oleh pengarangnya dihuraikan daripada bab ketiga sampai kepada bab yang terakhir yakni ketujuh. Akan tetapi walaupun pengarang membicarakan mengikut bab-bab dan pasal atau bahagian tetapi antara satu bab pembahasan dengan bab yang lainnya saling berhubungan dan ada pertalian yang rapat.

Bab kedua yang membicarakan tentang keta^{c}atan terhadap Allah SWT yang disebut dengan ta^{c}at zahir ini, merupakan bab yang terpanjang, di mana ianya mengandungi 12 pasal atau bahagian yang merangkumi masalah fiqah atau ibadah; seperti bersuci, sembahyang dan puasa, sama ada fardu mahupun sunat. Dalam pembahasan tentang ibadah ini beliau tinggalan pembahasan tentang zakat dan haji kerana menurut beliau apa yang sudah ada ini mencukupi keperluan orang-orang yang masih dalam peringkat permulaan (*mubtadi'*), beliau pun mengatakan:

فهذا القدر يكفيك من شرح الطاعات من بداية الهداية، فإذا احتجت إلى الزكاة أو إلى الحج أو إلى مزيد شرح الصلاة والصيام فاطلبه مما أوردناه فى كتاب إحياء علوم الدين

Mencukupilah setakat ini penjelasan tentang keta^{c}atan daripada kitab *Bidayat al-Hidayah*, apabila kamu memerlukan hujah masalah zakat, atau haji atau menghendaki penjelasan lebih tentang solat dan puasa, maka dapatlah mencarinya sepertimana yang telah kami nukil daripada kitab *Ihya'^{c}Ulum al-Din*. (Abdus Samad al-Palembani, T.th)

Jika diambil perhatian akan cara yang dikemukakan oleh pengarang dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini dengan menggesa atau mengajak para pembacanya supaya beramal dan mempraktikalkannya tanpa banyak membicarakan dalam perbincangan secara falsafah dan tidak pula semata-mata menjelaskan hukum sunat, fardu, makruh dan haram, maka penulis beranggapan bahawa kitab *Hidayat al-Salikin* ini adalah benar-benar kitab *tasawuf ᶜamali* (praktikal) bukan *tasawuf falsafi* dan tidak memisahkan antara fikah dan tasawuf.

Teknik Penulisan Kitab

Kitab *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* selesai ditulis oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani pada 5 Muharram 1192 H di Mekah. Kitab ini merupakan tarjamah dan syarah kepada kitab *Bidayat al-Hidayah* karangan Imam Al-Ghazali *rahimahullah taᶜala ᶜanhu*. Dalam menterjemah dan mensyarah kitab *Bidayat al-Hidayah* itu pengarang membuat beberapa penambahan daripada keilmuan pengarang sendiri dan daripada petikan-petikan yang diambil daripada 29 kitab

Adapun tujuan Syeikh Abdus Samad al-Palembani mengarang kitab *Hidayat al-Salikin* ini adalah atas dorongan hati kecilnya untuk mengembangkan ajaran ilmu tasawuf aliran al-Ghazali yang dianutinya kepada masyarakat bangsanya lebih-lebih lagi bagi mereka yang tidak berkesempatan mempelajari ilmu tasawuf ini melalui bahasa Arab, hal ini ditegaskan oleh pengarang di dalam *muqaddimah* kitabnya dengan katanya:

فلذا أحببت ان اترجم مسائله مع زيادة مسائل نفيسة فى هذا الكتاب بكلام الجاوى لينفع به من لا معرفة له بكلام العرب.

Maka dari kerana inilah kasih aku bahawa aku bahasakan akan bebarapa masalah yang baik tak dapat tidak daripadanya supaya bermanafaat dengan dia orang yang tiada mengetahui baginya bahasa Arab. (Abdus Samad al-Palembani, T.th)

Ejaan dalam penulisan kitab *Hidayat al-Salikin* ini pada perkataan tertentu terpengaruh kepada ejaan bahasa Arab yang menyebut huruf dengan baris (*harakah*) sahaja, tidak seperti kaedah ejaan Melayu Moden yang majoritinya membunyikan huruf dengan meletakkan huruf saksi (*vokal*). Disamping itu juga pengarangnya dalam beberapa keadaan menggunakan bahasa Melayu Klasik.

Teknik penulisan dan organisasi kitab *Hidayat al-Salikin* ini sememangnya mengikut cara penulisan kitab yang terbit atau dicetak pada masanya, atur hurufnya kurang diambil perhatian dan perbahasannya pun hanya dipisahkan dengan bab atau fasal atau fa'ed, sama sekali tidak menggunapakai istilah perenggan dan lain-lain, sehingga nampak bersambung, padahal di dalamnya banyak maklumat dan pengajaran yang sangat berharga. Ia terdiri daripada satu muqaddimah, tujuh bab, dan hurainnya mencapai 235 fasal, juga ada tiga "fa'edah" yang terdapat dalam bab kedua pasal kelapan. Dan akhirnya ditutup dengan satu *khatimah* serta 8 bait syi^{c}ir yang selip pada bahagian akhir sekali.

Pengaruh *Kitab Hidayat al-Salikin* di Masyarakat

Kitab Hidayat al-Salikin karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini telah disalin beberapa kali daripada asalnya dengan tulisan tangan kerana pada ketika itu percetakan tidaklah sebanyak seperti sekarang. Kitab ini dikarang dalam bahasa Melayu kerana selain pengarangnya berasal dari Tanah Melayu (Palembang, Indonesia), juga dengan matlamat untuk memberi manfaat kepada peminat ilmu Tasawuf daripada kalangan orang Melayu yang tidak mampu memahami bahasa Arab. Penduduk nusantara yang pergi ke tanah Arab dengan tujuan menunaikan fardu haji ataupun menuntut ilmu, dipercayai ada antaranya yang membawa balik salinan kitab tersebut ke tanah air mereka.

Beberapa perkara tersebut memberikan gambaran bahawa *Kitab Hidayat al-Salikin* ini telah sampai ke alam Melayu sejak seratus lima puluh tahun yang lalu. Hal ini dapat dirasakan daripada sebahagian ajaran yang ada dalam kitab tersebut telah pun diamalkan di alam Melayu khasnya oleh penduduk Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia sejak beberapa generasi terdahulu. Antara isi kandungannya yang diamalkan sehingga ke hari ini adalah *wirid* atau zikir selepas sembahyang fardu lima waktu.

Kitab *Hidayat al-Salikin* semakin tersebar secara meluas di alam Melayu apabila kitab ini dicetak di Mesir pada tahun 1298 H. oleh al-Matba^{c}ah al-Masriyah, beberapa tahun kemudian ia dicetak oleh Matba^{c}ah Dar al-Kutub al-^{c}Arabiyah ^{c}Isa al-Bab al-Halabi wa Shurakauh di Mesir. Kemudian berkembang dengan lebih meluas lagi apabila dicetak oleh percetakan Dar al-Ma^{c}arif Pulau Pinang dan Sulayman Mar^{c}a Singapura tahun 1354 H. Ia bukan sahaja dijadikan buku teks bagi pengajian tasawuf

di surau dan masjid, tetapi di setengah Negeri di Malaysia seperti Selangor, kitab ini pernah dijadikan buku teks di Sekolah Agama Darjah Khas Kerajaan Negeri Selangor mulai tahun 1960 M. hingga tahun 1977 M. dan pernah dijadikan buku rujukan utama bagi guru-guru agama latihan Negeri Selangor yang mengikuti kursus perguruan di Kolej Islam Klang tahun 1970-1972 M.

Kesimpulan

Kitab *Hidayat al-Salikin* ini bertajuk *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin,* dan ada yang memberi nama *Bidayat al-Salikin*, namun pada masyarakat lebih masyhur dengan sebutan *Hidayat al-Salikin.* Ia siap ditulis pada hari Selasa 5 Muharram 1192 H./1778 M. di Mekah. Para ulama dahulu mengakui bahawa kitab *Hidayat al-Salikin* ini merupakan agen pengembang tasawuf aliran al-Ghazali di Nusantara yang sehingga kini lagi masih digunakan sebagai buku teks di pusat pengajian tradisional oleh penuntut ilmu tasawuf yang ingin meneruskan tradisi ruhaniah dengan pola pengajaran lama.

Walaupun sebenarnya kitab ini sebagai kitab permulaan bagi mereka yang baru mengikuti pendidikan ruhani atau tasawuf, tetapi ajaran dalam kitab ini amatlah sesuai dijadikan panduan seterusnya diamalkan oleh semua peringkat masyarakat sama ada peringkat yang tinggi, sederhana mahupun rendah kerana ianya sesuai dengan tuntunan ajaran yang sebenar

Bab *5*

menerusi hujah yang benar.

Status Hadis Kitab *Hidayat Al-Salikin*

Pengenalan

Bab kelima buku ini dipaparkan hadis yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* dan hadis yang merupakan tambahan penjelasan daripada Shamsuddin Siddiq berserta *takhrij* dan keterangan hadisnya, dimulai dari *muqaddimah*nya sehinggalah penutup daripada kitab tersebut. Organisasi penjelasannya pun mengikut bab atau fasal yang terdapat dalam kitab *Hidayat al-Salikin* juga. Penjelasan berkenaan dengan *takhrij* hadisdalam bab ini akan dijelaskan keadaan hadis-hadisnya dari segi *sanad*, seperti jalur periwayatannya, *rawi* sahabat dan *tabi*^{c}*in*, sampai pada kritik atau analisis *sanad*, dan dari segi *matan* pula akan dikemukakan keadaan nas-nas hadis yang semakna dengannya, memperbandingkan antara nas-nas tersebut, sehinggalah kepada kritik *matan* untuk menentukan kualiti atau nilai hadis berkenaan berserta alasan ke atas nilai tersebut.

Paparan sedemikian akan dilaksanakan apabila hadis yang diriwayatkan bukan bersumber daripada al-Bukhari dan Muslim mahupun salah seorang daripadanya, dan bukan hadis yang sudah disepakati ulama nilainya ataupun tiada sebarang perbezaan. Bagi keadaan sepertimana terakhir ini pengkaji berpada dan mengikuti sahaja kenyataan yang sudah disepakati tersebut.

Bahagian *Muqaddimah*

Pada bahagian *muqaddimah* daripada *kitab Hidayat al-Salikin* yang menyatakan tentang ^{c}Ilmu yang memberi manfaat tidak ada sebarang

hadis pun yang dinukil oleh al-Palembani di dalamnya.

Hadis Keutamaan Ilmu Bermanfaat

Pada bahagian ini ada empat buah hadis yang terdapat dalam kitab *Hidayat al-Salikin* dan sebuah hadis yang ditambahkan oleh Shamsuddin Siddiq apabila beliau menambah penjelasan berkenaan dengan masalah ini. Hadis-hadis tersebut dipaparkan *takhrij*nya sebagai berikut:

Hadis: 1 (1)[1]

وَرَثَةُ ٱلأَ نْبِيَاءِ العُلَمَاءُ [2]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhari (w. 256 H.), Abu Dawud (w. 275 H./888 M.), al-Tirmidhi (w. 279 H./892 M.) , Ibn Majah (w. 887 M.) dan Ibn Hibban[3] (w. 738 H./1339 M.). Penggalan daripada hadis yang pertama pada bahagian *muqaddimah* kitab *Hidayat al-Salikin* ini dari segi *matan* sememangnya tertulis sebagaimana sedia ada, kecuali itu sebenarnya hadis ini cukup panjang membincangkan masalah ilmu dan kelebihan orang yang menuntut ilmu, dan Nabi SAW menyatakan bahawa orang-orang yang mempunyai ilmu itu (ulama) menjadi pewaris para Nabi dari sisi ilmu itu sendiri. Sama ada Abu Dawud mahupun ulama hadis yang lain meriwayatkan hadis ini daripada periwayat pertama (sahabat) yang sama iaitu Abu al-Darda', namun demikian ada satu riwayat yang dinyatakan oleh al-Albani bersumber daripada Anas bin Malik dan dinilai beliau *da*ᶜ*if*ᵗ. Adapun hadis yang bersumber daripada Abi al-Darda' adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh Ibn al-Mulaqqin (w. 804 H.), ᶜAli al-Qari (w. 1014 H./1605 M.) dan al-Albani (w. 1999 M.).

Ulama berbeza pendapat dalam menilai hukum hadis ini berdasarkan perbezaan sanad, sebahagian ulama seperti al-Mundhiri[5] (w. 656 H.), al-ᶜAsqalani[6] (w. 852 H./1448 M.) menyatakannya *ḥasan*; al-Sakhawi[7] (w. 902 H./1497 M.) pula memberi kenyataan bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* daripada hadis semakna dengannya, pendapat ini diikuti oleh al-ᶜAjluni[8] dan al-Zarqani[9] (w. 1122 H./1710 M.) berkesimpulan sebagai *ḥasan*. Dengan memperhatikan kepada pendapat ulama tersebut, maka dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini pada asasnya adalah *ḥasan* kemudian menjadi *ṣaḥīḥ li ghayrih* kerana adanya *shahid* yang *ṣaḥīḥ*

mengikut riwayat al-Bukhari. Kenyatan ini menepati pandangan para ulama seperti Ibn al-Mulaqqin, ᶜAli al-Qari dan al-Albani.

Hadis: 2 (2)

. أفضل الناس المؤمن العالم الذى إن احتيج إليه نفع وإن استغنى عنه أغنى نفسه[١٠]

*Takhrij al-Hadith***:** Riwayat yang kedua ini dinukil oleh al-Palembani dalam kitab beliau, dan termaktub dalam *Ihya' ᶜUlum al-Din*[11]. Adapun hadis yang semakna dengannya diriwayatkan oleh al-Bayhaqi[12] (w. 458 H./1066 M.) bersumber daripada Abi al-Darda' dengan sedikit berbeza pada *matan*, seperti berikut:

أن أبا الدرداء قال تعلموا العلم قبل أن يفتقر إليكم فإن أعبد الناس رجل عالم إن احتيج إليه نفع بعلمه وإن استغنى عنه نفع نفسه بالعلم الذي يعلمه الله عند

Mengikut al-Subki[13] bahawa hadis ini tidak ditemukan *sanad* dan mengikut kajian al-ᶜIraqi[14] bahawa *sanad* adalah *mawquf* dan *daᶜif*. Oleh itu dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif al-isnad*.

Hadis: 3 (3)

أقرب الناس من درجة النبوة أهل العلم[15]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini dijumpai dalam kitab *Ihya*' al-Ghazali sahaja, dan mengikut al-ᶜIraqi[16] bahawa ia ditakhrij oleh Abu Naᶜim bersumber daripada Ibn ᶜAbbas. Dari sini jelas bahawa hadis ini tidak mempunyai sokongan, sama ada sebagai *shahid* mahupun *tabiᶜ*. *Matan* pula, apa yang dinukil oleh al-Palembani sama dengan nukilan al-Ghazali. Para ulama seperti al-Sakhawi[17] dan al-Shawkani[18] (w. 1834 M.) menyatakan bahawa hadis ini peng*isnad*annya adalah *daᶜif*, oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa *sanad* hadis ini adalah *daᶜif* atau *daᶜif al-isnad*, sepertimana juga disimpulkan dan dinyatakan oleh al-ᶜIraqi[19]

Hadis: 4 (4)

يَشْفَعُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَلاَثَةٌ ٱلأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْعُلَمَاءُ ثُمَّ الشُّهَدَاءُ[٢٠]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang dinukil oleh al-Palembani ini, ditemukan

satu riwayat daripada Ibn Majah[21] yang bersumber daripada ᶜUthman bin ᶜAffan. Hal tersebut menunjukkan bahawa hadis ini tidak mempunyai *shahid* mahupun *tabiᶜ*. Majoriti ulama seumpama Ibn ᶜAdi[22] dan al-Qaysarani[23] menyabutkan bahawa salah seorang *rawi*nya "ᶜAnbasah bin ᶜAbd al-Rahman" adalah *munkar al-hadith* atau *matruk* bahkan mengikut al-Haythami[24] (w. 807 H./1404 M.) bahawa *rawi* tersebut disepakati ke*daᶜif*annya. Mengikut al-Mizzi[25] (w.742 H.) pula, selain ᶜAnbasah ada *rawi* yang menjadi guru kepada ᶜAnbasah, iaitu ᶜAllaq bin Abi Muslim dinilai *majhul* dan termasuk dalam kumpulan yang *daᶜif* dan *matruk* dan tiada orang lain yang mengambil periwayatan daripadanya kecuali ᶜAnbasah, begitu pula al-ᶜIraqi[26] membuat kenyataan bahawa *isnad*nya *daᶜif* atau *matruk*, walaupun ada ulama seperti al-Saᶜdi[27] menilainya *ḥasan*, kerana diriwayatkan oleh Ibn Majah, akan tetapi mengikut al-Wadiᶜi[28], ada dua periwayat yang dinilai sehingga ke tahap *munkar*. Oleh itu dapatlah dinyatakan bahawa hadis pada tajuk ini adalah *daᶜif jiddan* tidak sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[29] *mawduᶜ*, sebab penilaian para ulama terhadap beberapa rawinya hanya sampai *matruk* sahaja tidak lebih daripada itu seumpama *muttaham bi al-kadhib*.

Hadis: 5 (5)

مَنْ قُتِلَ فِي سَبِيلِ اللهِ فَهُوَ شَهِيدٌ.[٣٠]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani ini hanya sebahagian penggalan daripada hadis yang cukup panjang. Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim (w. 261 H./875 M.), Ibn Majah yang bersumber daripada Abi Hurayrah dan riwayat ᶜAbd al-Razzaq[31] daripada ᶜAmr bin Hafs. Hadis yang seumpama maknanya cukup banyak seperti riwayat al-Tirmidhi dan al-Nasa'i[32] (w. 303 H.). Hal ini memberikan makna bahawa riwayat hadis ini banyak dengan *matan* yang tidak ada perbezaan selain adanya awalan ataupun akhiran bagi hadis berkenaan. Riwayat hadis ini dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sebagaimana diriwayatkan oleh Imam *Muslim* dalam *ṣaḥīḥ*nya, dan diikuti oleh al-Albani[33] .

Hadis Keutamaan Menuntut Ilmu yang Bermanfaat

Pada bahagian ini Syeikh Abdus Samad al-Palembani menyebutkan lima buah hadis dalam kitabnya, *takhrij* dan analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 6 (1)

إِنَّ الْمَلاَئِكَةَ لَتَضَعُ أَجْنِحَتَهَا لِطَالِبِ الْعِلْمِ رِضَاءً بِمَا يَصنع[34]

Takhrij al-Hadith: Riwayat seumpamanya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, al-Bayhaqi dan al-Tabrani[35] dengan perawi awal (sahabat) yang sama iaitu Safwan bin ᶜAssal, dan antara ketiga *mukharrij* ini bertemu periwayatannya kepada ᶜAsim bin Abi al-Nujud. Juga ada riwayat lain yang bersumber daripada Anas bin Malik dan juga Abi al-Darda'. Keadaan ini memberikan makna bahawa jalur periwayatan hadis ini mempunyai *shawahid*. Dari segi *matan* pula dapat diperkatakan bahawa majoriti ulama seperti al-Tirmidhi, al-Bayhaqi dan al-Tabrani meriwayatkan dengan lafaz رضاء بما يطلب daripada Safwan bin ᶜAssal yang mengikut al-Tirmidhi[36] adalah *ḥasan ṣaḥīḥ,* mengikut al-Albani[37] adalah *ṣaḥīḥ*. Manakala, dengan lafaz رضاءً بما يصنع (sebagaimana nukilan tersebut) diriwayatkan oleh Ibn ᶜAsakir[38] yang bersumber daripada Abi al-Darda', Al-Albani[39] menilainya *ḥasan li ghayrih*.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis yang menjadi tajuk perbincangan ini pada asasnya bernilai *ḥasan* dan boleh dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih*, dengan sokongan riwayat yang lebih kuat, namun demikian riwayat daripada Abi al-Darda', -seperti *matan* yang dinukil al-Palembani di atas) adalah *ḥasan li ghayrih* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani. Nampak ada dua nilai bagi hadis yang sama, akan tetapi ia berlaku kerana penilaian tersebut terhadap sanad dan *matan* yang berlainan, jadi boleh dikatakan tiada perbezaan untuk hadis yang sama.

Hadis: 7 (2)

لأن يغدو أحدكم فيتعلم بابا من العلم خير له من أن يصلى ألف ركعة[٤٠]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani tersebut dikutip daripada karya al-Ghazali[41] (w. 505 H./1111 M.) dan dikatakan beliau diriwayatkan oleh Ibn ᶜAbd al-Barr yang bersumber daripada Abi Dharr. Mengikut al-Mundhiri[42] hadis ini adalah *daᶜif* kerana dalam sanad ada *rawi* Abdullah bin Ziyad al-Bahrani yang dinilai *majhul*, hadis seumpamanya yang diriwayatkan oleh Ibn Majah[43] dan mengikut al-Mundhiri adalah sanad riwayat ini *ḥasan*.

Riwayat dimaksud adalah sebagai berikut:

قال لي رسول الله صلى الله عليه و سلم يا أبا ذر لأن تغدو فتعلم آية من كتاب الله خير لك من أن تصلي مائة ركعة ولأن تغدو فتعلم بابا من العلم عمل به أو لم يعمل خير من أن تصلي ألف ركعة

Bahkan mengikut Muhamamd Fu'ad ᶜAbd al-Baqi, dua periwayat tersebutlah yang menjadikannya *daᶜif* akan tetapi mengikut beliau ada riwayat yang dapat dijadikan *shahid* bagi periwayatan ini, iaitu ditakhrij oleh al-Tirmidhi. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah pada asasnya *daᶜif* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Mundhiri di atas, dan juga dinyatakan oleh al-Albani[44], namun boleh dinaik taraf kepada *ḥasan lighayrih* dengan adanya *shahid* daripada riwayat yang lain, akan tetapi apabila diperhatikan ganjaran yang diberikan "sangat berlebih" maka ianya lebih condong bernilai *daᶜif* yang boleh diguna pakai sebagai motivasi sahaja, *walahu aᶜlam*.

Hadis: 8 (3)

طالب العلم تكفل الله له برزقه[٤٥]

Takhrij al-Hadith: Nas seperti ini sebenarnya tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis, melainkan ditakhrij dalam kitab *al-Jamiᶜ al-Saghir* serta sharhnya *Fayd al-Qadir* dengan awalan *matan* yang berbeza, iaitu من طلب العلم. , ia diriwayatkan oleh Ziyad bin al-Harith al-Suda'i dan *rawi* tersebut dinilai oleh al-Manawi[46] *daᶜif*, mengikut al-Dhahabi[47] (w. 748 H./1348 M.), pula ada seorang *rawi* lagi Yunus bin ᶜAta dikategorikan *daᶜif* berdasarkan kenyataan Ibn Hibban bahawa "tidak boleh berhujah dengannya", dan mengikut al-Albani[48] pula adalah *mawduᶜ*.

Pada hakikatnya riwayat yang dinyatakan daripada Ziyad bin al-Harith al-Suda'i ini, dari segi sanad tidak dapat dikesan secara sempurna dan yang ditakhrij oleh al-Suyuti pun tidak sama lafaznya, walaupun maknanya masih sama. Antara *rawi* yang dapat dikesan adalah Yunus bin ᶜAta', yang mana al-Dhahabi menyebutnya dalam kumpulan orang-orang yang *daᶜif* dan dinyatakan oleh Ibn Hibban tidak boleh diambil hujah. Hal ini dapat memberikan isyarat bahawa riwayat dengan sanad ini boleh dikatakan *mawduᶜ*, sepertimana ianya dinyatakan oleh al-Albani. Akan tetapi untuk tidak mengetepikan secara terus kenyataan al-Manawi (*daᶜif*) sahaja, dapatlah diharmonikan dengan kenyataan bahawa yang dimaksud dengan *daᶜif* tersebut berkemungkinan adalah dalam erti kata hadis yang

lemah dan tidak boleh diguna pakai sebagai hujah dalam apa jua maksud dan keadaan, sama ada untuk *fada'il* mahupun nasihat, lebih-lebih lagi dalam masalah hukum. Dengan demikian ianya boleh menjambatani untuk satu sama maksud dengan *mawdu*ᶜ tersebut, *wallahu a*ᶜ*lam*.

Hadis: 9 (4)

(الأئمة المضلين)[49] : علماء السوء أنا من غير الدجال أخوف عليكم من الدجال، فقيل وما هو يا رسول الله فقال

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab beliau, ia ditakhrij oleh al-Suyuti[50] (w. 911 H./1505 M.) yang berasal daripada Abi Dharr al-Ghifari. Hadis yang semakna dengannya adalah diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal[51] (w. 241 H.) yang juga daripada sumber yang sama, iaitu Abu Dhar al-Ghifari dengan *matan* yang sedikir berbeza, riwayat dimaksud adalah sebagai berikut:

عن عبد الله بن هبيرة أخبرني أبو تميم الجيشاني قال أخبرني أبو ذر قال كنت أمشي مع رسول الله صلى الله عليه و سلم فقال لغير الدجال أخوفني على أمتي قالها ثلاثا قال قلت يا رسول الله ما هذا الذي غير الدجال أخوفك على أمتك قال أئمة مضلين

Hadis ini dapat dikatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ li ghayrih*, sepertimana mengikut al-ᶜIraqi[52] bahawa *isnad*nya *jayyid* dan dinyatakan oleh al-Albani[53] bahawa semua *rijal*nya adalah *thiqat* kecuali Ibn Luhayᶜah yang kurang baik hafalannya, namun demikian apabila dikumpulkan semua periwayatannya maka jadilah ia *ṣaḥīḥ*, dan secara khas dinyatakan beliau dalam kitab -*Ṣaḥīḥ al-Jami*ᶜ- sebagai *ṣaḥīḥ li ghayrih*, tentunya mengikut lafaz yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal di atas.

Hadis: 10 (5)

من ازداد علما ولم يزدد هدى لم يزدد من الله إلا بعدا[54]

Takhrij al-Hadith: Para ulama (*muhaddithin*) tidak memasukkannya dalam riwayat mereka kecuali hanya termaktub dalam kitab *al-Jami*ᶜ *al-Saghir* serta *sharah* al-Manawi[55] dengan lafaz زهدا bukan هدى, ia dikatakan bersumber daripada ᶜAli bin Abi Talib, selanjutnya beliau mengutip pandangan al-Azdi yang menggolongkan riwayat ini dalam kategori *da*ᶜ*if* kerana pada sanad ada *rawi* "Musa bin Ibrahim" yang disepakati lemah; mengikut al-Subki[56] pula tidak ditemukan *sanad*. Oleh itu dapatlah

disimpulkan dan dinyatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif* sahaja kerana para ulama sepakat pada tahap demikian sahaja, tidak sepertimana pandangan al-Subki dan al-Albani[57] yang menyatakannya *daᶜif jiddan* yang beralasan bahawa riwayat ini tidak diriwayatkan oleh para majoriti *muhaddithun*.

Hadis dalam Bab Pertama tentang Aqidah

Penjelasan berkenaan dengan tajuk ini dinukil satu hadis yang ianya merupakan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, *takhrij* dan analisisnya sebagai berikut:

Hadis: 11 (1)

من قال لآاله إلا الله مخلصا دخل الجنة[٥٨]

Takhrij al-Hadith: Hadis Rasulullah SAW tersebut diriwayatkan oleh al-Tabrani[59] melalui jalur *sanad* Zayd bin Arqam, sementara al-Suyuti dalam *sharh* al-Manawi[60] mentakhrij bahawa hadis ini diriwayatkan al-Bazzar daripada Abu Saᶜid al-Khudri, ᶜUmar bin al-Khattab dan Jabir bin ᶜAbdillah, dan hal ini bermakna bahawa ada beberapa orang sahabat yang menerima riwayat ini daripada Nabi SAW Dari segi *matan* pula pada asasnya tidak ada perbezaan seperti nukilan di atas, hanya saja ada sedikit penambahan di akhirnya, seumpama riwayat al-Tabrani daripada Zayd bin Arqam berikut:

. من قال لآاله إلا الله مخلصا دخل الجنة، وما إخلاصها ؟ قال : أن تحجزه عن محارم الله

Adapun hukum terhadap hadis ini ada dua, melalui jalur sanad yang berlainan; pertama, riwayat yang bersumber daripada Jabir bin ᶜAbdillah, Abi Saᶜid al-Khudri dan ᶜUmar bin al-Khattab adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Manawi[61] dan al-Albani[62], manakala yang kedua, -riwayat Zayd bin Arqam- mengikut al-Haythami[63] pada sanad ada *rawi* "Muhammad bin ᶜAbd al-Rahman bin Ghazwan" dinilai *waddaᶜ* (pemalsu hadis), oleh itu mengikut al-Mundhiri[64] adalah *daᶜif* (dalam erti tidak dapat dijadikan hujah) yang bermakna sama dengan kenyataan al-Albani[65] sebagai *mawduᶜ*.

Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa sebenarnya tiada

perbezaan hukum terhadap sanad yang sama, perbezaan itu (ada riwayat yang *ṣaḥīḥ* dan ada yang *mawduᶜ*) berlaku kerana sanad yang dinilai pun berlainan, serta *matan* pula ada penambahan pada akhirnya bagi riwayat yang dihukumkan *daᶜif* dan *mawduᶜ*. Jadi, tiada percanggahan di antara kedua-dua hukum tersebut, kerana kedua-dua nilai tersebut berdasarkan sanad dan *matan* masiang-masing.

Hadis dalam Bab Kedua Tentang *Taᶜat Zahir*

Bab kedua daripada kitab yang dikaji ini mengandungi 11 fasal dan 3 "*fa'edah*" yang dikemukakan selepas fasal kelapan atau sebelum fasal kesembilan. Adapun bagi memulai bab ini ada sebuah hadis yang dikemukakan oleh al-Palembani, paparan *takhrij* dan analisisnya sebagai berikut:

Hadis: 12 (1)

يقول الله تبارك وتعالى ما تقرب إلي المتقربون بمثل اداء ما افترضت عليهم ولا يزال العبد يتقرب إلي بالنوافل حتى أحبه فإذا أحببته كنت سمعه الذى يسمع به وبصره الذى يبصر به ولسانه الذى ينطق به ويده التى يبطش بها ورجله التى يمشى بها وقلبه الذى يضمر به[٦٦]

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama dengan teks yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (w. 256 H.) daripada Abi Hurayrah, Ahmad bin Hanbal daripada ᶜA'ishah, al-Tabrani[67] daripada Abi Umamah dan Ibn Hibban daripada Abi Hurayrah. *Matan* yang dinukil ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin* pula ada perbezaan dengan kitab rujukan. Al-Bukhari dan lainnya tidak menyebutkan penggalan akhir daripada *matan*, yakni "وقلبه الذى يضمر به" sementara mengikut riwayat al-Tabrani pula ada tambahan juga tetapi dengan lafaz yang lain, iaitu: وقلبه الذي يعقل له, adapun yang lainnya daripada sudut *matan* berkenaan adalah sama. Hadis berdasarkan sanad dan *matan* yang diriwayatkan *muhaddithun* sudah tentulah *ṣaḥīḥ* kerana selain diriwayatkan oleh al-Bukhari juga banyak jalur periwayatannya, sepertimana dinyatakan oleh Ibn al-ᶜArabi[68] (w. 543 H/1148 M). Manakala riwayat al-Tabrani dengan tambahan *matan* tersebut adalah *shadh*, kerana berlainan dengan periwayatan yang masyhur dan kuat. Jadi, sebenarnya hadis tersebut dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ* dan syarat mengikut riwayat yang masyhur seumpama riwayat al-Bukhari, tanpa sebarang tambahan pada

hujung daripada *matan* berkenaan.

Fasal Tentang Adab *Qada Hajat*

Dalam fasal ini ada satu hadis yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* daripada lapan hadis yang diperbahaskan dalam kajian pada fasal ini, sementara 7 buah hadis lainnya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq apabila beliau menambahkan penjelasan daripada *mu'allif*nya, *takhrij* dan analisisnya sebagai berikut:

Hadis: 13 (1)

إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مَنْ أَحْصَاهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ[٦٩].

Takhrij al-Hadith: Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ahmad[70]. Sahabat yang menjadi periwayat pertamanya adalah sama iaitu Abu Hurayrah r.a. kecuali *tabi*^{c}*in*nya yang berlainan. Al-Bukhari misalnya dengan *tabi*^{c}*in* al-A^{c}raj, sementara Muslim daripada Hammam bin al-Munabbah, al-Tirmidhi, daripada Abi Rafi^{c}, Ibn Majah pula daripada Abi Salamah dan Ahmad bin Hanbal meriwayatkan daripada Muhammad bin Sirin dan Abi Salamah. Apabila diperhatikan dari segi *matan* pula boleh diperkatakan bahawa hampir semua periwayatan dengan ayat "مائة إلا واحدا" yakni " .... إِنَّ لِلَّهِ تِسْعَةً وَتِسْعِينَ اسْمًا مائة إلا واحدا , kecuali satu riwayat Ahmad sebagaimana yang dikutip oleh al-Palembani di atas. Perbezaan tersebut sama sekali tidak menjejaskan makna ataupun mengelirukan pemahaman. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hadis dalam tajuk ini adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, juga dinyatakan oleh ulama seumpama Ibn Hajar al-^{c}Asqalani[71] (w. 852 H./1448 M.), begitu juga mengikut al-Albani[72], bahawa hadis ini sememangnya *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 14 (2)

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم لبس خاتما نقش محمد رسول الله فكان إذا دخل الخلاء وضعه[٧٣]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Shamsuddin Siddiq ini diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi dan al-Baghawi[74] (w. 516 H./1122 M.) yang bersumber daripada Anas bin Malik r.a. dengan *matan* yang sama. Hadis ini dinilai *da*^{c}*if* oleh al-Bayhaqi[75], mengikut Ibn al-Mulaqqin[76] pula

hadis ini mempunyai *shahid*, seperti riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan Ibn Hibban[77] yang bersumber daripada Anas r.a. seperti *matan* berikut ini:

أنه صلى الله عليه وسلم كان إذا دخل الخلاء وضع خاتمه

Terhadap hadis ini para ulama berbeza dalam penilaiannya, al-Nawawi[78] (w. 676 H./1278 M.), menyatakan bahawa hadis ini di*tad*^{c}*if* oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan al-Bayhaqi, manakala al-Tirmidhi mengatakannya *ḥasan gharib*[79] dan diikuti oleh Ibn Hibban[80] dengan kenyataan *ṣaḥīḥ*. Dengan demikian mengikut Ibn al-Mulaqqin[81], hadis yang menjadi *shahid* ini adalah *ṣaḥīḥ* tanpa keraguan, hal ini juga yang dinyatakan oleh al-Mundhiri[82], kerana seluruh *rawi*nya adalah *thiqat* dan *athbat*. Ulama yang menyatakan hadis ini *da*^{c}*if*, mengikut Ibn al-Mulaqqin[83] kerana penilaian mereka terhadap "Hammam" bin Yahya bin Dinar al-Azdi, padahal mengikut beliau, al-Bukhari dan Muslim bersetuju untuk berhujah dengan hadis yang diriwayatkannya, Yazid bin Harun menyatakan, dia seorang yang kuat dalam periwayatan hadis, Yahya bin Ma^{c}in pula menyatakannya *thiqah* (*salih*). Adapun kenyataan al-Tirmidhi "*gharib*" adalah semata-mata kerana Hammam bersendirian dalam periwayatannya, akan tetapi ianya tidak mengakibatkan hadis tersebut lemah, ditambah lagi dengan *shahid* hadis lain yang bersumber daripada Ibn ^{c}Abbas berikut ini:

.أن نبي الله صلى الله عليه وسلم كان إذا دخل الخلاء نزع خاتمه

Jadi, hadis yang menjadi tajuk ini dapat disimpulkan sebagai *ḥasan li ghayrih*, kerana pada awalnya memanglah nilainya *da*^{c}*if*, tetapi mandapat sokongan daripada riwayat lain yang bernilai *ḥasan*, sepertimana dinyatakan al-Hakim[84] (w. 403 H./1012 M.) mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim, yang walaupun mereka tidak meriwayatkan hadis ini, tetapi meriwayatkan hadis yang ada hubungkaitnya dengan tajuk ini, iaitu tentang cincin yang berukir nama Muhammad.

Hadis: 15 (2)

.تَنَزَّهُوا مِنَ الْبَوْلِ فَإِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ[٨٥]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani ini seumpama dengan riwayat Ibn Majah, al-Dara Qutni dan al-Hakim[86] dengan tiga sumber sahabat,

iaitu Anas bin Malik, Abu Hurayrah dan Ibn ᶜAbbas. Dari segi *matan*, ada riwayat dengan lafaz استنزهوا, ada riwayat dengan lafaz تنزهوا , Ibn ᶜAbbas pula meriwayatkan dengan ayat yang terbalik عامة عذاب القبر من البول فتنزهوا من البول akan tetapi menggunakan kedua-dua lafaz tersebut. Majoriti ulama, seperti al-Tahawi[87] dan al-Mundhiri[88] menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Nawawi[89] pula menegaskan bahawa semua *rawi* dalam *sanad* hadis ini adalah *ᶜudul* dan *dabit* berdasarkan kepada syarat al-Bukhari dan Muslim, dan sanad hadis ini mempunyai *mutabaᶜat* dan *shawahid*; Ibn Taymiyah[90], Ibn al-Mulaqqin[91], juga menyatakan hadis ini *ṣaḥīḥ*; Ibn Hajar al-ᶜAsqalani[92] menyatakan bahawa para periwayatnya adalah *thiqat*. Oleh itu dapat disimpulkan dan dinyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana juga dinyatakan oleh al-Albani[93].

Hadis: 16 (4)

إِذَا ذَهَبَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْغَائِطِ أَوْ الْبَوْلِ فَلاَ يَسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَلاَ يَسْتَدْبِرْهَا[٩٤].

Takhrij al-Hadith: Ada banyak periwayat yang -secara makna di samping selafaz dengan teks tersebut- menukilkan hadis ini antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud[95] dan lainnya. Adapun sumber pertamanya adalah Abu Ayyub al-Ansari dan Abu Hurayrah, manakala periwayat pada tingkatan *tabiᶜin*nya antaranya Abi Salih, Rafiᶜ bin Ishaq, ᶜAta' bin Yazid al-Laythi. Dari segi *matan* pula tidaklah banyak perbezaan, seperti riwayat al-Bukhari yang bersumber daripada Abi Ayyub al-Ansari:

إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الْغَائِطَ فَلَا يَسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَلا يُوَلِّهَا ظَهْرَهُ شَرِّقُوا أَوْ غَرِّبُوا

Adapun riwayat Muslim yang bersumber daripada Abi Hurayrah pula adalah:

إِذَا جلس أَحَدُكُمْ على حاجته فَلاَ يَسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ وَلاَ يَسْتَدْبِرْهَا

Manakala, riwayat yang dinukil oleh al-Palembani nampaknya mengikut riwayat Imam Malik (w. 179 H./796 M.) yang bersumber daripada Abu Ayyub al-Ansari. Hukum hadis ini dapat dinytakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta *muhaddithin* lainnya, dan begitu juga dinyatakan oleh majoriti ulama seperti Ibn ᶜAbd al-Bar[96], al-Nawawi[97] dan al-Albani[98].

Hadis: 17 (5)

لاَ يَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ ثُمَّ يَتَوَضَّأُ مِنْهُ[٩٩]

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama dengan riwayat tersebut diriwayatkan oleh banyak periwayat, seperti Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Al-Nasa'i, Ibn Majah[100]. Dan apabila riwayat ini diperhatikan, terdapat 15 jalur periwayatan bagi hadisnya, dengan periwayat pertama (sahabat) nya hanya dua orang, iaitu Abu Hurayrah dan Ibn ᶜUmar, hal ini memberi makna bahawa yang dapat dijadikan *shahid* hanya ada satu sahaja. Sementara itu kalau dilihat daripada *tabiᶜin*nya ada lima orang iaitu, ᶜAbd al-Rahman bin Hurmuz, Ibn Sirin, Hammam bin Munabbah, Khilas dan Nafiᶜ. Hal ini memberikan pemahaman bahawa dari segi *sanad* yang dapat dijadikan *tawabiᶜ*nya ada lima. Pada penggalan akhir *matan* hadisnya ada sedikit perbezaan, al-Bukhari meriwayatkan dengan ayat ثم يغتسل فيه ; manakala Muslim, Abu Dawud, Al-Nasa'i dan Ibn Majah dengan ثم يغتسل منه, adapun riwayat yang dinukil oleh al-Palembani adalah mengikut riwayat al-Tirmidhi, iaitu dengan ayat ثم يتوضأ. Perbezaan ini sama sekali tidak menjejaskan pemahaman terhadap kandungan maknanya, kerana yang dimaksudkan "mandi" pada riwayat ini mengikut Abu Dawud adalah mandi junub. Jadi, berwuduk dan mandi adalah halnya sama-sama wajib.

Hukum hadis ini dapatlah disimpulkan sebagai *ṣaḥīḥ* dan dapat dijadikan *hujah*, sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta *ashab al-sunan*, dan juga dinyatakan sedemikian oleh majoriti ulama antaranya al-Dar Qutni[101], Ibn Qudamah[102], al-ᶜIraqi[103], Ahmad Shakir[104], dan al-Albani[105].

Hadis: 18 (6)

لاَيَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي جُحْرٍ قَالُوا لِقَتَادَةَ وَمَا يُكْرَهُ مِنْ الْبَوْلِ فِي الْجُحْرِ قَالَ يُقَالُ إِنَّهَا مَسَاكِنُ الْجِنِّ[١٠٦].

Takhrij al-Hadith: Hadis tersebut diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Ahmad, al-Bayhaqi dan al-Hakim[107]. Keseluruhan jalur periwayatannya menunjukkan bahawa rwiayat ini daripada sahabat yang sama, iaitu ᶜAbdullah bin Sarjas dan manakala pe*rawi* kedua (*tabiᶜin*) juga seorang sahaja iaitu Qatadah. Hal ini memberikan paham bahawa jalur periwayatan hadis ini adalah *ahad* yakni satu sahaja. Mengikut al-Mundhiri[108] hadis tersebut adalah *ḥasan*, al-Arna'ut[109] menyatakan bahawa penggalan akhir daripada riwayat tersebut adalah *gharib*, sementara *rijal thiqah* dan *ṣaḥīḥ*, hal tersebut sama

dengan pandangan Ibn Hajar al-ᶜAsqalani[110] yang mengutip pendapat Ibn Khuzaymah dan Ibn al-Sakan, bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* sanad, manakala *matan*, adalah penggalan pertamanya, لايبولن أحدكم فى جحر sahaja yang dapat dikatakan *ṣaḥīḥ* berdasarkan *keṣaḥīḥan* sanad, manakala *matan* tambahannya إِنَّهَا مَسَاكِنُ الْجِنِّ adalah *daᶜif* sepertimana dinyatakan juga oleh al-Albani[111], kerana dibimbangi bukan berasal daripada Nabi SAW

Hadis: 19 (7)

.أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نهى أَنْ يَمَسَّ الرَّجُلُ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ[١١٢]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin* antaranya adalah al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, dan al-Nasa'i,[113] dengan periwayat pertamanya adalah Abi Qatadah al-Ansari (al-Harith bin Ribᶜiyy), ᶜA'ishah, Salman, Abu Hurayrah., Sahl bin Hunayf. dan Jabir bin ᶜAbdillah ra, yang mana sumber terakhir ini mengikut Abu Hatim al-Razi adalah silap yang sebenarnya adalah Abdullah bin Abi Qatadah daripada Ayahnya, (Abi Qatadah)[114]. Dari segi *matan* ada sedikit perbezaan, akan tetapi makna dan pemahaman sama. Riwayat al-Bukhari umpamanya:

وَإِذَا أَتَى الْخَلاءَ فَلا يَمَسَّ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ وَلا يَتَمَسَّحْ بِيَمِينِهِ

atau riwayat beliau yang lain:

إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلا يَأْخُذَنَّ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ

dan lain-lain yang seumpama demikian dan hadis ini dapat disimpulkan dan dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di samping *muhaddithin* lainnya, serta dinyatakan oleh para ulama antaranya al-Tirmidhi[115], Ibn Hajar[116], dan al-Albani[117] dengan kenyataan nilai sedemikian itu.

Hadis: 20 (8)

ركوة فاستنجى ثم مسح يده على الأرض ثم أتيته بإناء كان النبي صلى الله عليه وسلم إذا أتى الخلاء أتيته بماء فى تور أو آخر فتوضأ[١١٨]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini merupakan tambahan penjelasan daripada Shamsuddin Siddiq apabila mengkaji kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Ia diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud dan al-Bayhaqi[119] dengan sumber pertamanya Abu Hurayrah. *Matan* yang dinukil di atas sememangnya sama dengan dua sumber riwayat tersebut. Para ulama seumpama ᶜAbd al-Haq al-Ishbili[120] menyatakannya *ṣaḥīḥ al-isnad*; begitupun al-Nawawi[121], menyatakan demikian dan kemudian berkesimpulan bahawa hadis ini *ḥasan*; yang diikuti kenyataan Ibn Hajar[122], bahawa hadis ini adalah *ḥasan*. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hukum atau darjat hadis ini adalah *ḥasan li dhatih*, sebagaimana dinyatakan para ulama tersebut dan juga oleh Syeikh al-Albani[123].

Fasal tentang Adab Mengambil Air Sembahyang

Dalam fasal ini akan dijelaskan enam buah hadis nabi berdasarkan nukilan menerusi kitab *Hidayat al-Salikin,* lima buah hadis di antaranya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, paparan *takhrij* Hadis dimaksud berserta analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 21 (1)

السِّوَاكُ مَطْهَرَةٌ لِلْفَمِ مَرْضَاةٌ لِلرَّبِّ ومحدة للبصر[١٢٤]

Takhrij al-Hadith: Muhaddithin seperti al-Nasa'i, Ibn Majah Ahmad bin Hanbal, Ibn Hibban dan Ibn Khuzaymah[125] meriwayatkan hadis seumpama ini, bersumber daripada lima *rawi* pertamanya, iaitu Abu Hurayrah, ᶜA'ishah, Abu Umamah, Abu Bakr al-Siddiq, dan Ibn ᶜUmar r.a. Dan apabila diperhatikan masing-masing periwayatan dalam sanad dapat digambarkan bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *tawabiᶜ* yang boleh saling menguatkan antara riwayat Hadis tersebut. Dari segi *matan* pula, nampaknya yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ada penambahan pada akhirnya, iaitu ومحدة للبصر, kerana dalam kitab-kitab sumber rujukan hadis yang ditemukan hanya menyebut السواك مطهرة للفم ومرضاة للرب.

Para ulama memberikan kenyataan yang baik terhadap sanad; Al-Ishbili[126] umpamanya menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad*, Ibn Hajar[127] menyatakan *thabit,* Ahmad Shakir[128] pula menyatakan *isnad ṣaḥīḥ,* demikian juga dengan al-Albani[129], menyatakan bahawa *isnad jayyid.* Oleh itu, dapat

diperkatakan bahawa secara keseluruhannya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih*, kerana hadis yang sedia ada sebenarnya sanad *ṣaḥīḥ* dan banyak periwayatan lain yang dapat menyokongnya, akan tetapi penambahan pada hujung *matan* ومحدة للبصر itu tidak ada dalam riwayat.

Hadis: 22 (2)

صلاة بسواك أفضل من سبعين صلاة بلا سواك[130]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dan hadis yang seumpamanya diriwayatkan antaranya oleh Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, Ibn Khuzaymah dan al-Bazzar[131] daripada ᶜA'ishah r.a. Ada juga yang bersumber daripada Ibn ᶜAbbas dan Jabir yang mengikut Ibn al-Mulaqqin[132] diriwayatkan oleh Abu Naᶜim. Dari segi *matan* Ibn al-Mulaqqin[133] menyatakan bahawa beliau mendapati banyak hadis yang semakna dengannya dan banyak jalur periwayatannya, dengan sumber pertamanya ᶜA'ishah dan Ibn ᶜAbbas, namun majoritinya dinilai *daᶜif*. Seperti riwayat Ahmad, daripada Muhammad bin Ishaq, ia berkata: menyebutkan Muhammad Muslim bin Shihab al-Zuhri daripada ᶜUrwah, daripada ᶜA'ishah r.a.:

عن عائشة زوج النبي صلى الله عليه و سلم عن النبي صلى الله عليه و سلم انه قال فضل الصلاة بالسواك على الصلاة بغير سواك سبعين ضعفا

Hadis ini secara ᶜamnya dinyatakan hukumnya antaranya oleh al-Hakim[134] bahawa *ṣaḥīḥ al-isnad* atas syarat Imam Muslim, akan tetapi mengikut Ibn Qayyim al-Jawziyyah[135] (w. 751 H./1349-1350 M.), bahawa kenyataan al-Hakim tersebut tidak berasas kerana ia tidak melakukan penyelidikan dan Imam Muslim sendiri tidak ada meriwayatkan hadis berkenaan menerusi sanad ini. Al-Bayhaqi[136] menyatakan sanad tidak kuat dan ia adalah salah satu hadis yang dibimbangkannya *ditadlis*[137] oleh Muhammad bin Ishaq, kerana ada kritikan terhadapnya bahawa ia tidak menjelaskan keadaan periwayatan daripada al-Zuhri, sama ada mendengar atau tidak, ia hanya menyatakan "al-Zuhri menyebut …" yang mana hal ini mengikut al-Arna'ut[138] boleh dikatakan *munqatiᶜ*; al-Mundhiri[139] menyatakan *ḥasan*; Ibn al-Mulaqqin[140] pula menyatakan "*rijal*nya *thiqat"*, Ibn Khuzaymah[141] pun menyatakan kebimbangannya terhadap kenyataan Muhammad bin Ishaq yang tidak mendengar daripada al-Zuhri dan kemudian *mentadliska*nnya. Adapun satu riwayat Abu Naᶜim yang bersumber daripada Jabir adalah sebagai berikut:

ركعتان بالسواك أفضل من سبعين ركعة بغير سواك

Matan mengikut al-ᶜIraqi[142] dengan mengutip pandangan al-Bayhaqi bahawa riwayat ini benar adanya jika tanpa ayat من سبعين صلاة. Dengan demikian hadis ini dapat dinyatakan *ḥasan li ghayrih* apabila ayatnya صلاة بسواك أفضل من صلاة بلا سواك, kerana mendapat sokongan daripada hadis lain yang lebih kuat dan satu tajuk dengan perkara bersiwak ini, seumpama hadis nombor 23 selepas ini, akan tetapi apabila *matan* ada ayat من سبعين صلاة maka dihukumkan *daᶜif* sepertimana dinyatakan al-ᶜIraqi di atas.

Hadis: 23 (3)

لَوْلاَ أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لاَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ عِنْدَ كُلِّ صَلاَةٍ[143]

Takhrij al-Hadith: Matan hadis ini sememangnya sangat popular dalam kalangan umat Islam. Ia diriwayatkan oleh ramai periwayat antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal[144]. Sumber periwayatannya pun cukup banyak antaranya, Abu Hurayrah, ᶜAli bin Abi Talib, Ibn ᶜAbbas, Ibn ᶜUmar, ᶜA'ishah dan lain-lain, manakala *tabiᶜin*nya pula antaranya adalah, ᶜAbd al-Rahman al-Aᶜraj, Ibn Sirin, Saᶜid bin Abi Saᶜid al-Maqbari, ᶜAta *maula* Ummu Subayyah, Abu Salamah, Humayd bin ᶜAbd al-Rahman, dan lain-lain, dengan itu dapatlah diperkatakan bahawa *sanad* hadis ini memiliki *shawahid* dan *mutabaᶜat* yang banyak.

Manakala dari segi *matan* pula, penggalan hadis yang dinukil oleh penyusun kitab *Hidayat al-Salikin* secara ᶜamnya boleh dikatakan sama dengan majoriti periwayatan ahli hadis dalam kitab sumber mereka, kecuali itu ada sedikit perbezaan penggunaan lafaznya sahaja, seperti sesetengah periwayatan menyatakan فرضت عليهم السواك hal ini boleh nampak daripada periwayatan Imam Ahmad dan sebahagian lagi ada yang meriwayatkan tanpa akhiran عند كل صلاة seperti satu riwayat al-Bukhari. Hukum atau nilai bagi hadis ini dapatlah dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan demikian juga dinyatakan oleh para ulama seumpama al-Mundhiri[145], al-Nawawi[146], Ibn al-Mulaqqin[147], Ibn Hajar[148], al-ᶜIraqi[149] dan al-Albani[150].

Hadis: 24 (4)

قال: هكذا أمرني أن رسول الله صلى الله عليه وسلم اذا توضاء أخذ كفا من الماء فأدخله تحت حنكه فخلل به لحيته

ربى عز وجل[١٥١]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan tambahan penjelasan daripada Shamsuddin Siddiq menerusi *tahqiq* beliau terhadap kitab *Hidayat al-Salikin.* Hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Abu Dawud dan al-Bayhaqi[152], dengan *rawi* pertamanya Anas bin Malik dan ᶜUthman bin ᶜAffan. Riwayat melalui Anas bin Malik merupakan hadis *qawli* sementara jalur *sanad* yang bersumber daripada ᶜUthman bin ᶜAffan merupakan hadis *fiᶜli* dan nukilan tersebut sememangnya sama dengan kitab rujukan yang ada. Majoriti ulama seumpama al-Nawawi[153], menyatakan hadis ini adalah *ṣaḥīḥ,* mengikut Ibn Hajar[154], yang mengutip pandangan al-Bukhari menyatakannya *ḥasan*, apabila ditanyakan kepadanya tentang hadis ini, akan tetapi dalam perkara sama mengikut beliau bahawa hadis *fiᶜli* ᶜUthman bin ᶜAffan adalah lebih *ṣaḥīḥ*. Jadi, secara amnya dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[155], dan minimum hadis yang darjatnya *ḥasan* pun boleh dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* kerana mendapat sokongan daripada riwayat yang lebih kuat nilainya.

Hadis: 25 (5)

إِنَّ أُمَّتِي يُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ[156]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim*,* Ahmad dan al-Bayhaqi[157] daripada Abi Hurayrah dan Hudhayfah r.a. dengan *matan* yang serupa dengan nukilan tersebut. Hadis ini dapat dinyatakan sebagai *ṣaḥīḥ* sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta yang lainnya, dan dinyatakan oleh para ulama seperti al-Mundhiri[158] dan al-Albani[159] bahawa *sanad* hadis ini tidaklah diragui ke*ṣaḥīḥ*annya, akan tetapi terhadap penggalan terakhir daripada *matan* "فمن استطاع منكم أن يطيل غرته فليفعل" tersebut oleh al-Albani[160] dinyatakan *daᶜif* kerana mengikut kajian beliau adalah *mudraj*, yakni tambahan yang dikatakan beliau bukan daripadan Nabi SAW, namun demikian beliau sama sekali tidak menafikan ke-*ṣaḥīḥ*-an penggalan pertamanya.

Hadis: 26 (6)

كانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ التَّيَمُّنَ فِي شَأْنِهِ كُلِّهِ فِي تَنَعُّلِهِ وَتَرَجُّلِهِ وَطُهُورِهِ[161]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq dan sesungguhnya dimaktubkan dalam banyak kitab hadis antaranya, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abi Dawud, Sunan al-Tirmidhi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibn Majah, Musnad Ahmad*, *Sunan al-Bayhaqi*[162]. Dan daripada periwayatan tersebut dapat digambarkan bahawa *rawi* pertamanya adalah ᶜA'ishah r.a. dan *tabiᶜin*nya adalah Masruq. Hal ini memberikan faham bahwa hadis ini adalah *ahad* dari sudut sanad. Dari sudut *matan* pula, dapat dikatakan sama antara nukilan Shamsuddin Siddiq dengan kitab-kitab yang menjadi sumber rujukan hadis ini. Hukum hadis ini pun dapatlah dinyatakan *ṣaḥīḥ* sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta *ashab al-sunan*, dan juga dinyatakan sedemikian oleh para ulama seumpama al-Albani[163].

Hadis: 27 (7)

[164] رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم يتوضاء فأخذ لأذنيه ماء خلاف الماء الذى أخذه لرأسه

Takhrij al-Hadith: Riwayat hadis yang ditambahkan oleh Shamsuddin Siddiq ini sama dengan yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi[165] dan bersumber daripada ᶜAbdillah bin Zayd bin ᶜAsim dengan satu jalur periwayatan sahaja. Al-Nawawi[166], Ibn al-Mulaqqin[167] menilainya *ṣaḥīḥ* dan al-Bayhaqi[168] pula menyatakan *isnad ṣaḥīḥ,* manakala mengikut al-Albani[169] adalah *shadh*[170]. Penilaian *shadh* tersebut mungkin bepunca daripada perbezaan *matan* kerana kebanyakan periwayatan tidak menyebut secara khusus seumpama riwayat tersebut. Riwayat al-Bukhari misalnya:

.. فَغَسَلَ بِهِمَا وَجْهَهُ ثُمَّ أَخَذَ غَرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَغَسَلَ بِهَا يَدَهُ الْيُمْنَى ثُمَّ أَخَذَ غَرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَغَسَلَ بِهَا يَدَهُ الْيُسْرَى ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ ثُمَّ أَخَذَ غَرْفَةً مِنْ مَاءٍ فَرَشَّ عَلَى رِجْلِهِ الْيُمْنَى حَتَّى غَسَلَهَا ثُمَّ أَخَذَ غَرْفَةً أُخْرَى فَغَسَلَ بِهَا رِجْلَهُ يَعْنِي الْيُسْرَى ...[١٧١]

Rasulullah SAW tidak menyebut langsung perihal menyapu kedua telinga, sama ada dengan air baqi daripada untuk kepala ataupun air yang baru . Riwayat Abu Dawud pula sebagai berikut:

..... وغسل وجهه ثلاثا ثم غسل يده اليمنى ثلاثا وغسل يده اليسرى ثلاثا ثم أدخل يده فأخذ ماء فمسح برأسه وأذنيه فغسل بطونهما وظهورهما مرة واحدة ثم غسل رجليه..... [172]

Abu Dawud meriwayatkan bahawa Rasulullah "menyapu kepala dan telinga" namun tidak menyebut air yang digunakan, kecuali ada isyarat dengan sekali sapu sahaja, riwayat al-Turmudhi pula sebagai berikut:

..... فغسل وجهه ثلاثا ومسح برأسه وقال الأذنان من الرأس .....[173]

Riwayat ini dengan jelas menyatakan menyapu akan kepala dan dinyatakan bahawa dua telinga itu merupakan bahagian daripada kepala, yang bermaksud bahwa air yang digunakan untuk menyapu kepala itulah sekali dengan menyapu telinga. Namun, al-Turmudhi[174] mengutip kenyataan Qutaybah dan Hammad bahawa tidak pasti pula apakah ini kenyataan Nabi SAW ataukah daripada Abi Umamah sahaja.

Al-Albani sememangnya menyatakan bahawa hadis yang menjadi tajuk ini adalah *ṣaḥīḥ* sanad akan tetapi *shadh*. Beliau menjelaskan dalam *al-Silsilah al-Daᶜifah*[175]nya bahawa selain hadis tersebut ada hadis lain daripada ᶜAbd ᶜAziz bin ᶜImran bin Miqlas dan Harmalah bin Yahya daripada Ibn Wahb; juga ada riwayat Imam Muslim daripada Harun bin Maᶜruf, Harun bin Saᶜid al-'Ayli dan Abu al-Tahir daripada Ibn Wahb -dengan sanad yang juga *ṣaḥīḥ*- melihat Rasulullah SAW berwuduk; antara *matan* bermaksud, bahawa "Rasulullah menyapu sebahagian kepala dengan air yang bukan sisa daripada membasuh tangan" dan tidak menyebut kedua telinga. Al-Bayhaqi menyatakan bahawa riwayat yang kedua (ومسح برأسه بماء غير فضل يديه، ولم يذكر الأذنين) ini lebih *ṣaḥīḥ*, dan dengan inilah kemudian dinyatakan oleh al-Albani bahawa riwayat yang pertama adalah *shadh*, kerana ianya berlainan dengan riwayat kedua yang lebih *ṣaḥīḥ*. Ditambah lagi dengan kenyataan Ibn Hajar bahawa "tidak diragui lagi bahawa Abu al-Tahir dan yang lainnya -bagi riwayat kedua- tersebut merupakan *tabiᶜ* kepada *rawi* yang lainnya, dan beliau (al-Albani) berkesimpulan bahawa tidak ada sunnah yang mewajibkan mengambil air baru untuk menyapu telinga, bahkan mengikut beliau ada hadis daripada al-Rabiᶜ binti Muᶜawwidh yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang *ḥasan*, bahawa "Nabi SAW menyapu kepala dengan air lebih daripada membasuh tangan" apatah lagi setakat menyapu telinga sahaja.

Apa yang dinyatakan oleh al-Albani bahawa riwayat ini *shadh* -dari sudut pandangan Ilmu Hadis- adalah benar dan nampaknya beliau lebih memilih *al-tarjih* untuk didahulukan daripada *al-jamᶜ* dalam penilaiannya, manakala bagi Imam Ahmad dan al-Shafiᶜi -yang tercatat dalam mazhab fiqh mereka menganggap sunnah menyapu telinga dengan air yang baru-

berkemungkinan lebih mendahulukan metode *al-jam*ᶜ daripada *al-tarjih* kerana kedua-dua hadis itu diakui ada riwayat yang *ṣaḥīḥ* paling tidak pun dinyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad* oleh ulama seperti al-Nawawi, Ibn al-Mulaqqin dan al-Bayhaqi walaupun pada masa yang sama adalah *shadh* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani yang memberi erti bahawa hadis ini lemah (*da*ᶜ*if*), dan ada juga *matan* yang lain "Rasulullah menyapu sebahagian kepala dengan air baru bukan sisa membasuh tangan, dan tidak menyebut kedua telinga".

Hadis: 28 (8)

مسح الرقبة أمان من الغل يوم القيامة[176]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini tidak diriwayatkan oleh *muhaddithin*, ianya termaktub dalam kitab karya al-Ghazali, iaitu *Ihya*' ᶜ*Ulum al-Din*[177]. Para ulama seperti al-Nawawi[178], menyatakannya *mawdu*ᶜ; Ibn al-Mulaqqin menyatakan *gharib jiddan*; al-Subki[179] pula menyatakan tidak ditemukan sanad; al-ᶜIraqi[180] menyatakan *isnad*nya *da*ᶜ*if*; al-Fayruz Abadi[181] menyatakannya tidak ditetapkan sebagai hadis, al-Qari[182] juga menyatakannya *mawdu*ᶜ. Oleh itu, dapat disimpulkan dan dinyatakan bahawa hadis ini adalah *mawdu*ᶜ, kerana majoriti ulama membuat kenyataan seperti demikian ataupun mengisyaratkannya sebegitu, dan kesimpulan ini menepati kenyataan yang dikemukakan oleh syeikh al-Albani[183].

Hadis: 29 (9)

أَلاَ أُنَبِّئُكُمْ كَيْفَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ قُلْنَا بَلَى فَدَعَا بِمَاءٍ فَغَسَلَ وَجْهَهُ ثَلاَثًا وَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ ثَلاَثًا ثُمَّ غَسَلَ يَدَيْهِ إِلَى مِرْفَقَيْهِ ثَلاَثًا ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ ثَلاَثًا ثُمَّ قَالَ هَكَذَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ[١٨٤]

Takhrij al-Hadith: Riwayat hadis ini merupakan nukilan tambahan Shamsuddin Siddiq, ia diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal yang bersumber daripada seorang ayah kepada seorang lelaki Ansar, juga diriwayatkan oleh al-Bayhaqi yang bersumber daripada ᶜAli bin Abi Talib, Abu Dawud dan al-Nasa'i[185] pula meriwayatkan dengan *matan* sedikit berbeza yang juga bersumber daripada ᶜAli bin Abi Talib. Hadis seumpamanya juga diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang bersumber daripada ᶜAbdullah bin Zayd bin ᶜAsim, al-Turmudhi[186]

meriwayatkan hadis yang berumber daripada Abu Umamah al-Bahili. Dari segi *matan* pula ada perbezaan, dan nampaknya Shamsuddin Siddiq lebih condong kepada mengikuti riwayat Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi. Adapun kebanyakan *matan* hadis yang lainnya seperti riwayat Muslim yang bersumber daripada ᶜAbdullah bin Zayd bin ᶜAsim berikut:

يده فاستخرجها فغسل يديه إلى المرفقين، مرتين مرتين. ثم أدخل ثم أدخل . فغسل وجهه ثلاثا أدخل يده فاستخرجها ثم رسول الله برأسه. فأقبل بيديه وأدبر. ثم غسل رجليه إلى الكعبين. ثم قال: هكذا كان وضوء يده فاستخرجها فمسح صلى الله عليه وسلم.

Adapun nilai hadis riwayat Ahmad yang diikuti oleh nukilan al-Paembani tersebut, mengikut Ahmad Shakir[187] riwayat seorang ayah bagi seorang lelaki daripada Ansar adalah *sanad daᶜif*, sementara riwayat yang lain majoritinya adalah *ṣaḥīḥ*, lebih-lebih lagi yang sesuai dengan riwayat al-Bukhari dan Muslim, sebagaimana dinyatakan oleh al-Mundhiri[188]. Mengikut Ibn al-Mulaqqin[189] hadis seumpamanya diriwayatkan dalam banyak jalur periwayatan. Manakala, al-Albani[190] memberikan penilaian bahawa hadis riwayat al-Turmudhi yang bersumber daripada Abu Umamah al-Bahili adalah *ṣaḥīḥ*, sementara riwayat al-Turmudhi yang bersumber daripada ᶜAbdullah bin Zayd bin ᶜAsim adalah *ṣaḥīḥ al-isnad,* namun *shadh* pada ayat "*membasuh kaki dua kali"* kerana periwayatan yang lebih kuat tidak meyebut bilangannya. Oleh itu, hadis yang menjadi fokus ini dapat dikatakan pada asasnya adalah *daᶜif al-isnad* namun demikian dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* kerana adanya sokongan daripada riwayat lain yang bernilai *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 30 (10)

[191].إن من ذكر الله عند وضوءه طهره الله جسده كله، ومن لم يذكر الله لم يطهر منه الا ما أصابه الماء

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama ini diriwayatkan oleh al-Dara Qutni dan al-Bayhaqi[192]. Kedua-dua periwayatan tersebut bersumber daripada Abi Hurayrah sahaja, hal ini bermakna bahawa periwayatan hadis ini adalah *ahad*, dengan dua orang *mukharrij*. Dari sisi *matan* pula ada sedikit perbezaan antara sumber hadis dengan nukilan dalam kitab *al-Palembani*. Dalam dua sumber berkenaan disebutkan *matan* adalah :

.من توضاء وذكر اسم الله تطهر جسده كله، ومن توضاء ولم يذكر اسم الله لم يطهر الا موضع الوضوء

Apabila diperhatikan apa yang termaktub dalam sumber, berupa ayat

sebuah kenyataan, sementara dalam kitab *Hidayat al-Salikin* nampak ayatnya berupa sebuah penekanan dan kesimpulan daripada sebuah kenyataan, walaupun sesungguhnya maknanya boleh dikatakan sama.

Majoriti ulama seperti al-San^{c}ani (w. 211 H.)[193] dan al-Bayhaqi[194] menilai hadis ini adalah *da^{c}if* , kerana dalam *sanad* ada Mirdas bin Muhammad dan Muhammad bin Aban, yang dinilai oleh al-^{c}Asqalani *da^{c}if*[195]. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa riwayat hadis ini adalah *da^{c}if* sepertimana dinyatakan al-Bayhaqi dan al-San^{c}ani di atas, demikian juga dinyatakan oleh al-Albani[196] dalam tahqiq beliau terhadap *mishkat al-Masabih*.

Hadis: 31 (11)

إِنَّمَا ٱلْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى ﴿١٣١﴾

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan oleh Shamsuddin Siddiq, apabila beliau menjelaskan perkara yang berkenaan dengan salah satu rukun wuduk adalah niat. *Matan* hadis ini sangatlah popular atau masyhur di tengah-tengah umat Islam, dan sememangnya ramai *muhaddithin* yang meriwayatkannya, antaranya Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Nasa'i dan Ahmad bin Hanbal[198].

Hadis dengan periwayat pertama yang masyhur ^{c}Umar bin al-Khattab ini dapat dinyatakan adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh dua imam hadis, al-Bukhari dan Muslim, serta majoriti ulama menyatakannya sedemikian. Al-Mundhiri[199] umpamanya menyatakan *ṣaḥīḥ*; al-Nawawi[200] pula menyatakan bahawa *ijma^{c}* ulama atas ke*ṣaḥīḥ*annya, Ibn Taymiyah[201], membuat kenyataan bahawa ke*ṣaḥīḥ*annya masyhur; Abu Na^{c}im [202], menyatakan bahawa hadis ini termasuk kumpulan hadis yang ter*ṣaḥīḥ*. Manakala di samping riwayat ^{c}Umar bin al-Khattab di atas ada pula riwayat Anas bin Malik dan Abi Sa^{c}id al-Khudri, yang dinilai oleh Ibn ^{c}Asakir[203] (w. 571 H./1175 M.), *gharib jiddan*. Al-Albani[204], juga menilai hadis riwayat ^{c}Umar bin al-Khattab di atas adalah *ṣaḥīḥ*.

Fasal tentang Adab Mandi

Fasal ketiga daripada bab kedua kitab *Hidayat al-Salikin* ini mengandungi empat buah hadis yang kesemuanya merupakan tambahan penjelasan oleh Shamsuddin Siddiq. *Takhrij* dan analisis hadis dimaksud adalah sebagai

berikut:

Hadis: 32 (1)

أن رسل الله صلى الله عليه وسلم قال إِذَا جَاوَزَ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ فَعَلْتُهُ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاغْتَسَلْنَا

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq, apabila menambah jelas perkara yang berkenaan dengan keadaan *junub* daripada mimpi atau *jima*ᶜ. Banyak *muhaddithin* meriwayatkannya, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad[206], dan majoritinya menyebutkan bahawa periwayat pertamanya adalah ᶜA'ishah r.a. yang diterima oleh Saᶜid bin al-Musayyab, Abi Salamah bin ᶜAbd al-Rahman bin ᶜAwf, Abi Musa al-Asyᶜari, dan lainnya. Ada pula riwayat yang bersumber daripada Abi Bakar, ᶜUmar bin al-Khattab, ᶜUthman bin ᶜAffan, ᶜAbdullah bin ᶜUmar, Abu Hurayrah dan Muᶜadh bin Jabal, Gambaran di atas memberikan petunjuk bahawa ada enam sahabat yang boleh dijadikan *shawahid*, manakala *mutabaᶜat*nya lebih ramai lagi.

Adapun *matan* hadis yang dikutip oleh Shamsuddin Siddiq tersebut nampaknya mengikuti riwayat al-Tirmidhi, sementara riwayat yang lain beberapa versi antaranya: pertama, إِذَا مَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ sebagaimana riwayat Imam Malik daripada ᶜA'ishah r.a., kedua إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا ٱلْأَرْبَعِ ثُمَّ جَهَدَهَا فَقَدْ وَجَبَ الْغَسْلُ sepertimana riwayat al-Bukhari dan al-Nasa'i daripada Abi Hurayrah r.a. dan ketiga إِذَا الْتَقَى الْخِتَانَانِ اغْتَسَلَ seperti riwayat Imam Ahmad daripada ᶜA'ishah r.a. Apabila diperhatikan Hadis tersebut maka dapatlah difahamkan bahawa makna yang terkandung tidaklah berbeza. Nilai bagi hadis ini dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan *Ashab al-Sunan* serta juga dinyatakan oleh para ulama, seumpama Ibn al-Mulaqqin[207], Ibn Hajar[208] dan al-Albani[209].

Hadis: 33 (2)

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ مَسَّ فَرْجَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ[210]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin,* antaranya Imam Ibn Majah, Ahamd bin Hanbal, al-Bayhaqy, al-Hakim, al-Tabrani, al-Darimiy[211], yang bersumber daripada sahabat; 1) Basrah bin Safwan, 2)Ummu Habibah, 3)Abi Ayyub, 4) Zayd bin Khalid al-Juhani

dan 5) Abu Hurayrah, manakala *tabi*ᶜ*in*nya pula antaranya adalah, Urwah, Marwan bin al-Hakam, ᶜAnbasah bin Abi Sufyan, ᶜAbd al-Rahman bin ᶜAbd al-Qari, ᶜUrwah bin al-Zubayr, Abi Wahb al-Khuzaᶜi dan Saᶜid bin Abi Saᶜid al-Maqburi. Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa periwayatan hadis ini mempunyai *shawahid* dan *tawabi*ᶜ yang cukup banyak, belum termasuk jalur periwayatan yang semakna dengannya. Adapun dari segi *matan* pula hampir semua riwayat menunjukkan kesamaan dengan yang dinukil al-Palembani.

Para ulama, seperti al-Tahawi[212] (w. 321 H./935 M.) menyatakan *fasid*; sementara al-Hakim[213] menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Khalili[214] pula menyatakan bahawa riwayat yang dibawa oleh ᶜAbd al-ᶜAziz bin Aban al-Kufi adalah *daᶜif*; al-Dhahabi[215] dalam satu kenyataannya *munqatiᶜ*, kerana ᶜAbd al-Baqi[216], mengutip pandangan al-Bukhari dan Abu Zurᶜah bahawa *rawi* "makhul" dalam salah satu periwayatan ini, tidak mendengar daripada ᶜAnbasah bin Abi Sufyan; dan pada saat yang sama al-Dhahabi menyatakan "sanad kuat"[217]; Ibn al-Mulaqqin[218], menyatakannya *ṣaḥīḥ*, al-Haythami[219], al-Shawkani[220], juga menyatakan *ṣaḥīḥ*.

Perbezaan hasil penilaian ini berlaku kerana berbezanya sanad yang mereka nilai, kerana banyaknya riwayat bagi hadis ini dan ianya dapat juga dijadikan *shahid* dan *mutabaᶜat*, rawi yang dinilai kurang baik itu dapat dikuatkan dengan rawi lain yang masih lagi dalam satu *tabaqah* dengannya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa secara umumnya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* ataupun *ṣaḥīḥ li ghayrih* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[221]

Hadis: 34 (3)

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلاَ يُصَلِّ حَتَّى يَتَوَضَّأَ[222]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini juga merupakan nukilan tambahan oleh Shamsuddin Siddiq untuk memperjelas keterangan al-Palembani. Ia antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[223]. Majoriti jalur periwayatannya bersumber daripada Basrah bin Safwan yang diterima oleh *tabi*ᶜ*in* yang bernama Marwan, mengikut al-Tirmidhi bahawa ada juga riwayat Ummu Habibah, Abi Ayyub, Abi Hurayrah, ᶜA'ishah, Jabir, Zayd bin Khalid dan Ibn ᶜUmar melalui jalur riwayat sesudahnya sama dengan daripada Basrah; ᶜIbn ᶜUmar, sebagai *rawi* pertamanya juga ada meriwayatkan kepada Nafiᶜ. *Matan* hadisnya pula agaknya Shamsuddin

Siddiq, mengikuti riwayat al-Tirmidhi dan al-Nasa'i, manakala riwayat yang lainnya adalah: مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ ada juga riwayat dengan tambahan di hujungnya iaitu مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ وُضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ, manakala Imam Malik pula meriwayatkannya dengan *matan* مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْوُضُوءُ.

Adapun hukum atau nilai hadis ini dapatlah dinyatakan *ṣaḥīḥ,* sebagaimana dinyatakan oleh majoriti ulama, walaupun al-Tirmidhi[224] sendiri menyatakannya *ḥasan ṣaḥīḥ,* akan tetapi beliau mengutip pandangan Abu Zur^{c}ah bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Habibah dalam perkara ini adalah *ṣaḥīḥ*, juga riwayat yang bersumber daripada Basrah. Kenyataan tersebut selaras dengan kenyataan Ahmad Shakir[225], al-Albani[226] dan al-Wadi^{c}i[227], bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ* adanya.

Hadis: 35 (4)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ۞

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq sebagai tambahan keterangan dan ianya sama dengan yang telah pun disebutkan beliau sebelum ini, iaitu pada fasal kedua hadis yang ke 31 (11). Oleh itu, untuk maklumat lebih lanjut tentang *sanad* dan *matan* sila rujuk kepada kod bilangan tersebut, dan secara ringkasnya dapat dinyatakan bahawa nilai hadis berkenaan adalah *ṣaḥīḥ* dengan *matan* yang sama daripada semua periwayatan yang ada dan yang masyhur berdasarkan riwayat ^{c}Umar Ibn al-Khattab.

Fasal tentang Adab Bertayamum

Pada fasal yang keempat ini secara eksplisit tidak ada menyebutkan hadis Nabi, akan tetapi secara implisit menyebut "berdasarkan hadis Nabi SAW", dan oleh Shamsuddin Siddiq kemudian dinukil hadisnya, iaitu sebagai berikut:

Hadis: 36 (1)

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الصَّلَوَاتِ يَوْمَ الْفَتْحِ بِوُضُوءٍ وَاحِدٍ[٢٢٩]

*Takhrij al-Hadith***:** Hadis seumpama dan semakna dengan hadis tersebut, antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi,

Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[230]. Para *muhaddithin* menyebutkan bahawa hadis tersebut daripada sahabat Buraydah bin al-Husayb al-Aslami dengan *tabi*ᶜ*in* (anaknya sendiri) Sulayman bin Buraydah. Selain itu, ada juga riwayat yang bersumber daripada Anas bin Malik, Jabir bin ᶜAbdillah. Adapun *matan* hadisnya tidak seluruhnya sama akan tetapi sama-sama menerangkan perihal yang berlaku pada masa awal Islam, iaitu hari pembukaan kota Mekah (يوم الفتح), Rasulullah SAW mengerjakan sembahyang lima waktu dengan sekali berwuduk sahaja; ᶜUmar bin al-Khattab menanyakan perihal berkenaan kepada Rasulullah SAW, beliau pun menjawab: "Aku melakukan hal ini secara sengaja dan sedar. Seperti riwayat Imam Muslim -yang nampaknya diikuti oleh Shamsuddin Siddiq dalam nukilannya- sebagai berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الصَّلَوَاتِ يَوْمَ الْفَتْحِ بِوُضُوءٍ وَاحِدٍ

Riwayat Ahmad pula sebagai berikut:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يتوضأ عند كل صلاة فلما كان يوم الفتح توضأ ومسح على خفيه وصلى الصلوات بوضوء واحد ..

Hadis pada tajuk ini dapatlah dinyatakan hukumnya adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim dan lainnya, serta dinyatakan oleh para ulama seumpama syeikh al-Albani[231].

Fasal tentang Adab Keluar (Pergi) Ke Masjid

Dalam fasal ini Syeikh Abdus Samad al-Palembani menukilkan tiga buah hadis untuk dijadikan sandaran dalam penjelasannya mengenai adab keluar (pergi) ke masjid, *takhrij* dan analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 37 (1)

صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ عَلَى صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Takhrij al-Hadith: Hadis pertama dalam fasal ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab beliau, antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal[233]. Sanad yang menyatakan 27 kali ganda, adalah bersumber daripada Ibn ᶜUmar,

manakala dengan keutamaa 25 kali ganda adalah riwayat Abu Sa^{c}id al-Khudri, bahkan mengikut al-Tirmidhi, riwayat seumpama dengan yang kedua (keutamaan 25 kali ganda) ini bersumber daripada sahabat yang ramai antaranya, ^{c}Abdullah bin Mas^{c}ud, Ubay bin Ka^{c}b, Mu^{c}adh bin Jabal, Abi Sa^{c}id dan Abi Hurayrah. Jadi, majoriti periwayatannya adalah بِخَمْسَةٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا, (25 kali ganda), kecuali Ibn ^{c}Umar yang meriwayatkan 27 ganda, akan tetapi kedua-duanya juga diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dengan *matan* yang sedikit berbeza, seperti riwayat al-Bukhari berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Oleh itu, kedua-dua riwayat hadis ini (sama ada yang menyatakan 25 kali ganda mahupun 27 kali ganda/darjat) dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* keduanya, sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh dua imam hadis (Bukhari dan Muslim) dan *ashab al-sunan* serta dinyatakan juga oleh para ulama, antaranya: Ibn Hazm[234] (w. 456 H./1064 M.), al-Mundhiri[235], Ahmad Shakir[236] dan al-Albani[237].

Hadis: 38 (2)

مَنْ صَلَّى أَرْبَعِينَ يَوْمًا الصلوات فِي جَمَاعَةٍ لا تفوته فيها تكبيرة الإحرام كتب الله له براءتين براءة من النفاق وبراءة من النار[٢٥]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini semakna dengan riwayat Imam al-Tirmidhi[239], ia bersumber daripada Anas bin Malik dengan teks yang sedikit berbeza daripada nukilan tersebut. Riwayat al-Tirmidhi dimaksud adalah *matan* sebagai berikut:

مَنْ صَلَّى لِلَّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ التَّكْبِيرَةَ الأُولَى كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَتَانِ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ النِّفَاقِ

Abu Hatim al-Razi[240] menyatakan bahawa *rawi* Habib dalam sanad ini tidak diketahui, dan Ibn ^{c}Asakir[241] menyatakan hadis ini *gharib*, kerana sememangnya hanya ada satu jalur periwayatannya. Al-Mundhiri[242] menyatakan hadis ini adalah *ḥasan* yang nampaknya disokong oleh al-^{c}Iraqi[243] dengan kenyataan bahawa *sanad thiqat*. Adapun *matan* yang diberi garisan bawah tersebut adalah ayat yang berbeza, penulis menilai bahawa kalaulah itu dianggap sebuah kesilapan kemungkinan yang

tertulis dalam *Hidayat al-Salikin* sesungguhnya tidaklah diingini, dan sebenarnya mengikuti riwayat al-Tirmidhi dan kesilapan tersebut dapatlah diperbetulkan mengikut yang sebenar, dan semestinyalah dapatan dalam kitab sumber hadis ini dapat sedikit sebanyak memperbetulkan kesilapan tersebut. Oleh itu, al-ᶜIraqi tiada memberikan komen berkaitan perkara ini, kerana pada hakikatnya ianya tidak akan menimbulkan pemahaman lain.

Apabila diperhatikan sanad periwayatan al-Tirmidhi sebagai *mukharrij* ada lima periwayat sehingga kepada Rasulullah SAW:

1. Anas bin Malik (w. 92/93 H.)[244] sebagai periwayat pertama yakni peringkat sahabat yang sudah pun diakui keadilannya.
2. Habib bin Abi Thabit (w. 119 H), dinyatakan oleh Abu Hatim al-Razi *majhul* di atas itu sebenarnya bukan *majhul al-hal* (tidak diketahui identitinya), melainkan kerana namanya ada yang menyebutnya Qays bin Dinar, juga ada yang mengatakannya Ibn Hind, atau Habib bin Hind, sebab al-Dhahabi[245] menyatakannya *thiqah mujtahid* lagi *faqih*; Ibn Hajar[246] pula menilainya *thiqah faqih jalil* namun banyak melakukan *irsal* dan *tadlis*.
3. Taᶜmah bin ᶜAmr al-Jaᶜfari, dinilai oleh al-ᶜAsqalani[247] *saduq* lagi *ᶜabid*.
4. Salm bin Qutaybah al-Shaᶜiri (w. 200 H.), al-Mizzi[248] menilainya dengan mengutip pandangan Yahya bin Maᶜin, "adalah tidak mengapa"; dan mengikut pandangan Abu Dawud dan Abu Zurᶜah adalah *thiqah*; al-Dhahabi berkesimpulan *saduq* dan Ibn Hajar[249] menilainya *thiqah* yang agak lemah.
5. Periwayat kelimanya ada dua orang, iaitu pertama ᶜUqbah bin Mukram bin Aflah (w. 250 H.) (Abu ᶜAbd al-Malik), mengikut al-Mizzi[250] dengan mengutip pandangan Abu Dawud adalah *thiqah thiqah*; al-Dhahabi berkesimpulan ianya adalah *al-hafiz* manakala Ibn Hajar[251] pula menilainya *thiqah*; rawi keduanya adalah Nasr bin ᶜAli bin Nasr bin ᶜAli bin Suhban bin Abi al-Azdi al-Jahdami (w. 250 H.), dinilai oleh al-Dhahabi sebagai *al-hafiz* juga, dan apabila beliau mengutip pandangan Abu Hatim adalah ianya lebih *thiqah* dan lebih kuat hafalannya daripada *rawi* pertamanya, manakala Ibn Hajar[252] juga menilainya *thiqah*.

Dengan demikian dapatlah diperkatakan bahawa riwayat hadis mengikut *matan* al-Tirmidhi ini adalah *ḥasan li dhatih* kerana hampir semua *rawi* berdasarkan penilaian ulama dapat dinyatakan sebagai *thiqah*

ataupun *saduq* atau seumpamanya, walaupun ada penilaian Yahya bin Ma^{c}in, terhadap *rawi* keempat adalah "tidak mengapa", akan tetapi ulama yang lain seumpama Abu Dawud dan Abu Zur^{c}ah menilainya *thiqah*. Kesimpulan ini menepati kenyataan al-Albani[253] atau dalam ruang yang lain beliau menyatakannya *ḥasan li ghayrih* sahaja kerana ada rawi yang dianggap *majhul*.

Hadis: 39 (3)

مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى نِصْفَ اللَّيْلِ وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي جَمَاعَةٍ فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Malik, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi, al-Darimi, Ibn Hibban, dan Ibn Khuzaymah,[255], dengan *rawi* pertama (sahabat) yang sama iaitu ^{c}Uthman bin ^{c}Affan, serta *tabi^{c}in* ^{c}Abd al-Rahman bin Abi ^{c}Umrah dan Muhammad bin Ibrahim. Adapun dari segi *matan* pula al-Palembani agaknya lebih condong mengikuti riwayat Imam Muslim kecuali ada sedikit perbezaan. Imam Muslim menggunakan kalimah قَامَ selepas فَكَأَنَّمَا pada penggal pertama hadis dan menggunakan صَلَّى pada penggalan kedua, sementara al-Palembani kedua-dua penggalnya menggunakan صَلَّى. Manakala, riwayat yang lain seperti Abu Daud dan Ahmad bin Hanbal menggunakan *adat* (huruf) *tashbih kaf* sahaja, seperti كَقِيَامِ نِصْفِ لَيْلَةٍ كَانَ dan كَانَ كَقِيَامِ لَيْلَةٍ. Perbezaan tersebut sama sekali tidak merubah makna dan pemahamannya, tetapi memberikan petunjuk bahawa hadis ini diriwayatkan secara makna (*riwayah bi al-ma^{c}na*).

Hadis ini dapat dikatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, serta dinyatakan demikian oleh majoriti ulama, seumpama al-Mundhiri[256], Ahmad Shakir[257], dan al-Albani[258].

Fasal tentang Adab Masuk Masjid sehingga Terbit Matahari

Dalam fasal ini ada sembilan hadis yang akan ditakhrij; empat hadis merupakan nukilan al-Palembani dan lima hadis lainnya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq untuk memperjelas

keterangan al-Palembani. Hadis berserta *takhrij* dan analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 40 (1)

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال إذا دخل أحدكم المسجد فليركع ركعتين قبل أن يجلس

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan Shamsuddin Siddiq, apabila memperjelas dan menegaskan semula kenyataan *mu'allif* dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* halaman 41: "Dan apabila masuk engkau ke dalam masjid, maka janganlah duduk sehingga engkau sembahyang dua raka^{c}at *tahiyyat al-masjid*". Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi dan Ibn Hibban,[260] yang bersumber daripada Abi Qatadah r.a. Dari segi *matan* pula hampir tidak ada perbezaan kecuali riwayat Ibn Majah dengan lafaz: فَلْيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ. Dan hadis ini dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh *Shaykhan* (al-Bukhari dan Muslim) serta *Ashab al-Sunan*, dan demikian juga dinyatakan oleh para ulama seumpama Ibn al-Mulaqqin[261], al-Haythami[262] dan al-Albani[263].

Hadis: 41 (2)

من اعتكف إيمانا واحتسابا غفر الله له ما تقدم من ذنبه[264]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini didapati dalam *al-Jami^{c} al-Saghir*[265] yang kemudian di*sharh* oleh al-Manawi[266], beliau menyebutkan bahawa hadis ini ditakhrij oleh al-Daylami, dan dikatakannya bahawa mengikut al-Daylami ianya bersumber daripada ^{c}A'ishah r.a. dengan *matan* seumpama nukilan tersebut. Mengikut al-Manawi[267], hadis ini *da^{c}if* kerana ada *rawi* yang tidak dikenali. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if*, sepertimana dinyatakan oleh al-Manawi dan menepati dengan kesimpulan dan kenyataan al-Albani[268].

Hadis: 42 (3)

من اعتكف عشرا فى رمضان كان كحجتين وعمرتين

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh

Imam al-Bayhaqi dan al-Tabrani[270]. Kadua-dua riwayat tersebut daripada al-Husayn kepada anaknya ᶜAli bin al-Husayn, yang memberi erti bahawa sanad adalah *ahad*. Adapun *matan* hadisnya pula ada sedikit perbezaan di antara kedua-dua periwayatan tersebut, riwayat al-Bayhaqi sama dengan nukilan oleh al-Palembani, sementara riwayat al-Tabrani pula adalah: اعْتِكَافُ عَشْرٍ فِي رَمَضَانَ كَحَجَّتَيْنِ وَعُمْرَتَيْنِ, akan tetapi dari segi maknanya dapat dikatakan sama, tidak menimbulkan perbezaan pemahaman.

Para ulama seumpama al-Bayhaqi[271] menyatakan hadis ini *isnad daᶜif*; al-Dhahabi[272] dan al-Haythami[273] menyatakan bahawa dalam sanad ada ᶜAnbasah bin ᶜAbd al-Rahman adalah *matruk,* dan apabila beliau mengutip pandangan al-Bukhari menyatakan bahawa selain ᶜAnbasah ada seorang lagi *rawi* Muhammad bin Zadhan yang tidak diambil kira atau tidak ditulis hadisnya. Sanad al-Tabrani pula *isnad daᶜif* juga, kerana pada hakikatnya sama dengan sanad al-Bayhaqi tersebut, dan ada seorang *rawi* lagi Muhammad bin Sulayman yang oleh Ibn Hajar[274] dikatakan *majhul*; manakala mengikut Syeikh al-Albani[275] adalah hadis ini *mawduᶜ*.

Kenyataan al-Albani tersebut cukup beralasan kerana para ulama seumpama al-Mizzi[276] yang mengutip pandangan Abu Zurᶜah menyatakan *munkar al-hadith*; dan mengutip pandangan Abu Dawud, al-Tirmidhi, dan al-Dara Qutni, dinyatakan bahawa ᶜAnbasah adalah *daᶜif*, sementara Ibn Hajar[277] menyatakannya juga demikian dengan mengutip padangan Abu Hatim yang mendakwa ᶜAnbasah sebagai pemalsu. Selain itu, juga ada *rawi* lain, iaitu Hayyaj bin Basṯam yang dinilai *daᶜif* oleh Ibn Hajar[278] Jadi, dapatlah dinyatakan bahawa kenyataan *isnad*nya *daᶜif* mengikut sebahagian ulama terhadap sanad hadis ini adalah dalam erti *daᶜif jiddan* dan berkemungkinan jatuh kepada *mawduᶜ* yang dinyatakan oleh al-Albani, kerana penilaian majoriti ulama terhadap *rawi* "ᶜAnbasah" khasnya adalah memberi isyarat kepada kesimpulan *mawduᶜ* tersebut.

Hadis: 43 (4)

دعاء سلفس صلاة سنة صبح اللهم إنى أسألك رحمة من عندك تهدى بها قلبى وتجمع بها شمل ۞

*Takhrij al-Hadith***:** Doa yang mengikut Syeikh al-Palembani dalam kitab beliau disebut sebagai *warid* daripada Nabi SAW ini sememangnya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan al-Tabrani[280]. Sama ada al-Tirmidhi mahupun al-Tabrani meriwayatkannya melalui jalur yang sama, iaitu ᶜAbdullah bin ᶜAbbas (*tabaqah kedua* pada periwayatan ini), daripada

ayahnya ᶜAbbas (sahabat). Riwayat doa ini cukup panjang, oleh itu ada sebahagian riwayat yang tidak menyebutkan selengkapnya. Ulama hadis seumpama Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[281] menyatakannya *gharib*, kerana tidak ada jalur lain kecuali daripada Abi Layli; al-Bazzar[282] menyatakan bahawa ada seorang *rawi*, Dawud bin ᶜAli dinilai oleh ulama tidak kuat, Ibn Adi[283] menyatakan tidak ada apa-apa riwayatnya, al-Albani[284] menyatakan hadis ini *daᶜif* atau *isnad*nya *daᶜif*. Kesemua penilaian ulama tersebut menunjukkan bahawa hadis ini tidak kuat dari segi *sanad*, oleh itu dapat dinyatakan bahawa riwayat hadis ini adalah *daᶜif al-isnad*, sebagaimana juga disimpulkan oleh al-Albani.

Hadis: 44 (5)

[285] أفضل الذكر لاإله إلاالله

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq. Ia antaranya diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Nasa'i, al-Hakim dan Ibn Hibban[286] dan semua periwayatannya memberi petunjuk kepada sahabat yang sama, iaitu Jabir bin ᶜAbdilllah. Adapun *matan* ada kelengkapan seperti berikut:

أَفْضَلُ الذِّكْرِ لاَ إِلَهَ إِلاَ اللَّهُ وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

Para ulama seperti al-Tirmidhi[287] menyatakan *ḥasan gharib*; al-Hakim[288] menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad*; al-Mundhiri[289], menyatakannya *ḥasan*; begitu pula Ibn Hajar[290], menyatakannya *ḥasan*; Ahmad Shakir[291] mengisyaratkannya *ṣaḥīḥ* dan al-Albani[292] menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan*. Penilaian para ulama tersebut tergambar seperti berbeza namun ianya tidak berbeza langsung apabila dilakukan kompromi, iaitu kenyataan nilai *ḥasan* bermakna *ḥasan li dhatih*; sementara kenyataan *ṣaḥīḥ* bagi hukum hadis ini, mempunyai makna *ṣaḥīḥ li ghayrih* atau *ṣaḥīḥ al-isnad*. Jadi, dapat diperkatakan bahawa hadis ini pada asasnya adalah *ḥasan li dhatih* dan dapat dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* dengan sokongan riwayat lain.

Hadis: 45 (6)

[٢٩٣].«لفظ إقامة» الله أكبر الله اكبر ...

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan Shamsuddin Siddiq bagi memperkuatkan penjelasan al-Palembani. Hadis seumpamanya banyak diriwayatkan oleh *muhaddithun*, antaranya Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, dan al-Bayhaqi[294], daripada sahabat ᶜAbdullah bin ᶜUmar, Abdullah bin Zayd, dan Anas bin Malik dengan sedikit perbezaan pada *matan*. Riwayat Abu Dawud umpamanya adalah:

كان الأذان على عهد رسول الله مثنى مثنى والإقامة فرادى إلا أن المؤذن يقول قدقامت الصلاة مرتين

Manakala, riwayat al-Bukhari dan Muslim adalah:

أمر بلال أن يشفع الأذان ويوتر الأقامة

Dan dalam syarah Muslim oleh al-Nawawi disebutkan dengan jelas akan lafaz *iqamah* yang dimaksud tersebut. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahwa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslm serta yang lainnya, dan juga dinyatakan demikian oleh para ulama seperti Ahmad bin Hanbal[295], Ibn al-Qayyim[296], Ibn al-Mulaqqin[297], dan al-Albani[298].

Hadis: 46 (7)

دعاء الجوامع الكوامل «اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ الْخَيْرِ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الشَّرِّ كُلِّهِ عَاجِلِهِ وَآجِلِهِ مَا عَلِمْتُ مِنْهُ وَمَا لَمْ أَعْلَمْ وَأَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ النَّارِ وَمَا يُقَرِّبُ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ وأسألك من خير ما سألك منه عبدك ورسولك محمد ، وأعوذ بك من شر ما استعاذ بك منه عبدك ورسولك محمد صلى الله عليه وسلم ، اللهم ما قضيت لي من أمر فا جعل عاقبته رشدا.[٢٩٩]

Takhrij al-Hadith: Doa yang mengikut al-Palembani *warid* daripada hadis Nabi SAW ini sememangnya diriwayatkan oleh Ibn Majah, al-Hakim dan Ibn Hibban[300]. Ketiga-tiga periwayatan tersebut melalui jalur periwayatan yang sama, iaitu daripada ᶜA'ishah ra Doa ini cukup panjang sehinggalah sangat besar ruang berlakunya perbezaan dalam periwayatan dari segi *matan*, di mana secara amnya boleh dikatakan sama, akan tetapi ada satu atau dua lafaz yang berbeza, dalam kitab sumber hadis didapati menggunakan lafaz قرب (*fiᶜil madi*), sementara al-Palembani menukil dengan يُقَرِّبُ (*fiᶜil mudariᶜ*), dan dalam sumber sehingga ayat مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ sahaja, sementara dalam kitab al-Palembani ada tambahan, مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ وَنِيَّةٍ وَاعْتِقَادٍ. Selengkapnya riwayat Ibn Majah umpamanya adalah sebagai berikut:

اللهم إني أسألك من الخير كله عاجله وآجله ماعلمت منه وما لم أعلم . وأعوذ بك من الشر كله عاجله وآجله ماعلمت منه وما لم أعلم . اللهم إني أسألك من خير ما سألك عبدك ونبيك . وأعوذ بك من شر ماعاذ به عبدك ونبيك. اللهم إن أسألك الجنة وما قرب إليها من قول أو عمل . وأعوذ بك من النار وما قرب إليها من قول أو عمل. وأسألك أن تجعل كل قضاء قضيته لي خيرا

Manakala, riwayat al-Hakim adalah sebagai berikut:

اللهم إني أسألك من الخير كله عاجله وآجله ما علمت منه وما لم أعلم وأعوذ بك من الشر كله عاجله وآجله ما علمت منه وما لم أعلم واسألك الجنة وما قرب إليها من قول أو عمل وأعوذ بك من النار وما قرب إليها من قول أو عمل وأسألك خير ما سألك عبدك ورسولك محمد وأعوذ بك من شر ما استعاذ بك منه عبدك ورسولك محمد صلى الله عليه وسلم واسألك ما قضيت لي من أمر أن تجعل عاقبته رشدا

Ulama seperti al-Hakim[301], Ibn Hibban[302] dan al-Albani[303] menyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* dan mengikut al-ᶜAsqalani[304] pula ada jalur lain yang diriwayatkan oleh Muslim. Dalam hal perbezaan teks atau *matan* hadis seumpama, tentulah kita mengikuti riwayat yang termaktub dalam kitab sumber, namun demikian kita pun tidak sepatutunya berkeras hati untuk menyatakan apa yang ada dalam kitab al-Palembani itu sebagai sesuatu yang salah apalagi menyatakannya tidak berdasar, kerana ianya masih dapat dikompromi dengan kenyataan sebagai tambahan dalam berdoa sahaja. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa pada asasnya hadis dalam rupa doa tersebut adalah *ṣaḥīḥ* setakat yang diriwayat oleh *muhaddithun*, sepertimana dinyatakan oleh para ulama tersebut, termasuk oleh al-Albani[305]. Manakala, yang tidak sesuai dengan riwayat, dinyatakanlah bukan hadis Nabi SAW melainkan hanya sebagai tambahan berdoa semata-mata.

Hadis: 47 (8)

من قال لاإله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيئ قدير عشر مرات كمن اعتق أربعة أنفس من ولد إسماعيل .[306]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq untuk memperjelas keterangan al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Seumpamanya, hadis diriwayatkan antaranya oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, dan al-Tabrani,[307]. Dari segi sanad, *rawi* pada *tabaqah*

sahabatnya cukup banyak antaranya, Abu Hurayrah, ᶜAmr bin Maymun, ᶜAmmarah bin Shayb al-Sabba'i, al-Barra' bin ᶜAzib, Abi Ayyub dan Ibn ᶜUmar, Hal ini menggambarkan bahawa hadis ini mempunyai banyak *shawahid* dan *tawabiᶜ*. *Matan* hadisnya pula sememangnya bervariasi, akan tetapi tidaklah melencong daripada inti tajuk, dan nukilan Shamsuddin Siddiq di atas, lebih condong kepada mengikuti riwayat Muslim daripada ᶜAmr bin Maymun, adapun riwayat al-Tirmidhi daripada Abi Hurayrah dapat diperhatikan berikut:

قَالَ مَنْ قَالَ لاَ إِلَهَ إِلاَ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ كَانَ لَهُ عِدْلُ عَشْرِ رِقَابٍ وَكُتِبَتْ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ وَمُحِيَتْ عَنْهُ مِائَةُ سَيِّئَةٍ وَكَانَ لَهُ حِرْزًا مِنْ الشَّيْطَانِ يَوْمَهُ ذَلِكَ حَتَّى يُمْسِيَ وَلَمْ يَأْتِ أَحَدٌ بِأَفْضَلَ مِمَّا جَاءَ بِهِ إِلاَ أَحَدٌ عَمِلَ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ

Bahawa Rasulullah SAW menggalakkan membacanya bahkan sampai 100 kali sehari semalaman, dan riwayat ini dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* atau minima *ṣaḥīḥ li ghayrih* sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di samping *muhaddithun* yang lainnya. Juga dinyatakan oleh para ulama seperti al-Hakim[308] bahawa *ṣaḥīḥ ᶜala shart al-Shaykhayn*, dan al-ᶜAsqalani[309] pula menguatkan bahawa hadis ini ada *shawahid* dan *mutabaᶜat*, begitu juga dinyatakan oleh al-Albani[310]

Hadis: 48 (9)

من قال فى دبر صلاة الغداوة لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد بيده الخير وهو على كل شيئ قدير كان كعتاق رقبة من ولد إسماعيل[311]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini satu tajuk dengan hadis ke-47 sebelum ini, bezanya adalah, pada hadis ini disebutkan secara khas "*sesiapa yang membacanya selepas solat Subuh"*. Hadis seumpamanya diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Tabrani[312] dengan sumber riwayat pertamanya adalah Abu Dharr al-Gifari, Abu Bakr bin Abi Shaybah, Abi Saᶜid al-Khudri, Muᶜadh bin Jabal dan Abi Umamah. Hal ini memberi erti bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *tawabiᶜ*. Adapun *matan* hadis ada perbezaan sedikit, majoriti riwayatnya menyebut bilangan membacanya 10 atau 100 kali dan ada juga riwayat yang tanpa menyebut bilangannya seperti riwayat Ibn Majah yang dinukil oleh Shamsuddin Siddiq di atas. Akan tetapi kedua-duanya selaras dalam hal masanya, iaitu selepas solat Subuh. Riwayat al-Nasa'i berikut ini tanpa menyebut bilangan membacanya akan tetapi ada perbezaan lafaznya:

من قال في دبر صلاة الغداة لا إله الا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير كن له عدل أربع رقاب من ولد إسماعيل

Riwayat ini tidak menyebut ayat بيده الخير sementara nukilan bagi tajuk hadis ini menyebutkannya, dan dalam rujukan sumber di atas termaktub كنّ له عدل أربع رقاب, sementara nukilan di atas menyebut كان كعتاق رقبة. Adapun riwayat Ahmad berikut ini pula menyebut serta bilangannya:

من قال إذا صلى الصبح لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير عشر مرات كن كعدل أربع رقاب

Hadis yang menjadi tajuk di atas mengikut para ulama seumpama al-Tirmidhi[313], adalah *ḥasan gharib ṣaḥīḥ*; al-Mundhiri[314] menyatakan *isnad ṣaḥīḥ* atau *ḥasan*; mengikut al-Mizzi[315], riwayat ini mempunyai *mutabaᶜah*, manakala mengikut Ibn Kathir[316], ia mempunyai *shahid*; al-ᶜAsqalani[317] menyatakannya *ḥasan*; al-Albani[318] pula membuat kenyataan bahawa apabila riwayatnya tiada lafaz عشر مرات adalah *daᶜif*, sementara yang ada lafaz tersebut adalah *ḥasan*. Namun demikian ada pula sanad dan *matan* lainnya, yang mengikut al-Albani[319], adalah *sanad ṣaḥīḥ*. Oleh itu secara umumnya hadis ini dapat dinyatakan sebagai *ṣaḥīḥ li ghayrih* atau minima bernilai *ḥasan li ghayrih*.

Fasal tentang Adab selepas Terbit Matahari sampai Tergelincir

Dalam fasal ini dipaparkan sembilan hadis tiga di antaranya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq. Paparan hadis berserta *takhrij* dan analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 49 (1)

مَنْ صَلَّى الْفجر فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَامَّةٍ تَامَّةٍ تَامَّةٍ [320]

Takhrij al-Hadith: Hadis pertama daripada fasal yang ketujuh nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi[321] yang bersumber daripada Anas bin Malik r.a. *Matan* hadis yang didapati dalam kitab sumber ini, sedikit berbeza dengan nukilan dalam kitab *Hidayat al-*

Salakin. Dalam kitab sumber disebutkan مَنْ صَلَّى الْغَدَاةَ sementara dalam kitab al-Palembani من صلى الفجر, namun secara maknanya adalah sama. Ulama seperti al-Tirmidhi[322] membuat kenyatan bahawa riwayat ini adalah *ḥasan gharib*; kerana inilah satu-satunya riwayat yang ada; al-Mundhiri[323] dan Ibn Hajar[324] pula menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan*. Oleh itu, kita dapat berpada dengan pendapat para ulama tersebut dan menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan*, kesimpulan ini menepati juga kenyataan al-Albani[325].

Hadis: 50 (2)

يصبح على كل سلامى من أحدكم صدقة فكل تسبيحة صدقة وكل تهليلة صدقة وكل تكبيرة صدقة وأمر بالمعروف صدقة ونهى عن المنكر صدقة ويجزء من ذالك ركعتان يركعهما من الضحى[326]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, melanjutkan kenyataan *mu'allif* kitab *Hidayat al-Salikin*: "berdasakan hadis Nabi SAW" Antara yang meriwayatkan hadis ini adalah Imam Muslim, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[327] dengan periwayatnya adalah Abi al-Aswad al-Du'ali (*tabi^c^in*), daripada Abi Dharr r.a. (sahabat) yang menerima sabda Rasulullah SAW tersebut. *Matan* pula tiada perbezaan antara nukilan dengan sumber, dalam hal ini mengikut riwayat Muslim.

Riwayat ini dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, dan juga dinyatakan oleh para ulama seumpama al-Mundhiri[328], Ibn Taymiyah[329] dan al-Albani[330] yang telah pun sepakat bahawa hukum hadis ini sedemikian.

Hadis: 51 (3)

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يصلى الضحى أربعا ويزيد ما شاء[331]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq, sebagai tambahan penjelasan kepada kitab *Hidayat al-Salikin,* ia antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal[332]. Ketiga-tiga riwayat tersebut bersumber daripada ^c^A'ishah r.a., dan dari segi *matan* pula tidak ada perbezaan. Hadis ini dapatlah dinyatakan darjatnya adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim dan juga dinyatakan oleh majoriti ulama seumpama; Muslim[333] sendiri, Ibn ^c^Abd al-Barr[334] dan al-Albani[335].

Hadis: 52 (4)

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم بعد ما ارتفع النهار يوم الفتح، فأتى بثوب فستر عليه فاغتسل ثم قام فركع ثمانى ركعات[٣٣٦].

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, bagi kitab al-Palembani. Hadis seumpamanya antaranya diriwayatkan oleh imam al-Bukhari, Muslim, Malik, Ibn Majah dan al-Bayhaqi[337], dengan *rawi* pertamanya adalah Ummu Hani, ini bermakna bahawa periwayatan hadis ini adalah *ahad*. Adapun dari segi *matan*, ada sedikit perbezaan, namun maknanya boleh dikatakan sama, seperti riwayat al-Bukhari berikut:

أُمُّ هَانِئٍ ذَكَرَتْ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ اغْتَسَلَ فِي بَيْتِهَا فَصَلَّى ثَمَانِيَ رَكَعَاتٍ

Manakala, riwayat al-Bayhaqi pula sebagai berikut:

وأمر بثوب فستر بيني وبينه فاغتسل وصلى صلاة الضحى ثمان ركعات .....

Hadis ini dapat dikatakan *ṣaḥīḥ,* sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim di samping *muhadith* lainnya, tentu sahaja dengan mengikut periwayatan ulama tersebut seperti juga dinyatakan oleh al-Albani[338], bahawa *isnad ṣaḥīḥ* di atas syarat dua imam hadis tersebut. Apalagi perbincangan pada tajuk ini tertumpu pada perkara solat Duha dengan lapan raka^{c}at.

Hadis: 53 (5)

طلب العلم أفضل عند الله من الصلاة والقيام والحج والجهاد[٣٣٧]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani tersebut diriwayatkan oleh al-Daylami[340] yang bersumber daripada Ibn ^{c}Abbas r.a. Hal ini menunjukkan bahawa hadis ini *gharib*, kerana hanya ada satu jalur periwayatan sahaja. Dan mengikut al-Manawi[341] yang mengutip pandangan ulama seumpama al-Dhahabi, bahawa Muhammad bin Tamim al-Sa^{c}di dalam sanad ini adalah *da^{c}if*, Ibnu Hibban pula memperkatakannya sebagai seorang yang memalsukan hadis, dan ada lagi *rawi* "al-Hakam bin Aban al-Ma^{c}dani yang diperkatakan oleh al-Dhahabi dan Ibn al-Mubarak hendaklah ditinggalkan apa yang dibawanya. Jadi, hadis ini pada asasnya adalah

da^c^if, sebagaimana yang ditakhrij oleh al-Manawi, kemudian daripada itu apabila memandangkan penilaian Ibn Hibban terhadap *rawi* al-Hakam dan yang lainnya, maka hadis ini boleh turun darjatnya kepada *da^c^if jiddan* bahkan *mawdu^c^*.

Hadis: 54 (6)

[342] طلب العلم يوما خير من من صيام ثلاثة أشهر.

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini, ditakhrij oleh al-Manawi[343] dan dikatakan bahawa ianya diriwayatkan oleh al-Daylami daripada Ibn ^c^Abbas r.a. Jalur sanad adalah periwayatan dengan hadis nombor 55 setelah ini. Al-Dhahabi[344] meyatakan dengan mengutip pandangan Ibn Rahawayh, bahawa dalam *sanad* ada Nahshal bin Sa^c^id yang dinilai pendusta; begitu juga kenyataan Ibn Hajar[345] dan al-Shawkani[346], dan hadis ini dapat dinyatakan nilainya sebagai *mawdu^c^*, sepertimana dikritik oleh ulama tersebut dan juga dinyatakan oleh al-Albani[347].

Hadis: 55 (7)

[348] طلب العلم ساعة خير من قيام ليلة

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini diriwayatkan oleh al-Daylami daripada Ibn ^c^Abbas r.a. yang ditakhrij oleh al-Manawi[349]. Riwayat ini merupakan penggalan pertama kepada hadis nombor 54 sebelum ini. Oleh itu, segala periwayatan dan sanad serta hukum kepada hadis ini sama dengan penilaian terhadap hadis sebelumnya, yakni dinilai *mawdu^c^*.

Hadis: 56 (8)

[350] من أصبح يوم الجمعة صياما وعاد مريضا وشهد جنازة وتصدق بصدقة فقد وجبت له الجنة

Takhrij al-Hadith: Riwayat seperti nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh al-Musili, al-Tabrani dan al-Bayhaqi[351]. Riwayat al-Tabrani umpamanya daripada Ibrahim bin Matwiyah dan seterusnnya sehinggalah bersumber daripada Abi Umamah. *Matan* pula ada perbezaan sedikit, seumpama riwayat al-Tabrani pada penggalan pertamanya مَنْ صَلَّى الْجُمُعَةَ dan pada sebelum akhir *matan* ada lafaz وَشَهِدَ نِكَاحًا, selengkapnya sebagai

berikut:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ، أَنّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمْ، قَالَ:»مَنْ صَلَّى الْجُمُعَةَ، وَصَامَ يَوْمَهُ، وَعَادَ مَرِيضًا، وَشَهِدَ جَنَازَةً، وَشَهِدَ نِكَاحًا، وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ».

Sementara dalam *Hidayat al-Salikin* tidak sedemikian, akan tetapi dalam pandangan penulis maksudnya sama, kerana yang menjadi fokusnya adalah tentang hari Juma^{c}at. Lain lagi *matan* yang diriwayatkan oleh al-Musili daripada Abi Sa^{c}id sebagai berikut:

من وافق صيامه يوم الجمعة، وعاد مريضا ، وشهد أن أبا سعيد أخبره، أنه سمع رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: جنازة ، وتصدق ، وأعتق ، وجبت له الجنة

Walaupun ada beberapa periwayatan, namun mengikut al-Bayhaqi[352] adalah hadis ini *da^{c}if*; agak sama dengan pandangan Husayn Salim Asad[353] bahawa riwayat ini adalah *da^{c}if al-isnad*, kerana daripada ketiga-tiga periwayatan tersebut terdapat Ibn Luhay^{c}ah yang disepakati ke-*da^{c}if*-annya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hadis ini adalah darjatnya *da^{c}if*, sepertimana juga dinyatakan demikian oleh al-Albani[354]

Hadis: 57 (9)

من حسن إسلام المرء تركه مالا يعنيه

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama nukilan di atas, antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal,[356] yang bersumber daripada Abi Hurayrah dan ^{c}Ali bin al-Husayn. Al-Tirmidhi[357] dan al-Bayhaqi[358] menyatakan bahawa jalur kedua (daripada ^{c}Ali bin al-Husayn) adalah *mursal,* sepertimana riwayat Imam Malik, akan tetapi mengikut al-Tirmidhi, jalur *sanad* ini kuat walaupun *mursal*. Dari segi *matan* pula boleh dikatakan semua *muhaddithin* adalah sama dalam periwayatannya, kecuali Ibn Hibban ada إن pada awal *matan*.

Para ulama seumpama Ahmad bin Hanbal[359] menyatakan *sanad ṣaḥīḥ*; al-Nawawi[360] menyatakannya *ḥasan*; Ibn al-Qayyim[361] juga menyatakan *sanad ṣaḥīḥ*. Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa darjat hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*. Kesimpulan ini menepati pandangan yang dinyatakan oleh al-Albani[362] atau setidak-tidaknya *ṣaḥīḥ li ghayrih*, hasil daripada kompromi yang juga dinyatakan dalam salah satu kesimpulan al-Albani[363].

Fasal tentang Adab Bersedia untuk Semua Solat

Dalam fasal ini dikemukakan 17 hadis Nabi SAW, nukilan al-Palembani sebanyak 15 hadis dan dua hadis lainnya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq untuk memperjelas keterangan yang berhubung kait dengan sesuatu perkara yang ada dalam kitab *Hidayat al-Salikin*. Hadis dan *takhrij*nya adalah sebagai berikut:

Hadis: 58 (1)

من توضاء فأحسن الوضوء ثم صلى ركعتين يقبل عليهما بقلبه ووجهه وجبت له الجنة .[364]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini salah satu nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, apabila menambah sumber rujukan atas kenyataan Syeikh al-Palembani: "*kemudian maka sembahyanglah engkau dua raka*ᶜ*at sunnat wudu*". Hadis ini diriwayatkan oleh ramai ulama hadis antaranya Imam Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi dan al-Tabrani[365]. Periwayatan yang sama dengan nukilan di atas, daripada ᶜUqbah bin ᶜAmir dan Zayd bin Khalid al-Juhani (sahabat) kepada ᶜAta' bin Yasar (tabiᶜin), manakala yang semakna dengannya cukup banyak sumber pertamanya, antaranya Abu Hurayrah, ᶜUmar bin al-Khattab, ᶜUthman bin ᶜAffan, Abu al-Darda' dan ᶜAbdullah bin ᶜAmr bin al-ᶜAs. Dari segi *matan* pula dapat digambarkan bahawa secara ᶜ*am*nya tidak ada perbezaan yang asas antara *muhaddithin*.

Dan nampak bahawa Shamsuddin Siddiq mengambil riwayat al-Nasa'i untuk dijadikan rujukan beliau. Ganjaran yang dijanjikan daripada amalan ini: 1) وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ seumpama riwayat Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ahmad. Riwayat Muslim dimaksud sebagai berikut:

كَانَتْ عَلَيْنَا رِعَايَةُ الْإِبِلِ فَجَاءَتْ نَوْبَتِي فَرَوَّحْتُهَا بِعَشِيٍّ فَأَدْرَكْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ قَائِمًا يُحَدِّثُ النَّاسَ فَأَدْرَكْتُ مِنْ قَوْلِهِ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهُ ثُمَّ يَقُومُ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ مُقْبِلٌ عَلَيْهِمَا بِقَلْبِهِ وَوَجْهِهِ إِلَّا وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ ...

dan ganjaran ke 2) غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ , sepertimana diriwayat oleh al-Hakim, al-Tabrani dan lainnya termasuk al-Dara Qutni yang meriwayat كَانَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

Dan Hadis ini dapatlah dinyatakan nilainya adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim dan lainnya, serta dinyatakan oleh para ulama seperti al-Mundhiri[366] dan al-Albani[367].

Hadis: 59 (2)

[368].أن رسول الله صلى الله عليه وسلم اذا دخل احدكم المسجد فليركع ركعتين قبل أن يجلس

Takhrij al-Hadith: Hadis ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, yang sebenarnya sama dengan hadis pertama pada fasal keenam tentang "adab masuk masjid hingga terbit matahari", yakni Hadis nombor 40 (1) pada bab ini. Untuk lebih jelasnya keterangan *sanad* sila rujuk semula hadis berkenaan, kerana pada kesempatan ini tidak disebutkan secara terperinci lagi. Jadi, perlu dijelaskan bahawa pengulangan ini berlaku disebabkan apabila pada fasal ini *mu'allif Hidayat al-Salikin* menyatakan tentang wuduk dan sembahyang sunat wuduk apabila masuk ke dalam masjid, maka Shamsuddin Siddiq pun menambahkannya dengan nukilan hadis tersebut, yakni ada hubung kaitnya deng tajuk berkenaan, dan secara ringkasnya dapat diperkatakan sesuai dengan hadis sama sebelum ini adalah nilainya *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 60 (3)

[369] .من صلى قبل الظهر أربعا كان كعتق رقبة من بنى إسماعيل

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini sememangnya sama dengan riwayat al-Tabrani[370] dengan *sanad* daripada ᶜAli bin ᶜAbd al-ᶜAziz yang bersumber daripada ᶜUmar al-Ansari, daripada ayahnya. Sanad tersebut menggambarkan bahawa hadis ini tidak populer atau *gharib jiddan*, kerana hanya ada satu jalur periwayatan sahaja. Sebenarnya Imam al-Tirmidhi dan Ibn Majah[371] ada meriwayatkan hadis yang mirip dengan hadis di atas, namun pada penggalan akhirnya tidak sama dengan riwayat al-Tabrani yang dinukil oleh al-Palembani di atas. Riwayat al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada ᶜAli bin Hajar daripada Ummu Habibah adalah *matan* sebagai berikut:

مَنْ صَلَّى قَبْلَ الظُّهْرِ أَرْبَعًا وَبَعْدَهَا أَرْبَعًا حَرَّمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ

Dan terhadap hadis ini ulama seperti Ahmad Shakir[372], menyatakannya *ṣaḥīḥ*, begitu juga Syeikh al-Albani[373] membuat kenyataan *ṣaḥīḥ*. Bahkan apabila hanya penggalan pertamanya yang diambil kira, seperti:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي قَبْلَ الظُّهْرِ أَرْبَعًا وَبَعْدَهَا رَكْعَتَيْنِ

Maka lagi banyak riwayat yang menukilkannya, antaranya Imam Muslim, Abu Dawud dan al-Tirmidhi[374] yang tentulah dihukumkan *ṣaḥīḥ* terhadapnya.

Adapun terhadap hadis yang menjadi tajuk nukilan al-Palembani di atas dapat diperkatakan darjatnya adalah *daᶜif* kerana mengikut al-Haythami[375] ada rawi al-Shaykh al-Ansari yang tidak dikenali (*majhul*), sementara *rijal* yang lainnya adalah thiqat, bagitu juga dinyatakan oleh al-Albani[376] *daᶜif*.

Hadis: 61 (4)

من صلى أربعا قبل الظهر غفرت له ذنوبه يومه ذالك. [377]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab rujukan hadis, kecuali al-Suyuti menyebutkan dalam kitab *al-Jamiᶜ al-Saghir* yang kemudian di*sharah* oleh al-Manawi[378], dan beliau katakan ada dalam *Turjumah Abi Sulayman al-Darani* yang ia sendiri meriwayatkan hadis ini dan bersumber daripada Anas bin Malik. r.a. Dengan begitu nyatalah bahawa hadis ini *gharib* kerana hanya inilah satu-satunya riwayat, selanjutnya dikatakan oleh al-Manawi hadis ini *daᶜif*; mengikut al-Dhahabi[379] dalam sanad Muhammad bin ᶜUmar bin al-Fadl al-Jaᶜfi Saᶜdi, didakwa berdusta, dari segi *matan* pula hadis ini hampir tidak ada perbezaan dengan hadis sebelum ataupun sesudahnya, ia berkenaan dengan solat sunat sebelum zuhur juga sehingga boleh diambil kira sebagai satu kesatuan dalam tajuk perbahasannya. Oleh itu, apabila sekadar untuk memberikan motivasi bagi para pengamal ilmu adalah sesuatu yang baik, akan tetapi ganjaran yang berlebihan tersebut dan salah seorang *rawi*nya tidak *thiqah* menjadikannya dinilai *daᶜif*. Adapun solat sunnat empat rakaᶜat *qabliyah* zuhur itu sendiri sememangnya digalakkan oleh Rasulullah SAW berdasarkan sabda beliau yang *ṣaḥīḥ*.

Oleh itu, hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini dapat diperkatakan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *daᶜif*, dan apabila memperhatikan kritikan al-Dhahabi ke atas salah seorang periwayatnya, maka darjat hadis ini menjadi turun kepada *daᶜif jiddan* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[380].

Hadis: 62 (5)

[381] . مَنْ حَافَظَ عَلَى أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرَّمَهُ اللهُ عَلَى النَّارِ

Takhrij al-Hadith: Hadis ini satu tajuk dengan hadis ketiga (3) tersebut, yakni memperbincangkan pasal ganjaran bagi orang yang melakukan solat sunat sebelum zuhur empat raka^{c}at, namun hadis ini lebih menekankan kepada keadaan orang berkenaan, iaitu *istiqamah* atas amalan tersebut dengan isyarat *matan* "حَافَظَ". Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini nampaknya mengikut riwayat Imam al-Tirmidhi juga diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i, dan al-Hakim[382], sementara Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal tidak menggunakan lafaz "حَافَظَ" melainkan lafaz صلى sahaja. *Sanad* terakhir (sahabat) bagi periwayatan hadis ini hanya Ummu Habibah yakni Ramlah bt. Abi Sufyan yang bagi riwayat ini diterima oleh ^{c}Anbasah bin Abi Sufyan. Dari segi *matan* pula hampir semuanya sama dengan nukilan di atas, kecuali riwayat Abu Dawud dengan sedikit berbeza pada bahagian akhirnya, seperti disebutkan: وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرُمَ عَلَى النَّارِ , juga riwayat al-Nasa'i: وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حُرِّمه اللهَ عَذاب النار . Apapun daripada perbezaan tersebut sama sekali tidak menimbulkan makna ataupun pahaman lain.

Adapun nilai bagi hadis ini dapat diperkatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh majoriti ulama seperti; al-Nawawi[383], bahawasanya hadis ini *ṣaḥīḥ*; al-^{c}Asqalani[384] menyatakan bahawa hadis ini mempunyai banyak jalur periwayatan; Ahmad Shakir[385], menyatakan *ṣaḥīḥ*; begitupun al-Albani[386], menyatakannya *ṣaḥīḥ*

Hadis: 63 (6)

[387] . قَبْلَ الْعَصْرِ رَحِمَ اللهُ عبدا صَلَّى أَرْبَعًا

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[388], manakala al-Nasa'i dan Ibn Majah juga meriwayatkannya tetapi lebih bersifat informasi sahaja, "*sembahyang sunat qabliyah ^{c}Asar adalah empat rakaat*"[389]. Hadis tersebut bersumber daripada Ibn ^{c}Umar, manakala periwayat yang menerima daripadanya adalah Mahran (sebagai *tabi^{c}in*). *Matan* hadisnya pula antara sumber dengan nukilan al-Palembani ada sedikit perbezaan yakni pada penggalan keduanya nampak ayatnya terbalik, dalam kitab sumber hadis adalah رَحِمَ اللَّهُ امْرَأً صَلَّى قَبْلَ الْعَصْرِ أَرْبَعًا , *qabl al-^{c}Asr* didahulukan daripada lafaz *arba^{c}an,* sementara dalam *Hidayat al-Salikin* sebaliknya: رَحِمَ اللَّهُ عبدا صَلَّى أَرْبَعًا قَبْلَ الْعَصْرِ, manakala lafaz امْرَأً dalam kitab sumber oleh

al-Palembani dinukil dengan lafaz عبدا. Walaupun dari segi makna tidak mengapa akan tetapi tentulah kita sedia maklum bahawa apabila hal ini berlaku, maka yang diambil kira untuk diikuti adalah yang ada dalam kitab sumber hadis berkenaan.

Hadis ini dinilai oleh para ulama, antaranya al-Ishbili[390] menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad*, begitu juga al-Mundhiri[391], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ* atau *ḥasan*; Ibn al-Mulaqqin[392] dan Ibn Hajar[393], menyatakan hadis ini *ḥasan*; Ahmad Shakir[394] pula menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad*. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa hadis ini *sanad ṣaḥīḥ*, namun demikian secara keseluruhannya adalah hadis ini *ḥasan*, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[395] dan al-Wadi^{c}i[396].

Hadis: 64 (7)

[397] . من صلى قبل العصر أربعا حرمه الله على النار

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Paembani tersebut mengikut al-Manawi[398] diriwayatkan oleh al-Tabrani daripada Ibn ^{c}Amr bin al-^{c}As, dan juga ada riwayat al-Tabrani daripada ^{c}Ali dengan *matan* yang tidak ada penggalan akhir seumpama riwayat tersebut, riwayat dimaksud adalah sebagai berikut:

عن أبي إسحاق عن عاصم بن ضمرة عن علي قال كان رسول الله يصلي قبل العصر أربعا[399]

Hadis tersebut dinilai oleh al-Mundhiri[400], sebagai *da^{c}if*; al-Haythami[401] menyatakan dalam sanad ada Nafi^{c} bin Mahran yang tidak disebut (*majhul*) dan juga ada *rawi* lain, iaitu ^{c}Abd al-Karim; Abu Umayyah dinilai *da^{c}if* dan Hajjaj bin Nasir pun kebanyakan ulama menilainya *da^{c}if*. Pada asasnya hadis ini adalah *da^{c}if*, sepertimana disimpulkan oleh Syeikh al-Albani[402], namun mengikut al-Manawi bahawa ianya *ḥasan*. Oleh itu, dapatlah diambil jalan kompromi bahawa hadis ini berkemungkinan untuk dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* kerana adanya riwayat lain yang dapat dijadikan penyokong, khasnya terhadap penggalan pertama kepada hadis berkenaan, sementara kritikan ulama pula menunjukkan bahawa *keda^{c}ifan*nya tidak bersangatan.

Hadis: 65 (8)

أَنَّ أَبَا تَمِيمٍ الْجَيْشَانِيَّ قَامَ لِيَرْكَعَ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الْمَغْرِبِ فَقُلْتُ لِعُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ انْظُرْ إِلَى هَذَا أَيَّ صَلاَةٍ يُصَلِّي فَالْتَفَتَ إِلَيْهِ فَرَآهُ

[403]. اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ هَذِهِ صَلاَةٌ كُنَّا نُصَلِّيهَا عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq untuk menambah jelas lagi perkara yang berkenaan dengan amalan selepas membaca doa azan maghrib, iaitu sembahyang dua raka^{c}at sebelum solat fardu Maghrib. Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh al-Nasa'i[404] daripada Yazid bin Abi Habib yang bersumber daripada ^{c}Uqbah bin ^{c}Amir. Dari segi *matan* pula riwayat al-Nasa'i semamangnya menjadi rujukan Shamsuddin Siddiq dalam nukilan beliau. Sebenarnya ada juga hadis seumpama ini berdasarkan kes yang berlaku kepada Anas bin Malik sendiri: "Beliau solat sebelum maghrib, Rasulullah melihat, tetapi tidak menyuruh dan tidak melarangnya", iaitu riwayat Abu Dawud berikut:

عن أنس بن مالك قال صليت الركعتين قبل المغرب على عهد رسول الله صلى الله عليه و سلم قال قلت لأنس أرآكم رسول الله صلى الله عليه و سلم ؟ قال نعم رآنا فلم يأمرنا ولم ينهنا[405]

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud tersebut seumpamanya dengan riwayat Imam Muslim[406], oleh itu dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana juga dinyatakan oleh Ibn al-Mulaqqin[407] dan al-Albani[408]. Manakala, hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini pun boleh dinyatakan *ṣaḥīḥ li ghayrih* adanya.

Hadis: 66 (9)

من صلى بعد المغرب ركعتين قبل أن ينطق مع أحد يقرأ فى الأولى بالحمد لله وقل يأيها الكافرون وفى الركعة الثانية بالحمد لله وقل هو الله أحد خرج من ذنوبه كما تخرج الحية من سلخها [409].

Takhrij al-Hadith: Riwayat seumpama ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab sumber hadis, bahkan dalam kitab Tasawuf pun tidak didapati berdasarkan kajian dan pencarian setakat ini, kecuali itu al-Muttaqi al-Hind[410] dan al-Baghdadi[411] menyatakannya dalam kitab mereka dengan kenyataan bahawa hadis ini riwayat Ibn al-Najjar daripada Anas bin Malik, akan tetapi sanad pun tidak lengkap sepertimana sanad hadis yang semestinya. Oleh itu, sanad tidak dapat dianalisis secara sempurna, akan tetapi dari segi amalannya ada hadis yang menggalakkan salat sunnat dua rakaat selepas Maghrib, namun tidak ada menyebut penggalan akhir sepertimana nukilan tersebut. Oleh yang demikian, dapat dinyatakan

bahawa sanad hadis ini adalah *da*ᶜ*if jiddan* manakala *matan* apabila mengikut riwayat ini (dengan penggalan akhirnya sekali) dapat dikatakan *mawdu*ᶜ kerana riwayat tersebut yang memberikan ganjaran yang tidak berlebih-lebih bagi amalan yang tidak seberapa.

Hadis: 67 (10)

من صلى بين المغرب والعشاء فإنها من صلاة الأوابين.[412]

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama nukian al-Palembani ini diriwayatkan oleh oleh al-Bayhaqi dan ditakhrij oleh al-Suyuti dengan *syarh* al-Manawi[413]. Al-Bayhaqi menerima riwayat daripada Abu ᶜAbdillah al-Hafiz dan seterusnya bersumber daripada Muhammad bin al-Munkadir dan Abu Hazim. Riwayat ini hanya ada satu jalur periwayatan, yang bermakna bahawa riwayatnya *gharib* dan *mursal* yakni tidak berasal daripada Rasulullah SAW, perhatikanlah riwayat al-Bayhaqi berikut:

قال حدثنا محمد بن إسحاق الصغاني ثنا الأشيب ثنا بن لهيعة قال وقال أبو عقيل زهرة بن معبد سمعت بن المنكدر وأبا حازم يقولان تتجافي جنوبهم عن المضاجع هي ما بين المغرب وصلاة العشاء صلاة الأوابين

Dari segi *matan* pula al-Bayhaqi tidak menyebutkan penggalan pertama (من صلى) seperti *takhrij* al-Manawi yang diikuti oleh al-Palembani tersebut, namun dapat dipastikan bahawa beliau mengambil riwayat al-Bayhaqi. Riwayat hadis ini mengikut al-ᶜIraqi[414] adalah *mursal*; dan al-Manawi[415], menyatakan *da*ᶜ*if*. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hadis pada tajuk ini adalah *da*ᶜ*if* sepertimana pandangan para ulama seumpama yang tersebut.

Hadis: 68 (11)

من صلى بعد المغرب ست ركعات قبل أن يتكلم غفر له بها ذنوب خمسين سنة .[416]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini ditakhrij dalam kitab *al-Jami*ᶜ *al-Saghir* serta *sharh* al-Manawi[417], dan dinyatakan daripada Ibn Nasr yang bersumber daripada Ibn ᶜAmr, sementara itu ada hadis lain seumpama dengan penggalan pertamanya, diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ibn Khuzaymah[418], daripada Abi Hurayrah dan ᶜAmmar bin Yasir. Hadis dimaksud *matan* sebagai berikut:

مَنْ صَلَّى بَعْدَ الْمَغْرِبِ سِتَّ رَكَعَاتٍ لَمْ يَتَكَلَّمْ فِيمَا بَيْنَهُنَّ بِسُوءٍ عُدِلْنَ لَهُ بِعِبَادَةِ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ سَنَةً

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan lain-lain (*ashab al-sunan*) ini, al-Tirmidhi[419] sendiri menyatakannya *gharib* kerana hanya ada satu jalur periwayatan sahaja; al-Baghawi[420], mengutip pendapat al-Bukhari bahawa salah seorang *rawi*nya ᶜUmar bin ᶜAbdillah bin Abi Khashᶜam adalah *munkar al-hadith*; dan Ibn al-ᶜArabi pun menyatakannya *munkar*.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pada asasnya hadis seumpama riwayat tersebut adalah *daᶜif* kemudian dengan melihat kritikan yang dikemukakan para ulama, maka jadilah darjatnya *daᶜif jiddan* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[421]. Manakala, nukilan al-Palembani yang menjadi tajuk hadis ini dapat diperkatakan bahawa penggalan pertamanya mengikut hukum ini, sementara penggalan terakhirnya tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW kerana tidak ada riwayat yang ditemukan *matan* sebegitu, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 69 (12)

من اعتكف نفسه فيما بين المغرب والعشاء فى مسجد جماعة لم يتكلم إلا بصلاة أو بقراءة كان حقا على الله أن يبني له قصرين فى الجنة مسيرة كل قصر منها مائة عام ويغرس له بينهما غراسا لو طاقه أهل الدنيا لوسعهم [422].

*Takhrij al-Hadith***:** Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab sumber hadis, namun termaktub dalam kitab *Qut al-Qulub* al-Makki[423] dan beliau nyatakan bahawa riwayat ini daripada Saᶜid bin Jubayr daripada Thawban. Begitupun menerusi *dorar net*, tidak ada sebarang informasi yang didapati, oleh itu dapat diperkatakan bahawa riwayat ini tiada asalnya dan tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW Ini memberi erti bahawa riwayat ini adalah *mawduᶜ*.

Hadis: 70 (13)

من صلى قبل الظهر أربعا كان كمن تهجد من ليلته ومن صلاهن بعد العشاء كانت كمثلهن من ليلة القدر[424].

Takhrij al-Hadith: Hadis nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh al-Tabrani[425] yang mengambil riwayat daripada Muhammad bin Ali al-Sa'igh dan seterusnya sehinggalah kepada al-Rabiᶜ bin Lut, daripada pak ciknya al-Barrra' bin ᶜAzib yang menerima riwayat daripada Nabi

SAW Al-Tabrani selanjutnya menyatakan bahawa hanya ᶜAmmar Abu Hashim yang meriwayatkan hadis ini daripada al-Rabiᶜ bin Lut, begitu pun Nahid bin Salim meriwayatkannya bersendirian. Hal ini memberikan petunjuk bahawa riwayat ini betul-betul *ahad*. Pada *matan* pula ada sedikit perbezaan antara sumber dengan nukilan dalam kitab *Hidayat al-Salikin*; sumber meriwayatkan كأنما تهجد بهن من ليلته sementara al-Palembani menukilkan كان كمن تهجد من ليلته, namun sama dalam maksudnya.

Riwayat hadis ini mengikut al-Haythami[426] adalah dalam sanad Nahid bin Salim al-Bahili juga yang lainnya tidak dijumpai orang yang menyebutkannya sebagai periwayat hadis ini. Dan hadis ini dapat disimpulkan dan dinyatakan sebagai *daᶜif*, hal tersebut menepati kenyataan Syiekh al-Albani[427].

Hadis: 71 (14)

من صلى أربع ركعات بعد العشاء الأخيرة يقرأ فى الركعتين الأخرتين تبارك الذى بيده الملك والم تنزيل السجدة كتب له كأربع ركعات من ليلة القدر.[428]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang seumpama dengan riwayat tersebut ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan al-Tabrani[429]. Al-Tabrani menerima riwayat daripada Yahya bin ᶜUthman bin Saleh, daripada Saᶜid bin Jubayr (*tabiᶜin*), daripada Ibn ᶜAbbas (sahabat) yang memarfuᶜkannya, tiada sebarang *shahid* mahupun *mutabiᶜ*. Riwayat kedua-dua *muhaddith* tersebut menunjukkan bahawa nukilan al-Palembani nampak kurang lengkap dalam nukilannya kerana tidak ada menyebutkan dua rakaᶜat yang pertama, melainkan terus kepada dua rakaᶜat yang akhir, juga berbeza penggunaan lafaz yang dalam sumber قَرَأَ sementara dalam *Hidayat al-Salikin* يقرأ . Riwayat kedua *muhaddith* tersebut selengkapnya adalah seperti berikut:

قال من صلى أربع ركعات خلف العشاء الآخرة قرأ في الركعتين الأوليين {قل يا أيها الكافرون} و {قل هو الله أحد} وقرأ في الركعتين الأخريين {تبارك الذي بيده الملك وهو على كل شيء قدير} {وألم تنزيل} السجدة كتب له كأربع ركعات من ليله القدر.

Dalam sanad hadis tersebut, mengikut al-Bayhaqi[430] dan al-Dhahabi[431] bahawa adalah Ibn Farrukh bersendirian dalam meriwayatkan hadis ini; al-Haythami[432] dan al-Shawkani[433] menyatakan bahawa dalam sanad ada Yazid bin Sinan al-Rahawi, keduanya kemudian mengutip pandangan para ulama seumpama Ahmad, Ibn al-Madini dan Ibn Maᶜin yang menyatakan *daᶜif* terhadap *rawi* berkenaan, sementara Marwan bin Muᶜawiyah

menganggapnya *thiqah* dan Abu Hatim pun menyatakan bahawa dia ada benarnya dan pada riwayat ini dia lupa, Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini adalah *gharib* dan *da*ᶜ*if*, sepertimana penilaian jumhur ulama terhadap periwayatnya.

Hadis: 72 (15)

فى غيرها كمثلهن من ليلة القدر والركعة فى ليلة القدر تعدل ثلاثين ألف ركعة أربع بعد العشاء من الليالى

Takhrij al-Hadith: Riwayat bagi hadis ini secara keseluruhannya tidak dijumpai dalam mana-mana kitab sumber hadis, melainkan disebut dalam kitab Tasawuf *Nasa'ih al-Diniyah*[435] karya ᶜAbdullah al-Haddad, dan oleh itu tidak dapat dipaparkan sanad. Penggalan pertama daripada *matan* ini semakna dengan hadis ke-70 yang bernilai *da*ᶜ*if*, manakala pada bahagian tengah dan hujungnya sama sekali tidak ada dalam mana-mana kitab hadis. Oleh itu, bagi penggalan pertamanya dinilai *da*ᶜ*if* sepertimana hadis sebelumnya, manakala penggalan berikutnya tidak dapat dikesan langsung sebagai hadis Nabi SAW.

Hadis: 73 (16)

[436] .إن الله وتر يحب الوتر فأوتروا يا أهل القرآن

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan tambahan Shamsuddin Siddiq ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi dan Ibn Khuzaymah[437]. Sahabat yang menjadi perawi pertamanya antaranya adalah ᶜAli bin Abi Talib, Ibn ᶜUmar, Ibn Masᶜud, Ibn ᶜAbbas, Abu Hurayrah dan al-Hasan. Sementara yang menerima daripada mereka adalah ᶜAsim bin Damrah, Abi ᶜUbaydah, Nafiᶜ, Ibn Sirin, Hammam bin Munabbah dan Maᶜmar. Riwayat al-Tirmidhi misalnya yang menerima daripada Abu Kurayb, dan bersumber daripada ᶜAsim bin Damrah daripada ᶜAli r.a. beliau berkata:

الْوِتْرُ لَيْسَ بِحَتْمٍ كَصَلاَتِكُمْ الْمَكْتُوبَةِ وَلَكِنْ سَنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ إِنَّ اللَّهَ وِتْرٌ يُحِبُّ الْوِتْرَ فَأَوْتِرُوا يَا أَهْلَ الْقُرْآنِ

Oleh itu, jalur periwayatannya dapat dikatakan bahawa jalur cukup banyak, yakni ada lima *shawahid* dan empat *tawabi*ᶜ. *Matan* hadis pula

boleh dikatakan semua riwayat pada penggal pertama hadis itu sama إِنَّ اللَّهَ وِتْرٌ يُحِبُّ الْوِتْرَ, manakala penggal kedua (bahagian akhir)ada sedikit perbezaan. Al-Tirmidhi dengan *sanad* ᶜAsim bin Damrah daripada Ali r.a. dan Ibn Majah dengan *sanad* Abi ᶜUbaydah daripada ᶜAbdullah bin Masᶜud meriwayatkannya dengan penggalan akhirnya فَأَوْتِرُوا يَا أَهْلَ الْقُرْآنِ , sementara Imam Ahmad ada satu riwayat yang sama baik *matan* mahupun *sanad* dengan al-Tirmidhi, juga ada satu riwayat daripada Nafiᶜ daripada Ibn ᶜUmar, Ibn Sirin dan Hammam bin Munabbah daripada Abu Hurayrah hanya penggal pertama sahaja. Ada lagi satu riwayat Maᶜmar daripada al-Hasan dengan penggalan akhirnya فمن لم يوتر فليس منا ... Perbezaan *matan* sebegini tidaklah menghairankan dan yang terpenting adalah adanya kenyataan bahawa solat witir tersebut sangatlah digalakkan oleh Rasulullah SAW Al-Tirmidhi[438] sendiri menyatakan hadis ini adalah *hasan*; al-Mundhiri[439], membuat kenyataan *isnad ṣaḥīḥ* dan tidak di bawah *ḥasan*; Ahmad Shakir[440] pun menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh al-Albani[441] atau *isnad ṣaḥīḥ* seperti kenyataan para ulama.

Hadis: 74 (17)

ركعتان يركعهما العبد فى جوف الليل الأخير خير له من الدنيا وما فيها.[442]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* ini ditakhrij oleh al-Suyuti[443] dan bersumber daripada Abi Umamah dan Jabir, al-Daylami[444] juga meriwayatkan hadis yang sama dengan sanad daripada Abi Umamah. Dari segi *matan* ada sedikit perbezaan pada ayat, namun mengikut pengkaji adalah sama maksud. Riwayat al-Daylami daripada Abi Umamah, misalnya sebagai berikut:

عن أبي أمامة، ركعتان خفيفتان خير من الدنيا وما فيها ولو أنكم تفعلون ...

Adapun riwayat yang bersumber daripada Jabir adalah sebagai berikut:

عن جابر، ركعتان في جوف الليل يكفران الخطايا

Ulama seperti al-ᶜIraqi[445] menyatakan bahawa riwayat hadis seperti di

atas adalah *mursal* dan yang lain pun menyatakannya demikian, dan dapat disimpulkan bahawa hadis dalam tajuk ini adalah *daᶜif*, sepertimana juga dinyatakan oleh Syeikh al-Albani[446].

Faedah yang Amat Baik tentang Kelakuan Solat Tasbih dan Keutamaan

Pada bahagian ini disebut oleh *mu'allif Hidayat al-Salikin* sebagai *faedah* yang amat baik. Ianya pengkaji anggap bahagian daripada fasal kelapan bab kedua kitab tersebut. Ada tiga tajuk yang dikategorikan sebagai faedah ini, dan pada *faedah* yang pertama ada empat buah hadis yang akan diperbahaskan, dua hadis dinukil oleh Syeikh al-Palembani dan dua hadis lainnya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq dalam tahqiq beliau terhadap kitab tersebut. Hadis dan *takhrij* dimaksud serta analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 75 (1)

قام للصلاة قال:وجهت وجهي للذى فطر السموات والأرض حنيفا مسلما وما أنا من المشركين ... وأنا من إنه اذا المسلمين. اللهم أنت الملك لاإله إلا أنت ربى وأنا عبدك ظلمت نفسى واعترفت بذنبى فاغفرلى ذنوبى جميعا لا يغفر الذنوب إلا أنت ... أنا بك وإليك وتعاليت أستغفرك وأتوب إليك[٤٤٧].

Takhrij al-Hadith: Hadis ini cukup ramai *muhaddith* yang meriwayatkannya, antaranya Imam Muslim, al-Tirmidhi, Abu Dawud dan al-Nasa'i[448]. Sebahagian riwayat tersebut mengambil periwayatan daripada jalur yang sama, iaitu daripada Muhammad bin Abi Bakr al-Muqaddami dan seterusnya daripada ᶜAbdillah bin Abi Rafiᶜ (*tabaqah* kedua), daripada ᶜAli bin Abi Talib (sebagai *rawi* pertama) daripada Nabi SAW sementara ada juga jalur riwayat yang sumber pertamanya (sahabatnya) adalah Abdullah bin ᶜUmar. Adapun *matan* hadis ini cukup panjang seperti dikutip tersebut, namun demikian kadang kala dibaca dengan ringkas sahaja dan nukilan Shamsuddin Siddiq tersebut sememangnya telah pun mengikuti yang termaktub dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim.*

Hadis ini dapat diperkatakan bernilai *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, dan juga selaras dengan kenyataan para ulama antaranya Ibn al-Mulaqqin,[449] dan al-Albani[450]. Ada juga riwayat yang dinyatakan nilainya *daᶜif* apabila bersumber daripada ᶜAbdullah bin ᶜAbbas kerana dalam sanad ada ᶜAbdullah bin ᶜAmir al-Aslami yang

dinilai *daᶜif*, sebagaiamana dinyatakan oleh Ibn Hibban,[451] al-Haythami[452] dan al-Albani[453]. Akan tetapi perbezaan nilai ini berlaku kerana berbeza jalur sanad serta *matan* yang dinilai.

Hadis: 76 (2)

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُّدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنْ الْقُرْآنِ فَكَانَ يَقُولُ التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَ اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.[454]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang ditambahkan nukilannya oleh Shamsuddin Siddiq ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddith* antaranya, Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi, al-Hakim dan al-Dara Qutni [455]. Yang terpentingnya untuk digambarkan bahawa daripada sekian periwayatan tersebut majoritinya mengikut jalur periwayatan Tawus daripada Ibn ᶜAbbas; ada juga jalur periwayatan melalui Abu al-Zubayr daripada Jabir bin ᶜAbdullah, seumpama riwayat al-Nasa'i, Ibn Majah dan Ahmad dengan *matan* seumpamanya. *Matan* hadis yang dinukil oleh Shamsuddin Siddiq tersebut boleh dikatakan sama dengan riwayat tersebut. Bahkan yang dijadikan tajuk oleh *muhaddithun* pun sama iaitu: perkara *tashahhud*.

Hadis ini dapat dikatakan sebagai *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim dan selaras dengan kenyataan majoriti ulama seumpama al-Shafiᶜi[456] (w. 204 H.), walaupun Abu ᶜIsa al-Tirmidhi (w. 279 H.)[457] mengatakannya *ḥasan gharib ṣaḥīḥ* tetapi tertentu kepada hadis yang bersumber daripada Ibn ᶜAbbas sahaja. Ulama lain seperti al-Dara Qutni (w. 385 H.)[458], al-Bayhaqi (w. 458 H.)[459], Ibn al-Mulaqqin (w. 804 H.)[460], mengatakan nilainya adalah *ṣaḥīḥ*; atau dinyatakan *rijal*nya *thiqat* seperti kenyataan al-Haythami (w. 807 H.)[461], al-Sakhawi (w. 902 H.)[462] dan al-Ajluni (w.1162 H.) [463] ataupun *isnad ṣaḥīḥ* seperti dinyatakan oleh Ahmad Shakir[464]. Manakala Syeikh al-Albani (w. 1999 M.)[465] menyatakannya *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 77 (3)

قَالَ لِلْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ يَا عَبَّاسُ يَا عَمَّاهُ أَلاَ أُعْطِيكَ أَلاَ أَمْنَحُكَ أَلاَ أَحْبُوكَ أَلاَ أَفْعَلُ بِكَ عَشْرَ خِصَالٍ إِذَا أَنْتَ فَعَلْتَ ذَلِكَ غَفَرَ اللَّهُ لَكَ ذَنْبَكَ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ قَدِيمَهُ وَحَدِيثَهُ خَطَأَهُ وَعَمْدَهُ صَغِيرَهُ وَكَبِيرَهُ سِرَّهُ وَعَلاَنِيَتَهُ عَشْرَ خِصَالٍ أَنْ تُصَلِّيَ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ تَقْرَأُ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَسُورَةً فَإِذَا فَرَغْتَ مِنْ الْقِرَاءَةِ فِي أَوَّلِ رَكْعَةٍ وَأَنْتَ قَائِمٌ قُلْتَ سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَ اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ خَمْسَ عَشْرَةَ مَرَّةً ثُمَّ تَرْكَعُ فَتَقُولُهَا وَأَنْتَ رَاكِعٌ عَشْرًا ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنْ الرُّكُوعِ فَتَقُولُهَا

عَشْرًا ثُمَّ تهْوِي سَاجِدًا فَتَقُولُهَا وَأَنْتَ سَاجِدٌ عَشْرًا ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ مِنْ السُّجُودِ فَتَقُولُهَا عَشْرًا ثُمَّ تَسْجُدُ فَتَقُولُهَا عَشْرًا ثُمَّ تَرْفَعُ رَأْسَكَ فَتَقُولُهَا عَشْرًا فَذَلِكَ خَمْسٌ وَسَبْعُونَ فِي كُلِّ رَكْعَةٍ تفْعَلُ ذَلِكَ فِي أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ تُصَلِّيَهَا فِي كُلِّ يَوْمٍ مَرَّةً فَافْعَلْ فَإِنْ لَمْ تفْعَلْ فَفِي كُلِّ جُمُعَةٍ مَرَّةً فَإِنْ لَمْ تفْعَلْ فَفِي كُلِّ شَهْرٍ مَرَّةً فَإِنْ لَمْ تفْعَلْ فَفِي كُلِّ سَنَةٍ مَرَّةً فَإِنْ لَمْ تفْعَلْ فَفِي عُمُرِكَ مَرَّةً .[466]

Takhrij al-Hadith: Riwayat tentang sembahyang tasbih ini dinukil oleh al-Palembani. Ia antaranya diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Turmudhi, Ibn Majah dan al-Hakim, al-Bayhaqi, Ibn Khuzaymah[467]. Riwayat Abu Dawud yang diikuti oleh Ibn Majah dan al-Bayhaqi daripada ᶜIkrimah (*tabiᶜi*) bersumber daripada ᶜAbdullah bin ᶜAbbas (sahabat) yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada Abbas bin ᶜAbd al-Mutallib r.a. adalah sama dengan nukilan di atas. Manakala riwayat al-Tirmidhi daripada Ahmad bin ᶜAbdah, daripada Abu Wahb (*tabiᶜi*) beliau berkata "saya bertanya kepada ᶜAbdullah bin al-Mubarak tentang sembahyang yang membaca tasbih dan takbir di dalamnya. *Muhaddithin* lainnya meriwayatkan seumpama dengan salah satu daripada dua periwayatan tersebut. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa ada dua jalur periwayatan bagi hadis ini, iaitu daripada Ibn ᶜAbbas dan ᶜAbdullah bin al-Mubarak.

Dari segi *matan* pula majoriti riwayat yang ditemui tidak menampakkan perbezaan yang bererti bahkan banyak kesamaannya, setidak-tidaknya hadis ini pada permulaannya dihala kepada ᶜAbbas bin ᶜAbd al-Mutalib, menyebut bilangan rakaᶜatnya, iaitu empat bilangan *tasbih* setiap rakaᶜat 75 kali dan minima melaksanakannya sekali dalam seumur hidup, kalau boleh setahun sekali, kalau boleh sebulan sekali atau seminggu sekali atau bahkan setiap hari, kecuali satu riwayat al-Tirmidhi yang agak berbeza sedikit pada permulaannya dan penggalan akhirnya seperti hadis berikut:

.. قَالَ سَأَلْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ الْمُبَارَكِ عَنْ الصَّلاَةِ الَّتِي يُسَبَّحُ فِيهَا فقَالَ يُكَبِّرُ ثُمَّ يقُولُ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ وَتبَارَكَ اسْمُكَ وَتعَالَى جَدُّكَ وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ ثُمَّ يقُولُ خَمْسَ عَشْرَةَ مَرَّةً ... فَإِنْ صَلَّى لَيْلا فَأَحَبُّ إِلَيَّ أَنْ يُسَلِّمَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ وَإِنْ صَلَّى نهَارًا فَإِنْ شَاءَ سَلَّمَ وَإِنْ شَاءَ لَمْ يُسَلِّمْ

Mengikut al-Tirmidhi[468] adalah hadis ini *ḥasan gharib*, al-Hakim[469] menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Mundhiri[470] menyatakan bahawa yang meriwayatkan hadis ini cukup banyak dan sesetengah ulama menilainya *ṣaḥīḥ*; Ibn Hajar[471] pula menyatakannya *ḥasan*, dan al-Albani[472]. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa pada asasnya hadis ini *ṣaḥīḥ* kecuali ada satu riwayat yang *ḥasan* dan kemudian dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* kerana adanya sokongan riwayat lain yang lebih kuat.

Hadis: 78 (4)

[473] .صلاة الليل مثنى مثنى ..

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani tersebut, boleh dikatakan hampir semua *muhaddithin* meriwayatkannya, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal[474], dengan *rawi* pertamanya (*tabaqah* sahabat) adalah Ibn ᶜUmar (ᶜAbdullah bin ᶜUmar) sementara pada tabaqah *tabiᶜin*nya adalah Nafiᶜ, ᶜAbdullah bin Dinar, Salim bin ᶜAbdillah bin ᶜUmar dan Humayd bin ᶜAbd al-Rahman bin ᶜAwf. Dengan demikian nampak jelas bahawa hadis ini hanya ada satu jalur periwayatan sahaja, pada peringkat sahabat, iaitu Ibn ᶜUmar, manakala *tabiᶜ*nya ada empat orang periwayat. Penggalan *matan* hadis yang dimaktubkan dalam kitab *Hidayat al-Salikin* tersebut selalunya ada dan sama dengan setiap riwayat para *muhaddithin* dalam kitab sumber mereka, dan sebenarnya ada sambungan daripada hadis ini dan terhadap sambungannya itulah yang berlaku sedikit perbezaan. Secara global (*ijmali*) nya ada dua *matan*, pertama seperti riwayat al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud dan lainnya berikut:

فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمْ الصُّبْحَ صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً تُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى

Adapun *matan* yang keduanya seperti riwayat al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal berikut ini:

فَإِذَا خِفْتَ الصُّبْحَ فَأَوْتِرْ بِوَاحِدَةٍ وَاجْعَلْ آخِرَ صَلاَتِكَ وِتْرًا

Perbezaan tersebut sama sekali tidak menimbulkan makna lain di antara kedua-dua *matan* tersebut. Maksudnya bahawa sembahyang sunat pada malam hari digalakkan dua rakaat sekali salam dan lakukanlah solat witir pada malam hari selepas Isyak apabila takut tidur lena dan kerjakan solat witir sebagai akhir daripada sembahyang malam.

Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini adalah *ṣaḥīḥ*, seperti mana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, serta dinyatakan oleh para ulama seumpama al-Dhahabi[475] dan beliau menambahkan bahawa apabila dikatakan hadis ini riwayat Ibn ᶜAbbas adalah silap, melainkan riwayat Ibn ᶜUmar; Abu Naᶜim[476] dan Ibn al-Qayyim[477], pula menyatakannya *ṣaḥīḥ*; begitu pula al-Albani[478] membuat kenyataan *ṣaḥīḥ*.

Faedah tentang Solat Istikharah

Faedah yang kedua daripada tiga faedah dalam fasal yang kelapan ini ada tiga buah hadis yang mana ketiga-tiganya merupakan nukilan al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*. Hadis berserta *takhrij* dan analisisnya sebagai berikut:

Hadis: 79 (1)

[479] لا يخيب الله من استخاره.

Takhrij al-Hadith: Riwayat seumpama ini diriwayatkan al-Tabrani juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi[480] yang bersumber daripada Anas bin Malik dengan *matan* yang berbeza ada sambungan selengkapnya, iaitu sebagai berikut:

حدثنا محمد بن عبد الله بن عثمان بن حماد بن سليمان بن الحسن بن أبان بن النعمان بن بشير الأنصاري بدمشق حدثنا عبد القدوس بن عبد السلام بن عبد القدوس حدثني أبي عن جدي عبد القدوس بن حبيب عن الحسن عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: ما خاب من استخار وما ندم من استشار ولا عال من اقتصد

Hadis ini dikatakan oleh para ulama seumpama al-Mizzi[481], al-Dhahabi[482], al-Haythami[483], dan Ibn Hajar[484] bahawa dalam sanad ada ᶜAbd al-Salam bin ᶜAbd al-Quddus yang mana kedua-duanya adalah *daᶜif*. Ibn Hajar[485] menyatakan juga bahawa hadis ini adalah *gharib* kerana sememangnya hanya ᶜAbd al-Quddus yang mengambil riwayat daripada al-Hasan dan kemudian hanya ᶜAbd al-Salam (anaknya) yang mengambil periwayatan daripada ayahnya dan inilah satu-satunya riwayat yang ada untuk hadis ini, dengan sanad yang *wahin jiddan* (sangat lemah) kerana adanya ᶜAbd al-Quddus yang disebut *jarh* (cacat), dan bahkan mengikut Ibn Hibban yang dinukil oleh al-ᶜAsqalani dituduh "pemalsu"; al-ᶜAjluni[486] pun menyatakan bahawa sanad *daᶜif jiddan*, bahkan al-Albani[487] menyatakannya *mawdu'*.

Oleh itu, *mawdu'* yang dikemukakan oleh al-Albani adalah cukup beralasan berdasarkan ilmu hadis, dan apabila berkesimpulan sanad *daᶜif jiddan* mestilah diertikan yang mendekati kepada *mawdu'* juga adanya, akan tetapi al-ᶜAjluni mengingatkan bahawa walaupun demikian keadaan darjat hadis tentang istikharah ini, akan riwayat tentang doa bagi amalan

istikharah itu sendiri adalah *thabit* daripada hadis yang *ṣaḥīḥ* riwayat al-Bukhari dan lainnya. Hal ini dapat dilihat kepada hadis nombor 80 (2) dan 81 (3) dalam kajian ini.

Hadis: 80 (2)

دعا صلاة إستخارة اللهم إنى أستخيرك بعلمك وأستقدرك بقدرتك وأسألك من فضلك العظيم فإنك تقدر ولا أقدر وتعلم ولا أعلم وقدر لى الخير حيث ما كان إنك على كل شيئ قدير

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini adalah satu kesatuan dengan hadis sesudahnya, oleh itu paparan takhrij dan analisisnya dicantumkan sekali dalam hadis berikutnya.

Hadis: 81 (3)

[489] كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يعلمنا الإستخارة فى الأمور كلها كما يعلمنا سورة من القرآن

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang kedua dan ketiga (80 dan 81) tersebut seperti dimaklumkan sebelum ini adalah satu periwayatan, akan tetapi dalam kitab *Hidayat al-Salikin* dituliskan secara berasingan walaupun berdekatan letak mengikut nombor yang pengkaji tulis. Hadis ini diriwayatkan oleh ramai periwayat antaranya, al-Bukhari, Abu Dawud, Al-Tirmidhi, Al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, Al-Hakim dan al-Bayhaqi[490]. Dari segi periwayatannya ada satu jalur periwayatan, mulai dari periwayat pertama sehinggalah periwayat ketiga adalah sama, iaitu ᶜAbd al-Rahman bin Abi al-Mawali (*tabiᶜ al-tabiᶜin*) daripada Muhammad bin al-Munkadir (*tabiᶜin*) daripada Jabir bin ᶜAbdillah al-Ansari (sahabat). Namun demikian mengikut al-Tirmidhi bahawa dalam bab ini juga ada riwayat ᶜAbdullah bin Masᶜud dan Abi Ayyub. *Matan* hadis ini pula boleh dikatakan semua riwayat *muhaddithin* terutama riwayat al-Bukhari adalah sama dengan yang dinukil al-Palembani dalam kitabnya, kecuali ayat terakhirnya (إنك على كل شيئ قدير) tidak ada dalam riwayat al-Bukhari.

Para ulama hadis nampaknya sepakat menyatakan bahawa kedua-dua hadis yang berasingan tetapi satu periwayatan itu, dengan rawi sahabatnya Jabir bin Abdillah al-Ansari adalah *ṣaḥīḥ* atau *sanad ṣaḥīḥ,* sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan yang lainnya, dan juga dinyatakan demikian oleh al-Mundhiri[491] dan al-Albani[492].

Ada juga hadis seumpamanya dengan *rawi* sahabat yang lain (selain Jabir bin ᶜAbdillah) dinilai berbeza, seperti riwayat ᶜAbdullah bin Masᶜud

dikatakan oleh al-Bazzar[493], bahawa dalam sanad ada Salih bin Musa "tidak kuat", atau *da^c^if* dalam istilah al-Haythami[494], adapun riwayat Abu Hurayrah pula, mengikut Ibn Hajar[495] adalah *ḥasan* sementara mengikut al-Albani[496] adalah *da^c^if*. Namun demikian, kedua-dua riwayat terakhir ini boleh dinaik taraf kepada darjat *ḥasan li ghayrih* kerana adanya riwayat Jabir bin Abdillah yang *ṣaḥīḥ* menjadi *shahid* dan *tabi^c^* kepadanya.

Faedah tentang Solat Hajat

Dalam faedah yang ketiga ini pula Syeikh Abdus Samad al-Palembani hanya menukil sebuah hadis yang cukup panjang. Hadis dimaksud serta *takhrij* dan analisis adalah sebagai berikut:

Hadis: 82 (1)

مَنْ كَانَتْ لَهُ إِلَى اللهِ حَاجَةٌ أَوْ إِلَى أَحَدٍ مِنْ بَنِي آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ فَلْيُحْسِنْ الْوُضُوءَ ثُمَّ لِيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ لِيُثْنِ عَلَى اللهِ وَلْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَقُلْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ الْحَلِيمُ الْكَرِيمُ سُبْحَانَ اللهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ أَسْأَلُكَ مُوجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلاَمَةَ مِنْ كُلِّ إِثْمٍ لاَ تَدَعْ لِي ذَنْبًا إِلاَّ غَفَرْتَهُ وَلاَ هَمًّا إِلاَّ فَرَّجْتَهُ وَلاَ حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا إِلاَّ قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.[497]

Takhrij al-Hadith: Hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim[498] dengan *rawi* pertama (*tabaqah* sahabat) dan kedua (*tabi^c^in*) yang sama, iaitu Fa'id bin ^c^Abd al-Rahman (*tabi^c^in*), daripada ^c^Abdillah bin Abi Awfa (*sahabat*), beliau berkata, bersabda Rasulullah SAW. Daripada ketiga-tiga riwayat (al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim) tersebut sebenarnya hanya satu jalur periwayatan, hal ini bermakna bahawa hadis ini tiada mempunyai sebarang penyokong sama ada sebagai *shahid* mahupun *mutabi^c^*.

Para ulama seperti Ibn al-^c^Arabi[499] bahawa hadis ini adalah *da^c^if* kerana mengikut Al-Mundhiri[500], dalam sanad ada *rawi* Fa'id bin ^c^Abd al-Rahman (Abi al-Warqa') adalah lemah bahkan *matruk,* manakala rawi lainnya adalah *thiqat*. Al-Dhahabi[501] pula mengutip pandangan al-Bukhari yang mengatakan bahawa Fa'id adalah *munkar al-hadith* walaupun hadisnya ditulis, demikian juga kenyataan Ibn ^c^Adi. Manakala, al-Albani[502] menghukumkan hadis ini sebagai *da^c^if jiddan*. Jadi, berdasarkan kritik sanad yang dikemukakan oleh al-Dhahabi dapat diperkatakan bahawa hadis dengan riwayat seumpama ini adalah *da^c^if jiddan*, hal ini menepati kenyataan Syeikh al-Albani.

Fasal tentang Adab Sembahyang

Pada fasal ini akan dikemukakan 11 hadis, tiga daripadanya merupakan nukilan Syeikh al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin,* manakala lapan hadis lainnya merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq apabila beliau menambah terang penjelasan terhadap huraian al-Palembani. Hadis dimaksud berserta *takhrij* dan analisis sebagai berikut:

Hadis: 83 (1)

[503] .إِذَا قُمْتَ إِلَى الصَّلاَةِ فَأَسْبِغْ الْوُضُوءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلْ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْ

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq apabila men*tahqiq* kitab *Hidayat al-Salikin*. Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh *al-Shaykhan* (al-Bukhari dan Muslim), Ibn Majah dan Abu Dawud,[504] daripada Abu Hurayrah (sebagai sahabat) dan *tabi*ᶜ*in*nya adalah Saᶜid bin Abi Saᶜid. Manakala, hadis yang semakna dengannya ramai daripada kalangan sahabat yang meriwayatkannya. *Matan* hadis yang dinukil tersebut sememangnya sama dengan riwayat al-Bukhari dan Muslim yang sebenarnya riwayatnya cukup panjang menceritakan seorang lelaki yang disuruh oleh Rasulullah SAW untuk mengulangi sembahyangnya sehinggalah tiga kali berturut-turut, kemudian baginda bersabda: … sehinggalah sempurna hadis ini.

Hadis bagi tajuk ini dan yang semakna dengannya, dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* atau *thabit*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim juga menepati kenyataan majoriti ulama, antaranya dinyatakan oleh Syeikh al-Albani[505].

Hadis: 84 (2)

[506] .: الله أكبر الله اكبر ... لفظ إقامة

Takhrij al-Hadith: Hadis yang berkaitan dengan lafaz *iqamah* ini sudah pun disebut *takhrij*nya pada fasal keenam, untuk lebih jelasnya sila rujuk hadis nombor 45 (6). Ia diriwayatkan oleh, Abu Dawud, al-Bayhaqi, dan lain-lain yang majoritinya bersumber daripada sahabat ᶜAbdullah bin ᶜUmar dan ᶜAbdullah bin Zayd dengan darjat hadisnya adalah *ṣaḥīḥ* atau *isnad ṣaḥīḥ*.

Hadis: 85 (3)

عن مالك بن الحويرث قال رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم حين دخل فى الصلاة رفع يديه وحين ركع وحين رفع رأسه من الركوع حاذتا فروع أذنيه .[507]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq, apabila menambah penjelasan al-Palembani terhadap perkara "mengangkat tangan pada masa *takbirat al-ihram* ketika solat". Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i[508] yang betul-betul sama dengan nukilan tersebut. Al-Nasa'i menerima riwayat daripada Ya^{c}qub bin Ibrahim, dan daripada Malik bin al-Huwayrith al-Laythi (sebagai rawi sahabatnya), manakala yang lain seperti al-Bukhari daripada Salim bin Abdillah daripada ayahnya, akan tetapi ada sedikit perbezaan. Riwayat al-Nasa'i yang diikuti oleh Shamsuddin Siddiq di atas dengan ayat حاذ تا فروع أذنيه, manakala al-Bukhari dengan ayat حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ , sebagaimana riwayatnya berikut:

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ إِذَا افْتَتَحَ الصَّلَاةَ وَإِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوعِ وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنْ الرُّكُوعِ رَفَعَهُمَا كَذَلِكَ أَيْضًا[509]

Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari tersebut disepakati ke*ṣaḥīḥ*annya, Begitu juga riwayat al-Nasa'i daripada sahabat Malik bin al-Huwayrith al-Laythi dinyatakan *ṣaḥīḥ* oleh para ulama, seumpama Syeikh al-Albani[510]. Oleh itu, kita pun berpada dengan kenyataan yang sudah pun disepakati tersebut.

Hadis: 86 (4)

قال رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ قَائِمًا فِي الصَّلَاةِ قَبَضَ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ عن وائل بن حجر.[511]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini juga nukilan Shamsuddin Siddiq apabila menjelaskan kenyataan yang dituliskan oleh al-Palembani hanya maksud daripada riwayatnya sahaja. Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'i dan al-Dar Qutni[512] dengan tajuk bab yang sama antara kedua-dua *muhaddits* ini, iaitu "*bab meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri ketika semabahyang"*. Periwayat daripada *tabaqah* sahabatnya pun sama iaitu Ayah kepada ^{c}Alqamah (Wa'il bin Hujr). Al-Nasa'i mengambil riwayat daripada Suwayd bin Nasr, Beliau berkata: mengkhabarkan kepada kami ^{c}Abdullah bin Musa bin ^{c}Umayr al-^{c}Anbari dan Qays bin Sulaym al-^{c}Anbari, keduanya berkata: meriwayatkan kepada kami ^{c}Alqamah

bin Wa'il, daripada Ayahnya, begitu pun riwayat al-Dar Qutni. Dan Shamsuddin Siddiq, sememangnya mengikuti riwayat al-Nasa'i tersebut jadi *matan* hadisnya pun tidak ada perbezaan dengan riwayat berkenaan. Hadis ini dapat disimpulkan dan dinyatakan sebagai hadis yang *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh para ulama seperti al-Albani[513], *isnad ṣaḥīḥ*.

Hadis: 87 (5)

وَمَدَّ امِينَ فقَالَ {غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلاَ الضَّالِّينَ} قرَأَ قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عن وائل بن حجر بِهَا صَوْتَه.[514]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq apabila menambah penjelasan al-Palembani tentang satu perkara "jikalau engkau adalah ma'mum maka sunat memperlahan (bacaan) sekira-kira didengar oleh telinga dirimu, dan sunat engkau jaharkan (kuatkan) amin serta imam". Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, al-Bayhaqi dan al-Dara Qutni[515]. Al-Tirmidhi menerima riwayat daripada Bundar; Muhammad bin Bashshar, sehinggalah daripada Hujr bin ᶜAnbas (*tabiᶜin*) daripada Wa'il bin Hujr (sahabat), ia berkata: aku mendengar Nabi SAW dan mengikut beliau (al-Tirmidhi) juga ada riwayat seumpama, daripada sahabat ᶜAli bin Abi Talib dan Abi Hurayrah, hal ini memberi erti adanya *shahid* bagi riwayat ini. Dari segi *matan* Shamsuddin Siddiq nampaknya mengikuti riwayat al-Tirmidhi dan al-Dar Qutni kerana betul-betul sama *matan*, sementara riwayat al-Bayhaqi ada sedikit perbezaan, seperti berikut:

أن أبا هريرة قال كان رسول الله صلى الله عليه و سلم إذا فرغ من قراءة أم القرآن رفع صوته فقال آمين

Para ulama seumpama al-Turmudhi[516] menyatakan hadis ini adalah *ḥasan*, al-Bayhaqi[517] menyatakan *isnad ḥasan,* al-Dar Qutni[518] menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad*, manakala al-Baghawi[519] menyimpulkan bahawa hadis ini adalah *ḥasan*; Ibn Hajar[520] pun berkesimpulan bahawasanya hadis ini adalah *ḥasan*. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa hadis dalam tajuk ini darjatnya *ḥasan,* sepertimana dinyatakan oleh majoriti ulama berkenaan.

Hadis: 88 (6)

صَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فرَكَعَ فقَالَ فِي رُكُوعِهِ سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ.[521]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini pun merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq terhadap kitab *Hidayat al-Salikin*, apabila beliau menjelaskan kenyataan al-Palembani bahawa "*baca olehmu di dalam ruku*[c] *itu* سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ *tiga kali"*. Hadis seumpama ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin* antaranya Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Nasa'i[522] dengan sedikit perbezaan pada *matan*. Riwayat seumpama ini daripada Hudhayfah, Ibn Mas[c]ud dan [c]Uqbah bin [c]Amir. Perbezaan pada *matan* dimaksud dapat digambarkan berikut:

Riwayat al-Turmudhi dengan sanad daripada Hudhayfah seperti berikut:

حدثنا محمود بن غيلان .... عن صلة بن زفر عن حذيفة أنه صلى مع النبي صلى الله عليه و سلم فكان يقول في ركوعه سبحان ربي العظيم ....

Riwayat Muslim juga daripada Hudhayfah :

ثم ركع فجعل يقول سبحان ربي العظيم .... وإذا أمر بتعوذ تعوذ

Adapun yang berasal daripada Ibn Mas[c]ud, seperti riwayat Ibn Majah:

إذا ركع أحدكم فليقل في ركوعه : سبحان ربي العظيم، ثلاثا فإذا فعل ذالك تم ركوعه، وذالك أدناه..

Namun demikian, perbezaan yang berlaku tersebut hanya setakat ayatnya sahaja, tidak pada inti perbahasan, yakni semuanya menyebut bahawa Rasulullah SAW apabila ruku[c] dalam sembahyang membaca tasbih tersebut.

Penilaian para ulama terhadap hadis ini terbahagi kepada tiga, menerusi tiga *sanad* yang berbeza. Apabila riwayatnya bersumbar daripada Hudhayfah, dapat disimpulkan *ṣaḥīḥ,* sepertimana diriwayatkan oleh Muslim dan dinyatakan oleh ulama seperti Ibn Hajar[523] dan al-Albani[524]. Riwayat yang bersumber daripada [c]Abdullah bin Mas[c]ud pula adalah *da[c]if* sebagaimana dinyatakan oleh ulama antaranya, al-Nawawi[525], al-Dhahabi[526] al-[c]Iraqi[527] dan al-Albani[528] kerana mengikut mereka sanad terputus, yakni [c]Awn bin [c]Abdillah bin [c]Utbah tidak bertemu dengan Ibn Mas[c]ud. Manakala riwayat yang berasal daripada [c]Uqbah bin [c]Amir dinilai *ṣaḥīḥ* oleh ulama seumpama al-Albani[529].

Perbezaan ini berlaku kerana berbeza sanad dan *matan* yang dinilai, jadi sebenarnya tidak ada percanggahan. Walaupun setengah periwayatannya

ada yang diragukan, seperti dikatakan tidak bersambung, akan tetapi ada jalur periwayatan lain yang dapat dijadikan *shahid* dan *mutaba*ᶜ*at* untuk menaik tarafkannya. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa secara ᶜamnya, hadis ini minima bernilai *ḥasan li ghayrih* bagi hadis yang pada asalnya *da*ᶜ*if* kerana boleh dinaik taraf dengan hadis yang lebih kuat yakni *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 89 (7)

[530].سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ « لفظ إعتدال »

Riwayat ini satu periwayatan dengan hadis sesudahnya, oleh itu paparan *takhrij*nya dicantumkan sekali dengan hadis berikutnya.

Hadis: 90 (8)

[531].لفظ « رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمَوَاتِ وَمِلْءَ ٱلْأَرْضِ وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ»

Takhrij al-Hadith: Dua riwayat tersebut dinukil oleh al-Palembanai ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Sebenarnya ia tidak disebut dalam bentuk ayat hadis Nabi, cumanya dikatakan "bahawa sunah membaca lafaz tersebut apabila bangun daripada rukuᶜ" (*i*ᶜ*tidal*) ketika sembahyang dan lafaz yang kedua tersebut dibaca sesudah betul-betul tegak dalam *i*ᶜ*tidal*nya. Adapun hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, dan Ahmad bin Hanbal[532] dengan *matan* yang cukup panjang, sekali dengan doa *iftitah*. Manakala, riwayat Malik, al-Bukhari dan Muslim, سمع الله لمن حمده ربنا و لك الحمد sahaja. Dua *rawi* terakhir (pada peringkat *sahabat* dan *tabi*ᶜ*in*) cukup ramai antaranya ialah, 1) Salim bin ᶜAbdullah (*tabi*ᶜ*in*) daripada ᶜAbdullah bin ᶜUmar (*sahabat*), 2) ᶜUbaydullah bin Abi Rafiᶜ daripada ᶜAli bin Abi Talib, 3) al-Zuhri daripada Anas bin Malik, 4) ᶜUbayd bin al-Hasan daripada Ibn Abi Awfa, 5) Qazᶜah bin Yahya daripada Abi Saᶜid al-Khudri, dan 6) ᶜAta' daripada Ibn ᶜAbbas.

Dengan demikian nampaklah bahawa jalur periwayatan hadis ini cukup banyak dan dapat dijadikan *shawahid* dan *mutaba*ᶜ*at. Matan* hadisnya pula boleh dikatakan semuanya sama apabila merujuk kepada kenyataan yang berkenaan dengan ucapan atau bacaan ketika bangun daripada rukuᶜ sahaja, perbezaan berlaku sedikit apabila dilihat pada periwayatan dengan

matan yang panjang di mana memasukkan sekali dengan do^{c}a *iftitah*. Sebagai contoh terfokus kepada dua lafaz bacaan tersebut, dikutipkan riwayat al-Tirmidhi berikut:

رفع رأسه من الركوع رسول الله صلى الله عليه وسلم إذا كان سمعت عبد الله بن أبي أوفى يقول عن عبيد بن الحسن قال يقول سمع الله لمن حمده اللهم ربنا ولك الحمد ملء السموات وملء الأرض وملء ما شئت من شيئ بعد

Hadis ini dapat dinyatakan darjatnya adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan selaras dengan kenyataan para ulama seumpama Ibn Hazm[533], Ahmad Shakir[534]dan al-Albani[535] dan lain-lain.

Hadis: 91 (9)

أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ سُئِلَ هَلْ قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صَلاَةِ الصُّبْحِ قَالَ نَعَمْ فَقِيلَ لَهُ قَبْلَ الرُّكُوعِ أَوْ بَعْدَهُ قَالَ بَعْدَ الرُّكُوعِ.[536]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq bagi menjelaskan kenyataan Syeikh al-Palembani: "dan apabila ada engkau dalam sembahyang Subuh, maka baca olehmu dalam i^{c}tidal pada raka^{c}at yang kedua yaitu qunut" . (*Hidayat al-Salikin,* hlm. 112). Secara amnya hadis tentang qunut ini diriwayatkan oleh para *muhaddithin*, antaranya al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, dan al-Hakim[537]. Akan tetapi riwayat seumpama nukilan tersebut di atas hanya menepati riwayat al-Nasa'i daripada Qutaybah sahaja, ia berkata meriwayatkan kepada kami Hammad, daripada Ayyub, daripada Ibn Sirin, bahawa Anas bin Malik ditanya pasal qunut ini. Adapun riwayat yang lain majoritinya juga diriwayatkan oleh Ibn Sirin daripada Anas bin Malik di samping Abi Salamah daripada Abi Hurayrah dan lain-lain. Daripada segi *matan*, majoriti riwayat menyebutkan bahawa doa qunut dipanjatkan oleh Rasulullah SAW kerana ada permintaan kepada Allah secara khusus untuk sesebuah kumpulan ataupun dalam riwayat lain untuk seseorang (Ri^{c}l dan Dhakwan) dan beliau mengamalkannya dalam sebulan sahaja, seumpama riwayat berikut:

حَدَّثَنَا عَاصِمٌ قَالَ سَأَلْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ عَنْ الْقُنُوتِ .... إِنَّمَا قَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ الرُّكُوعِ شَهْرًا أُرَاهُ كَانَ بَعَثَ قَوْمًا يُقَالُ لَهُمْ الْقُرَّاءُ زُهَاءَ سَبْعِينَ رَجُلاً إِلَى قَوْمٍ مِنْ الْمُشْرِكِينَ دُونَ أُولَئِكَ وَكَانَ بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَهْدٌ فَقَنَتَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهْرًا يَدْعُو عَلَيْهِمْ

Hadis yang menjadi tajuk perbincangan ini dapat dikatakan *ṣaḥīḥ*

sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, serta dinyatakan oleh para ulama seperti Abu Dawud[538], al-Tirmidhi[539] dan dalam riwayatnya al-Tirmidhi kemudian mengutip pandangan Sufyan al-Thawri bahawa sesiapa yang berdoa qunut pada solat subuh adalah baik, dan apabila tidak berqunut pun tidak mengapa. Ibn Hazm[540] juga menyatakannya *ṣaḥīḥ*; begitu juga al-Albani[541] membuat kenyataan bahawa riwayat seumpama tersebut adalah *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 92 (10)

وَإِذَا سَجَدَ قَالَ: سُبْحَانَ رَبِّيَ ٱلأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ[٥٤٢].

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq untuk menguatkan kenyataan al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin*. Sebenarnya hadis yang seumpamanya diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin*, namun yang sama dengan *matan* di atas adalah diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, al-Bayhaqi dan al-Dar Qutni[543], daripada al-Layth yakni Ibn Sa^{c}d, daripada Ayyub bin Musa, daripada seorang lelaki daripada kaumnya, daripada ^{c}Uqbah bin ^{c}Amir. Manakala, periwayatan *muhaddithin* lainnya, seumpama Imam Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan al-Hakim[544] agak berbeza, yakni hanya dengan lafaz سُبْحَانَ رَبِّيَ ٱلأَعْلَى tanpa وَبِحَمْدِهِ dan ثلاثا. Majoriti periwayatannya daripada Hudhayfah di samping daripada ^{c}Uqbah bin ^{c}Amir, dan Ibn Mas^{c}ud.

Para ulama memberikan penilaian terhadap hadis tersebut, Abu Dawud, misalnya menyatakan bahawa tambahan lafaz وَبِحَمْدِهِ tersebut diragukan ke-*mahfuz*-annya, dan dalam sanad ada Muhammad bin Abi Layli yang mengikut al-Bazzar[545] kurang baik hafalannya; mengikut al-Nawawi[546] adalah hadis ini *da^{c}if*. Namun demikian, kekurang *dabit*an seorang periwayat masih dapat dimaafkan, kerana mengikut al-Albani[547], riwayat hadis tersebut ada *tabi^{c}*, iaitu Mujalid bin Sa^{c}id yang juga *da^{c}if*. Manakala, riwayat tanpa lafaz "وَبِحَمْدِهِ" adalah *ṣaḥīḥ,* sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan mengikut al-Albani[548] hadis ini banyak *shawahid*nya. Oleh itu, dapatlah diambil kesimpulan bahawa riwayat yang menjadi tajuk perbincangan ini (dengan tambahan lafaz وَبِحَمْدِهِ) adalah *da^{c}if* akan tetapi dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* kerana lemahnya periwayat dari segi hafalan sahaja dan pada saat yang sama ada *tabi^{c}* kepadanya, manakala riwayat tanpa lafaz وَبِحَمْدِهِ

adalah disepakati *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 93 (11)

كُنْتُ أَرَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ يَسَارِهِ حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ[٥٤٩].

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq berkenaan dengan "menolehkan muka ke kenan dan ke kiri apabila salam dalam solat". Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim, al-Nasa'i, Ahmad, dan al-Bayhaqi[550], *rawi* sahabatnya antaranya adalah, ᶜAbdullah bin Masᶜud, Saᶜad bin Abi Waqas, Hudhayfah bin al-Yaman, Wa'il bin Hajar. Dan nukilan tersebut menepati riwayat Imam Muslim dan al-Nasa'I, dan pada asasnya *matan* hadis ini tidak jauh berbeza dengan riwayat Muslim, kecuali ada sedikit tambahan pada penggalan pertamanya, seperti riwayat Ahmad bin Hanbal berikut ini:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَبِّرُ فِي كُلِّ رَفْعٍ وَوَضْعٍ وَقِيَامٍ وَقُعُودٍ وَيُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ حَتَّى أَرَى بَيَاضَ خَدِّهِ

Fokus di sini adalah bahawa Nabi SAW, manakala mengucap salam apabila mengakhiri sembahyang sambil menolehkan muka beliau ke kanan dan ke kiri sehinggalah nampak pipi beliau. Hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim serta dinyatakan sedemikian oleh majoriti ulama, seperti, al-Tahawi[551], al-Dara Qutni[552], Ibn al-Mulaqqin[553], Ahmad Shakir[554], al-Albani[555] dan lain-lain.

Hadis: 94 (12)

إِنَّ الْعَبْدَ لَيُصَلِّي الصَّلاَةَ فلا يُكْتَبُ لَهُ مِنْهَا سدسها ولا عشرها وإنما يكتب للعبد من صلاته بقدر ما عقل عنها[556].

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, ia diriwayatkan oleh Imam Ahmad[557] dengan periwayat pertama (sahabat) nya adalah ᶜAmmar bin Yasir sahaja. Dari segi *matan* pula sememangnya terdapat sedikit perbezaan antara nukilan yang ada menyebutkan penggalan terakhirnya وإنما يكتب للعبد من صلاته بقدر ما عقل عنها sementara dalam kitab sumber sama sekali tidak menyebutkannya, walaupun maksudnya tidak jauh berbeza, bahawa "kadar penerimaan Allah

terhadap solat seseorang sangat bergantung kepada khusyuknya semasa solat. Riwayat Ahmad bin Hanbal dimaksud adalah sebagai berikut:

إِنَّ الْعَبْدَ لَيُصَلِّي الصَّلاَةَ مَا يُكْتَبُ لَهُ مِنْهَا إِلاَّ عُشْرُهَا تُسْعُهَا ثُمُنُهَا سُبُعُهَا سُدُسُهَا خُمُسُهَا رُبُعُهَا ثُلُثُهَا نِصْفُهَا

Para ulama seumpama al-Mundhiri[558] menilai hadis riwayat Ahmad ini adalah *ṣaḥīḥ* begitu juga Ibn al-Mulaqqin[559] dan al-Albani[560] atau *ḥasan*[561] apabila dengan *matan* yang lain seperti berikut:

إن العبد لينصرف من صلاته ولم يكتب له منها إلا نصفها، إلا ثلثها، ...

Pada asasnya hadis ini boleh disimpulkan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan para ulama tersebut, atau minima *ṣaḥīḥ li ghayrih* bagi *matan* yang lain, akan tetapi terhadap hadis yang dinukil oleh al-Palembani di atas, dapat diperkatakan bahawa pada penggal pertamanya bersesuaian dengan *matan* dalam kitab rujukan, sementara penggalan akhirnya tidak dapat dikesan sumber rujukannya, walaupun dari segi maknanya kemungkinan sama maksud dan tujuannya, maka penggalan akhirnya adalah lemah.

Fasal Tentang Adab Imam dan Ma'mum

Dalam fasal kesepuluh bab yang ketiga daripada kitab *Hidayat al-Salikin* karya al-Palembani ini dinukil empat buah hadis, dua daripada termaktub dalam kitab tersebut, sedangkan dua lainnya merupakan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq apabila beliau melakukan *tahqiq* ke atas kitab berkenaan. Hadis dan *takhrij* serta analisis sebagai berikut:

Hadis: 95 (1)

أَنَّهُ قَالَ مَا صَلَّيْتُ وَرَاءَ إِمَامٍ قَطُّ أَخَفَّ صَلاَةً وَلاَ أَتَمَّ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.[562]

Takhrij al-Hadith: Hadis pertama dalam fasal ini dinukil oleh al-Palembani. Ia diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin*, antaranya Imam al-Bukhari, Muslim dan Ahmad bin Hanbal[563], dengan *rawi* pada peringkat sahabatnya adalah Anas bin Malik, manakala *rawi* pada peringkat *tabi*ᶜ*in* ialah Sharik bin ᶜAbdillah bin Numayr. Ada juga riwayat daripada Abi Hurayrah,

Tariq bin ᶜAsim al-Ashjaᶜi, Jabir bin ᶜAbdillah dan ᶜAbdillah bin ᶜUmar, akan tetapi tidak ada dalam periwayatan al-Bukhari dan Muslim. *Matan* hadisnya pula antara periwayatan boleh dikatakan sama sahaja, kecuali sambungan daripada hadis tersebut yang berbeza. Imam al-Bukhari dan satu riwayat Ahmad bin Hanbal menyebut sambungannya, iaitu:

وَإِنْ كَانَ لَيَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ فَيُخَفِّفُ مَخَافَةَ أَنْ تُفْتَنَ أُمُّهُ

Sementara Imam Muslim dan riwayat Imam Ahmad yang lain tidak menyebutkannya. Hadis ini dapat dikatakan bahawa hadis yang bersumber daripada Anas bin Malik adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana ditakhrij, disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Riwayat Jabir dan Tariq pula, juga dapat dikatakan *ṣaḥīḥ* kerana mengikut al-Haythami[564] "*rijal*nya *thiqat/ṣaḥīḥ*, manakala riwayat Abu Hurayrah pula hanya dapat dikatakan *ḥasan* kerana dalam sanad ada Kathir bin Zayd yang dikatakan oleh al-Maqdisi[565], "*la ba'sa bih*", manakala riwayat ᶜAbdillah bin ᶜUmar adalah *isnad*nya *daᶜif* sebagaimana dinyatakan oleh al-Albani[566]. Perbezaan nilai sebegini tidak diertikan bercanggah, kerana ianya berlaku terhadap hadis yang sememangnya sanad dan *matan* berbeza. Namun demikian, hadis yang darjatnya rendah boleh dinaik taraf dengan hadis yang lebih kuat kualitinya. Jadi, dapatlah diperkatakan bahawa hadis dalam tajuk ini adalah kuat iaitu *ṣaḥīḥ* berdasarkan riwayat al-Bukhari dan Muslim, sementara riwayat yang lain pun boleh dinaik taraf kepada minima *ḥasan li ghayrih*, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 96 (2)

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوْفِ مِنْ تَمَامِ الصَّلاَةِ.[567]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq. Ia diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban[568], melalui jalur *sanad* yang sama daripada sahabat (Anas bin Malik), *tabiᶜin* (Qatadah) sehinggalah *tabiᶜ al-tabiᶜin*nya iaitu Abu al-Walid (Shuᶜbah). Dari segi *matan* pula, nukilan Shamsuddin Siddiq tersebut nampaknya sama dengan riwayat al-Bukhari yang diikuti oleh riwayat yang lain dengan menggunakan lafaz *jamaᶜ* terhadap kalimah الصُّفُوْفِ pada kedua-dua lafaznya, kecuali riwayat Muslim yang meriwayatkan dengan lafaz *mufrad* الصف pada lafaz yang kedua. Nilai hadis ini pun dapat dikatakan

sebagai *ṣaḥīḥ*, sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, bahkan mengikut ᶜAbd al-Barr[569], bahawa hadis ini adalah *mutawatir* kerana melalui jalur periwayatan yang banyak, dan begitulah pula hukum yang diperkatakan oleh al-Albani[570].

Hadis: 97 (3)

وَمَدَّ آمِينَ فَقَالَ {غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلاَ الضَّالِّينَ} قَرَأَ عن وائل بن حجر قَالَ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَا صَوْتَهُ.[571]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil semula oleh Shamsuddin Siddiq dalam fasal mengenai "Adab Imam dan Makmum" ini kerana ada hubungkaitnya dengan tajuk perbincangan, walaupun sebenarnya telah disebut pada fasal kesembilan hadis nombor lima, dalam ruang ini tidak lagi dipaparkan, jadi sesiapa yang berhajat kepada paparan *takhrij,* dan analisis sila rujuk Hadis nombor 87 (5), dan ringkasnya bahawa hadis ini adalah *ḥasan* atau mengikut sebahagian ulama adalah *isnad ṣaḥīḥ*.

Hadis: 98 (4)

وما تأخر إِذَا أَمَّنَ الإِمَامُ فَأَمِّنُوا فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينُهُ تَأْمِينَ الْمَلاَئِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.[572]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dimaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[573]. Hadis ini berasal daripada Abu Hurayrah sahaja sebagai *rawi* sahabatnya. Dari segi *matan*, nukilan tersebut hampir sama dengan yang diriwayatkan dalam kitab sumber hadis, namun pada bahagian akhirnya ada kalimah وما تأخر yang sama sekali tidak diriwayatkan dalam mana-mana kitab sumber, dan sikap kita jelas akan merujuk dan mengikuti mana-mana kitab yang menjadi sumber kepada hadis ini.

Adapun nilai hadis ini pada asasnya dapat diperkatakan adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta *muhaddith* lainnya, bahkan mengikut Ibn al-Mulaqqin[574] tidak sekadar *ṣaḥīḥ*, bahkan *muttafaq ᶜala sihhatih*, (disepakati ke*ṣaḥīḥ*annya), Adapun bagi riwayat yang ada tambahan (*ziyadah*) kalimat "وما تأخر" mengikut Ibn Hajar al-ᶜAsqalani[575] adalah *shadhdhah* dan walaupun ada riwayat yang lain tetapi juga *daᶜif*. Jadi apabila *matan* tanpa lafaz "وما تأخر" adalah nilainya *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan para ulama termasuk al-Albani[576], manakala

matan tamabahannya tersebut adalah *daᶜif* sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Hajar.

Fasal tentang Adab Hari Jumaᶜat

Dalam fasal yang kesebelas ini ada 29 buah hadis yang dinukil, 24 hadis merupakan nukilan Syeikh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* yakni di antara muka surat 122 sehingga muka surat 139 daripada kitab tersebut, dan lima buah hadis lainnya merupakan nukilan daripada Shamsuddin Siddiq sebagai tambahan penjelasan bagi Kitab *al-Palembani*. *Takhrij sanad* dan analisis *matan* adalah sebagai berikut:

Hadis: 99 (1)

[577]. لاَ يَصُمْ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلاَ أَنْ يَصُومَ قَبْلَهُ أَوْ يَصُومَ بَعْدَه

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq, sebagai tambahan penjelasan ke atas kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, dan Ibn Majah [578], dengan periwayat pertamanya Abu Hurayrah, dan mengikut al-Tirmidhi bahawa dalam masalah ini juga daripada ᶜAli, Jabir bin ᶜAbdillah, Junadah al-Azdi, Juwayriyah, Anas, dan ᶜAbdullah b, ᶜAmr. Dari segi *matan* hadis pula dapat diperkatakan bahawa riwayat Imam Muslim dan Abu Dawud yang diikuti oleh Shamsuddin Siddiq dalam nukilannya, sementara riwayat al-Tirmidhi yang diikuti Ibn Majah ada sedikit perbezaan pada kata لا يصوم ada huruf "waw" sementara riwayat di atas tidak menggunakannya لا يصم manakala yang lain lebih umum lagi, seperti riwayat Imam Ahmad berikut ini:

.وَنَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صِيَامِ يَوْمِ الْجُمُعَةِ إِلاَ أَنْ يَكُونَ فِي أَيَّامٍ

Hadis ini dapat diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim, dan juga dinyatakan oleh para ulama seumpama al-Albani[579]. Oleh itu, kebanyakan ulama berpandukan hadis di atas menyatakan *makruh* puasa hari Jumaᶜat kecuali jika diikuti dengan puasa sebelum atau sesudah hari berkenaan.

Hadis: 100 (2)

غُسْلُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ.[580]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Nukilan riwayat tersebut hampir semua *muhaddithin* meriwayatkannya, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal[581]. Dan daripada periwayatan tersebut majoriti periwayat pertama dan keduanya adalah Abu Sa^{c}id al-Khudri (sahabat) meriwayatkan kepada ^{c}Ata' bin Yasar (*tabi^{c}in*), juga ada riwayat Abu Hurayrah kepada Abi Sa^{c}id al-Maqbari dan Hafsah (isteri Nabi SAW) meriwayatkan kepada Ibn ^{c}Umar r.a. Dari segi *matan* hampir semua *muhaddithun* sama dalam periwayatannya dengan menyebut lafaz يَوْمَ sebelum kalimah الْجُمُعَةِ termasuk riwayat al-Bukhari dan Muslim, kecuali Ahmad bin Hanbal yang dalam riwayatnya tanpa menyebut lafaz tersebut dan inilah yang diikuti oleh Syeikh al-Palembani dalam nukilannya. Namun demikian, kedua-duanya mempunyai erti dan maksud yang sama, iaitu hari Juma^{c}at jua.

Adapun nilai kepada hadis ini dapat dinyatakan sebagai *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, khasnya riwayat daripada Abu Sa^{c}id al-Khudri, begitupun *ṣaḥīḥ* riwayat daripada Hafsah bt. ^{c}Umar dengan *matan* "رواح الجمعة واجب على كل محتلم" sebagaimana dinyatakan oleh al-Nawawi[582]. Manakala, ada satu riwayat yang *da^{c}if*, iaitu riwayat daripada Jabir bin ^{c}Abdillah, tetapi mengikut Ibn al-Qaysarani[583] ada jalur periwayatan yang lain; dalam istilah Ibn al-Qayyim[584] ia mempunyai *shahid*; al-Haythami[585] bahawa dalam sanad ada ^{c}Abdullah bin Muhammad bin Sa^{c}id bin Abi Maryam dinilai sangat lemah. Adanya penilaian yang berbeza ini sama sekali tidak memunculkan perbezaan, sebab hal itu berlaku terhadap sanad yang berlainan. Jadi, kita dapat mengikuti riwayat yang *ṣaḥīḥ* dan sementara yang *da^{c}if* itu pun boleh dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih*, dengan sokongan riwayat yang *ṣaḥīḥ*. Hal sedemikian menepati pandangan al-Shawkani[586] dan al-Albani[587].

Hadis: 101 (3)

إن الجنة بيضاء وأحب الأشياء إلى الله تعالى البياض.[588]

Takhrij al-Hadits: Riwayat ini termaktub dalam kitab al-Palembani, ia tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis, kecuali ditakhrij oleh al-Suyuti serta *Sharh*nya[589] dan dikatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Ibn ^{c}Abbas, ada juga riwayat

lain yang semakna sama sanad namun berbeza *matan*. Adapun nukilan al-Palembani tersebut sememangnya mengikuti riwayat yang termaktub dalam kitab *al-Jami*ᶜ *al-Saghir*. Para ulama seumpama oleh al-Qaysarani[590], membuat kenyataan bahawa Hamzah al-Nusaybi pendusta; al-Haythami[591] pula menyatakan bahawa dalam sanad ada *rawi* Hisham bin Ziyad Abu al-Miqdam *matruk*; serta mengikut al-Sakhawi[592] *rawi* yang kedua (Hamzah al-Nusaybi) itu adalah sangat lemah bahkan dituduh pemalsu. Oleh itu hadis ini dapat dikatakan bahawa riwayatnya adalah *mawdu*ᶜ, dan ianya menepati kenyataan al-Albani[593].

Hadis: 102 (4)

من راح إلى الجمعة فى الساعة الأولى فكأنما قرب بدنة ومن راح فى الساعة الثانية فكأنما قرب بقرة ومن راح فى الساعة الثالثة فكأنما قرب كبشا أقرن ومن راح فى الساعة الرابعة فكأنما قرب دجاجة ومن راح فى الساعة الخامسة فكأنما أهدى عصفورا ومن راح فى الساعة السادسة فكأنما أهدى بيضة فإذا خرج الإمام طويت الصحف ورفعت الأقلام واجتمعت الملائكة عند المنبر يستمعون الذكر. [594]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Ia diriwayatkan oleh hampir semua *muhaddithin* antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, al-Bayhaqi dan Ibn Hibban[595]. Memperhatikan daripada riwayat *muhaddithin* tersebut dijumpai bahawa hadis ini diriwayatkan oleh seorang sahabat Abu Hurayrah sahaja, walaupun demikian mengikut al-Tirmidhi[596] hadis ini juga diriwayatkan oleh sahabat ᶜAbdullah bin ᶜAmr dan Samurah. Dan antara periwayatan *muhaddithin* tersebut boleh dikatakan semuanya berjumpa pada *rawi* yang keempat, iaitu daripada Malik, daripada Sumay (*tabi*ᶜ *al-Tabi*ᶜ*in*), daripada Abi Salih al-Samman (*tabi*ᶜ*in*), daripada Abi Hurayrah r.a. (sahabat) bahawa Rasulullah SAW bersabda. *Matan* hadisnya pula boleh dikatakan tidak ada perbezaan di antara periwayatan yang ada, kecuali riwayat al-Turmudhi dan al-Nasa'i dengan kata بقرة sebagai ganti kepada بدنة dalam riwayat yang lain. Riwayat dalam kitab rujukan berbeza dengan nukilan al-Palembani. Salah satu contohnya dikemukakan riwayat Imam Muslim sebagai berikut:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقَرَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا أَقْرَنَ وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دَجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً فَإِذَا خَرَجَ الْإِمَامُ حَضَرَتْ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ الذِّكْرَ

Daripada riwayat ini dapat dijelaskan bahawa para *muhaddithin* tidak

meriwayatkan adanya *al-sa*ᶜ*ah al-sadisah* (pada masa keenam), sementara al-Palembani menyebutnya, dan "masa yang keenam" dalam nukilan al-Palembani diletakkan فَكَأَنَّمَا أهدى بَيْضَةً yang dalam sumber rujukan adalah pada masa yang kelima, dan pada *al-sa*ᶜ*ah al-khamisah* (saat yang kelima) dalam nukilan al-Palembani adalah فكأنما أهدى عصفورا dan yang ini sama sekali tidak disebut dalam kitab rujukan.

Adapun nilai bagi riwayat hadis ini dapat diperkatakan secara ᶜamnya adalah *ṣaḥīḥ* berdasarkan riwayat yang disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim juga yang lainnya, dan dapat dijadikan hujah sepertimana dinyatakan oleh Ibn Hazm[597] dan al-Albani[598]. Namun demikian, nukilan al-Palembani tersebut sepatutnya dapat disesuaikan dengan kitab hadis yang menjadi rujukan seperti adanya penambahan hendaklah ditinggalkan untuk mengikuti riwayat sebanar.

Hadis: 103 (5)

أُستُروا فى صلاتكم ولو بسهم فإن عجزت فابسط مصلًّى فإن عجزت فخُطِّ أمامك خُطًّا[٥٩٩]

Takhrij al-Hadith: Riwayat tersebut dinukil oleh al-Palembani dalam kitab beliau. Hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Bayhaqi dan al-Tabrani[600] yang periwayatannya daripada ᶜAbd al-Malik (tabii al-tabiin) daripada ayahnya "al-Rabiᶜ (tabiin) daripada atuknya "Sabrah bin Maᶜbad al-Juhani" (sahabat), ini merupakan satu-satunya sumber periwayatan hadis ini. Dari segi *matan* nampak nukilan al-Palembani tersebut hanya penggalan pertama -أُستُروا فى صلاتكم ولو بسهم- sahaja yang sama dengan riwayat sumber, itupun kalau ditaqdirkan kata pertamanya "أُستُروا" adalah sama maksud dengan "استتروا" yang diriwayatkan oleh *muhaddith*. Manakala, penggalan keduanya فإن عجزت فابسط مصلًّى فإن عجزت فخُطِّ أمامك خُطًّا sama sekali tidak diriwayatkan. Sementara itu di antara periwayatan yang ada sedikit perbezaan pada *matan*, riwayat Ahmad, misalnya:

حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا زيد أخبرني عبد الملك بن الربيع بن سبرة عن أبيه عن جده قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم إذا صلى أحدكم فليستتر لصلاته ولو بسهم

Manakala, riwayat al-Hakim sebagai berikut:

عن عبد الملك بن عبد العزيز بن الربيع بن سبرة الجهني عن أبيه عن جده قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم استتروا بصلاتكم ولو بسهم

Namun demikian, kedua-dua riwayat tersebut dinilai *ḥasan* oleh para ulama seperti al-Baghawi[601], Ibn al-Qattan[602] dan mengikut Ibn al-Mulaqqin[603] boleh jadi *ṣaḥīḥ* ataupun *ḥasan* dan mengikut al-Ishbili[604] adalah *sanad ṣaḥīḥ.* Adapun nukilan al-Palembani hanya penggalan pertamanya sahaja yang boleh dikatan sebagai *warid* daripada Rasulullah SAW dan mengikut nilai riwayat tersebut, iaitu *ḥasan* namun terhadap penggalan keduanya tidak dapat dikesan sebagai sabda Nabi SAW *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 104 (6)

سمبهيع تحية المسجد ٤ ركعة سكالى سلام دان ستيف ركعة سلفس فاتحة ممباج قل هوالله أحد ٥٠× من فعل ذالك «لم يمت حتى يرى مقعده من الجنة أو يُرى له.[605]

Takhrij al-Hadith: Nukilan di atas pada awalnya merupakan kenyataan daripada Imam al-Ghazali[606]: "dan yang terlebih afdal itu bahawa engkau sembahyang akan tahiyyat al-Masjid pada hari Jumaᶜat itu empat rakaat dengan satu salam …." maka tersebut dalam hadis Nabi SAW seperti nukilan terakhir daripada nukilan di atas. Riwayat ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab rujukan hadis, dan mengikut al-Iraqi[607] hadis ini dikeluarkan oleh al-Khatib dengan riwayat Imam Malik daripada Ibn ᶜUmar, yang kemudian dinyatakan oleh al-Khatib bahawa hadis ini sememangnya *gharib*. Hadis ini dapat dikatakan sebagai hadis *daᶜif*, kerana mengikut al-ᶜIraqi[608] yang mengutip pandangan al-Dara Qutni bahawa dalam sanad ada ᶜAbdullah bin Wusayf al-Jundi adalah *"majhul*" (tidak dikenali).

Dan juga apabila dibandingkan dengan riwayat yang seumpamanya, adalah Nabi yang diperlihatkan kedudukannya di Syurga sebelum dicabut roh mereka, sebagaimana riwayat al-Bukhari:

لم يقبض نبي حتى يرى مقعده من الجنة، إنه الله عليه وسلم يقول وهو صحيح: كان رسول الله صلى عن عائشة قالت ثم يخير.[609]

Hadis yang dijadikan perbandingan ini adalah *ṣaḥīḥ* darjatnya, sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Hadis: 105 (7)

من قرأ سورة الكهف يوم الجمعة أضاء له من النور ما بين الجمعتين.[610]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab beliau, hadis ini seumpama dengan riwayat al-Hakim dan al-Bayhaqi[611], yang bersumber daripada (sahabat) Abi Sa^{c}id al-Khudri r.a. *Matan* hadisnya pula adalah sama antara periwayatan yang sedia ada, kecuali sedikit al-Hakim menukil dengan awalan إن (*Inna*), dan yang sama sekali tidak memberi kesan apa-apa kepada nilai hadis ini dan sememangnya nukilan al-Palembani tersebut bersesuaian dengan riwayat para *muhaddith* tersebut.

Berkenaan dengan hukum bagi hadis ini, *muhaddithin* seumpama al-Hakim[612] memberi kenyataan bahawa ia adalah *ṣaḥīḥ al-isnad*, al-Mundhiri[613], menyatakannya *ḥasan*; al-Dhahabi[614] membuat kenyataan bahawa hadis ini *mawquf*; begitupun kenyataan Ibn Kathir[615] bahawa hadis ini *marfu^{c}* namun diriwayatkan secara *mawquf*. Al-Albani[616] pula dalam satu kenyataannya *ṣaḥīḥ*, di samping pada masa yang lain beliau menyimpulkannya *ḥasan*[617]. Jadi, berdasarkan sanad yang diperakui dapat dinyatakan adalah *ṣaḥīḥ al-isnad* walaupun *mawquf* dan dengan mengambil kira kesimpulan al-Albani, maka dapat disimpulkan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *ḥasan* dan kemudian dapat dinaik taraf darjatnya kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih*.

Hadis: 106 (8)

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ فِيمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ.[618]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil dalam kitab *Hidayat al-Salikin* oleh al-Palembani daripada riwayat imam al-Nasa'i, al-Bayhaqi dan al-Darimi (w. 282 H.)[619] dengan periwayatan yang sama dengan hadis sebelum ini, iaitu *rawi* (sahabat)nya adalah Abi Sa^{c}id al-Khudri r.a. Adapun *matan* hadisnya agaknya sama dengan riwayat al-Bayhaqi, sementara riwayat al-Darimi juga hampir sama, kecuali ia menyebut لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ antara dua lafaz الْكَهْفِ dengan أَضَاءَ. Manakala, riwayat al-Nasa'i dan al-Hakim agaknya berbeza sedikit, tetapi boleh dikatakan maksudnya sama. Riwayat al-Nasa'i dimaksud adalah sebagai berikut:

عن أبي سعيد الخدري أن نبي الله صلى الله عليه و سلم قال من قرأ سورة الكهف كما أنزلت كانت له نورا من مقامه إلى مكة

Nilai hadis ini boleh dikatakan sama dengan yang sebelumnya, para ulama seumpama al-Mundhiri[620] menyatakan *ḥasan*; al-Dhahabi[621]

membuat kenyataan *mawquf*; yang diikuti oleh al-Shawkani[622] akan tetapi, mengikut beliau, ia diriwayatkan oleh periwayat yang *thiqat*; Ibn al-Mulaqqin[623], menyatakannya boleh *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan*; al-Albani[624] justeru membuat kenyataan *ṣaḥīḥ*. Memperhatikan pandangan ulama tersebut dapat disimpul dan dinyatakan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *ḥasan* dan dapat dinaik taraf darjatnya kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih*, dan inilah maksud kenyataan *ṣaḥīḥ* bagi sesetengah ulama tersebut.

Hadis: 107 (9)

من قرأ سورة الكهف ليلة الجمعة أو يوم الجمعة أعطي نورا من حيث يقرأ إلى مكة وغفر له إلى يوم الجمعة الأخرى وزيادة فضل ثلاثة أيام وصلى عليه سبعون ألف ملك حتى يصبح وعوفي من الداء والدبيلة وذات الجنب والبرص والجذام وفتنة الدجال.[625]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini sebenarnya satu tajuk dengan dua hadis sebelumnya, iaitu berkenaan dengan amaliah membaca surah al-Kahfi pada hari atau malam Juma^{c}at akan tetapi nampaknya nukilan al-Palembani ini lebih panjang lagi, fadilatnya tidak sekadar mendapatkan cahaya daripada Allah tetapi juga mendapat keampunan dan lain-lain. Hadis seumpama ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber hadis, ia justeru dikutip daripada *sharh* al-Manawi[626] terhadap hadis tentang "membaca Q.S. al-Kahfi, Allah terangi baginya hari-hari di antara dua juma^{c}at" (lihat hadis 105 (7)). Dan dikatakan beliau ianya diriwayatkan oleh al-Daylami yang bersumber daripada Abi Hurayrah. Mengikut para ulama seperti Ibn Hajar yang dikutip oleh al-Manawi[627], bahawa dalam sanad ada Isma^{c}il bin Abi Ziyad yang ditolak riwayatnya, bahkan mengikut al-Manawi[628] pula, majoriti ulama antaranya al-Dar Qutni, menyatakan bahwa *rawi* berkenaan didustakan riwayatnya.

Oleh itu dapat diperkatakan bahawa riwayat hadis ini adalah *da^{c}if jiddan* (sangat lemah) bahkan mendekati *mawdu^{c}*, *wallahu a^{c}lam.*

Hadis: 108 (10)

أخيرث دجال دبونوه أوليه نبي عيسى صفة–صفة دجال: ماتث بوت سبله دان دداهيث ترتوليس فركتأن كفر {كافر} عليه السلام.[629]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq, apabila beliau menambahkan penjelasan berkenaan dengan Dajal yang disebutkan oleh al-Palembani berdasar hadis Nabi,

bahawa akan terlepas daripadanya sesiapa yang mengamalkan membaca surah al-Kahfi pada malam atau siang Juma^{c}at. Riwayat tentang sifat Dajal ini sebenarnya disampaikan oleh Rasulullah SAW secara berasingan bagi setiap sifat tersebut. Ia diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin* antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[630]. Al-Nawawi[631] apabila men-*sharh* kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* menerangkan ketiga-tiga sifat Dajal tersebut, dan daripada periwayatan yang ada nampak bahawa hadis ini diriwayatkan oleh ramai sahabat, antaranya ^{c}Abdullah bin ^{c}Umar, Sa^{c}ad, Hudhayfah, Abu Hurayrah, Asma', Jabir bin ^{c}Abdillah, Abu Bakrah, ^{c}A'ishah, Anas, Ibn Abbas dan al-Falatan bin ^{c}Asim. Hal ini memberi petunjuk bahawa hadis ini mempunyai banyak *shawahid*. Berikut riwayat al-Tirmidhi, bagi perkara yang berkenaan dengan Dajal:

1. *Matan*ya buta dan tertulis di antara dua *matan*ya (كفر) ك، ف ر:

عن ابن عمر قال قام رسول الله صلى الله عليه و سلم فأثنى على الله بما هو أهله ثم ذكر الدجال فقال إني لأنذركموه ... أنه أعور وإن الله ليس بأعور قال الزهري وأخبرني عمر بن ثابت الأنصاري ... أن النبي صلى الله عليه و سلم قال يومئذ للناس وهو يحذرهم فتنة ... وإنه مكتوب بين عينيه ك ف ر يقرأه من كره عمله[٦٣٢]

2. Terbunuhnya Dajal sebagai berikut:

[633] عن عبد الرحمن بن يزيد الأنصاري ... يقول سمعت رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول يقتل ابن مريم الدجال

Adapun riwayat yang menyatakan bahawa sesiapa yang membaca Surah al-Kahfi akan dilepaskan daripada fitnah Dajal adalah sebagai berikut:

عن أبي الدرداء عن النبي صلى الله عليه و سلم قال من قرأ ثلاث آيات من أول الكهف عصم من فتنة الدجال[634]

Kesemua riwayat di atas adalah nilainya *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, serta tahqiq Ahmad Shakir dan kesimpulan al-Albani ke atas kitab al-Turmudhi yang menjadi contoh di atas.

Hadis: 109 (11)

من قرأ قل هو الله أحد خمسين مرة رفع له خمسون ألف درجة وخط عنه خمسون ألف سيئة وكتب له خمسون ألف حسنة ومن زاد زاده الله.[635]

Takhrij al-Hadith: Riwayat seumpama yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* di atas, tidak dijumpai dalam mana-mana kitab rujukan hadis, namun demikian ada riwayat Imam al-Darimi dan *takhrij* al-Manawi[636], di mana *matan* hanya pada penggal pertamanya sahaja yang sama, manakala penggalan akhirnya berbeza. Riwayat dimaksud adalah sebagai berikut:

مَنْ قَرَأَ (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) خَمْسِينَ مَرَّةً غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَ خَمْسِينَ سَنَةً

Riwayat ini daripada Nasr bin ᶜAli, daripada Nuh bin Qays, daripada Muhammad al-ᶜAttar, daripada Ummi Kathir al-Ansariyah, daripada Anas bin Malik. Adapun hukum hadis ini dapat diperkatakan sebagai *mawduᶜ*, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Jawzi[637] dan al-Shawkani[638].

Hadis: 110 (12)

من قرأ قل هو الله أحد ثلاث مرات عدل بقراءة الوحي كله ومن قرأها ثلاثين مرة لم يفضله أحد من اهل الدنيا إلا من زاد على ما قال ومن قرأها مائتي مرة اسكن من الفردوس مسكنا يرضاه ومن قرأها حين يدخل منزله ثلاث مرات نفت عنه الفقر ونفعت الجار.[639]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang kedua belas dalam fasal ini termaktub dalam kitab al-Palembani, namun tidak dapat dikesan dalam mana-mana kitab, menerusi cara yang pelbagai setakat ini. Oleh itu, ia dapat dinyatakan tidak dapat dikesan sanad dan lebih berat kepada *mawduᶜ* kerana selain tidak diriwayatkan oleh satu pun daripada *muhaddithun* juga kurang lebih sama tajuknya dengan riwayat sebelumnya dalam memberikan janji atau fadilah bagi pembaca surah al-Ikhlas yang berlebihan.

Hadis: 111 (13)

من قرأ قل هو الله أحد ثلاث مرات فكأنما قرأ القرآن أجمع.[640]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang ketiga belas dalam fasal ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, riwayatnya juga tidak dijumpai dalam mana-mana kitab rujukan hadis, kecuali dalam kitab *al-Jamiᶜ al-Saghir* serta *sharh*nya[641], dan disebut bersumber daripada Raja' al-Ghanawi, seorang *tabiᶜiy*. Dari segi *matan* pula, sememangnya al-Pelembani menukil daripada kitab tersebut sehingga tiada perbezaan.

Adapun nilai hadis ini mengikut para ulama seumpama al-Dhahabi[642] yang mengutip kenyataan Abi Hatim bahawa dalam sanad ada Ahmad bin al-Harith al-Ghassani (dikenali juga sebagai al-Ghanawi), adalah

matruk al-hadith, sementara mengikut al-Bukhari adalah terhadapnya ada kritikan. Ibn Hajar[643] pula menyatakan bahawa hadis yang berkenaan dengan *fadilat* membaca surah *al-Ikhlas* (قل هو الله) ini sebenarnya *thabit* dalam sunnah, tetapi tidak dengan lafaz dan jalur sanad ini. Selanjutnya beliau menyatakan berkenaan dengan lafaz dan jalur ini dengan mengutip kenyataan al-Uqayli yang senada dengan al-Dhahabi bahawa *rawi* Ahmad bin al-Harith adalah *munkar al-hadith*. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa nilai hadis ini adalah *da^{c}if jiddan* (sangat lemah).

Hadis: 112 (14)

فَقَدْ قَرَأَ ثُلُثَ الْقُرْآنِ مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ مرةً.[644]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*, ia antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan al-Nasa'i[645], dengan sanad yang sama daripada Abi Sa^{c}id al-Khudri, sementara itu al-Tirmidhi menyebut bahawa periwayat pertamanya ramai antaranya, Anas bin Malik, Ibn ^{c}Abbas, Abu Hurayrah, Abu al-Darda', Abi Sa^{c}id, Qatadah bin al-Nu^{c}man, Ibn ^{c}Umar dan Abi Mas^{c}ud. Dengan ini nampak adanya *shawahid* dan *mutaba^{c}at*. Dari segi *matan* pula pada asasnya semua hadis yang diriwayatkan oleh *muhaddithin* adalah sama-sama merujuk kepada tajuk yang satu, iaitu membaca surah al-Ikhlas sepadan dengan membaca sepertiga al-Quran, walaupun ayat atau *matan* hadisnya ada perbezaan sedikit, al-Palembani sendiri nampaknya mengikuti riwayat al-Tirmidhi, kecuali itu al-Turmudhi dalam riwayatnya tidak ada menyebut kata مرةً yang disebut oleh al-Palembani, namun hal itu tidaklah menjejaskan maksudnya, walaupun begitu semestinya kita mengikuti riwayat berdasarkan kitab sumber hadis berkenaan. Perbezaan dimaksud dapat diperhati daripada riwayat al-Bukhari berikut:

عن أبي سعيد الخدري قال أخبرني قتادة بن النعمان أن رجلا قام ... ليلة يقرأ في السحر {قل هو الله ...} يرددها لا يزيد عليها قال كان الرجل يقالها قال فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم والذي نفس محمد بيده انها لتعدل ثلث القرآن

Hadis ini dapat dikatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh al-Bukhari dan *muhadditin* lainnya, serta dinyatakan demikian oleh para ulama dan mengikut Ibn Hajar al-^{c}Asqalani[646] adalah hadis ini mempunyai banyak *shawahid*; begitupun al-Albani[647] juga menyatakannya *ṣaḥīḥ* adanya.

Hadis: 113 (15)

[648]. مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ عَشْرَ مَرَّاتٍ بَنَى اللَّهُ لَهُ بيتا فِي الْجَنَّةِ

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas sememangnya termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, dan hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, al-Tabrani dan al-Darimi[649], yang bersumber daripada Mu^{c}adh bin Anas al-Juhani dan Sa^{c}id bin al-Musayyab r.a. (*rawi* sahabat). Dari segi *matan* pula al-Palembani nampaknya mengikuti riwayat al-Tabrani, sementara riwayat Ahmad bin Hanbal dan al-Darimi ada perbezaan dengan nukilan tersebut pada lafaznya. Seperti riwayat Ahmad berikut:

عن أبيه معاذ بن أنس الجهني صاحب النبي صلى الله عليه و سلم عن النبي صلى الله عليه و سلم قال من قرأ قل هو الله أحد حتى يختمها عشر مرات بني الله له قصرا في الجنة...

Adapun kritik sanad, mengikut Shu^{c}ayb al-Arna'ut, sanad adalah *da^{c}if*, kerana di dalamnya ada *rawi* Zaban bin Fa'id dan Sahl bin Mu^{c}adh yang kedua-duanya dinilai *da^{c}if*, akan tetapi mengikut beliau, *rawi* antara keduanya boleh menjadi *tabi^{c}* kepada *rawi* lainnya, sementara periwayat selainnya adalah *thiqat*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if*, sebagaimana disimpulkan oleh al-Manawi[650] dengan mengutip pandangan al-Haythami bahawa dalam sanad -selain dua rawi di atas- juga ada *rawi* Rushdin bin Sa^{c}d yang juga dinilai *da^{c}if*, akan tetapi tidak lemah sangat.

Hadis: 114 (16)

[651].مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ مِائَةَ مَرَّةٍ فِي الصَّلاةِ أَو غَيْرِهَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بَرَاءَةً مِنَ النَّارِ

Takhrij al-Hadith: Hadis yang dinukil oleh al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* di atas diriwayatkan oleh al-Tabrani[652] daripada Ibn al-Daylami yakni anak saudari al-Najashi. Dari segi *matan* sememangnya sama dengan riwayat al-Tabrani. Sebenarnya tajuk tentang membaca surah al-Ikhlas sebanyak 100 kali ini juga diriwayatkan oleh al-Hakim, namun penggalan keduanya berbeza dan jalur periwayatannya pun berbeza pula, riwayatnya adalah sebagai berikut:

حدثتني أسماء بنت واثلة بن الأسقع قالت كان أبي إذا صلى الصبح جلس مستقبل القبلة حتى تطلع الشمس فربما كلمته في الحاجة فلا يكلمني فقلت ما هذا فقال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من صلى الصبح ثم قرأ قل هو

[653] الله أحد مائة مرة قبل أن يتكلم أحدا غفر له ذنب سنة

Adapun nilai hadis riwayat al-Tabrani yang dinukil oleh al-Palembani di atas dapat diperkatakan sebagai *da^c^if*, sepertimana disimpulkan al-Manawi[654] yang mengikut beliau dengan mengutip pandangan al-Haythami bahawa dalam sanad ada seorang periwayat "Muhammad Quddamah al-Jawhari", adalah *da^c^if*, demikian juga dinyatakan oleh al-Albani[655].

Hadis: 115 (17)

[656].من قرأ قل هو الله أحد ألف مرة فقد اشترى نفسه من النار

Takhrij al-Hadith: Nas ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, al-Palembani nampaknya menukil daripada kitab *al-Jami^c^ al-Saghir* serta *sharh* al-Manawi[657] dan dikatakan bahawa ianya diriwayat oleh al-Khiyari dalam "Fawa'id"nya daripada Hudhayfah, dengan *matan* yang sedikit berbeza. Pada pandangan hal ini berlaku kerana tersilap semata-mata. Riwayat sebenar mengikut al-Manawi adalah فقد اشترى نفسه من الله bukan من النار kecuali kemudian ditafsir oleh al-Palembani menjadi sedemikian. Nilai hadis ini adalah *mawdu^c^*, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[658].

Hadis: 116 (18)

[659].إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْباً ، وَ قَلْبُ الْقُرْآنِ يس، مَنْ قَرَأَ يس كتب الله بقراءتها قِرَاءَةَ الْقُرْآنَ عَشْرَ مَرَّاتٍ

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini sememangnya diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, al-Darimi dan al-Bayhaqi[660], dengan sumber pertamanya (sahabat) adalah Anas bin Malik r.a., juga ada riwayat lain apabila tumpuan diarah kepada penggalan kedua hadis di atas, iaitu daripada Abi Hurayrah r.a. *Matan* pula antara nukilan al-Palembani dan sumber adalah sama. Al-Turmudhi[661] menyatakannya *gharib* kerana hanya ada satu jalur periwayatan sahaja; Ibn Abi Hatim[662] berkata: Aku bertanya kepada ayahku perihal hadis ini, ayahku menjawab: Muqatil ini ialah Muqatil bin Sulayman, lalu beliau berkesimpulan bahawa hadis ini adalah *batil* tidak ada asalnya; Ibn al-^c^Arabi[663] menyatakannya *da^c^if*; Muhammad Jar Allah al-Sa^c^di[664], juga menyatakannya *da^c^if*; manakala al-Albani[665] menyatakannya *mawdu^c^*. Untuk memperjelaskan paparan ini, dikemukakan sanad serta *matan* daripada riwayat al-Turmudhi dimaksud

sebagai berikut:

حدثنا قتيبة و سفيان بن وكيع قالا : حدثنا حميد بن عبد الرحمن الرؤاسي عن الحسن بن صالح عن هارون أبي محمد عن مقاتل بن حيان عن قتادة عن أنس قال قال النبي صلى الله عليه و سلم : إن لكل شيء قلبا وقلب القرآن يس ومن قرأ يس كتب الله له بقراءتها قراءة القرآن عشر مرات

Memperhati riwayat tersebut nampak bahawa ada enam peringkat *rawi* daripada guru al-Tirmidhi sehinggalah Anas bin Malik yang menerima periwayatan daripada Rasulullah SAW:

1. Anas bin Malik (w. 92/93 H.) pada peringkat sahabat yang sudah pun diiktiraf keadilannya.
2. Qatadah bin Da^{c}amah bin Qatadah (l. 60/61 H - w. 111 H.), ada juga yang mengatakan Qatadah bin Da^{c}amah bin ^{c}Ukabah al-Sudusi, dinyatakan oleh al-Dhahabi[666] sebagai *al-hafiz* dan mengikut Ibn Hajar[667] pula *thiqah thabat*.
3. Muqatil bin Hayyan al-Nabti (w. sebelum 150 H.), mengikut al-Dhahabi[668] ia adalah *thiqah ^{c}alim salih* dan mengikut Ibn Hajar[669] ia adalah *saduq fadil* dan beliau menegaskan bahawa al-Azdi tersilap sangkaan bahawa waki^{c} mendustakannya, melainkan Muqatil bin Sulayman.
4. Harun, Abu Muhammad, dinyatakan oleh al-Mizzi[670], bahawa ia meriwayatkan hadis ini daripada Muqatil bin Hayyan, dan tidak dikenali (*majhul*) akan tetapi hadisnya yang sampai kepada kami adalah tinggi darjatnya.
5. al-Hasan bin Salih bin Salih bin Hayy (l. 100 H. – w. 169 H.), disimpulkan oleh Ibn Hajar[671] adalah *thiqah faqih* lagi *^{c}abid* tetapi dituduh beraliran syi^{c}ah.
6. Humayd bin ^{c}Abd al-Rahman bin Humayd, Abu ^{c}Awf al-Kufi (w.189/190 H.), Ibn Hajar[672] menilainya *thiqah*.

Apabila kita perhati penilaian para ulama khasnya al-Dhahabi dan Ibn Hajar terhadap periwayat dalam sanad hadis ini, maka dapat dinyatakan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if* sahaja, seperti kenyataan Ibn al-^{c}Arabi dan al-Sa^{c}di, hanya kerana adanya Harun yang dianggap para ulama seumpama Ibn Hajar *majhul*. Akan tetapi al-Albani menyatakannya *mawdu^{c}* dengan penjelasan bahawa sesungguhnya hadis itu adalah nampak keda^{c}ifannya bahkan *mawdu^{c}* kerana Harun, yang mengikut al-Albani telah pun disebutkan oleh al-Dhahabi dalam biografinya. Dan juga beliau mengikuti

pandangan Abi Hatim bahawa sanad yang ketiga adalah Muqatil bin Sulayman yang didustakan oleh waki^{c}, bukan Muqatil bin Hayyan yang *thiqah*, dan inilah yang menjadi keyakinan Abu Hatim serta al-Albani.

Pengkaji pun akan menyatakan nilai yang sama (*mawdu^{c}*) apabila "Muqatil" dimaksud adalah Ibn Sulayman, akan tetapi apabila ternyata Ibn Hayyan, seperti dinyatakan al-Mizzi bahawa Harun menerima riwayat daripadanya, kita akan mengatakannya *da^{c}if* kerana Harun yang *majhul* sahaja. Berbeza dengan al-Albani yang menyatakannya *mawdu^{c}* dengan *kemajhulan* Harun ditambah dengan keyakinan beliau bahawa *rawi* keempat tersebut adalah Ibn Sulayman dengan mengikuti pandangan Abi Hatim, *wallahu a^{c}lam*

Hadis: 117 (19)

مَنْ قَرَأَ يس ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ غُفِرَ لَهُ ما تقدم من ذنبه فاقرءوها عند موتاكم.[673]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dikutip oleh al-Palembani dalam kitab beliau daripada riwayat al-Bayhaqi[674], yang bersumber daripada Ma^{c}qil bin Yasar al-Muzani, bahawa Nabi SAW bersabda dengan *matan* seperti nukilan di atas. Al-Darimi[675] juga meriwayatkan hadis yang kurang lebih sama maksud dengan riwayat tersebut, namun penggal kedua daripada hadis itu tidak ada dalam periwayatannya dan sanad pun berlainan, yakni daripada al-Hasan dan Abi Hurayrah. *Matan* hadis dimaksud adalah sebagai berikut:

حدثنا أبو الوليد موسى بن خالد حدثنا معتمر عن أبيه قال بلغني عن الحسن قال من قرأ يس في ليلة ابتغاء وجه الله أو مرضاة الله غفر له

Ada satu riwayat lagi daripada Abi Hurayrah, namun dipertikaikan sama ada al-Hasan mendengar atau tidak daripada Abi Hurayrah r.a. Ada juga riwayat al-Tayalisi (w. 204 H.), Abu Dawud, al-Hakim, dan al-Baghawi[676], daripada Ibn al-Mubarak, dengan *matan* seperti berikut:

سورة يس اقرءوها عند موتاكم / على موتاكم

Konon riwayat ini dapat dijadikan *tabi^{c}*, akan tetapi mengikut al-Mundhiri[677], adalah *isnad*nya *da^{c}if*, Ibn Hajar[678] mengutip pandangan Ibn al-Qattan bahawa riwayat ini ada *^{c}illah* (cacat) kerana *mudtarib*[679], *mawquf* dan *rawi* Abi ^{c}Uthman dan ayahnya tidak dikenali. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahwa hadis ini adalah *isnad*nya *da^{c}if*, sepertimana juga

dinyatakan oleh al-Albani[680] sedemikian, ataupun disimpulkan sebagai hadis *da*ᶜ*if*.

Hadis: 118 (20)

وله ضالَّةٌ وجدها ومن قرأها عند من قرأ يس غفرله ومن قرأها وهو جائع شَبِعَ ومن قرأها وهو ضالٌّ هُدِيَ ومن قرأها طعام خاف قِلَّتُه كفاه ومن قرأها عند ميّت هُوِّنَ عليه ومن قرأها عند امرأة عَسُرَ عليها ولدُها يسُرعليها ومن قرأها فكأنما قرأ القرآن إحدى عشرة مرة ولكل شيئ قلب وقلب القرآن يس.[٦٨١]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani secara lengkap seperti tersebut, tidak dijumpai dalam mana-mana kitab; sama ada dalam kitab sumber rujukan hadis Nabi mahupun dalam kitab lain yang *mu*ᶜ*tabar*. Oleh itu, tidak dapat dikemukakan sebarang sanad bagi hadis ini. Dan dapat diperkatakan bahawa riwayat ini tidak dapat dikesan, dan ia condong kepada nilai *mawdu*ᶜ, ianya hanya boleh diperkatakan sekadar kenyataan seorang ulama daripada pengalaman yang dilalui selama hidup beliau sehinggalah keluar kenyataan tersebut. Dan sama sekali tidak boleh disandarkan kepada Nabi sebagai sabda baginda, kecuali hujung daripada *matan* berkenaan yang seumpama dengan penggalan pertama riwayat hadis nombor 116 yang juga dipertikai oleh al-Albani.

Hadis: 119 (21)

أَصْبَحَ يَسْتَغْفِرُ لَهُ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ مَنْ قَرَأَ حم الدُّخَانَ فِي لَيْلَةٍ.[682]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani di atas adalah sama dengan riwayat Imam al-Tirmidhi[683] yang bersumber daripada Abi Hurayrah. Ini bermakna bahawa hadis ini benar-benar *gharib* kerana hanya ada satu periwayatan sahaja, dari segi *matan* sememangnya sama dengan sumber rujukannya. Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[684] memberi kenyataan bahawa hadis ini sememangnya *gharib*, kerana hanya ada satu jalur periwayatan, selanjutnya beliau mengutip pandangan al-Bukhari yang menyatakan bahawa seorang *rawi* (ᶜUmar bin Abi Khathᶜam) adalah *munkar al-hadith*, dan al-Zaylaᶜi[685], menguatkannya bahawa kenyataan tersebut juga dinyatakan oleh Ibn ᶜAdi dan al-Bayhaqi; mengikut al-Suyuti[686] cacatnya tidak sampai dikritik sebagai "pendusta", al-Mundhiri[687] menghukumkannya *da*ᶜ*if*; manakala Syeikh al-Albani[688] menyatakannya *mawdu*ᶜ.

Dengan mengambil kira kritik ulama di atas yang menyatakan salah

seorang *rawi* sehingga *munkar al-hadith* tetapi tidak sampai pada tahap dinyatakan "pendusta", maka dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *da^c^if jiddan* (sangat lemah) dan tidak dapat dijadikan *hujah*, *wallahu a^c^lam*.

Hadis: 120 (22)

من قرأ حم الدخان فى ليلة الجمعه غفرله ذنوبه.[689]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin.* Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, al-Bayhaqi dan al-Darimi[690], yang sumber pertamanya adalah Abi Hurayrah r.a. *Matan* hadisnya ada sedikit perbezaan dengan kitab sumber, dalam *Sunan al-Tirmidhi* umpamanya tidak disebutkan hujung *matan* "ذنوبه" , sementara riwayat yang lain justeru dengan lafaz yang lain lagi seumpama riwayat al-Darimi berikut:

عن عبد الله بن عيسى قال أخبرت انه من قرأ حم الدخان ليلة الجمعة إيمانا وتصديقا بها أصبح مغفورا له

Mengikut pentahqiq sunan al-Darimi (Fawaz Ahmad Zamruli dan Khalid al-Sab^c^ al-^c^Ilmi)[691], adalah hadis ini *ṣaḥīḥ sanad* sehingga ^c^Abdullah bin ^c^Isa akan tetapi *mawquf*; Ibn Hajar[692] pula menyatakan sanad *maqtu^c^* akan tetapi dihukumkan *marfu^c^*. Ada lagi riwayat al-Turmudhi sebagai berikut :

عن الحسن عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم من قرأ حم الدخان في ليلة الجمعة غفر له

Riwayat ini dikomen oleh al-Turmudhi[693] bahawa tidak diketahui selain jalur ini, dan dalam *sanad* ada *rawi* Hisham bin Abi al-Miqdam yang *da^c^if* dan al-Hasan sendiri tidak mendengar daripada Abi Hurayrah, demikian beliau kutip kenyataan Ayyub, Yunus bin ^c^Ubayd dan ^c^Ali bin Zayd. Mengikut al-Mundhiri[694], riwayat al-Turmudhi ini adalah *da^c^if*, manakala mengikut al-Albani[695] adalah *da^c^if jiddan* (sangat lemah).

Secara ^c^amnya hadis yang membincangkan tajuk ini adalah *da^c^if* tetapi masih boleh digunakan untuk galakan beramal pada (*fada'il al-a^c^mal*), dengan mengambil kira riwayat al-Darimi di atas tanpa meniadakan pendapat dan pandangan al-Albani terhadap riwayat al-Turmudhi, dan perbezaan hukum tersebut kerana sememangnya sanad yang dinilai adalah berbeza pula. *wallahu a^c^lam*.

Hadis: 121 (23)

مَنْ قَرَأَ «حم» الدُّخَانَ فِي لَيْلَةِ جُمُعَةٍ، أَوْ يَوْمَ جُمُعَةٍ بنى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.[696]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas adalah nukilan al-Palembani, diriwayatkan oleh al-Tabrani[697] daripada Abi Umamah, dari segi *matan* apa yang telah dinukil tersebut sememangnya sama dengan riwayat al-Tabrani. Para ulama antaranya al-Mundhiri[698], menyatakan bahawa hadis ini *da*ᶜ*if jiddan*, al-Haythami[699] juga menyatakan demikian kerana dalam *sanad* ada Faddal bin Jubayr yang dinilai *da*ᶜ*if jiddan*. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa hadis ini darjatnya adalah *da*ᶜ*if jiddan* sepertimana dinyatakan oleh para ulama dan juga menepati kenyataan Syeikh al-Albani[700].

Hadis: 122 (24)

عن عبد الله بن ضمرة عن كعب من قرأ ليلة الجمعة الم تنزيل السجدة وتبارك الذى بيده الملك كتب له سبعون حسنة وخط عنه سبعون سيئة ورفع له سبعون درجة.[701]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang seumpama dengan nukilan al-Palembani di atas diriwayatkan oleh al-Darimi[702] daripada ᶜAffan yang bersumber daripada Kaᶜb. Hal ini memberi erti bahawa riwayat ini adalah *gharib,* kerana tiada riwayat selainnya. Dari segi *matan* pula nukilan tersebut hampir sama dengan riwayat al-Darimi, kecuali dalam riwayat tidak ada menyebut ليلة الجمعة terus sahaja kepada ayat من قرأ الم تنـزيل . Dari segi sanad dapatlah diperkatakan bahawa ianya berstatus *mawquf* kepada Kaᶜb sahaja, tidak *marfu*ᶜ sehingga Nabi SAW akan tetapi mengikut Salim Asad[703] bahawa hadis ini adalah *sanad ṣaḥīḥ*.

Mungkin kerana sebenarnya ada periwayatan lain yang menggalakkan untuk membaca dua surah tersebut, iaitu riwayat Imam Ahmad dan al-Hakim[704] melalui al-Zubayr daripada Jabir bin ᶜAbdillah, dengan *matan* yang berbeza daripada nukilan di atas, iaitu :

عن جابر قال كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يَنَامُ حَتَّى يَقْرَأَ الم تَنْزِيلُ السَّجْدَةَ وَتَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ

Mengikut al-Hakim[705], darjat hadis yang kedua ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana juga dinyatakan oleh al-Arna'ut[706], walaupun dikatakan

beliau sanad lemah, kerana al-Layth (Ibn Abi Sulaym) adalah lemah, al-Albani[707] juga menyatakannya *ṣaḥīḥ*. Jadi, secara ᶜamnya riwayat tentang membaca dua surah tersebut ada dasarnya yang kuat, namun demikian terhadap riwayat yang dinukil oleh al-Palembani di atas hanya dapat diperkatakan sanad *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh Salim Asad apabila beliau mentahqiq dan menilai riwayat al-Darimi di atas, sementara dari segi *matan* pada penggalan akhirnya berlainan dengan riwayat yang lebih ramai diriwayatkan (*shadh*).

Hadis: 123 (25)

من صلى علي فى يوم الجمعة ثمانين مرة غفر الله ذنوبه ثمانين سنة.[708]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini seumpama dengan *takhrij* al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi[709]. Mengikut beliau bahawa hadis ini diriwayatkan oleh al-Dara Qutni yang bersumber daripada Abu Hurayrah. Al-Dhahabi[710] menyatakan bahawa dalam sanad ada Wahb bin Dawud yang *dituduh dusta*, Ibn Hajar menyatakan bahawa hadis ini *munkar*, al-Manawi[711] mengutip pandangan al-Dara Qutni yang menyatakan bahawa Hajjaj bin Sinan bersendirian dalam meriwayat hadis ini daripada ᶜAli bin Zayd, dan mengikut al-Albani[712] adalah *daᶜif jiddan* (sangat lemah). Adapaun hadis yang menggalakkan untuk memperbanyak bersalawat pada hari atau malam Jumaᶜat dapat dilihat seumpama riwayat al-Bayhaqi berikut:

عن أبي اسحاق عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم أكثروا الصلاة علي يوم الجمعة وليلة الجمعة ...[713]

Maksudnya: daripada Abi Ishaq daripada Anas bin Malik berkata, bersabda Rasulullah SAW: "Perbanyaklah membaca salawat kepadaku pada hari jumaᶜat dan malamnya…"

Para ulama seumpama al-Dhahabi[714] memberi kenyataan bahawa hadis riwayat al-Bayhaqi ini adalah *sanad salih*, serupa dengan itu Ibn al-Mulaqqin[715] menyatakan bahawa *sanad jayyid*, dan al-Albani[716] pula membuat kesimpulan bahawa hadis ini bernilai *ḥasan* kerana adanya *shawahid*. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa hadis yang dinukil oleh al-Palembani di atas adalah *daᶜif jiddan* (sangat lemah) sepertimana dinyatakan oleh para ulama termasuklah al-Albani, akan tetapi terhadap galakan membaca salawat pada malam atau hari jumaᶜat itu sendiri masih

lagi dapat diamalkan berdasarkan hadis yang lain, seumpama riwayat al-Bayhaqi yang mengikut para ulama adalah *ḥasan*, begitupun al-Albani menyatakannya demikian.

Hadis: 124 (26)

أَلاَ أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ لَوْ كَانَ عَلَيْكَ مِثْلُ جَبَلِ ثَبِيرٍ دَيْنًا أَدَّاهُ به اللهُ عَنْكَ اللَّهُمَّ اكْفِنِي بِحَلاَلِكَ عَنْ حَرَامِكَ وَأَغْنِنِي بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ.[717]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim[718]. Ketiga-tiga riwayat tersebut daripada satu jalur yang sama, bersumber daripada Abi Wa'il, beliau berkata: datang kepada ᶜAli bin Abi Talib r.a. seorang lelaki mengadu perihal dirinya yang tidak mampu menjelaskan hutang, ᶜAli pun berkata bahawa beliau diajar oleh Rasulullah satu doa. *Matan* riwayatnya pula pada asasnya antara nukilan dengan riwayat hampir sama, kecuali ada sedikit yang berbeza. Nampak bahawa nukilan tersebut diringkas, sementara riwayat disebut secara sempurna, adalah sebagai berikut:

عن أبي وائل عن علي رضي الله عنه أن مكاتبا جاءه فقال إني قد عجزت عن كتابتي فأعني قال ألا أعلمك كلمات علمنيهن رسول الله صلى الله عليه و سلم لو كان عليك مثل جبل ثبير دينا أداه الله عنك ؟ قال قل اللهم اكفني بحلالك عن حرامك وأغنني بفضلك عمن سواك

Nampak terang bahawa dalam nukilan al-Palembani tidak ada menyebut ayat عَلَّمَنِيهِنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ selepas kata أَلاَ أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ padahal ayat itulah yang menjadi petunjuk bahawa riwayat ini berasal daripada Rasulullah SAW. Manakala riwayat Ahmad pula menggunakan huruf ص pada kata صبير sementara dalam nukilan yang mengikuti riwayat al-Tirmidhi ثبير menggunakan huruf ث. Para ulama seumpama Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[719] dan al-ᶜAsqalani[720] menilai bahawa walaupun hadis ini *gharib* akan tetapi ia *ḥasan,* al-Hakim[721] pula menyatakan *ṣaḥīḥ al-isnad.* Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini adalah *ḥasan*, dan kesimpulan nilai ini menepati kenyataan Syeikh al-Albani[722].

Hadis: 125 (27)

فَكَانَ لاَ يُصَلِّي بَعْدَ الْجُمُعَةِ حَتَّى يَنْصَرِفَ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ فِي بَيْتِهِ.[723]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq bagi menjelaskan kenyataan al-Palembani. Hadis ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddithun* antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud dan al-Nasa'i[724], dan semua periwayatan tersebut hanya melalui satu jalur periwayatan, iaitu Malik, daripada Nafi^{c}, daripada Ibn ^{c}Umar. Hal ini memberi erti bahawa riwayat ini tidak mempunyai sebarang *shahid* mahupun *tabi^{c}*, sehingga boleh dikatakan hadis ini *gharib*, akan tetapi diriwayatkan oleh sanad yang sangat masyhur, dan nukilan tersebut sama dengan periwayatan yang ada. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* nilainya, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dan sepakati ke-*ṣaḥīḥ*-annya oleh para ulama termasuk Syeikh al-Albani[725].

Hadis: 126 (28)

إِذَا صَلَّيْتُمْ بَعْدَ الْجُمُعَةِ فَصَلُّوا أَرْبَعًا.[726]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban[727]. Semua periwayatan tersebut menunjukkan bahawa hanya ada satu jalur periwayatan, iaitu daripada Abi Hurayrah, mulai daripada *tabaqah* sahabat (Abi Hurayrah) sampai kepada *rawi* ketiga tingkatan *tabi^{c}in* (Suhayl bin Abi Saleh) semua periwayatannya adalah sama. *Matan* hadisnya pula Imam Muslim, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal sama-sama meriwayatkan dengan *matan* hadis seperti nukilan di atas, sementara Abu Dawud dan al-Tirmidhi serta Ibn Hibban dengan *matan* yang sedikit berbeza tetapi maksudnya sama, riwayat dimaksud seperti berikut:

. مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُصَلِّيًا بَعْدَ الْجُمُعَةِ فَلْيُصَلِّ أَرْبَعًا

Hadis bagi tajuk ini dapat diperkatakan sebagai *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, al-Tirmidhi[728] membuat kenyataan dengan *ḥasan ṣaḥīḥ*, dan para ulama yang lain nampak sepakat menyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, termasuklah juga antaranya Syeikh al-Albani[729].

Hadis: 127 (29)

سمبهيع سنة سلفس صلاة جمعة أنم ركعة.[730]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang menyebutkan sembahyang enam rakaat selepas solat Juma^{c}at ini dinyatakan oleh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* berupa kenyataan sahaja, yakni: "dan adab yang kelapanbelas, sunat engkau sembahyang kemudian daripada sembahyang juma^{c}at itu dua raka^{c}at sunat mu'akkad, atau engkau sembahyang empat raka^{c}at; dua raka^{c}at sunnat mu'akkad dan dua raka^{c}at lainnya ghayru mu'akkad pada pandangan fuqaha' atau engkau sembahyang enam raka^{c}at maka sekalian itu adalah sunat mu'akkad pada mazhab ahli tasawuf kerana sekalian itu tersebut dalam hadis Nabi SAW"[731]. Kemudiannya oleh Shamsuddin Siddiq dinukil hadis berkenaan.

Hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani[732]. Beliau menerima riwayat daripada Muhammad bin al-Nadr, dan seterusnya bersumber daripada Abi ^{c}Abd al-Rahman (tabi^{c}in), beliau berkata: ^{c}Abdullah bin Mas^{c}ud mengajarkan kepada kami sembahyang empat rakaat selepas fardu Juma^{c}at, sehingga kami mendengar ^{c}Ali r.a. berkata: "*sembahyanglah enam raka^{c}at*" maka kami pun (kata ^{c}Abd al-Rahman) sembahyang enam raka^{c}at. Ada juga riwayat *al-Tabrani* yang lain sebagai berikut:

حدثنا إسحاق بن إبراهيم عن عبد الرزاق عن معمر عن أبي إسحاق: أن ابن مسعود كان يصلي قبل الجمعة أربع ركعات وبعدها أربع ركعات قال أبو إسحاق: وكان علي يصلي بعد الجمعة ست ركعات[733]

Daripada riwayat di atas, nampak kedua-duanya tidak sampai kepada Nabi SAW atau disebut *mawquf*, sama ada kepada Abi ^{c}Abd al-Rahman (untuk riwayat yang pertama), kepada Abi Ishaq; atau kepada Qatadah (untuk riwayat kedua) ataupun kepada ^{c}Ali bin Abi Talib (untuk kedua-dua riwayat sekali). Dan juga dikatakan *gharib*, kerana inilah satu-satunya riwayat yang ada bagi hadis ini. Al-Haythami[734] menyatakan bahawa Abu Ishaq (Qatadah) tidak mendengar daripada Ibn Mas^{c}ud, Oleh itu hadis berkenaan dapat dikatakan sebagai hadis *da^{c}if* sahaja.

Fasal tentang Adab Puasa

Pada fasal yang keduabelas tentang Adab Puasa ini akan dikemukakan 19 buah hadis menerusi kitab *Hidayat al-Salikin* Syeikh Abdus Samad al-Palembani dan kesemuanya sememangnya termaktub dalam kitab tersebut. Ada beberapa hadis dalam fasal ini yang disebutkan oleh *mu'allif*

berulang kerana sebelumnya sudah disebutkan, hal ini boleh berlaku kerana apabila beliau membicangkan satu perkara, beliau pun mengemukakan dasar daripada hadis Nabi SAW sementara dalam riwayat yang sama juga menyebut sekali dengan perkara yang lain. Hadis-hadis berserta *takhrij* dan analisisnya adalah seperti berikut:

Hadis: 128 (1)

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ.[735]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Bayhaqi, al-Tabrani dan Ibn Hibban[736]. Kesemua periwayatan tersebut dapat digambarkan bahawa hanya ada satu jalur periwayatan bagi hadis ini, iaitu jalur Abu Qatadah, namun mengikut al-Tirmidhi hadis ini juga diriwayatkan oleh Abi Sa^{c}id. *Matan* hadis ini pula apabila mengikut riwayat Imam Muslim cukup panjang sehinggalah pada akhirnya disebutkan nas yang berkenaan dengan puasa hari ^{c}Arafah ini, sementara riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ibn Hibban, nampak diringkaskan bahawa Abi Qatadah terus menyatakan sabda Nabi SAW tersebut. Dan kesemuanya boleh dikatakan sama dalam maksud *matan*, kecuali ada sedikit lafaznya yang berbeza, seperti riwayat Abu Dawud, tanpa menyebut يوم pada awal ayatnya :

صيام عرفة إني أحتسب على الله أن يكفر السنة التي قبله والسنة التي بعده

Lain lagi dengan riwayat al-Bayhaqi, bahawa Rasulullah SAW ditanya fasal puasa hari ^{c}Arafah ini sebagai berikut:

عن أبي قتادة قال سئل رسول الله صلى الله عليه و سلم عن صيام وسئل عن صيام يوم عرفة فقال يكفر سنتين سنة ماضية وسنة مستقبلة

Abu ^{c}Isa al-Tirmidhi memberi kenyataan bahawa hadis Abi Qatadah ini berstatus *ḥasan* selanjutnya beliau menegaskan bahawa para ulama menggalakkan dan menganggap *sunnah* berpuasa pada hari ^{c}Arafah tersebut, kecuali bagi mereka yang berada di Mekkah (melaksanakan ibadah haji). Hadis ini dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim, dan selaras dengan kenyataan majoriti ulama seperti al-Tabari[737], al-Mundhiri[738], Ibn Taymiyah[739] dan al-Albani[740].

Hadis: 129 (2)

صِيَامُ يَوْمِ عَاشُورَاءَ إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ.[741]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani di atas, seumpama dengan riwayat Imam Muslim, al-Tirmidhi dan Ibn Majah[742], bersumber daripada Abi Qatadah, melalui jalur periwayatan yang seumpama dengan hadis sebelum ini (nombor 128), di samping itu juga ada riwayat lain dengan *matan* yang sedikit berbeza. Hadis ini dapat dinyatakan nilainya adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Imam Muslim dan *muhaddith* lainnya, serta dinyatakan nilainya sedemikian oleh para ulama seumpama al-Mundhiri[743] dan al-Albani[744].

Adapun sebagai perbandingan daripada riwayat lain yang menggalakkan puasa *ᶜAshura'* (hari ke 10 bulan Muharram) ini adalah antaranya diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, al-Tirmidhi dan Ibn Majah[745]. Riwayat ini daripada ᶜUrwah (*tabiᶜin*) yang menerima daripada ᶜA'ishah r.a. (sahabat), dan riwayat al-Bukhari -sebagai contoh- dimaksud adalah sebagai berikut:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ أَنَّ عِرَاكَ بْنَ مَالِكٍ حَدَّثَهُ أَنَّ عُرْوَةَ أَخْبَرَهُ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ قُرَيْشًا كَانَتْ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ ثُمَّ أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصِيَامِهِ حَتَّى فُرِضَ رَمَضَانُ وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ شَاءَ فَلْيَصُمْهُ وَمَنْ شَاءَ أَفْطَرَ

Riwayat Ibn Majah pula sebagai berikut:

عن الزهري عن عروة عن عائشة قالت كان رسول الله صلى الله عليه و سلم يصوم عاشوراء ويأمر بصيامه

Mengikut Abi ᶜIsa al-Tirmidhi[746] hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* dan majoriti ulama membuat kenyataan bahawa Rasulullah meninggalkannya sebagai puasa wajib akan tetapi beliau tetap menganggapnya sebagai puasa sunnat.

Hadis: 130 (3)

لَئِنْ عِشْتُ إِلَى قَابِلٍ لأَصُومَ التَّاسِعَ.[747]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini antaranya diriwayatkan oleh Imam Muslim, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal dan al-Tabrani[748]. Daripada riwayat tersebut tergambar bahawa jalur periwayatannya ada satu sahaja yakni daripada ᶜAbdillah bin ᶜUmayr (*tabiᶜin*) yang menerima daripada (sahabat) Ibn

ᶜAbbas r.a. Dari segi *matan* pula, hadis ini dapat menjadi penguat kepada hadis sebelumnya, bahawa Rasulullah berazam untuk melakukan puasa *ᶜAshura* sekali dengan *Tasuᶜa*nya (hari kesembilan) daripada bulan Muharram, dan nukilan Al-Paelmbani tersebut hampir sama dengan sumber hadis yang ditemukan khasnya riwayat Ahmad, kecuali penggunaan lafaz yang sedikit berbeza, sesetengah riwayat menggunakan ayat لَئِنْ بَقِيتُ seumpama riwayat Ibn Majah dan al-Tabrani, sementara riwayat Ahmad لَئِنْ عِشْتُ yang diikuti oleh nukilan di atas, kemudian dalam nukilan ayatnya لَأَصُومَ, manakala dalam sumber mengunakan dua kali *taukid* لَأَصُومَنَّ. Hadis ini dapat dikatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim, dan lainnya serta dinyatakan demikian oleh majoriti ulama seperti al-Arna'ut[749] sanad kuat; Ahmad Shakir[750] menyatakan sanad *ṣaḥīḥ*, dan al-Albani[751] pula menyatakannya *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 131 (4)

إن صوم يوم منه أى العشر يعدل صيام سنة وقيام ليلة منه يعدل قيام ليلة القدر.[752]

Takhrij al-Hadith: Hadis seperti yang dinukil oleh al-Palembani dalam kitab beliau tersebut sememangnya tidak dijumpai dalam mana-mana kitab sumber hadis Nabi, namun demikian riwayat yang semakna dengannya didapati dalam riwayat Imam al-Tirmidhi[753]. Beliau menerima daripada Abu Bakr bin Nafiᶜ al-Basri, daripada Masᶜud bin Wasil, daripada Nahhas bin Qahm, daripada Qatadah, daripada Saᶜid bin al-Musayyab, daripada Abi Hurayrah r.a. daripada Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَحَبُّ إِلَى اللهِ أَنْ يُتَعَبَّدَ لَهُ فِيهَا مِنْ عَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ يَعْدِلُ صِيَامُ كُلِّ يَوْمٍ مِنْهَا بِصِيَامِ سَنَةٍ وَقِيَامُ كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْهَا بِقِيَامِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ.

Apabila diperhatikan riwayat di atas dan diperbandingkan dengan nukilan al-Palembani, maka dapat diperkatakan bahawa maksudnya sama yakni memperbahasa tentang kelebihan 10 hari daripada bulan Zulhijjah, bezanya adalah pada riwayat al-Tirmidhi ada penggalan pertamanya dan mengikut beliau (al-Tirmidhi)[754] bahawa hadis ini adalah *gharib* kerana hanya inilah satu-satunya riwayat yang berkenaan dengan perkara ini, itu pun *mursal*, kemudian mengikut beliau lagi bahawa Yahya bin Saᶜid mempertikaikan hafalan Nahhas bin Qahm yang berbeza-beza dalam periwayatan *matan*, ditambah lagi dengan kritik Abu Dawud yang dikutip oleh al-Maqdisi[755], bahawa Masᶜud bin Wasil adalah *daᶜif*. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif* berdasarkan kritikan

ulama tersebut terhadap sanad dan juga sepertimana dinyatakan oleh Ahmad Shakir[756] dalam tahqiq beliau terhadap kitab *Sunan al-Tirmidhi* tersebut dengan penilaian al-Albani sedemikian juga adanya.

Hadis: 132 (5)

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ شَهْرِ رَمَضَانَ شَهْرُ اللهِ الْمُحَرَّمُ.[757]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ini, diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin*, antaranya Imam Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal[758], dan lain-lain melalui jalur periwayatan yang sama, iaitu daripada Humayd bin ᶜAbd al-Rahman (*tabiᶜin*) daripada Abi Hurayrah r.a. (sahabat), bahkan daripada *tabaqah* pertama sehingga *tabaqah* kelima semuanya sama. Namun demikian Imam al-Tirmidhi menyatakan bahawa dalam tajuk ini ada hadis lain yang diriwayatkan oleh Jabir, Bilal dan Abi Umamah. Ini bermakna bahawa secara umumnya bahawa hadis ini mempunyai *shahid* yang dengan begitu tidak *gharib*.

Daripada segi *matan* pula boleh dikatakan semua riwayat yang ada menyatakan dengan lafaz atau ayat yang sama sebagaimana yang dinukil dalam kitab *Hidayat al-Salikin* tersebut, kecuali dalam kitab sumber lebih lengkap dengan *matan* sambungannya mengenai solat sekali, sementara dalam kitab Syeikh al-Palembani hanya disebut penggalan pertamanya sahaja. Adapun penggalan kedua (sambungan daripada hadis itu) yang merupakan kesempurnaan bagi hadis ini adalah:

وَأَفْضَلُ الصَّلاَةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلاَةُ اللَّيْلِ

Hadis ini dapat diperkatakan bahawa nilainya *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim, dan disepakati oleh majoriti ulama. Al-Tirmidhi pula menyatakannya sebagai *ḥasan ṣaḥīḥ*, al-Hakim[759] menyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* atas syarat al-Bukhari dan Muslim begitupun Syeikh al-Albani[760] menyatakannya *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 133 (6)

من صام يوما من المحرم فله بكل يوم ثلاثين يوما.[761]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab Syeikh al-

Palembani yang beliau kutip daripada kitab *al-Mu^c^jam al-Saghir*, dan juga ditakhrij al-Suyuti serta *sharh*nya[762]. Al-Tabrani mengambil periwayatan daripada Ibn Abbas r.a., dan *matan* nukilan di atas sama dengan riwayat al-Tabrani. Adapun nilai atau hukum bagi hadis ini mengikut al-Mundhiri[763] adalah *da^c^if* kerana sanad dinilai tidak apa-apa, begitu pun kesimpulan al-Manawi[764]; al-Haythami[765] pula menyatakan bahawa *rawi* al-Haytham hanya seorang diri menerima periwayatan daripada Salam al-Tawil dan ia di*tad^c^if* (diangap lemah) oleh al-Dhahabi; mengikut Ibn Hajar[766], mengutip pandangan Ibn al-Madini dan Abu Zur^c^ah bahawa Salam al-Tawil *da^c^if*, bahkan mengikut Ahmad dan Ibn Ma^c^in -yang dikutip oleh Ibn Hajar[767]- adalah hadisnya *munkar*, oleh itu al-Albani[768] menyatakan bahawa hadis ini adalah *mawdu^c^*.

Perbezaan antara ulama tersebut, sedikit sebanyak dapatlah diselesaikan dengan memperhati sanad-sanad iaitu, dalam periwayatan ini ada enam orang *rawi* daripada al-Haytham bin Hubayb sehingga Ibn ^c^Abbas sebagai sahabat yang menerima daripada Rasulullah SAW

1. Ibn ^c^Abbas disepakati keadilannya.
2. Mujahid, yang juga dikatakan sebagai Abu al-Khattab (Syeikh kepada Layth), yang dinilai oleh al-Mizzi[769], *majhul*.
3. al-Layth bin Abi Sulaym (w. 148 H.) dinilai oleh al-Dhahabi,[770] sedikit lemah dari segi hafalannya, manakala mengikut Ibn Hajar[771], *saduq* namun sering tercampur aduk riwayatnya sehingga ditinggalkan.
4. Hamzah bin Habib bin ^c^Ammarah al-Ziyat (w. 156/158 H.), dinilai oleh al-Dhahabi[772], dengan mengutip pendapat Ibn Ma^c^in adalah *thiqah*, manakala mengikut Ibn Hajar[773], *saduq* lagi *zahid*.
5. Salam al-Tawil, Salam bin Sulaym bin Salm al-Tamimi (w. 177 H.), dinilai oleh al-Dhahabi[774], dengan mengutip pendapat al-Bukhari adalah *matruk*, begitu juga mengikut Ibn Hajar[775], *matruk*.
6. al-Haytham bin Hubayb, ini pun dinilai oleh Ibn Hajar[776], *matruk* juga.

Dengan demikian jelas bahawa periwayatan hadis ini ada dua orang rawi (kelima dan keenam) yang dinyatakan dengan jelas sangat lemah bahkan *matruk*, sementara periwayat kedua pun adalah *majhul* dan periwayat ketiga adalah kurang kuat hafalannya. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini adalah *mawdu^c^*, sepertimana yang dinyatakan oleh al-Albani paling tidak pun adalah *da^c^if jiddan* (sangat lemah).

Hadis: 134 (7)

رجب شهر الله وشعبان شهرى ورمضان شهر أمتى.[777]

Takhrij al-Hadith: Nas tersebut dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* apabila beliau menyatakan bahawa "*sunat puasa pada bulan Rajab*". Riwayat ini dijumpai dalam kitab *Fayd al-Qadir*[778], *sharh* kepada *al-Jami*ᶜ *al-Saghir*, daripada Abu al-Fath bin Abi al-Fawaris daripada al-Hasan. Mengikut al-Bayhaqi[779], hadis seumpamanya yang diriwayatkan daripada ᶜA'ishah adalah "*munkar"*, Ibn ᶜAsakir[780] pula menyatakan bahawa hadis yang berkenaan dengan perkara ini, daripada Anas bin Malik adalah "*gharib jiddan*" kerana tidak hanya seorang *rawi* yang tidak dikenali identitinya. Mengikut Ibn al-Qayyim[781] adalah riwayat Abi Saᶜid al-Khudri berkenaan dengan perkara ini *mawduᶜ*. Kenyataan para ulama tersebut adalah terhadap hadis-hadis selain riwayat al-Hasan yang dinukil oleh al-Palembani. Secara ᶜamnya hadis dalam tajuk ini dapat diperkatakan *daᶜif jiddan*, namun demikian bagi periwayatan al-Hasan adalah *mursal*, sepertimana dinyatakan oleh ᶜAli al-Qari[782] dengan darjat *daᶜif* sahaja, sebagaimana disimpulkan oleh al-Manawi[783] dan begitu juga dinyatakan oleh al-Albani[784].

Hadis: 135 (8)

وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلاَّ رَمَضَانَ وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ.[785]

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh ramai *muhaddith*, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ahmad bin Hanbal[786]. Hampir semua riwayat bersumber daripada Abi Salamah daripada ᶜA'ishah, kecuali satu riwayat Imam al-Tirmidhi yang menyebut berasal daripada Ummi Salamah, dan boleh diperkatakan bahawa adalah tiga *rawi*nya secara berturut-turut sama; *rawi* pertamanya ᶜA'ishah r.a. (*tabaqah sahabat*) kepada Abi Salamah bin ᶜAbd al-Rahman (*tabiᶜin*) selanjutnya kepada Abi al-Nadr (*tabiᶜ al-tabiᶜin*). *Matan* hadis ini pula sebenarnya ada permulaannya, seperti riwayat al-Bukhari berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى تَقُولَ لا يُفْطِرُ وَيُفْطِرُ حَتَّى تَقُولَ لا يَصُومُ فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلا رَمَضَانَ وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَامًا مِنْهُ فِي شَعْبَانَ

Adapun nukilan al-Palembani tersebut boleh dikatakan sama dengan sumber rujukan, kecuali ada perbezaan letak مِنْهُ pada hujung hadis tersebut, sebahagian riwayat menyatakan selepas صِيَامًا sebagaimana riwayat Malik, al-Bukhari, Abu Dawud dan al-Tirmidhi, sementara yang lain menyatakannya selepas lafaz أَكْثَرَ dan riwayat terakhir inilah yang diikuti oleh *mu'allif Hidayat al-Salikin*, dan perbezaan tersebut tidaklah menjejaskan makna dan pemahaman. Adapun nilai bagi hadis ini dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kitab *ṣaḥīḥ* mereka serta disepakati oleh para ulama antaranya, al-Mundhiri[787] dan al-Albani [788].

Hadis: 136 (9)

صوم يوم من شهر الحرام افضل من ثلاثين من غيره وصوم يوم من رمضان افضل من ثلاثين من شهر الحرام.[789]

Takhrij al-Hadith: Sebenarnya nas yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani di atas ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis Nabi SAW namun demikian hadis yang semakna dengannya ada disebutkan dalam kitab *al-Mu^c^jam al-Saghir* dan *Fayd al-Qadir*[790]. Nukilan ini sama dengan penggalan hadis nombor 133 (6) sebelum ini. Oleh itu, segala penjelasan sila rujuk semula kepada nombor berkenaan, dan gambaran ringkasnya adalah bahawa hadis bagi tajuk ini adalah dari segi *sanad da^c^if jiddan* (sangat lemah).

Hadis: 137 (10)

من صام ثلاثة أيام من شهر الحرام الخميس والجمعة والسبت كتب الله له بكل يوم عبادة سبعمائة عام.[791]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, dan yang betul sama nukilan tersebut tidaklah ditemukan dalam mana-mana kitab, namun demikian ada riwayat semakna dengannya yang ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi[792], ia diriwayat oleh Ya^c^qub bin Musa al-Madani daripada Maslamah daripada Anas bin Malik dengan *matan* penggalan akhirnya berbeza. *Takhrij* al-Suyuti itu adalah sebagai berikut:

من صام ثلاثة أيام من شهر حرام: الخميس و الجمعة و السبت كتب له عبادة سنتين

Berbeza dengan nukilan al-Palembani yang pada penggalan akhirnya كتب الله له بكل يوم عبادة سبعمائة عام , sementara al-Suyuti mentakhrij hanya dengan ayat; كتب الله له عبادة سنتين dan mengikut al-Manawi[793] hadis ini adalah *ḥasan*; Ibn Rajab[794] menyatakan adalah sanad *majhul* dan diperinci oleh al-Haythami[795] bahawa Ya^{c}qub dalam periwayatan ini tidak diketahui (*majhul*) dan Maslamah pula dinyatakan al-Haythami[796], dengan mengutip pandangan Abu Hatim bahawa ia adalah "*mudtarib al-hadith*", dan mengutip pandangan al-Azdi bahawa ia (Maslamah) tersebut tidak dapat dijadikan *hujah* kerana *da^{c}if*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if*, dan kesimpulan ini menepati kenyataan al-Albani[797].

Hadis: 138 (11)

أَفْضَلُ الصوم بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللَّهِ الْمُحَرَّمُ.[798]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani pada dua tempat yang berasingan, hadis seumpamanya sudah pun disebutkan, iaitu hadis nombor 132 (5), hanya saja yang tertulis pada muka surat ini menggunakan lafaz الصوم sementara nukilan sebelumnya dengan lafaz الصيام , majoriti periwayatan dalam kitab sumber, dengan lafaz الصيام. Apabila mahukan paparan yang terperinci boleh merujuk nombor tersebut, dan secara ringkasnya dapat diperkatakan bahawa hukum atau nilai hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 139 (12)

لاَ يَصُومَ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلاَ أَنْ يَصُومَ يوما قَبْلَهُ أَوْ يوما بَعْدَه.[799]

Takhrij al-Hadith: Nukilan ini adalah yang kedua, setelah pada fasal "Adab Hari Juma^{c}at", hadis nombor 99 (1) disebut oleh al-Palembani. Oleh itu pada fasal ini tidak kemukakan lagi paparan *sanad* dan *matan*, jadi sekiranya mengingini penjelasan terperinci tentang hadis ini sila rujuk fasal berkenaan dengan nombor hadis tersebut, kecuali itu dalam nukilan kali nampak ada lafaz يوما pada dua tempat dihujung daripada hadis tersebut di atas, tidak seperti riwayat dalam kitab sumber rujukan yang tidak menyebutkannya. Dan secara ringkasnya dapat dinyatakan bahawa hadis ini bernilai *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim[800] dan dinyatakan oleh para ulama.

Hadis: 140 (13)

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلاَّ الْجُوعُ بل تمام الصيام بكف الجوارح كلها عما يكره الله تعالى.[801]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Hadis seumpama antaranya diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Bayhaqi, Ibn Khuzaymah, dan al-Darimi[802], dan kesemua periwayatan tersebut menunjukkan kesamaan dalam *sanad*, iaitu daripada (*sahabat*) Abi Hurayrah r.a. dan (*tabi^c^in*) Sa^c^id bin Abi Sa^c^id al-Maqbari. Juga ada riwayat yang bersumber daripada ^c^Abdullah bin ^c^Umar r.a. Akan tetapi dari segi *matan* kesemua riwayat yang ada tidak meriwayatkan sama sekali penggalan terakhir daripada hadis yang dinukil oleh al-Palembani.

بل تمام الصيام بكف الجوارح كلها عما يكره الله تعالى

Manakala, penggalan pertamanya adalah semakna dengan kitab rujukan hadis, kecuali lafaz awalnya ada perbezaan. Imam Ahmad dan al-Darimi menggunakan lafaz كَمْ, sementara Ibn Majah dan al-Hakim, dengan lafaz رُبَّ akan tetapi kedua-dua lafaz tersebut maksudnya sama, iaitu "berapa banyak". Dan sebenarnya hadis tersebut apabila mengikut kitab rujukan masih ada sambungannya, seumpama riwayat Ahmad yang boleh dikatakan diikuti oleh al-Palembani berikut ini:

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم كم من صائم ليس له من صيامه إلا الجوع وكم من قائم ليس له من قيامه إلا السهر

Riwayat al-Hakim dan Al-Bayhaqi pula ada sedikit perbezaan *matan* seperti berikut:

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم رب صائم حظه من صيامه الجوع ورب قائم حظه من قيامه السهر

Majoriti ulama seumpama al-Mundhiri[803], Ibn al-Mulaqqin[804], menyatakan bahawa hadis riwayat Abu Hurayrah dalam tajuk ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*; kecuali riwayat Ibn ^c^Umar yang dinyatakan oleh Ibn ^c^Adi[805] dalam kumpulan *al-Du^c^afa'*. Dan apabila kita perhatikan kepada sambungan daripada hadis di atas dalam kitab rujukannya, maka apa yang dinukil oleh al-Palembani tersebut di atas adalah tidak bersumber daripada Rasulullah SAW. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa riwayat yang mengikuti rujukan

kitab hadis (seumpama riwayat Abu Hurayrah) adalah sanad *ḥasan* akan tetapi hadisnya adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh Salim Asad[806] dan al-Albani[807] atau dalam istilah lain daripada al-Albani[808] adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Manakala, sambungan nukilan tersebut tidak dapat dikesan sebagai sabda Rasulullah SAW.

Hadis: 141 (14)

[809].خمس يفطرن الصيام الكذب والغيبة والنميمة واليمين الكاذب والنظر بشهوة

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini ditakhrij oleh al-Daylami, Ibn Abi Hatim, Ibn al-Jawzi dan al-Zayla^{c}i, serta oleh al-Manawi[810] yang dikatakan bersumber daripada Anas bin Malik dengan sedikit perbezaan pada *matan*, iaitu ada tambahan kata dan berbeza letak seperti berikut:

خمس خصال يفطرن الصائم وينقضن الوضوء، الكذب والغيبة والنميمة والنظر بشهوة واليمين الكاذبة

Majoriti ulama menilai hadis ini adalah sangat lemah, antaranya mengikut al-Dhahabi bahawa hadis ini terasuk dalam kumpulan *da^{c}if*; Al-Manawi[811] apabila mentakhrij hadis ini mengutip pandangan al-Azdi bahawa riwayat ini dalam kumpulan *al-Du^{c}afa'* yang tertolak, Muhammad bin al-Hajjaj al-Himsa pula berkata bahawa hadis ini tidak dituliskan, al-Hafiz al-^{c}Iraqi menyatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Baqiyyah juga Sa^{c}id bin ^{c}Anbasah yang merupakan salah seorang *rawi* yang dituduh berdusta; Ibn al-Jawzi menyatakannya *mawdu^{c}*. Al-Manawi[812] kemudian berkesimpulan bahawa hadis ini *da^{c}if*, manakala al-Albani[813] menyatakannya *mawdu^{c}*.

Kenyataan al-Albani bahawa hadis ini *mawdu^{c}* adalah lebih beralasan, kerana mengikut al-Suyuti[814], di samping *rawi* Sa^{c}id bin ^{c}Anbasah dalam sanad dituduh dusta, juga tiga periwayat lain di atasnya juga dinyatakan cacat oleh ulama. Sehingga dengan demikian dapat dikatakn ianya *mawdu^{c}* sepertimana dinyatakan oleh Ibn al-Jawzi dan al-Albani.

Hadis: 142 (15)

[815]. فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ إِنِّي صَائِمٌ أَوْ شَاتَمَهُ فَإِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ إنما الصوم جُنَّةٌ إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ صَائِمًا فَلاَ يَرْفُثْ وَلاَ يَجْهَلْ

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*.

Ia seumpama dengan yang diriwayatkan antaranya oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[816], dengan sedikit perbezaan pada *matan*. Adapun *sanad* hadis ini boleh dikatakan satu jalur periwayatan, iaitu daripada al-A^{c}raj (*tabi^{c}i*) daripada Abi Hurayrah (*sahabi*), namun demikian mengikut al-Tirmidhi bahawa dalam bab ini, juga ada riwayat daripada Mu^{c}adh bin Jabal, Sahl bin Sa^{c}d, Ka^{c}b bin ^{c}Ajzah, Salamah bin Qaysar dan Bashir bin al-Khasasiyyah, ini bermakna bahawa -apabila mengikut kenyataan ini- hadis ini mempunyai banyak *shahid*. *Matan* hadisnya pula dapat diperkatakan bahawa semua riwayatnya dengan teks serupa setidaknya maknanya, hanya saja riwayat Imam Muslim yang tanpa menyebut lafaz وَلاَ يَجْهَلْ. Dan dalam kitab al-Palembani hadis ini diawali dengan lafaz إنما sementara dalam kitab-kitab sumber tidak menyebut awalan lafaz tersebut kecuali Imam Ahmad dalam salah satu riwayatnya menyebut dengan lafaz إِنَّ. Seterusnya dalam majoriti kitab rujukan menggunakan lafaz الصِّيَامُ جُنَّةٌ sementara nukilan al-Palembani الصوم جُنَّةٌ.

Perbezaan tersebut tidaklah menyebabkan perubahan makna kerana pada hakekatnya sama makna dan maksudnya, akan tetapi sepatutnya dan menjadi prinsip kita agar mengikuti riwayat daripada kitab rujukannya yang sebenar, dan hadis ini sebenarnya masih mempunyai sambungan sama ada tambahan dari penggalan pertamanya ataupun dari akhirannya, seperti riwayat al-Bukhari berikut:

عَنْ أَبِي صَالِحٍ الزَّيَّاتِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اللَّهُ كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلاَّ الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلاَ يَرْفُثْ وَلاَ يَصْخَبْ فَإِنْ سَابَّهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ فَلْيَقُلْ إِنِّي امْرُؤٌ صَائِمٌ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَخَلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

Adapun riwayat al-Turmudhi pula sebagai berikut:

عن سعيد بن المسيب عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم إن ربكم يقول كل حسنة بعشر أمثالها إلى سبعمائة ضعف والصوم لي وأنا أجزي به الصوم جنة من النار ولخلوف فم الصائم أطيب عند الله من ريح المسك وإن جهل على أحدكم جاهل وهو صائم فليقل إني صائم

Hukum ataupun nilai bagi hadis ini dapat dinyatakan sebagai *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta dinyatakan oleh Ibn ^{c}Abd al-Barr[817], Ibn al-Mulaqqin[818] dan Ahmad Shakir[819].

Hadis: 143 (16)

إن المستمع شريك القائل وهو أحد المغتابين.[820]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber hadis Nabi, kecuali disebutkan oleh Imam al-Ghazali[821] dan al-Manawi[822] apabila menjelaskan riwayat yang berkenaan dengan perkara yang boleh membatalkan puasa. Dan daripada kedua-dua kitab tersebut tergambar jelas bahawa sebenarnya mereka tidak menyebut dengan nyata bahawa ianya adalah sabda Rasulullah SAW kerana itu ia tidak dapat diperkatakan sebagai hadis Nabi. Hal tersebut seperti ditegaskan oleh Ibn al-Subki[823], bahawa tidak ada sanad dan mengikut al-Albani[824] tidak ada asalnya. Walaupun demikian keadaan riwayat tersebut namun ia cukup logik dan tidak bertentangan dengan nas *sarih* yang kuat, sehingga mengikut penulis boleh diambil kira sebagai *qawl al-sahabah* ataupun *qawl al-Hukama'* sahaja yang dengan begitu outomatik tidak i^{c}tiraf sebagai sabda Nabi SAW *wallahu a^{c}lam*.

Hadis: 144 (17)

قال الله تعالى: كُلُّ حَسَنَةٍ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةِ ضِعْفٍ الاّ الصيام فإنه لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ.[825]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syekh al-Palembani ini sebenarnya sama *sanad* dengan hadis nombor 142 (15) sebelum ini, kerana antara satu sama lainnya merupakan satu kesatuan dalam periwayatan, hanya saja oleh al-Palembani memisahkannya berdasarkan keperluan semasa. Ia diriwayatkan oleh Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah, dan Ahmad bin Hanbal[826], dengan sedikit perbezaan pada *matan*. Adapun *matan* hadis ini, dapat digambarkan bahawa daripada semua periwayatan yang dijumpai sama-sama menukilkannya sebagai riwayat hadis *qudsi*, dengan *matan* yang sama, nukilan al-Palembani tersebut hampir sama dengan riwayat al-Tirmidhi berikut:

عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم إن ربكم يقول كل حسنة بعشر أمثالها إلى سبعمائة ضعف والصوم لي وأنا أجزي به...

Sementara sebahagian riwayat yang lain lebih umum lagi, seperti riwayat Muslim yang diikuti oleh Ibn Majah berikut:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَة ضِعْفٍ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلاَ الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ

Memperhatikan riwayat Imam Muslim ini, dapat difahamkan bahawa penggalan pertamanya adalah hadis Nabi, selanjutnya pada penggalan terakhirnya adalah *hadis qudsi*, manakala riwayat al-Tirmidhi dan diikuti oleh *mu'allif* kitab *Hidayat al-Salikin* daripada awal lagi memberi isyarat hadis *qudsi*. Apapun daripada perbezaan tersebut tidaklah sampai menjejaskan kualiti hadis ini, dan ianya dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan demikian juga dinyatakan para ulama seumpama Ibn ᶜAbd al-Barr[827], Ibn al-Mulaqqin[828] dan Al-Albani[829].

Hadis: 145 (18)

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَخَلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ.[830]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini merupakan satu kesatuan dengan hadis sebelum ini yakni hadis nombor 144 (17) dan hadis nombor 142 (15) sebelumnya, kerana -pada riwayat yang lengkap- merupakan satu periwayatan sahaja, hanya saja oleh al-Palembani diasingkan berdasarkan keperluan dalam menjelaskan tajuk berkenaan. Berkenaan dengan sanad sila rujuk kepada hadis nombor 142 (15). Adapun dari segi *matan*, boleh dikatakan maksud dan makna yang terkandung adalah sama, walaupun ada perbezaan sedikit dalam kenyataan lafaznya. Al-Tirmidhi umpamanya tidak menyebut awalan hadis ini dengan lafaz وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ, sementara al-Bukhari, Muslim, al-Nasa'i dan Ahmad bin Hanbal meriwayatkannya dan yang terakhir inilah *matan* yang diikuti oleh al-Palembani. Nilai hadis ini tentunya *ṣaḥīḥ*, sama dengan dua hadis yang sebelumnya.

Hadis: 146 (19)

لِلْجَنَّةِ بَابٌ يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ فلا يَدْخُلُهُ إِلاَّ الصَّائِمُونَ.[831]

Takhrij al-Hadith: Riwayat sebegini sememangnya termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Hadis semakna dengan riwayat tersebut diriwayatkan oleh hampir semua *muhaddithin*, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Tabrani, al-Bayhaqi, Ibn Hibban dan Ibn Khuzaymah[832]. Sanad

terakhir (*tabaqat al-sahabah*) hadis ini adalah Abu Hurayrah dan Sahl bin Sa^{c}d, manakala periwayat pada peringkat *tabi^{c}in*nya adalah Humayd bin ^{c}Abd al-Rahman bin ^{c}Awf dan Abu Hazim. Sementara dari segi *matan* pula nampaknya Syeikh al-Palembani mengikuti riwayat al-Tabrani yang meriwayatkan daripada Abi Salamah (*tabi^{c}in*) daripada Abi Hurayrah r.a. (sahabat), hanya huruf awalnya yang berbeza dan ada tambahan ayat يوم القيامة seperti berikut:

في الجنة باب يقال له : الريان، لا يدخله يوم القيامة إلا الصائمون

Adapun riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Sahl bin Sa^{c}d yang diikuti oleh Ibn Majah, nampak berbeza sedikit pada penggalan keduanya seumpama berikut:

قَالَ إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ...

Sementara riwayat al-Tirmidhi juga ada sedikit perbezaan dapatlah diperhatikan daripada *matan* berikut:

إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُدْعَى الرَّيَّانَ يُدْعَى لَهُ الصَّائِمُونَ

Kesemua riwayat tersebut dapat dikatakan sama maksudnya, dan yang menjadi fokus perbahasannya adalah awalan *matan*, al-Palembani menukil .... لِلْجَنَّةِ بَابٌ sementara dalam kitab ... إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا. Perbezaan ini tidaklah memberi kesan negatif kepada periwayatan ini, dan sedia maklum sepatutnya mengikuti kitab sumber rujukan. Oleh itu, dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ* darjatnya, sepertimana disetujui dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, walaupun al-Tirmidhi membuat kenyataan sedikit lain bahawa hadis dengan periwayat Sahl bin Sa^{c}d adalah berstatus *ḥasan ṣaḥīḥ gharib* dan riwayat Abu Hurayrah pula adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*. Manakala, majoriti ulama menyatakannya *ṣaḥīḥ*, antaranya, Abu Na^{c}im[833] dan al-Albani[834],.

Hadis dalam Bab Ketiga Tentang Menjauhi *Ma^{c}siat Zahir*

Pada bab ketiga daripada kitab *Hidayat al-Salikin* Syeikh al-Palembani ini perbahasannya tidak menggunakan fasal, sehingga bagi pihak *translitrator*

seumpama Ustaz Wan Mohd. Saghir dan Ahmad Fahmi Zam-zam dalam usaha mereka mentarjamahkan ke dalam huruf rumi juga tidak menyebut pembahagian daripada bab ini, akan tetapi bagi pihak pengkaji seumpama Ustaz Shamsuddin Siddiq, beliau mencuba membahagikannya berdasarkan kepada ungkapan yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* itu sendiri. Dalam hal ini, selaku pengkaji juga lebih memilih dan mengikuti kaedah yang terakhir ini iaitu membahagikannya ke dalam bahagian yang disebutkan sebagai perkataan, hal ini bertujuan agar memudahkan dalam perbahasan dan memudahkan dalam membaca huraiannya bagi generasi akan datang serta untuk membezakan antara hadis yang dikemukakan dalam *takhrij* dan analisisnya. Ada tujuh perkataan yang akan dibahaskan dalam bab ini, ia mengandungi 21 hadis yang dipaparkan dan ditakhrij *sanad* serta dianalisis *matan*. Adapun pada permulaan bab ini al-Palembani menukil satu hadis sahaja, iaitu:

Hadis: 147 (1)

اَلْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ السوء و الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ هوا.هـ[835]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani di atas tidak sama betul dengan rujukan kitab sumber hadis, kecuali itu ada riwayat al-Hakim[836] yang menyebutkan dua perkara tersebut secara bersamaan namun *matan* terbalik, daripada ᶜAmr bin Malik (*tabiᶜin*) daripada Fadalah bin ᶜUbayd r.a. Manakala riwayat *muhaddithin* lainnya, seumpama al-Bukhari, al-Nasa'i, Ibn Majah dan al-Hakim[837] hanya meriwayatkan penggalan pertamanya sahaja, daripada (*tabiᶜin*): ᶜAmir, ᶜAmr bin Malik, Yunus bin Ubayd dan Humayd dan (sahabatnya) adalah ᶜAbdullah bin ᶜAmr, Anas bin Malik, itupun dengan lafaz yang berbeza. Imam al-Tirmidhi[838] pula hanya meriwayatkan penggalan keduanya sahaja, daripada ᶜAmr bin Malik (*tabiᶜin*) daripada Fadalah bin ᶜUbayd r.a. dan mengikut beliau dalam tajuk ini juga diriwayatkan oleh ᶜUqbah bin ᶜAmir dan Jabir. Untuk menambah jelas perkara ini, dipaparkan gambaran sanad dan *matan* sebagai berikut:

Al-Hakim meriwayatkan bagi kedua-dua penggal nukilan hadis ini sebagai berikut:

عن عمرو بن مالك الليثي عن فضالة بن عبيد قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم في حجة الوداع ألا أخبركم بالمؤمن من أمنه الناس على أنفسهم وأموالهم والمسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده والمجاهد من جاهد نفسه في طاعة

والمهاجر من هجر الخطايا والذنوب

Al-Bukhari meriwayatkan bagi penggalan pertama daripada nukilan ini adalah:

عَنْ الشَّعْبِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Al-Tirmidhi pula meriwayatkan bagi penggalan keduanya adalah:

أن عمرو بن مالك أخبره أنه سمع فضالة بن عبيد يحدث عن رسول الله صلى الله عليه و سلم أنه قال كل ميت يختم على عمله إلا الذي مات مرابطا في سبيل الله فإنه ينمى له عمله إلى يوم القيامة ويأمن من فتنة القبر وسمعت رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول المجاهد من جاهد نفسه

Walaupun agak berbeza sedikit, namun tidak merubah langsung akan maksud hadis tersebut, dan nilai hadis bagi tajuk inipun dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana -penggal pertamanya- diriwayatkan oleh al-Bukhari, dan dinyatakan oleh al-ᶜIraqi[839] bahawa nukilan -sebagaimana al-Palembani nukilkan dalam kitab beliau- tersebut adalah "kedua-dua sanad baik", begitu pula dinyatakan oleh Ahmad Shakir[840] dan Albani[841] bahawa kedua-dua periwayatan hadis bagi tajuk ini adalah *ṣaḥīḥ* dan baginya ada *shawahid*.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Mata

Tidak ada sebarang hadis pun yang dicatitkan oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* berkenaan dengan masalah memelihara mata ini.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Telinga

Pada bahagian ini Syeikh al-Palembani hanya menyebut satu hadis sahaja dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin*, iaitu:

Hadis: 148 (1)

إن المستمع شريك القائل وهو أحد المغتابين.[842]

Takhrij al-Hadith: Nukilan ini sudah pun disebut sebelumnya, yakni pada bab ketiga fasal tentang "Adab Puasa", apabila membincangkan masalah yang boleh membatalkan pahala puasa, antaranya adalah mendengar perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Riwayat ini dikemukakan semula oleh *mu'allif* untuk membincangkan perkara yang ada hubungkaitnya dengan pendengaran juga, yakni memelihara telinga. Sekiranya menginginkan paparan tentang *takhrij sanad* dan analisisnya, boleh merujuk kepada hadis nombor 143 (16). Dan secara ringkasnya dapat diperkatakan bahawa riwayat ini tidak dapat dikesan dalam mana-mana kitab sumber hadis dan tidak dapat diperkatakan sebagai hadis Nabi SAW kerana tidak ditemukan sanad atau tidak ada asalnya.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Lidah

Dalam perbahasan ini dikemukakan 14 buah hadis Nabi yang dinukil ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ditambah dengan satu hadis nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq yang disebut pada hadis yang ke sembilan daripada perbincangan ini. Hadis dimaksud serta *takhrij* dan analisis adalah seperti berikut:

Hadis: 149 (1)

إياكم والكذب فإنه مع الفجور وهما فى النار.[843]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini sama dengan riwayat Imam Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban[844] daripada Abi Bakar, manakala riwayat seumpamanya banyak diriwayatkan oleh *muhaddithin* lainnya, antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah[845]. Daripada periwayatan tersebut tergambar bahawa hadis ini bersumber daripada Abi Wa'il (*tabi*^{c}*i*) daripada ^{c}Abdillah bin Mas^{c}ud (*sahabi*) dan Awsat bin Isma^{c}il daripada Abu Bakar. Al-Tirmidhi sendiri meriwayatkan bersumber daripada ^{c}Abdullah bin Mas^{c}ud yang diterima oleh Shaqiq bin Salamah kemudian beliau menambahkan bahawa hadis ini juga bersumber daripada ^{c}Abdillah bin al-Shikhkhir dan Ibn ^{c}Umar. Dengan demikian jelas bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *mutaba*^{c}*at*.

Dari segi *matan* boleh dikatakan ada kesamaan pada lafaznya, ia membincangkan perkara jujur sekali yang semestinya diamalkan, kebalikan daripada dusta. Riwayat al-Bukhari dan *muhaddith* lainnya yang masyhur seperti berikut:

عَنْ أَبِي وَائِلٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يَكُونَ صِدِّيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَّابًا

Adapun riwayat Ahmad yang diikuti oleh al-Palembani dalam nukilannya tersebut adalah sebagai berikut:

عن أوسط قال خطبنا أبو بكر رضي الله عنه فقال قام رسول الله صلى الله عليه و سلم مقامي هذا عام الأول وبكى أبو بكر فقال أبو بكر سلوا الله المعافاة أو قال العافية فلم يؤت أحد قط بعد اليقين أفضل من العافية أو المعافاة عليكم بالصدق فإنه مع البر وهما في الجنة وإياكم والكذب فإنه مع الفجور وهما في النارولا تحاسدوا ولا تباغضوا ولا تقاطعوا ولا تدابروا وكونوا إخوانا كما أمركم الله تعالى

Kedua-dua periwayatan tersebut dapat disimpulkan nilainya adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dan dinyatakan oleh majoriti ulama, antaranya al-Tirmidhi[846], Shu^{c}ayb al-Arna'ut[847], pula menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*, al-^{c}Iraqi[848] menyatakan *isnad ḥasan* dan mengikut al-Albani[849] pula adalah *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 150 (2)

إن الكذب من أبواب النفاق.[850]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab hadis yang menjadi sumber rujukan, kecuali diriwayatkan oleh Ibn ^{c}Adi dalam kitab *al-Kamil*[851] yang disebutnya daripada Abi Umamah dan juga dinukil dalam *Ihya*' bagi Imam al-Ghazali. Dari segi *matan* pula ada lafaz باب sebelum من ابواب. Adapun penilaian ulama, adalah mengikut al-^{c}Iraqi[852] hadis Abi Umamah ini *sanad da^{c}if*, kerana di dalamnya ada seorang *rawi* ^{c}Umar bin Musa al-Wajihi dikritik sebagai *da^{c}if jiddan*, dengan itu pada satu ketika al-Albani[853] menilainya *mawdu^{c}* dan pada saat yang lain menyatakannya *da^{c}if* [854]. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa sanad hadis ini adalah *da^{c}if jiddan* seperti dikritik al-^{c}Iraqi dan satu kenyataan (*mawdu^{c}*) daripada al-Albani. Adapun hukum terhadap *matan* dapat diperkatakan ianya tidak bercanggah dengan *nas*

yang lebih *ṣaḥīḥ*, oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini adalah *da*ᶜ*if* sahaja, sepertimana kenyataan al-ᶜIraqi dan al-Albani terhadap riwayat Abi Umamah.

Hadis: 151 (3)

855. ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ فَهُوَ مُنَافِقٌ وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى مَنْ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* dan dinukil oleh al-Palembani ini seumpama dengan riwayat Imam Muslim, al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal, Ibn Hibban, dan al-Musili[856]. Daripada beberapa riwayat tersebut dapat dipaparkan bahawa periwayat pertamanya (sahabat) adalah Abu Hurayrah yang diterima oleh Saᶜid bin al-Musayyab (*tabi*ᶜ*in*) juga ada riwayat (sahabat) ᶜAbdullah bin Masᶜud yang diterima oleh Abi Wa'il; dan (sahabat) al-Hasan yang diterima riwayatnya oleh Habib bin al-Shahid dan daripada (sahabat) Anas bin Malik. Paparan sanad tersebut memberikan petunjuk bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *mutaba*ᶜ*at*. Dari segi *matan* nampak bahawa nukilan tersebut sama dengan riwayat Ahmad dan Ibn Hibban, manakala riwayat yang lainnya tidak sama betul, riwayat Muslim umpamanya dimulakan dengan ...مِنْ عَلاَمَاتِ الْمُنَافِقِ ثَلاَثَةٌ, atau آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلاَثٌ.... وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى. Adapun riwayat al-Nasa'i nampak sama dengan nukilan al-Palembani di atas akan tetapi tidak menyebut ayat وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى , manakala riwayat Imam Ahmad dan Ibn Hibban penulis katakan sama dengan nukilan di atas kecuali ada tambahan lafaz وَزَعَمَ أَنَّهُ مُسْلِمٌ setelah lafaz وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى . Walaupun ada perbezaan akan tetapi ia satu makna dan pemahaman jua bagi hadis berkenaan, bahawa tiga perkara yang menjadi tumpuan sebagai tanda kemunafiqan seseorang.

Secara ᶜamnya, nilai hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan Imam Muslim serta dinyatakan oleh al-Mundhiri[857] *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Adapun secara khusus kepada hadis yang dinukil oleh al-Palembani di atas, majoriti ulama menyatakannya *ṣaḥīḥ* seperti kenyataan al-Tirmidhi[858], al-Haythami[859], *rijal ṣaḥīḥ,* ada juga yang menyatakan *da*ᶜ*if* seperti al-Haythami[860], kerana ada salah seorang rawi "Yazid al-Raqqashi", yang dinilai *da*ᶜ*if,* akan tetapi dengan *shawahid* yang banyak lagi *ṣaḥīḥ*, hadis yang *da*ᶜ*if* tersebut mengikut al-Albani[861] dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih*, dan pada masa yang sama al-Albani[862] juga menilainya *ṣaḥīḥ*. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hadis ini adalah

minima adalah *ḥasan li ghayrih* seperti salah satu kenyataan al-Albani di atas.

Hadis: 152 (4)

إياكم والغيبة فإنها أشد من الزنا فإن الرجل قد يزنى فيتوب الله عليه و صاحب الغيبة لا يغفر له حتى يغفر له صاحبها.[863]

Takhrij al-Hadith: Hadis nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dan ditakhrij oleh al-Suyuti menerusi *sharh* al-Manawi[864]. Periwayatannya daripada Abi Nadrah (*tabi*ᶜ*in*), daripada (sahabat) Jabir dan Abi Saᶜid al-Khudri r.a. Mengikut al-Manawi[865], juga ada riwayat Ibn Hibban dalam kitab *al-Duᶜafa*, dan Ibn Mardawayh dalam *tafsir*nya. Dari segi *matan* boleh dikatakan sama, selengkapnya dikemukakan riwayat al-Tabrani sebagai berikut:

حدثنامحمد بن جعفر بن أعين نا يحيى بن أيوب المقابري ثنا أسباط بن محمد عن أبي رجاء الخرساني عن عباد بن كثير عن سعيد الجريري عن أبي نضرة عن جابر بن عبد الله وأبي سعيد الخدري قالا قال رسول الله صلى الله عليه و سلم الغيبة أشد من الزنى قيل وكيف قال الرجل يزني ثم يتوب فيتوب الله عليه وإن صاحب الغيبة لا يغفرله حتى يغفر له صاحبه

Mengikut Tariq bin ᶜAwd Allah bin Muhammad dan ᶜAbd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husayni, (pentahqiq kepada kitab *al-Muᶜjam al-Awsat*) bahawa tiada orang yang meriwayatkan hadis ini daripada al-Jariri selain ᶜUbbad bin Kathir yang dinilai oleh Ibn Muflih[866] *daᶜif*, begitu pun tiada orang yang meriwayatkan daripada ᶜUbbad bin Kathir selain Abu Raja al-Khurasani yang juga dinilai *munkar al-hadith* oleh Ibn Muflih[867] dengan mengutip pandangan al-ᶜUqayli; begitulah juga pendapat Ibn Abi Hatim[868]. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif*, sepertimana dikritik oleh para ulama tersebut dan dinyatakan oleh al-Albani[869], kemudiannya bagi kita dapat pula mengatakannya sebagai *qawl al-Hukama'* yang mempunyai makna dan maksud yang baik sebagai suatu pengajaran.

Hadis: 153 (5)

قَالَ هَؤُلاء الَّذِينَ يَغْتَابُوْنَ النَّاسِ مَرَرْتُ ليلة أُسري بى على قَوْمٍ يَخْمُشُونَ وُجُوهَهُمْ بِأَظَافِيرِهِمْ فَقُلْتُ يَا جِبْرِيلُ مَنْ هَؤُلاء وَيَقَعُونَ فِي أَعْرَاضِهِمْ.[870]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani di atas seumpama dengan

riwayat Imam Abu Dawud, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[871]. Ketiga-tiga periwayatan tersebut bersumber daripada (sahabat) Anas bin Malik yang meriwayatkan kepada (*tabi*ᶜ*in*) Rashid bin Saᶜd dan ᶜAbd al-Rahman bin Jubayr. *Matan* hadisnya pula dari segi maknanya adalah sama dengan riwayat *muhaddithin* namun berbeza dalam ayatnya. Riwayat Abu Dawud dan lainnya seperti berikut:

حدثني راشد بن سعد وعبد الرحمن بن جبير عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم "لما عرج بي مررت بقوم لهم أظفارمن نحاس يخمشون وجوههم وصدورهم فقلت من هؤلاء يا جبريل؟ قال هؤلاء الذين يأكلون لحوم الناس ويقعون في أعراضهم "

Riwayat dalam kitab sumber menunjukkan bahawa pada penggalan pertamanya berbeza dengan nukilan al-Palembani yang nampak terbalik, adapun pada penggal keduanya pula dalam kitab sumber disebutkan هَؤُلاءِ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ لُحُومَ النَّاسِ ... sementara nukilan al-Palembani nampaknya dalam bentuk punca daripada yang disabdakan oleh Rasulullah SAW mengikut ayat al-Quran surah al-Hujurat/49 ayat 12 yang bermaksud: "… dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaipan orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat akan setengah yang lain. Sukakah seseorang dari kamu memakan daging saudaranya yang telah mati"

Namun demikian, kita sedia maklum bahawa yang menjadi rujukan tentulah kitab hadis yang sebenar. Adapun nilai hadis ini dapat disimpulkan sebagai *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh al-Arna'ut[872] bahawa *isnad* adalah *ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim daripada jalur ᶜAbd al-Rahman bin Jubayr sementara jalur Rashid bin Saᶜd dapat dijadikan *mutabaᶜah* dan semua *rijal* adalah *thiqah*. Kesimpulan yang sama, (*ṣaḥīḥ*) juga dinyatakan oleh al-Manawi[873] dan al-Albani[874]

Hadis: 154 (6)

إِنَّ أَبْغَضَ الرِّجَالِ إِلَى اللهِ الْأَلَدُّ الْخَصِمُ.[875]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dimaktub oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*, ianya diriwayatkan oleh ramai *muhadditun*, antaranya Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ahmad bin Hanbal[876]. Daripada kesemua periwayatan yang ada dapat digambarkan bahawa hanya ada satu jalur periwayatan sahaja, pada tingkat sahabat dan *tabi*ᶜ*in*, iaitu daripada ᶜA'ishah r.a. kepada Ibn Abi Mulaykah. Dari segi *matan* pula boleh dikatakan semua periwayatan dalam

runjukan sumber adalah sama lafaznya. Nilai atau darjatnya pula dapat disimpul dan dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, serta dinyatakan oleh para ulama, seumpama Ibn al-ᶜArabi[877], al-Mundhiri[878] dan al-Albani[879].

Hadis: 155 (7)

[880]. مَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُبْطِلٌ بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي رَبَضِ الْجَنَّةِ وَمَنْ تَرَكَهُ وَهُوَ مُحِقٌّ بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فى أعلى الجنة

Takhrij al-Hadith: Hadis yang seumpama dengan nukilan al-Palembani di atas, antaranya diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, dan al-Bayhaqi[881] dan daripada periwayatan tersebut dapatlah digambarkan bahawa hadis ini bersumber daripada dua orang sahabat dan dua orang *tabiᶜin*, iaitu Anas bin Malik r.a. yang menyampaikan riwayatnya kepada Salamah bin Wardan dan Abi Umamah r.a. yang diterima oleh Sulayman bin Habib al-Muharibi. Daripada segi *matan* pula ada perbezaan antara dapatan dalam kitab sumber hadis ini dengan nukilan al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Riwayat Abu Dawud umpamanya sebagai berikut:

قال حدثنا أبو كعب أيوب بن محمد السعدي قال حدثني سليمان بن حبيب المحاربي عن أبي أمامة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم ''أنا زعيم ببيت في ربض الجنة لمن ترك المراء وإن كان محقا وببيت في وسط الجنة لمن ترك الكذب وإن كان مازحا وببيت في أعلى الجنة لمن حسن خلقه''

Manakala, riwayat al-Tirmidhi adalah sebagai berikut:

حدثنا ابن أبي فديك قال حدثني سلمة بن وردان الليثي عن أنس بن مالك قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم من ترك الكذب وهو باطل بني له في ربض الجنة ومن ترك المراء وهو محق بني له في وسطها ومن حسن خلقه بني له في أعلاها

Memperhatikan dua riwayat tersebut, maka nampaklah letak perbezaannya, sama ada antara kedua-dua periwayatan tersebut ataupun dengan nukilan al-Palembani, akan tetapi perbezaan yang berlaku ini tidak bererti terdapat kecacatan dalam periwayatannya, bahkan dapat dijadikan sebagai penjelasan dan pelengkap bagi yang belum memahaminya. Seperti dalam kitab sumber (al-Tirmidhi) ada tambahan riwayat وَمَنْ حَسَّنَ خُلُقَهُ , yang terpenting dan menjadi perinsip bahawa riwayat yang sesuai dengan kitab rujukan adalah lebih diutamakan. Mengikut al-Tirmidhi, hadis ini nilainya *ḥasan*, sementara al-Mundhiri[882], menyatakan bahwa sanad hadis ini kedua-duanya *ṣaḥīḥ*, al-Albani[883] pula menyimpulkan terhadap riwayat

Abu Dawud adalah *ḥasan*, manakala lafaz riwayat al-Tirmidhi mengikut beliau[884] adalah *daᶜif*, akan tetapi ia dapat dinaik tarafkan kepada *ḥasan li ghayrih* dengan sokongan riwayat yang lebih kuat. Jadi, hadis bagi tajuk ini dapat disimpulkan sebagai hadis *ḥasan li dhatih* mengikut riwayat Abu Dawud, manakala riwayat al-Tirmidhi dapat dikatakan *ḥasan li ghayrih*, dan perbezaan nilai tersebut berlaku kerana sanad yang dinilai tidak sama.

Hadis: 156 (8)

لا يستكمل عبد حقيقة الإيمان حتى يدع المراء والجدال وإن كان محقا.[885]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani semakna dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[886], dan tergambar bahawa sumber pertama (sahabat)adalah Abu Hurayrah bagi riwayat Ahmad, sementara riwayat al-Bayhaqi, sumber pertamanya adalah ᶜAli dan ᶜAbdullah bin Masᶜud. Jadi boleh dikatakan adanya kemungkinan *shahid* dan *mutabiᶜ* bagi hadis ini. Dari segi *matan* pula sememangnya nukilan al-Palembani di atas berbeza dengan riwayat Imam Ahmad dan al-Bayhaqi. Perbezaan tersebut dapat dilihat dalam dua periwayatan.

Riwayat Ahmad umpamanya sebagai berikut:

حدثنا عبد العزيز عن منصور بن زاذان عن مكحول عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم لا يؤمن العبد الإيمان كله حتى يترك الكذب من المزاحة ويترك المراء وان كان صادقا

Al-Bayhaqi pula meriwayatkan sebagai berikut:

وروى علي وعبد الله بن مسعود قال أحدهما لا يبلغ عبد حقيقة الإيمان حتى يدع المراء و هو محق يدع الكذب في الممازحة و لو شاء لغلب

Hadis riwayat Ahmad di atas mengikut al-Arna'ut adalah sanad *daᶜif,* begitu juga dinyatakan al-ᶜIraqi bahawa *isnad daᶜif*; sementara riwayat al-Bayhaqi pula nampak hanya merupakan kenyataan daripada sahabat (sama ada ᶜAli ataupun ᶜAbdullah bin Masᶜud). Jadi, dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif al-isnad* walaupun ada jalur lain akan tetapi ianya *mawquf*.

Hadis: 157 (9)

إن المظلوم ليدعوَ على ظالمه حتى يكافئ ثم يبقى (يكون) للظالم فضل عنده يطالبه به يوم القيامة.[887]

Takhrij al-Hadith: Nukilan yang ada dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini nampaknya mengutip daripada kitab *Ihya' ᶜUlum al-Din*[888], dan dalam kitab tersebut dinyatakan sebagai *khabar* sahaja. Walau bagaimanapun, ada juga riwayat yang sedikit sebanyak membincangkan perkara seumpama ini, riwayat al-Tirmidhi[889] contohnya, daripada Hannad, daripada al-Aswad, daripada ᶜA'ishah r.a. dengan *matan* sedikit berbeza seperti berikut:

من ظلمه فقد انتصر عن إبراهيم عن الأسود عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه و سلم من دعا على

Mengikut Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[890], hadis ini adalah *gharib*, kerana tidak diketahui jalur lain kecuali melalui Abi Hamzah, dan ia pun dikritik para ulama. Adapun nukilan al-Palembani tersebut dinyatakan oleh al-Subki[891] bahawa beliau tidak menemui *isnad*, sama dengan kenyataan tersebut al-ᶜIraqi[892], menyatakan bahawa beliau tidak mendapati asalnya. Jadi dapatlah dinyatakan bahawa nukilan al-Palembani di atas tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW, sepertimana dinyatakan oleh al-Subki dan al-ᶜIraqi, hanyalah sebagai kenyataan *hukama'* sahaja. Adapun riwayat al-Tirmidhi pula adalah *daᶜif* sepertimana disimpulkan oleh al-Manawi[893] dan al-Albani[894]. Jadi riwayat yang berkenaan dengan tajuk ini dapat dinyatakan sebagai *daᶜif*, manakala nukilan al-Palembani sendiri adalam lebih dekat kepada *mawduᶜ*, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 158 (10)

لا تُمَارِ أَخَاكَ وَلا تُمَازِحْهُ.[895]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini adalah sama dengan yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi[896]. Kedua-dua periwayatan tersebut dalam satu jalur *sanad* yang sama, iaitu daripada ᶜIkrimah daripada Ibn ᶜAbbas r.a. *Matan* hadis yang dikemukakan oleh al-Palembani sememangnya sama dengan kedua-dua riwayat tersebut, dan ia hanya merupakan potongan hadis yang selengkapnya adalah seperti berikut:

عن عبد الملك عن عكرمة عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه و سلم قال لا تمار أخاك ولا تمازحه ولا تعده موعدة فتخلفه

Para ulama seumpama al-Tirmidhi[897] menyatakan bahawa hadis ini *ḥasan gharib*, sementara majoriti *muhaddithin* yang lain menyatakannya lemah; Abu Na^{c}im[898] juga menyatakan *gharib*, Ibn Hajar[899] dan al-^{c}Ajluni[900], menyatakan bahawa *isnad*nya *da^{c}if*. Berpandukan pandangan ulama, dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if al-isnad*, sepertimana dinyatakan oleh para ulama tersebut atau *da^{c}if* sahaja sepertimana dinyatakan al-Albani[901].

Hadis: 159 (11)

إِنَّ الرَّجُلَ لَيَتَكَلَّمُ بِالْكَلِمَةِ لِيُضْحِكَ بِهَا اَصْحَابَهُ فيَهْوَى بِهَا فِي قَعْرِ جَهَنَّمَ سَبْعِينَ خَرِيفًا.[902]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini, seumpama maknanya dengan riwayatkan Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal[903]. Daripada ketiga-tiga riwayat tersebut nampaknya sahabat yang menjadi *rawi* pertamanya adalah satu sahaja, iaitu Abu Hurayrah r.a. yang diterima riwayatnya oleh ^{c}Isa bin Talhah (*tabi^{c}in*). *Matan* pula dari segi lafaznya ada perbezaan sedikit antara nukilan al-Palembani dengan dapatan dalam kitab sumber rujukan. Riwayat al-Turmudhi dan Ibn Majah umpamanya meriwayatkan sebagai berikut:

عن عيسى بن طلحة عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم إن الرجل ليتكلم بالكلمة لا يرى لها بأسا يهوي بها سبعين خريفا في النار

Berdasarkan riwayat *al-Tirmidhi* tersebut, ia tidak menggunakan lafaz لِيَضْحَكَ بِهَا اَصْحَابُهُ melainkan lafaz لا يَرَى بِهَا بَأْسًا kemudian pada penggalan terakhirnya tersebut dengan lafaz فى النار atau فى نار جهنم tidak dengan lafaz فِى قَعْرِ جَهَنَّمَ . Adapun riwayat Ahmad pula sebagai berikut:

عن الحسن عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم أن الرجل ليتكلم بالكلمة ما يرى أن تبلغ حيث بلغت يهوى بها في النار سبعين خريفا

Hadis seumpama riwayat *muhaddithun* di atas adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disimpulkan al-Arna'ut[904] terhadap riwayat Ahmad bahawa sanad adalah periwayat yang *thiqat*, yakni para periwayat daripada periwayatan *al-Shaykhayn* (Bukhari dan Muslim) dan begitu juga kesimpulan al-Albani[905] terhadap riwayat al-Turmudhi dan Ibn Majah. Adapun nukilan al-Palembani dengan *matan* sebegitu tidak ada riwayatnya,

jadi hadis yang sebanarnya adalah mengikut periwayatan al-Tirmidhi, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal dan nilainya pun adalah *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 160 (12)

الْحَيَاءَ مِنْ ٱلإِيمَانِ.[906]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* ini diriwayatkan oleh hampir semua *muhaddithin* antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ibn Majah, dan Ahmad bin Hanbal[907]. Daripada semua riwayat itu dapat disimpulkan bahawa hadis ini bersumber daripada sahabat Abdullah bin ᶜUmar dan Abu Hurayrah, seterusnya al-Tirmidhi menambahkan bahawa riwayat ini juga bersumber daripada Abi Bakrah dan Abi Umamah. Hal ini memberikan makna bahawa hadis ini mempunyai *shahid* dan *mutabaᶜat*. Daripada segi *matan*, hadis ini sebenarnya tidak hanya setakat itu, akan tetapi inti daripadanya adalah sebegitu dan seluruh dapatan daripada periwayatan menyebutkan *matan* hadis berkenaan dan tidak disyaki lagi bahawa ianya disabdakan oleh Rasulullah SAW Dan apabila diperhatikan secara keseluruhannya terhadap *matan* hadis ini ada dua riwayat yang nampak sedikit berbeza, akan tetapi pada ayat yang menjadi fokus kajian ini adalah sama-sama dimuatkan. Bentuk pertama seumpama riwayat al-Bukhari berikut ini:

حَدَّثَنَا ابْنُ شِهَابٍ عَنْ سَالِمٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَجُلٍ وَهُوَ يُعَاتِبُ أَخَاهُ فِي الْحَيَاءِ يَقُولُ إِنَّكَ لَتَسْتَحْيِي حَتَّى كَأَنَّهُ يَقُولُ قَدْ أَضَرَّ بِكَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعْهُ فَإِنَّ الْحَيَاءَ مِنْ ٱلإِ يمَانِ

Manakala, rupa keduanya seumpama riwayat al-Tirmidhi seperti berikut:

عن محمد بن عمرو حدثنا أبو سلمة عن ابي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم الحياء من الإيمان والإيمان في الجنة والبذاء من الجفاء والجفاء في النار

Kedua-dua periwayatan tersebut dapat dinyatakan nilainya adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, dalam istilah Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[908] periwayatan tersebut adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*, dan majoriti ulama seumpama Ibn ᶜAbd al-Barr[909] dan Ibn ᶜAsakir[910] menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Haythami[911] pun menyatakan

periwayatnya *thiqat*, demikian juga Ahmad Shakir[912] menyatakan *isnad ṣaḥīḥ* begitupun al-Albani[913] dalam kitab kajian beliau menyatakan bahawa riwayat hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* belaka.

Hadis: 161 (13)

الحياء و الإيمان قرنا جميعا فإذا رفع أحدهما رفع الآخر.[914]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin.* Ia diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dan al-Bayhaqi[915]. Kedua-duanya sama dalam jalur periwayatannya, iaitu daripada Ya^{c}la bin Hakim, (*tabi^{c}al-tabi^{c}in*) daripada Sa^{c}id bin Jubayr, (*tabi^{c}in*) dan daripada sahabat Ibn ^{c}Umar r.a. Dari segi *matan* pula, nukilan al-Palembani tersebut sememangnya sama dengan kedua-dua periwayatan tersebut. Dan nilai bagi hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* sebagaimana dinyatakan oleh al-Hakim[916] dan juga disimpulkan oleh al-Albani[917].

Hadis: 162 (14)

إِنِّي لأَمْزَحُ ، وَلا أَقُولُ إِلا حَقًّا.[918]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* ini, sama dengan riwayat al-Tabrani[919], dengan sanad daripada Muhammad bin Abi al-Nu^{c}man al-Antaki meriwayatkan daripada Mubarak bin Fadalah, daripada Bakr bin ^{c}Abdullah al-Muzani (*tabi^{c}in*) dan daripada (sahabat) Ibn ^{c}Umar. Ada juga riwayat lain yang semakna dengannya seperti riwayat Imam al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi[920]. Apabila diperhatikan *matan* hadisnya ada yang sama dan ada yang sedikit berbeza, seumpama riwayat al-Tirmidhi, Ahmad yang rawi *tabi^{c}in* adalah Sa^{c}id al-Maqbari daripada Abi Hurayrah r.a. berikut ini:

حدثنا عباس بن محمد الدوري البغدادي حدثنا علي بن الحسن أخبرنا عبد الله بن المبارك عن اسامة بن زيد عن سعيد المقبري عن ابي هريرة قال إني لا أقول إلا حقا قالوا يا رسول الله إنك تداعبنا قال إني لا أقول إلا حقا

Hadis riwayat al-Tirmidhi, Ahmad dan al-Bayhaqi daripada Abi Hurayrah dan Ibn Mas^{c}ud dinyatakan oleh al-Tirmidhi[921] adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*, mengikut al-Haythami[922] *sanad ḥasan* dan mengikut al-Arna'ut[923] adalah sanad kuat, begitu juga dinyatakan al-Albani[924]. Demikian pula darjat

hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dan menjadi tajuk perbahasan ini (nukilan al-Palembani) adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani.

Hadis: 163 (15)

لاَ تَدْخُلُ الْجَنَّةَ عَجُوزٌ.[925]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani di atas, sememangnya tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber hadis selain disebut dalam kitab *Tuhfat al-Ahwadhi Sharh*[926] *sharh* kepada *Sunan al-Tirmidhi,* apabila *sharih* (al-Mubarakfuri) memaparkan perkara yang berkenaan dengan hadis "إِنَّكِ تُدَاعِبُنَا" dan beliau nyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan hadis tersebut, dan mengikut al-Mubarakfuri[927] bahawa *sanad* hadis ini adalah mengikut *sanad* hadis asalnya, iaitu hadis nombor 162, demikian juga dinyatakan oleh ᶜAbdullah bin ᶜAbd al-Hamid[928], apabila beliau mentakhrij hadis dalam kitab *al-Arbaᶜin fi Usul al-Din*. Hadis ini dapat dikatakan sebagai gurauan baginda Nabi SAW yang bermaksud bahawa "tidak ada lagi orang tua ketika memasuki syurga".

Terhadap riwayat ini al-ᶜIraqi membuat kenyataan bahawa hadis ini asalnya *mursal* kemudian disanadkan oleh Ibn al-Jawzi daripada Anas r.a. dengan sanad yang *daᶜif,* namun Syeikh al-Albani secara terus menyatakan bahawa hadis ini mempunyai *shahid* yang *ṣaḥīḥ*. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa nilainya adalah *ḥasan li ghayrih* apabila mengikut riwayat Anas r.a., sementara apabila mengikut riwayat al-Tirmidhi daripada Abi Hurayrah r.a. dalah *ṣaḥīḥ* sepertimana sanad hadis sebelum ini.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Perut

Pada bahagian ini dalam kitab *Hidayat al-Salikin* dinukil oleh Syeikh al-Palembani tiga buah hadis sahaja, berikut ini dipaparkan hadis berkenaan menerusi *takhrij sanad* dan *matan* berserta kritiknya.

Hadis: 164 (1)

طَلَبُ الْحَلالِ فَرِيضَةٌ على كل مسلم.[929]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani ini seumpama dengan riwayat

al-Tabrani dan *takhrij* al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi[930]. Periwayatan tersebut memberi gambaran bahawa jalur *sanad* ada satu sahaja, iaitu menerusi ᶜAlqamah daripada ᶜAbdillah. Hal ini bermakna bahawa hadis ini adalah *gharib*. *Matan*nya pula antara nukilan dalam *Hidayat al-Salikin* dengan *al-Muᶜjam al-Kabir*, sama pada bagian awalnya sahaja, manakala penggalan akhirnya berbeza. Al-Palembani menukil فَرِيضَةٌ على كل مسلم sementara riwayat al-Tabrani adalah بَعْدَ الْفَرِيضَةِ فَرِيضَةٌ .

Sanad hadis tersebut dikritik ulama, seumpama Ibn Hibban[931], menyatakan bahawa ᶜUbbad bin Kathir al-Ramli dalam sanad adalah tidak apa-apa dalam hadis, al-Haythami[932] membuat kenyataan bahawa ᶜUbbad bin Kathir adalah *matruk*, al-ᶜIraqi[933], menyatakan *isnad daᶜif*, dan al-Manawi berkesimpulan *daᶜif*. Ada satu lagi riwayat al-Tabrani, juga ditakhrij oleh al-Suyuti, dengan akhir *matan* yang berbeza sebagai berikut:

حدثنا بقية بن الوليد عن جرير بن حازم عن الزبير بن الخريت عن أنس بن مالك عن النبي صلى الله عليه و سلم قال طلب الحلال واجب على كل مسلم [934]

Sebahagian ulama seumpama al-Haytami al-Makki[935] dan al-Manawi[936] menilai hadis ini *ḥasan*, akan tetapi mengikut al-Albani[937] bahawa kedua-dua riwayat tersebut adalah *daᶜif*. Dengan demikian dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif*, menepati kenyataan al-Albani di atas kerana ada rawinya yang dinilai para ulama *daᶜif* bahkan ada yang menilainya *matruk*.

Hadis: 165 (2)

الْحَلالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنْ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فقد اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ.[938]

Takhrij al-Hadith: Hadis yang dinukil oleh al-Palembani ini antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal dan al-Tabrani[939], antara sumbernya daripada al-Shaᶜbi (*tabiᶜi*) daripada sahabat al-Nuᶜman bin Bashir yang mendengar terus daripada Rasulullah SAW dan apabila dengan *matan* yang lain, daripada Ibn ᶜAbbas dan Ibn ᶜUmar. Hal ini bererti ada *shahid* bagi periwayatan hadis ini. Dari segi *matan* pula ada sedikit perbezaan antara kitab sumber hadis dengan nukilan dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, bahkan antara kitab sumber pun ada sedikit perbezaan; seperti ada sesetengah riwayat menyebut إِنَّ pada awal hadis, sementara riwayat lain tidak menyebutnya, ada satu lafaz lagi al-Bukhari meriwayat يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ yang

diikuti oleh al-Tirmidhi, sementara Imam Muslim menggunakan lafaz/ ayat يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ , akan tetapi perbezaan ini tidaklah sampai merubahkan maksud bahkan ianya boleh menambah perbendaharaan istilah dan makna dalam satu pemahaman, dan nampaknya al-Palembani mengikut riwayat Muslim. Manakala, riwayat al-Bukhari selengkapnya sebagai berikut:

عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْحَلالُ بَيِّنٌ وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنْ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَاعٍ يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ أَلا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى أَلا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ أَلا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلا وَهِيَ الْقَلْبُ

Hadis ini dapat disimpulkan dan diperkatakan berstatus *ṣaḥīḥ*, sebagaimana sudah pun disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim serta *ashab al-sunan*, dan dalam istilah al-Tirmidhi adalah periwayatan hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*, sementara majoriti ulama pula menyatakannya *ṣaḥīḥ* seumpama al-Syawkani[940] dan al-Albani[941].

Hadis: 166 (3)

كل لَحْمٍ نبتَ مِنْ حَرَامٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ.[942]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas adalah nukilan al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*. Ia semakna dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Tabrani, al-Bayhaqi, dan Ibn Hibban[943]. Ada sesetengah riwayat menyatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh Jabir bin ᶜAbdillah bahawa Nabi SAW bersabda kepada Kaᶜb bin ᶜAjzah seperti riwayat Imam Ahmad dan al-Hakim, sementara riwayat lain menyatakan adalah Kaᶜb bin ᶜAjzah terus daripada Nabi SAW seperti riwayat al-Tirmidhi. Adapun *matan* hadis dalam kitab sumber hadis berbeza dengan yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani. Imam Ahmad, al-Hakim dan al-Tabrani meriwayatkan *matan* sebagai berikut:

لا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نبتَ مِنْ سُحْتٍ النَّارُ أَوْلَى بِهِ

Sementara riwayat al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi adalah *matan* sebagai berikut:

لا يَرْبُو لَحْمٌ نبتَ مِنْ سُحْتٍ إِلا كَانَتْ النَّارُ أَوْلَى بِهِ

Kedua-dua riwayat tersebut dengan lafaz مِنْ سُخْتٍ yang bermaksud "yang dimurkai", dan hal ini dapat diertikan sebagai "yang dilarang" dan itu memberi makna sesuatu yang diharamkan sebagaimana yang difahamkan oleh Ibn Hibban dalam riwayatnya. Jadi, perbezaan yang berlaku tersebut dapat dikompromikan dengan pemahaman secara makna. Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[944] menyatakan *ḥasan gharib*, namun mengikut al-Zaylaᶜi[945] bahawa riwayat ini mempunyai *shahid* yang banyak daripada riwayat semakna, antaranya Kaᶜb bin ᶜAjzah, Jabir bin ᶜAbdillah, Hudhayfah, Ibn ᶜAbbas, Ibn ᶜUmar, ᶜAbd al-Rahman bin Samurah, ᶜUmar bin al-Khattab, Abu Bakar, dan Abu Hurayrah.

Oleh itu, hadis dalam tajuk ini dapatlah diperkatakan pada asasnya adalah *ḥasan* sepertimana dinyatakan oleh al-Tirmidhi, namun kerana adanya sokongan daripada riwayat yang lain, maka dapatlah disimpulkan sebagai *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Kenyataan ini menepati pendapat al-Albani[946] bahwa kedua-dua riwayat tersebut adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih* kerana banyaknya *shahid* dan bahkan mengikut al-Albani[947] pula ada satu riwayat «كل جسد نبت من سحت فالنار أولى به» daripada Abi Bakr dan Jabir bin ᶜAbdillah, adalah darjatnya *ṣaḥīḥ*.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Kemaluan

Dalam subtajuk ini tiada satu hadis pun yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* untuk dijadikan bahan kajian ini.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Kedua Tangan

Tidak ada satu hadis pun yang dicatit oleh Syeikh al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, apabila memperbahaskan perkara yang berkenaan dengan tajuk di atas.

Perkataan pada Menyatakan Memelihara Kedua Kaki

Pada bahagian ini hanya ada satu riwayat yang dinukil oleh al-Palembani

dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*, paparan *takhrij* dan analisisnya sebagai berikut:

Hadis: 167 (1)

من تواضع لغني صالح ذهب ثلثا دينه.[948]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis, melainkan termaktub dalam kitab *Bidayat al-Hidayah* dan *Muraqi al-ᶜUbudiyah*[949], kedua-dua kitab tersebut lebih fokus kepada masalah Tasawuf, sanad daripada riwayatnya pun tidak diketahui, dan nukilan al-Palembani sendiri tidak ada lafaz لِغِنَاه selepas lafaz صَالِحٍ .

Mengikut al-Suyuti[950] bahawa Ibn al-Jawzi mentakhrij riwayat ini dalam dalam "*al-mawduᶜat"* daripada Ibn Masᶜud yang kemudian dikatakan oleh al-Qawaqji[951] adalah *mawquf*; Mulla ᶜAli al-Qari[952] menyatakan bahawa dikatakan orang tiada asalnya; Marᶜa al-Kirmani[953], menyatakannya *daᶜif* sementara al-Zarqani[954] menyatakan *isnad daᶜif*. Oleh itu, pengkaji memperkatakan bahawa pada asasnya riwayat ini adalah *daᶜif* yang *mawquf*. Kemudian berdasarkan kenyataan sebahagian ulama yang menggolongkan dalam kumpulan *mawduᶜ* atau menyatakan tidak ada asalnya, ditambah lagi bahawa sanad sememangnya tidak dapat dikesan, maka pengkaja berkesimpulan hadis ini adalah *daᶜif jiddan* (sangat lemah) yang mendekati *mawduᶜ*, walaupun dari segi maknanya dapat dijadikan sekadar kata-kata hikmah untuk mengajak orang agar hidup berdikari dengan pertolongan Allah SWT.

Hadis Bab Keempat tentang Menjauhi *Maᶜsiyat Batin*

Pada bab keempat kitab *Hidayat al-Salikin* ini, Syeikh Abdus Samad al-Palembani memperbahaskannya dalam 10 fasal dan daripadanya termaktub 32 buah riwayat yang dikatakan beliau sebagai hadis Nabi SAW dan ada beberapa hadis yang terulang dalam penukilannya, karena mungkin masalah yang sama atau kerana memang hadis berkenaan merangkumi beberapa masalah yang berbeza dengan hadis sebelumnya. Selanjutnya akan dipaparkan hadis berserta *takhrij* mengikut urutan fasalnya, sama ada dinukil hadis ataupun tidak. Pada pendahuluan bab ini pun ada satu riwayat yang dinukil oleh al-Palembani, berikut ini hadis dan *takhrij* serta

analisis seperti berikut:

Hadis: 168 (1)

الطُّهُورُ شَطْرُ ٱلإِيمَانِ.[955]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukil oleh al-Palembani ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan Ahmad bin Hanbal[956], dan daripada periwayatan tersebut dapat digambarkan bahawa sanad hadis mengikut riwayat Muslim, al-Tirmidhi dan Ahmad, dinyatakan oleh al-Nawawi[957] adalah daripada Abu Salam terus menerima daripada Abi Malik al-Ash^{c}ari, dan berdasarkan riwayat yang lain bahawa Abu Salam mengambil riwayat daripada ^{c}Abd al-Rahman bin Ghunm kemudian daripada Abi Malik al-Ash^{c}ari.

Adapun dari segi *matan* pula, ada sedikit perbezaan antara kitab sumber hadis tersebut pada lafaz الطُّهُورُ pada awal hadis ini. Imam Muslim dan Ahmad bin Hanbal yang diikuti oleh nukilan al-Palembani di atas dengan lafaz tersebut sementara Imam al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah dengan lafaz الوضوء , akan tetapi kedua-dua lafaz tersebut dapat dikompromikan bahawa makna yang dimaksud daripada lafaz pertama adalah sama dengan yang kedua, ataupun sebaliknya *wudu'* yang dilakukan adalah bertujuan untuk membersihkan diri yang merupakan erti kepada *al-Tuhur*. Dan sebenarnya hadis ini tidak hanya sampai di situ sahaja melainkan ada sambungannya yang boleh dijadikan pengajaran dalam beribadah seharian. Seperti riwayat Muslim dan juga riwayat yang lain seperti berikut:

الطُّهُورُ شَطْرُ ٱلإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلا الْمِيزَانَ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلانِ أَوْ تَمْلا مَا بَيْنَ السَّمَوَاتِ وَٱلأَرْضِ وَالصَّلاةُ نُورٌ وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءٌ وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو فَبَايِعٌ نَفْسَهُ فَمُعْتِقُهَا أَوْ مُوبِقُهَا

Adapun nilai hadis ini dapat disimpulkan dan diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh Muslim, serta dinyatakan oleh para ulama seumpama al-Tirmidhi[958] menyatakannya *ḥasan ṣaḥīḥ*; al-Arna'ut[959] menyatakan bahawa walaupun sanad ada yang digugurkan, namun hadisnya *ṣaḥīḥ*; begitu juga al-Albani[960] menyatakannya hadis *ṣaḥīḥ*.

Fasal Pertama tentang Makan Banyak

Menerusi kitab *Hidayat al-Salikin,* al-Palembani menyatakan berdasar *qarinah* ayatnya bahawa ada dua riwayat yang dikatakannya sebagai hadis Nabi dalam perbahasan bahagian ini, hadis dan *takhrij* adalah sebagai berikut:

Hadis: 169 (1)

ما من عمل أحبُّ إلى الله تعالى من جوع وعطش.[961]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber hadis, ia termaktub dalam kitab Imam al-Ghazali[962]. Hal ini dapat dinyatakan bahawa ia bukanlah hadis Nabi menerusi penyelidikan dan kajian yang dilakukan oleh pengkaji setakat ini mahupun pengkaji lainnya sebelum ini termasuklah al-ᶜIraqi yang secara khas mentakhrij hadis-hadis *Ihya'*. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa riwayat ini tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW, sepertimana dinyatakan oleh al-ᶜIraqi[963] bahawa hadis ini tidak ditemukan asalnya atau jalur periwayatan dan *sanad* dan lebih dekat kepada *mawduᶜ* kerana keadaan lapar dan dahaga yang diisyarat oleh nas tersebut tidak menunjuk kepada keadaan sepertimana orang yang sedang berpuasa.

Hadis: 170 (2)

أفضلكم عند الله أطولكم جوعا وتفكرا وابغضكم إلى الله كل أكول ونؤوم وشروب.[964]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani ini sama keadaaannya dengan riwayat sebelumnya, tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber hadis, ia termaktub dalam kitab al-Ghazali[965]. Hal ini dinyatakan setelah melakukan penyelidikan dan kajian, sama ada oleh pengkaji saat ini mahupun pengkaji lain sebelum ini. Oleh itu, riwayat ini dapat dinyatakan tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW, sepertimana dinyatakan oleh al-ᶜIraqi[966] bahawa hadis ini tidak ditemukan asalnya atau jalur periwayatan dan *sanad* lebih kepada *mawduᶜ* kerana melampau dalam ayatnya bahawa lebih "banyak/panjang" masa lapar, sementara Rasulullah sendiri menggalakkan umatnya berpuasa tetapi jangan "*wisal*" sambung terus tanpa berbuka.

Fasal Kedua tentang Banyak Berkata-kata

(banyak cakap)

Dalam fasal yang kedua ini oleh Syeikh al-Palembani dikemukakan dua buah hadis, *takhrij* dan analisis sebagai berikut:

Hadis: 171 (1)

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ ألأخِرِ فَلْيَقُلْ خَيرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.[967]

Takhrij al-Hadith: Hadis ini dinukil oleh al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, ia diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin* antaranya Imam Malik, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban[968]. Sebagai *rawi* pertama dan kedua (*tabaqah sahabat* dan *tabi*ᶜ*in*) nya, adalah Abu Hurayrah r.a. kepada Abi Saleh; Abu Shurayh al-Kaᶜbi r.a. kepada Saᶜid bin Abi Saᶜid al-Maqbari dan ᶜAbdullah bin ᶜUmar r.a. kepada Abi ᶜAbd al-Rahman, bahkan mengikut al-Tirmidhi[969] juga daripada ᶜA'ishah r.a. dan Anas r.a. Hal ini bermakna bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *mutabaᶜat* yang cukup banyak.

Adapun *matan* hadis ini pula apabila mengikut penggalan yang sedia ada sahaja, maka dapat diperkatakan bahawa semua periwayatannya sama sebagaimana nukilan al-Palembani tersebut, akan tetapi apabila mengikut periwayatan hadis yang selengkapnya, maka nampak perbezaan letak penggalan hadis ini, ada yang meriwayatkan letaknya di hadapan sementara yang lain di belakang daripada hadis ini, bahkan Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan kedua-dua keadaan tersebut (sama ada di awal mahupun di akhir hadis). Manakala, dalam *Hidayat al-Salikin* hanya mengutip penggalan daripadanya sahaja, sehinggalah boleh dikatakan selaras dengan kedua-dua keadaan tersebut. Hadis yang selengkapnya eumpama riwayat al-Bukhari seperti berikut:

عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِ جَارَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Adapun riwayat Muslim adalah sebagai berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيرًا أَوْ لِيَصْمُتْ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

Hadis ini dapatlah dinyatakan bahawa nilainya adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, serta dinyatakan demikian oleh para ulama, antaranya Ibn ᶜAbd al-Barr[970] dan al-Albani[971]

Hadis: 172 (2)

مَنْ كَثُرَ كَلامُهُ كَثُرَ سَقَطُهُ، وَمَنْ كَثُرَ سَقَطُهُ كَثُرَ ذُنُوبُهُ، وَمَنْ كَثُرَ ذُنُوبُهُ كَانَ النَّارُ أَوْلَى بِهِ.[972]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini sememangnya dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin.* Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Suyuti dengan Sharh al-Manawi[973]. daripada Nafi, daripada Ibn ᶜUmar r.a. Periwayatan ini hanya diriwayatkan oleh seorang sahaja pada setiap peringkat; daripada Nafiᶜ hanya Yahya bin Kathir sehingga kepada ᶜAbdah bin ᶜAbd al-Rahim. Hal ini memperikan faham bahawa hadis ini sememangnya *ahad* dan *gharib*. Dari sisi *matan* pula nukilan al-Palembani ini mengikuti riwayat al-Tabrani dan *takhrij* al-Suyuti.

Para ulama seumpama Ibn ᶜAdi[974], menyatakan bahawa ᶜUmar bin Rashid banyak meriwayat hadis yang tidak selaras dengan *rawi* yang *thiqah*; demikian juga al-Qaysarani[975], menyatakannya *matruk*, al-Dhahabi[976] pula menyatakannya banyak dijarh (dianggap cacat) oleh *muhaddithin*; dan al-ᶜIraqi[977], membuat kenyataan bahawa *isnad daᶜif* dan ada juga periwayatannya yang *mawquf* kepada ᶜUmar bin al-Khattab, al-ᶜAsqalani[978], mengikut kenyataan *mawquf*; manakala Abu Naᶜim[979] menyatakan bahawa hadis ini sememangnya *gharib* tetapi *marfuᶜ* dan *muttasil*. Dengan pandangan para ulama tersebut dapatlah disimpulkan bahawa hadis ini *daᶜif* yang tidak terlalu lemah, sepertimana kenyataan al-ᶜAjluni[980], bahawa *isnad*nya *daᶜif* dan al-Albani[981] pula menyatakannya sebagai *daᶜif* sahaja.

Fasal yang Ketiga tentang Marah

Pada fasal yang ketiga ini Syeikh Abdus Samad al-Palembani menukilkan 3 buah riwayat dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya yang berdasarkan isyarat yang ada disebut sebagai hadis Nabi SAW hadis dan *takhrij* serta analisisnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 173 (1)

العَضَبُ يُفْسِدُ الإِيْمَانَ كَمَا يُفْسِدُ الصِّبِرُ الْعَسَلَ.[982]

Takhrij al-Hadith: Nukilan ini seumpama dengan riwayat Imam al-Tabrani dan al-Bayhaqi[983]. Kedua-dua riwayat tersebut bersumber daripada Hisham bin ᶜAmmar yang meriwayatkan kepadanya Mukhayyis bin Tamim, daripada Bahz bin Hakim, daripada ayahnya (Hakim), daripada atuknya (Muᶜawiah bin Haydah al-Qushayri). *Matan* hadis yang dinukil oleh al-Palembani nampaknya sama dengan riwayat al-Bayhaqi, sementara riwayat al-Tabrani menggunakan lafaz يُفْسِدُ الأَمْرَ الغَضَبُ pada penggal pertama dan ayat كَمَا يُفْسِدُ الْخَلُّ pada penggal keduanya, namun demikian dapatlah di pahami sebagai satu maksud jua adanya yang dimaksud dengan "perkara" adalah perkara yang penting iaitu "Iman" adapun lafaz *al-khalla* sama maksudnya dengan *al-sibra,* iaitu sejenis petrol yang boleh merosakkan kelazatan madu atau bahkan tidak dapat dimakan langsung.

Para ulama majoritinya membuat kenyataan bahawa hadis ini lemah sanad, al-ᶜIraqi[984] umpamanya, menyatakan *isnad*nya *daᶜif*, al-Sakhawi[985] juga menyatakan demikian namun dikatakan mempunyai *shahid*; al-Samhudi[986] dan al-Ghazzi[987] menyatakan *isnad daᶜif*; al-ᶜAjluni[988] juga menyatakan *isnad daᶜif* tetapi mempunyai *shahid*; manakala al-Albani[989] menyatakannya *daᶜif*. Adapun hadis yang satu tajuk dengan perbahasan ini, dan dapat dijadikan *shahid* adalah riwayat al-Tabrani[990] daripada Ibn ᶜUmar sebagai berikut:

عن ابن عمر أن رجلا جاء إلى النبي صلى الله عليه و سلم فقال: يارسول الله أي الناس أحب إلى الله ؟ وأي الأعمال أحب إلى الله ؟ فقال رسول الله صلى الله عليه و سلم: أحب الناس إلى الله تعالى أنفعهم للناس وأحب الأعمال إلى الله تعالى سرور تدخله على مسلم أو تكشف عنه كربة أو تقضي عنه دينا أو تطرد عنه جوعا ولأن أمشي مع أخ في حاجة أحب إلي من أن أعتكف في هذا المسجد يعني مسجد المدينة شهرا ومن كف غضبه ستر الله عورته ومن كظم غيظه ولو شاء أن يمضيه أمضاه ملأ الله قلبه رجاء يوم القيامة...

Hadis ini dinilai oleh al-Albani[991] sebagai hadis *hasan* dan banyak lagi riwayat berkenaan dengan perkara ini, sehinggalah pada satu tahap "marah" ini dinyatakan sebagai perangai yang jahat dan mesti dijauhi dan dihindarkan. Dengan adanya *shahid* seumpama ini terhadap hadis yang menjadi tajuk perbincangan ini, maka ianya dapat dinaik taraf dan dinyatakan sebagai hadis *hasan li ghayrih*.

Hadis: 174 (2)

ما غضب أحد إلا أشفى على جهنم.[992]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani ini sememangnya tidak dijumpai dalam mana-mana kitab rujukan hadis mahupun kitab lainnya. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa riwayat ini tidak ada asalnya sepertimana dinyatakan oleh al-Subki[993], "tidak menjumpai asalnya", dan lebih dekat kepada *mawdu*ᶜ.

Hadis: 175 (3)

إِنَّ الْغَضَبَ مِنْ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنْ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ.[994]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini diriwayat oleh Abu Dawud, Ahmad bin Hanbal, al-Tabrani dan al-Bayhaqi[995]. Daripada kesemua riwayat tersebut nampak bahawa ianya bersumber daripada Muhammad al-Saᶜdi (*tabiᶜi*) daripada ᶜAtiyyah r.a. (*sahabi*). Adapun dari segi *matan* pula, dapat diperkatakan bahawa semua periwayatan menunjukkan kesamaannya, sepertimana yang dinukil oleh al-Palembani tersebut. Al-Mundhiri[996], menyatakan bahawa darjat hadis ini tidak turun daripada *hasan*; al-ᶜAsqalani[997] menyatakannya *ḥasan*; manakala al-ᶜAjluni[998] menyatakan *isnad daᶜif*; begitu juga al-Albani[999] menyatakan hadis ini *daᶜif*. Nampak ada perbezaan penilaian antara ulama khasnya kenyataan al-Albani.

Sanad hadis ini ada enam periwayat daripada Ahmad bin Hanbal sehingga ᶜAtiyyah r.a. sebagai berikut:

1. ᶜAtiyyah, disepakati kethiqahannya, (Jaddi).
2. Muhammad bin ᶜAtiyyah al-Saᶜdiy, (Abi), mengikut Ibn Hajar[1000] dia adalah *maqbul.*
3. ᶜUrwah bin Muhammad bin ᶜAtiyyah al-Saᶜdiy, meninggal tahun 120 H, al-Mizzi[1001], mengutip pandangan Ibn Hibban menyatakannya *thiqah*; Ibn Hajar[1002] pula menyatakannya termasuk orang baik yang *maqbul.*
4. Abu Wa'il, ᶜAbdullah bin Bahir bin Risar al-Qadi al-Yamani, mengikut al-Mizzi[1003], mengutip pandangan Ishaq bin Mansur daripada Yahya bin Maᶜin, menyatakan *thiqah*.
5. Ibrahim bin Khalid bin ᶜUbayd al-Qurashi, mengikut al-Mizzi[1004], ᶜAbdullah bin Ahmad bin Hanbal bertanya kepada Yahya bin

Ma^{c}in tentang dia, dijawab bahawa dia adalah *thiqah*; Ibn Hajar[1005] menyatakannya thiqah, menjadi bilal di Masjid Sana' selama 70 tahun.

6. Ahmad bin Hanbal, telah pun dikenali sebagai imam yang thiqah.

Berdasarkan penilaian ulama, seumpama al-Mizzi dan Ibn Hajar di atas, maka dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini adalah nilainya *ḥasan*, sepertimana dinyatakan oleh al-Mundhiri dan Ibn Hajar.

Fasal yang Keempat tentang Iri Hati

Pada fasal ini hanya ada satu hadis yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin*, berikut ini adalah hadis dan *takhrij* serta analisis:

Hadis: 176 (1)

الْحَسَدُ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ.[1006]

Takhrij al-Hadith: Hadis nukilan al-Palembani ini sememangnya diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud, Ibn Majah dan al-Bayhaqi[1007]. Periwayatan Abu Dawud dan al-Bayhaqi daripada Ibrahim bin Abi Usayd daripada atuknya, selanjutnya daripada Abi Hurayrah r.a., sementara riwayat Ibn Majah yang juga oleh al-Bayhaqi daripada Abi al-Zinad daripada Anas bin Malik r.a.. Jadi, periwayatan hadis ini ada dua jalur sanad, iaitu pertama, jalur Abi Usayd daripada Abi Hurayrah dan kedua jalur Abi al-Zinad daripada Anas bin Malik. Adapun *matan* hadisnya pula nampaknya al-Palembani mengikuti riwayat Ibn Majah di mana sabda baginda terus diawali dengan kalimah الحسد dan dilanjutkan dengan perihal sadaqah, manakala Imam Abu Dawud memulai riwayat *matan* hadis ini dengan kalimah .. إياكم والحسد فإن الحسد dan berakhir pada masalah hasad ini sahaja yang terpenting kedua-dua riwayat menyebut *matan* berkenaan kerana itulah yang menjadi fokus nukilan tersebut.

Para ulama seumpama al-Dar Qutni[1008], dan al-Dhahabi[1009], menyatakan riwayat Ibn ^{c}Umar adalah *batil*; adapun riwayat Anas bin Mailk dan Abi Hurayrah mengikut Ibn ^{c}Asakir[1010] adalah *ḥasan gharib*; al-Mundhiri[1011] menyatakannya boleh *ṣaḥīḥ* ataupun *ḥasan* ataupun yang mendekati keduanya; al-^{c}Iraqi[1012] menyatakan *isnad da^{c}if*, namun diriwayatkan dengan *isnad* yang *ḥasan,* dan mengikut al-^{c}Asqalani[1013] adalah hadis ini *ḥasan;* dan manakala mengikut Syeikh al-Albani[1014] adalah *isnad da^{c}if.*

Nampak ada perbezaan penilaian terhadap hadis ini, oleh itu perlu dijelaskan kritik sanad; Hadis ini apabila menerusi riwayat Abu Dawud ada enam periwayat sebelum sampai kepada beliau, iaitu:

1. Abu Hurayrah; beliau adalah sahabat yang diiktiraf sangat banyak meriwayat hadis.
2. Jaddih; mengikut al-Dhahabi[1015], ia berkemungkinan adalah Salim al-Barad, Abu ᶜAbdillah, yang dinilainya *thiqah*; al-Mizzi[1016] juga menilainya *thiqah* dan beliau nyatakan bahawa salah seorang gurunya adalah Abu Hurayrah r.a. dan Ibn Hajar[1017] menyatakan tidak mengetahuinya.
3. Ibrahim bin Abi Usayd al-Barad; al-Mizzi[1018] dengan mengutip pandangan Abi Hatim menyatakannya Sheikh Madinah yang benar; Ibn Hajar[1019] pula mengutip kenyataan Ibn Hibban bahawa dia adalah *thiqah*.
4. Sulayman bin Bilal al-Qurashi; mengikut al-Mizzi[1020] dengan menukil pandangan Abu Talib yang bertanya kepada Ahmad bin Hanbal bahawa dia tidak apa-apa, manakala Ibn Hajar[1021], mengutip kenyataan Ibn Hibban dan Ibn ᶜAdi bahwa ia adalah *thiqah*.
5. ᶜAbd al-Malik bin ᶜAmr, Abu ᶜAmir al-ᶜAqdi; al-Mizzi[1022] mengutip pandangan ᶜUthman bin Saᶜid daripada Yahya bin Maᶜin, ia adalah *thiqah*, manakala mengutip pandangan Abi Hatim, ia adalah *saduq*; Ibn Hajar[1023] pula mengutip pandangan al-Nasa'i, adalah *thiqah ma'mun*.
6. ᶜUthman bin Salih bin Saᶜid al-Khayyat; al-Mizzi[1024] daripada Yahya bin Muhammad Said menyatakannya termasuk dalam kumpulan orang-orang *thiqah*; Ibn Hajar[1025] menyatakannya *istiqamah* dalam hadis.

Daripada kenyataan para ulama tersebut dapat dinyatakan bahawa hadis ini khasnya riwayat Anas bin Malik, pada asasnya *daᶜif*, namun tidak sampai kepada tahap yang teruk kerana sebahagian ulama menilainya baik.

Fasal Kelima tentang Kedekut dan Cinta Dunia

Dalam fasal kelima ini Syeikh al-Palembani dalam menjelaskan perkara yang berkenaan dengan *Bakhil* dan cinta dunia ini menukilkan enam buah riwayat yang dikatakannya sebagai hadis Nabi SAW Berikut ini paparan

hadis dimaksud berserta *takhrij* dan analisis:

Hadis: 177 (1)

إِيَّاكُمْ وَالْبُخْلَ فَإِنَّه أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.[1026]

Takhrij al-Hadith: Nukilan al-Palembani semakna dengan hadis riwayat Imam Muslim, Abu Dawud, al-Hakim, Ahmad bin Hanbal dan Ibn Hibban[1027], melalui jalur periwayatan ᶜUbayd Allah bin Miqsam (*tabiᶜi*) daripada Jabir bin Abdillah r.a. (*sahabi*) adalah riwayat Muslim, Ahmad dan Ibn Hibban, sementara riwayat Abu Dawud dan al-Hakim, daripada Abi Kathir daripada ᶜAbdillah bin ᶜAmr r.a. Hal ini bermakna bahawa hadis ini ada dua jalur periwayatan. Adapun dari segi *matan*, al-Palembani agaknya mengikuti riwayat Abu Dawud dengan lafaz awalnya إِيَّاكُمْ , manakala Imam Muslim meriwayatkan dengan lafaz pertamanya اتقوا, kemudian lafaz seterusnya dalam kitab sumber hadis adalah الشُّحَّ bukan البخل dan هلك bukan أهلك . Namun demikian, makna kedua-dua lafaz tersebut adalah kurang lebih sama yakni *bakhil/kedekut* dan binasa atau membinasakan, dan mengikut al-Hakim[1028], lafaz الشُّحَّ itu maknanya *bakhil* yang bersangatan dan juga tamak akan benda duniawi. Untuk lebih jelasnya berikut ini dikemukakan hadis riwayat Abu Dawud:

عن أبي كثير عن عبد الله بن عمرو قال خطب رسول الله صلى الله عليه و سلم فقال " إياكم والشح فإنما هلك من كان قبلكم بالشح أمرهم بالبخل فبخلوا وأمرهم بالقطيعة فقطعوا وأمرهم بالفجور ففجروا

Hadis ini dapat dinyatakan *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan oleh Muslim dan demikian juga dinyatakan oleh al-Hakim[1029], hadis ini *ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim dan dinyatakan oleh al-Tabari[1030] bahawa *isnad ṣaḥīḥ*; begitupun dinyatakan oleh Syeikh al-Albani[1031] bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 178 (2)

السخاء شجرة تنبت فى الجنة فلا يلج الجنة إلا سخي، والبخل شجرة تنبت فى النار فلا يلج النار إلا بخيل.[1032]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani di atas tidak dijumpai dalam kitab sumber, kecuali yang semakna sahaja, antaranya diriwayatkan oleh al-Dara Qutni, al-Bayhaqi, dan Abu Naᶜim[1033], melalui jalur ᶜAli bin

Abi Talib, Abi Hurayrah, Jabir bin^{c}Abdillah Abi Sa^{c}id dan Anas dengan *matan* yang berbeza daripada nukilan di atas. *Matan* hadis dimaksud selengkapnya adalah sebagai berikut:

السخاء شجرة من أشجار الجنة أغصانها متدليات في الدنيا فمن أخذ بغصن منها قاده ذلك الغصن إلى الجنة و البخل شجرة من أشجار النار أغصانها متدليات في الدنيا فمن أخذ بغصن منها قاده ذلك الغصن إلى النار

Majoriti ulama antaranya al-Bayhaqi menyatakan *isnad*nya *da^{c}if*, al-^{c}Iraqi menyatakannya *da^{c}if*, bahkan mengikut al-Subki -khas seumpama nukilan al-Palembani tersebut- adalah termasuk yang tidak ada asalnya. Hanya al-Suyuti yang menyatakan jalur periwayatannya baik dan mempunyai *shahid.* Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa nilai hadis ini adalah *da^{c}if*, sepertimana pandangan para ulama di atas dan demikian juga dinyatakan oleh al-Albani[1034].

Hadis: 179 (3)

السخي الجهول أحب إلى الله تعالى من العابد البخيل.[1035]

Takhrij al-Hadith: Riwayat seumpama yang dinukil oleh al-Palembani dalam kitab beliau ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi[1036]. Al-Tirmidhi menerima periwayatan daripada al-Hasan bin ^{c}Arafah, sehinggalah daripada (*tabi^{c}i*) al-A^{c}raj, daripada (*sahabi*) Abi Hurayrah, sementara al-Bayhaqi menerima riwayat daripada ^{c}Ali bin Ahmad bin ^{c}Abdan, sehinggalah daripada Ja^{c}far bin Muhammad, daripada ayahnya (*tabi^{c}i*), daripada Jabir bin ^{c}Abdillah (*sahabi*). *Matan* pula antara *Hidayat al-Salikin* sebagai kitab nukilan dengan *Sunan al-Tirmidhi* dan *Shu^{c}b al-Iman* sebagai kitab rujukan terdapat perbezaan. Al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi susunan ayatnya selengkapnya seperti berikut:

حدثنا سعيد بن محمد الوراق عن يحيى ابن سعيد عن الأعرج عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال السخي قريب من الله قريب من الجنة قريب من الناس بعيد من النار والبخيل بعيد من الله بعيد من الناس قريب من النار ولجاهل سخي أحب إلى الله عز و جل من عابد بخيل

Hanya saja berbeza penggunaan lafaz; مِنْ عَالِمٍ بَخِيلٍ bagi al-Tirmidhi sementara riwayat al-Bayhaqi dengan lafaz مِنْ عَابِدٍ بَخِيلٍ, akan tetapi masih dapat dikompromikan dari segi maknanya bahawa "sifat *bakhil* itu tidak baik sekalipun dia rajin beribadah atau berilmu apabila dibandingkan dengan orang yang pemurah walaupun tidak ^{c}alim".

Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[1037] menyatakan bahawa hadis ini *gharib* kerana *sanad* hanya daripada Saᶜid bin Muhammad; Ibn ᶜAdi[1038], membuat kenyataan bahawa dalam *sanad* ada Yahya bin Saᶜid yang dipertikaikan; al-Qaysarani[1039] menyatakan memanglah hadis ini banyak jalur periwayatan tetapi tidak *mahfuz*; dan al-Haythami[1040], menilai Saᶜid bin Muhammad al-Warraq dalam sanad *daᶜif*, manakala al-Albani[1041] pun berkesimpulan *daᶜif* dan *daᶜif jiddan*. Berdasarkan penilaian para ulama terhadap sanad yang sedia ada, maka dapatlah dinyatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif*, bahkan sampai kepada tahap sangat lemah atau *daᶜif jiddan* seperti disebut oleh al-Albani.

Hadis: 180 (4)

ما جعل الله وليا له إلا على السخاء وحسن الخلق.[1042]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini diriwayatkan oleh al-Daylami[1043] yang bersumber daripada ᶜA'ishah r.a. Adapun *matan* berbeza antara nukilan dengan sumber. Riwayat daripada kitab sumbernya adalah sebagai berikut:

. ما جبل ولي لله عز وجل إلا على السخاء وحسن الخلق

Majoriti ulama melemahkan hadis ini; antaranya Ibn al-Jawzi[1044] menyatakannya *tidak sah* (*daᶜif*), al-Dhahabi[1045] mengutip pandangan al-Dara Qutni yang mendustakan *rawi* Yusuf bin al-Safar; al-ᶜIraqi[1046], menyatakan *isnad daᶜif*; al-Mundhiri[1047] mengatakan *daᶜif*; al-Sakhawi[1048] juga menyatakan demikian (*isnad daᶜif*) tetapi ada *shahid*, iaitu sebagai berikut:

عن أبي سعيد، إن بدلاء أمتي لم يدخلوا الجنة بصوم ولا صلاة ولكن برحمة الله وسخاء الأنفس والرحمة للمسلمين

Juga ada hadis lain yang dijadikan beliau sebagai *shahid*, iaitu:

إن الله بعث جبريل إلى إبراهيم فقال له يا إبراهيم إني لم أتخذ ك خليلا على أنك أعبد عبادي ولكن اطلعت على قلوب المؤمنين فلم أجد قلبا أسخى من قلبك.

Muhammad al-Ghazzi[1049] juga menyatakannya *isnad daᶜif* dan mengikut al-Zarqani[1050] hadis ini adalah *ḥasan li ghayrih*; kerana mungkin beliau mengambil kira adanya *shahid* bagi riwayat ini, seumpama

kenyataan al-ᶜAjluni[1051] bahawa hadis ini *isnad daᶜif* tetapi mempunyai *shahid* seperti telah pun juga dinyatakan di atas; manakala Syeikh al-Albani[1052] menyatakan hadis ini *mawduᶜ*.

Perbezaan antara ulama tersebut dapat diselesaikan dengan memperhatikan sanadnya, dan realitinya menunjukkan akan adanya kesatuan pandangan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *daᶜif al-isnad*, dan kelemahannya ada pada periwayat Yusuf bin al-Saffar yang dinyatakan oleh majoriti ulama seumpama al-Dara Qutni, al-Dhahabi, adalah berdusta, oleh itu kenyataan al-Albani bahawa hadis ini *mawduᶜ* adalah lebih sesuai. Adapun *matan* boleh jadi tidak seteruk sanad kerana adanya *shahid* seperti yang disebut oleh al-Sakhawi dan al-ᶜAjluni, akan tetapi tidaklah dapat menaik taraf hadis ini kepada *ḥasan li ghayrih* seperti kenyataan al-Zarqani. Oleh itu, pengkaji lebih memilih untuk menyatakan bahawa hadis ini adalah *daᶜif al-isnad* daripada segi sanad, seumpama kesimpulan al-ᶜIraqi, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 181 (5)

لا يدخل الجنة بخيل ولا خب ولا خائن ولا مسيئ مَلِكَةٍ.[1053]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Hadis seumpamanya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[1054]. Kedua-dua riwayat tersebut daripada jalur *sanad* yang sama, iaitu Yazid bin Harun sehinggalah daripada (*tabiᶜi*) Murrah al-Tayyib daripada (*sahabi*) Abu Bakr al-Siddiq r.a. yang menerima daripada Nabi SAW. Hal ini memberi petunjuk bahawa hadis ini adalah *ahad*. Dari segi *matan* pula nampaknya al-Palembani mengikuti riwayat Ahmad kecuali satu lafaz ولا مسيئ مَلِكَةٍ yang al-Palembani nukil, sementara riwayat Ahmad dengan lafaz وَلا سَيِّئُ الْمَلَكَةِ, dan pada hakikatnya perbezaan tersebut tidaklah merubah fahaman maknanya, akan tetapi perlu diambil perhatian untuk menghindarkan daripada kesilapan, dan yang menjadi fokus tajuk hadis ini adalah lafaz بخيل "orang yang kedekut tidak akan masuk syurga".

Para ulama seperti al-Tirmidhi[1055] dan al-Mundhiri[1056] menyatakan adalah *isnad ḥasan*, sementara *muhadith* lain seperti al-Mizzi[1057] mengutip pandangan Ibn Maᶜin, Abu Dawud dan al-Nasa'i adalah "Sadaqah bin Musa" dianggap *daᶜif*; al-Haythami[1058] pula mengikuti pandangan al-Tirmidhi di atas; Muhammad Jar Allah al-Saᶜdi[1059] menyatakannya *daᶜif*; begitu juga Ahmad Shakir[1060] menyatakan isnad *daᶜif*, manakala Syeikh al-Albani[1061] menyatakannya *daᶜif*. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa

hadis ini adalah *da*^{c}*if*, berdasarkan kenyataan majoriti ulama di atas, dan ke*da*^{c}*if*annya tidak teruk.

Hadis: 182 (6)

حب المال والشرف ينبتان النفاق فى القلب كما ينبت الماء البقل.[1062]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani di atas mengikut kajian setakat ini tidak dijumpai dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis. Namun demikian, mengikut al-Ghazali[1063], riwayat seumpamanya ditakhrij oleh al-Daylami, dengan sedikit berbeza pada *matan*: حب الجاه والمال ينبتان النفاق كما ينبت الماء البقل dan bersumber daripada Abi Hurayrah r.a.. Sementara itu, al-Manawi[1064] menukilkan riwayat seumpama ini apabila beliau menjelaskan pada hadis lain: من كان له وجهان فى الدنيا كان له يوم القيامة لسانان من نار akan tetapi tanpa menyebut sanad. Oleh itu, riwayat hadis ini dapat dinyatakan tidak dapat dikesan dan mendekati kepada hukum *mawdu*^{c}, sepertimana disimpulkan dan dinyatakan oleh al-^{c}Iraqi[1065] bahawa beliau tidak menemukan *isnad*; begitu juga kenyataan al-Subki[1066] bahawa beliau tidak menjumpai lafaz sedemikian.

Fasal Keenam tentang Cinta Kedudukan

Pada fasal ini Syeikh al-Palembani hanya menukil riwayat sahaja yang disebutnya sebagai sabda baginda Muhammad SAW dan berikut hadis dan *takhrij* seperti berikut:

Hadis: 183 (1)

حب المال و الجاه ينبتان النفاق فى القلب كما ينبت الماء البقل.[1067]

Takhrij al-Hadith: Nukilan ini sama dengan riwayat sebelumnya, iaitu hadis nombor 182 (6), tetapi dalam fasal yang berlainan, juga bebeza satu lafaz; الشرف bagi riwayat sebelumnya dan الجاه bagi riwayat ini. Riwayat hadis ini dapat dinyatakan tidak dapat dikesan atau lebih dekat kepada *mawdu*^{c}, berdasarkan kenyataan dan kesimpulan al-^{c}Iraqi yang tidak menemukan *isnad*; dan al-Subki, beliau tidak menjumpai lafaz yang sedemikian. Akan tetapi sebagai perbandingan dan penambah wawasan bahawa ada hadis

yang berkenaan dengan perkara tersebut dan dapat dijadikan pegangan ataupun sandaran hukum seperti berikut:

ثبان جائعان أرسلا فى غنم بأفسد لها من حرص قال رسول الله صلى الله عليه وسلم «ما ذ عن كعب بن مالك قال، ينه» المرء على المال والشرف لد

Maksudnya:
Tidaklah lebih berbahaya dua ekor serigala yang lapar dihantar ke tengah-tengah kambing daripada seseorang yang tamak akan harta dan kemuliaan (kedudukan/pangkat/jawatan) bagi agamanya.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, Ahmad dan Ibn Hibban[1068], dan bernilai *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh al-Arna'ut[1069], dan al-Albani[1070]. Akan tetapi ianya sama sekali tidak dapat dan tidak ada maksud untuk menaik taraf hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini.

Fasal Ketujuh tentang Cinta Dunia

Pada fasal ini, Syeikh Abdus Samad al-Palembani menukil lapan hadis untuk menyokong paparan dalam perbahasannya dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Paparan hadis dan *takhrij* serta analisisnnya adalah sebagai berikut:

Hadis: 184 (1)

حب الدنيا رأس كل خطيئة.[1071]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini sama dengan riwayat al-Bayhaqi dan Abu Naᶜim[1072], yang bersumber daripada al-Hasan al-Basri. Dari segi *matan*, riwayat al-Bayhaqi ada sedikit perbezaan pada lafaz أصل yakni أصل كل خطيئة sementara dalam nukilan nampaknya sama dengan riwayat Abu Naᶜim, menggunakan رأس yakni رأس كل خطيئة, akan tetapi kedua-dua lafaz tersebut boleh dikatakan satu erti yakni "merupakan pangkal atau pokok daripada segala kesalahan".

Ulama berpendapat bahawa hadis ini, mengikut al-Saghani[1073] adalah *mawdu*; Ibn Taymiyah[1074] menyatakannya tidak *mahfuz*, namun dikenali riwayatnya daripada Jundab bin ᶜAbdullah al-Bajili; al-ᶜIraqi[1075] menyatakan *mursal*; al-Sakhawi[1076], al-Suyuti[1077], ᶜAli al-Qari[1078]; al-Ghazzi[1079]

menyatakan *isnad ḥasan*; al-Zarqani[1080] pula menyatakannya *ḥasan*; al-ᶜAjluni[1081] dan al-Saᶜdi[1082] menyatakannya *isnad ḥasan* dan *mursal*; al-Syawkani[1083], menyatakan hadis ini *mursal* yang *qaw*i dan bermakna *ṣaḥīḥ* dengan hadis lain yang menjadi *shahid* baginya. Manakala, Syeikh al-Albani[1084] menyatakannya *daᶜif* dan terhadap riwayat Hudhayfah dalam "*Mishkat al-Masabih*"[1085] beliau menyatakannya *mawduᶜ* dengan *matan* hadis seperti berikut:

«الخمر جماع الإثم والنساء وعن حذيفة رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول في خطبته: حبائل الشيطان وحب الدنيا رأس كل خطيئة»

Dengan demikian jelaslah bahawa pada asasnya hadis ini adalah *daᶜif* sepertimana dinyatakan oleh ulama pengkritik, akan tetapi ia boleh manjadi *ḥasan li ghayrih* berdasarkan kenyataan ulama lain yang menyatakan sedemikian, manakala hadis yang dinilai *mawdu* adalah hadis dengan sanad yang berlainan, jadi sebenarnya tidak ada percanggahan nilai kerana perbezaan itu berlaku terhadap hadis dengan *sanad* dan *matan* yang berbeza pula, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 185 (2)

الدُّنْيَا سِجْنُ الْمُؤْمِنِ وَجَنَّةُ الْكَافِرِ.[1086]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini sememangnya diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin* antaranya Imam Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Tabrani, al-Bayhaqi dan Ibn Hibban[1087] dengan *rawi* al-ᶜAla' bin ᶜAbd al-Rahman (pada *tabaqah tabiᶜ al-tabiᶜin*), daripada ayahnya (*tabaqah tabiᶜin*) dan daripada (*sahabat*) Abi Hurayrah r.a., dan mengikut al-Tirmidhi, pada *tabaqah sahabat*nya ada juga ᶜAbdillah bin ᶜAmr, Anas bin Malik, dan ᶜAbdillah bin ᶜUmar. Dengan demikian bererti riwayat hadis ini mempunyai *shahid* yang mana periwayatan yang kuat boleh menyokong periwayatan lain yang lemah. Adapun *matan* hadis ini dapat diperkatakan semuanya sama, dan majoriti ulama menyatakan bahawa riwayat daripada Abi Hurayrah dengan *matan* seumpama nukilan di atas adalah darjatnya *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim juga dinyatakan para ulama, sementara al-Tirmidhi[1088] menyatakannya *ḥasan ṣaḥīḥ*; al-Zarqani[1089], menyatakannya *ṣaḥīḥ*; begitu juga Ahmad Shakir[1090] yang mengutip

penilaian al-Albani[1091] menyatakan *ṣaḥīḥ* nilainya.

Manakala, periwayatan lain, seperti riwayat Anas bin Malik dinyatakan oleh Ibn ᶜAdi[1092] bahawa dalam sanad ada Ubaydullah bin Tamam yang tidak diikuti oleh periwayat *thiqat*; riwayat ᶜAbdillah bin ᶜAmr bin al-ᶜAs pula, dinyatakan oleh al-Albani[1093] adalah *isnad daᶜif*. Adapun sanad dan *matan* adalah seperti salah satu riwayat Ahmad[1094] berikut:

حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا على بن إسحاق انا عبد الله أنا يحيى بن أيوب أخبرني عبد الله بن جنادة المعافري ان أبا عبد الرحمن الحبلي حدثه عن عبد الله بن عمرو حدثه عن النبي صلى الله عليه و سلم قال الدنيا سجن المؤمن وسنته فإذا فارق الدنيا فارق السجن والسنة.

Jadi, dapatlah diperkatakan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, namun demikian ada juga periwayatan yang *isnad daᶜif*, akan tetapi dengan sanad dan *matan* yang berbeza, oleh itu tiada sebarang percanggahan antara kedua-dua nilai hadis berkenaan, bahkan hadis yang *ṣaḥīḥ* boleh menaik taraf hadis yang *isnad*nya *daᶜif* tersebut kepada *ḥasan li ghayrih*, dan pada masa yang sama sudah semestinyalah kita mengguna pakai hadis yang *ṣaḥīḥ* darjatnya.

Hadis: 186 (3)

الدُّنْيَا مَلْعُونَةٌ وَمَلْعُونٌ مَا فِيهَا إِلاَّ مَا كَانَ للهِ مِنْهَا.[1095]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Hadis ini seumpama dengan riwayat Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Baghawi[1096], dan daripada riwayat yang ada dapat digambarkan bahawa hadis ini hanya ada satu jalur periwayatan sahaja, iaitu daripada *tabaqah sahabah* sehingga *tabaqah tabiᶜ al-tabiᶜin*nya masing-masingnya hanya seorang sahaja, iaitu ᶜAta' bin Qurrah (*tabiᶜ al-tabiᶜin*) mendengar ᶜAbdallah bin Damrah (*tabiᶜi*) dan beliau mendengar Abu Hurayrah (*sahabi*) kemudian beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda sedemikian. Dari segi *matan* pula dapat diperkatakan bahawa nukilan al-Palembani tersebut sama dengan riwayat *muhaddithin*, kecuali sedikit berbeza dengan riwayat al-Tirmidhi yang ada awalan .. ألا إن الدنيا sementara riwayat yang lain terus kepada awal *matan* seperti tersebut di atas. Dan sebenarnya hadis ini masih ada sambungannya dan menjadikan ia lebih logik untuk difahami bagi kita di alam dunia hari ini. Selengkapnya

riwayat tersebut adalah sebagai berikut:

عن عطاء بن قرة عن عبد الله بن ضمرة السلولي قال حدثنا أبو هريرة قال سمعت رسول الله صلى الله عليه و سلم وهو ملعون مافيها إلا ذكر الله وما والاه أو عالما أو متعلما الدنيا ملعونة يقول

Majoriti ulama hadis menilainya baik, antaranya al-Mundhiri[1097], al-Nawawi[1098], Ibn al-Qayyim[1099] menyatakannya *ḥasan*; akan tetapi ada juga riwayat lain dengan *sanad* dan *matan* yang berbeza pada penggalan akhirnya, seumpama riwayat Abu Na^{c}im[1100] daripada Jabir bin ^{c}Abdillah berikut:

الدنيا ملعونة ملعون ما فيها إلا ما كان منها لله عز و جل

Riwayat ini dinilai oleh al-Albani[1101] sebagai hadis *da^{c}if*. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hadis ini ada yang dinilai *ḥasan* seumpama penilaian ulama di atas, termasuk al-Albani[1102], iaitu riwayat yang bersumber daripada Abi Hurayrah dan Abi al-Darda', juga ada riwayat yang dinilai oleh al-Albani[1103] *da^{c}if*, iaitu riwayat yang bersumber daripada Jabir bin ^{c}Abdullah, akan tetapi perbezaan tersebut menerusi sanad dan *matan* yang berbeza. Oleh itu, tiada sebarang percanggahan di antara kedua-dua hukum tersebut, dan semestinya menjadi perinsip untuk mengikuti dan mengguna pakai hadis yang baik daripada yang lemah.

Hadis: 187 (4)

لَوْ كَانَتْ الدُّنْيَا تَزِنُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحَ بَعُوضَةٍ مَا سَقَى كَافِرًا مِنْهَا شَرْبَةَ مَاءٍ.[1104]

Takhrij al-Hadith: Nukilan Syeikh al-Palembani ini seumpama dengan hadis yang antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah, al-Hakim, al-Tabrani dan al-Bayhaqi[1105]. Dari segi *sanad* ada satu jalur periwayatan sahaja, iaitu Abu Hazim (*tabi^{c}i*) daripada Sahl bin Sa^{c}d r.a. (*sahabi*), dan mengikut al-Tirmidhi bahawa dalam tajuk ini juga ada riwayat daripada Abi Hurayrah r.a. Riwayat al-Tirmidhi yang diikuti oleh al-Bayhaqi adalah yang menerima riwayat daripada Abi Hazim adalah ^{c}Abd al-Hamid bin Sulayman (*tabi^{c}i al-tabi^{c}in*), manakala riwayat Ibn Majah yang diikuti oleh al-Hakim dan al-Tabrani, adalah Zakariya bin Manzur. Dari segi *matan* pula hadis ini boleh dikata semua periwayatannya sama kecuali sedikit perbezaan, iaitu sesetengah riwayat dengan lafaz تَزِنُ

sementara riwayat yang lain dengan lafaz تعدل akan tetapi maksudnya sama. Al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW terus bersabda kepada ayat pertama seperti berikut:

عن سهل بن سعد قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: لو كانت الدنيا تعدل عند الله جناح بعوضة ما سقى كافرا من شربة ماء

Manakala, Ibn Majah, al-Tabrani dan al-Hakim meriwayatkannya dengan ada awalan ayat seperti berikut:

عن سهل بن سعد قال كنا مع رسول الله صلى الله عليه وسلم بذي الحليف، فإذا هو بشاة ميتة شائلة برجله، فقال أترون هذه هينة على صاحبه؟ فو الذي نفسي بيده للدنيا أهون على الله من هذه على صاحبها ولو كانت الدنيا تزن عند الله جناح بعوضة ما سقى كافرا منها قطرة أبدا

Mengikut Muhammad Fu'ad ᶜAbd al-Baqi[1106] apabila men*tahqiq* kitab *Sunan Ibn Majah*, beliau menyatakan bahawa apabila dalam *sanad* ini ada Zakaria bin Manzur, maka nilainya *daᶜif*, tetapi asal *matan* adalah *ṣaḥīḥ*, dan majoriti ulama menyatakan demikian ataupun *ṣaḥīḥ al-isnad*; al-Tirmidhi[1107] umpamanya menyatakan hadis ini adalah *ṣaḥīḥ gharib*; al-Hakim[1108] pula membuat kenyataan bahawa ia adalah adalah *ṣaḥīḥ al-isnad.* Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini darjatnya *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh para ulama tersebut dan demikian juga dinyatakan oleh Syeikh al-Albani[1109].

Hadis: 188 (5)

مَنْ أَحَبَّ دُنْيَاهُ أَضَرَّ بِآخِرَتِهِ وَمَنْ أَحَبَّ آخِرَتَهُ أَضَرَّ بِدُنْيَاهُ فَآثِرُوا مَا يَبْقَى عَلَى مَا يَفْنَى.[1110]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani ini sememangnya diriwayatkan, antaranya oleh Imam Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, al-Tabrani, al-Bayhaqi dan Ibn Hibban[1111]. Nampaknya hadis ini hanya ada satu jalur periwayatan sahaja mulai dari *tabaqah tabiᶜ al-tabiᶜin*, iaitu ᶜAmr, daripada al-Muttalib bin ᶜAbdillah (*tabiᶜi*), sehinggalah *tabaqah sahabah*, iaitu Abi Musa al-Ashᶜari hanya seorang sahaja, dan dari segi *matan* pula adalah sama antara semua periwayatan yang ada dan itulah yang diikuti oleh al-Palembani dalam nukilannya.

Mengikut al-Mundhiri[1112], para periwayatnya *thiqat*; al-Dhahabi[1113] menyatakan bahawa *isnad salih* jika al-Muttalib bin Hantab berjumpa dengan Abu Musa; mengikut al-Haythami[1114], para periwayatnya *thiqat*;

al-ᶜAsqalani[1115] pula menyatakannya *ḥasan*; al-Hakim[1116] menyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* atas syarat Imam Bukhari dan Muslim, sementara al-Wadiᶜi[1117] menyatakan bahawa nampak secara zahirnya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, namun mengutip pandangan al-Dhahabi di atas, bermakna ianya terputus, yakni al-Muttalib bin ᶜAbdullah bin Hantab dalam sanad ini tidak berjumpa dengan Abu Musa; dan mengikut al-Albani[1118] dalam satu kenyataannya adalah *daᶜif* dan dalam kenyataan beliau yang lain[1119] adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa hadis ini pada asasnya *ḥasan,* dan boleh dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* dengan adanya sokongan riwayat lain yang semakna dengannya, dan majoriti ulama memberikan pandangan sebegitu, lagipun yang diagak terputus itu adalah pada peringkat sahabat (*mursal sahabi*) yang boleh diabaikan kerana perawi berkenaan adalah masyhur *thiqah*.

Hadis: 189 (6)

الطِّيبُ وَ ثلاث دُنْيَاكم مِنْ إِلَيَّ حُبِّبَ الصَّلاةِ فِي عَيْنِي قُرَّةُ وَجُعِلَتْ النِّسَاءُ.[1120]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani ini seumpama dengan hadis yang diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim[1121]. Daripada periwayatan yang ada nampak bahawa ada satu jalur *sanad* bagi hadis ini, iaitu daripada Anas bin Malik pada *tabaqah sahabah* dan Thabit pada *tabaqah tabiᶜin*. Adapun *tabaqah* ketiganya adalah Jaᶜfar dan Salam Abu al-Mundhir. *Matan* hadis yang ada dalam kitab-kitab sumber rujukan hampir sama dengan yang dinukil oleh al-Palembani di atas, hanya berbeza lafaz sahaja; dalam nukilan termaktub من دنياكم sementara dalam sumber hanya من الدنيا, dalam nukilan termaktub ثلاث manakala dalam sumber lafaz tersebut tidak ada, serta lafaz الطيب dan النساء berlainan yang didahulukan dan diakhirkan letaknya. Nukilan al-Palembani menyebut الطيب didahulukan daripada النساء manakala dalam sumber sebaliknya. Semua perbezaan tersebut tidaklah menjadikan masalah yang berlarutan apabila kita menggunapakai prinsip, akan merujuk kepada rujukan yang sebenar daripada hadis berkenaan.

Majoriti ulama membuat kenyataan yang baik tentang hukum hadis ini, antaranya al-Hakim[1122], menyatakannya *ṣaḥīḥ* dengan syarat al-Bukhari dan Muslim; Ibn al-Qayim[1123], menyatakannya *ṣaḥīḥ* dan *thabit*; Ibn al-Mulaqqin[1124], menyatakan *isnad*nya *jayyid*; begitu juga al-ᶜIraqi[1125] menyatakan *isnad*nya *jayyid*. Sementara itu al-Zarkashi[1126], menyatakan bahawa lafaz ثلاثة tidak ada, begitu juga dinyatakan oleh al-

Fayruz Abidi[1127] bahawa lafaz tersebut adalah silap; al-ᶜAsqalani[1128] pula menyatakan bahawa tiada jalur periwayatan yang meriwayatkan lafaz tersebut dan ianya menjadikan makna hadis ini rosak dan mengikut al-Zarqani[1129] tambahan lafaz tersebut tiada asalnya. Oleh itu, dapat kita perkatakan bahawa riwayat hadis yang tanpa lafaz ثلاث ataupun ثلاثة adalah *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh para ulama tersebut di atas dan juga dinyatakan demikian oleh al-Saᶜdi[1130] dan al-Albani[1131].

Hadis: 190 (7)

الدنيا مزرعة الآخرة.[1132]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini hanya didapati dalam kitab karya Imam al-Ghazali[1133] dan beliau tidak menyatakannya sebagai hadis Nabi, oleh itu tidak ada asal sumbernya, begitupun al-Manawi[1134] menyebutnya apabila beliau menjelaskan salah satu daripada hadis Nabi SAW. Jadi sememangnya sanad tidak ada, dan oleh itu dapat diperkatakan bahawa nukilan di atas tidak dapat dikesan sebagai hadis Nabi SAW. Kesimpulan ini selaras dengan kenyataan para ulama seumpama al-Saghani[1135] yang menyatakannya *mawduᶜ*; al-Subki[1136] pula berkata tidak menemukan sanad; al-ᶜIraqi[1137] juga menyatakan tidak menemukan lafaz seperti ini *marfu*; ᶜAli Qari[1138] menyatakan tiada asalnya; demikian juga al-Zarqani[1139] menyatakan tidak mengetahuinya.

Adapun dari segi kandungannya maknanya, sememangnya dapat dijadikan pengajaran yang amat berharga, agar kita membuat persediaan bekal yang banyak di dunia ini untuk persediaan menuju kehidupan akhirat, oleh itu nukilan tersebut hanya dapat diperkatakan sebagai *qawl al-hukama'* semata-mata.

Hadis: 191 (8)

الدنيا حلوة خضرة مَن اكتسب منها مالا من حله وأخرجه فى حقه أثابه الله وأورده جنته ومن اكتسب منها مالا من غير حله وأنفقه فى غير حقه أدخله الله دار الهوان.[1140]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini, tidak ditemukan lafaznya dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis Nabi, bahkan ianya termaktub dalam kitab "*al-Arbaᶜin*" karya al-Ghazali dan apabila ᶜAbdullah ᶜUrwani mentakhrij hadis berkenaan, beliau menyatakannya bahawa hanya penggalan pertamanya الدنيا حلوة خضرة

sahaja yang ada riwayatnya, manakala selebihnya tidak dapat dikesan dan tidak dapat dikatakan sebagai hadis Nabi SAW Sebagai perbandingan ada riwayat yang -mengikut pengkaji- sedikit sebanyak ada hubung kait walaupun sangat sedikit, ia diriwayatkan oleh ramai *muhaddithin*, riwayat dimaksud antaranya adalah sebagai berikut:

إِنَّ الدُّنْيَا حُلْوَةٌ خَضِرَةٌ وَإِنَّ اللهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ فِيهَا فَيَنْظُرُ كَيْفَ تَعْمَلُونَ فَاتَّقُوا الدُّنْيَا وَاتَّقُوا النِّسَاءَ فَإِنَّ أَوَّلَ فِتْنَةِ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِي النِّسَاءِ ...

Hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Muslim, al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim[1141]. *Sanad* hadis ini apabila mengikuti lafaz pertama daripada riwayat ini minima ada empat jalur periwayatan pada tingkat sahabat, iaitu Abi Sa^{c}id al-Khudri (riwayat Imam Muslim dan al-Tirmidhi), Hamzah, (riwayat Ahmad dan al-Tabrani), Hamnah (riwayat al-Hakim) dan Umrah bin al-Harith (riwayat al-Tabrani), dan hadis ini bernilai *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayat oleh Imam Muslim.

Fasal Kelapan tentang Sombong

Dalam fasal ini Syeikh Abdus Samad al-Palembani menukil tiga hadis dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* untuk memperkuat hujahnya berkenaan dengan permasalahan yang diperbahaskan ini. Hadis-hadis dimaksud serta *takhrij sanad* dan analisis *matan* adalah sebagai berikut.

Hadis: 192 (1)

لا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبْرٍ.[1142]

Takhrij al-Hadith: Riwayat pertama daripada fasal tentang sombong ini dinukil oleh Syeikh al-Palembani dan ia semamangnya diriwayat, antaranya oleh Imam Muslim, al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[1143]. Daripada periwayatan tersebut dijumpai bahawa adalah jalur *sanad* sama, iaitu daripada Ibrahim, (*tabi^{c} al-tabi^{c}in*), daripada ^{c}Alqamah (*tabi^{c}i*) daripada ^{c}Abdillah bin Mas^{c}ud, (*sahabi*) dan daripada Nabi SAW Adapun *matan* hadis yang dinukil oleh al-Palembani dengan kitab sumber adalah sama.

Hadis ini dapat dinyatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana diriwayatkan oleh Muslim, begitu pun kenyataan majoriti ulama. Abu ^{c}Isa

al-Tirmidhi[1144] umpamanya menyatakannya *ḥasan ṣaḥīḥ gharib*; Ibn al-ᶜArabi[1145], menyatakan hadis ini *ṣaḥīḥ*; Ibn Khuzaymah[1146], menyatakannya *ṣaḥīḥ* dan *thabat* dengan *isnad* yang *thabit* dan *ṣaḥīḥ*; Ibn Rajab[1147], menyatakannya *thabat* dalam kumpulan hadis-hadis *ṣaḥīḥ*; Ahmad Shakir[1148], berkata *isnad ṣaḥīḥ*; al-ᶜIraqi[1149], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*; begitu juga dengan al-Albani[1150] menyatakannya *ṣaḥīḥ*. Dan sebanarnya hadis ini apabila mengikut riwayat Imam al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal ada sambungan kesempurnaannya yang merupakan kebalikan daripada kenyataan pertama tersebut, seperti berikut ini:

عن إبراهيم عن علقمة عن عبد الله قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم لا يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال حبة من خردل من كبر ولا يدخل النار من كان في قلبه مثقال حبة من إيمان

Hal ini dapat diambil pengajaran berharga bahawa sifat كِبْرٌ (sombong) ini sangat berbahaya apabila ada dalam hati seseorang, dan ianya berkemungkinan boleh menghilangkan iman yang sedia ada di dada, oleh itu hindari dan jauhi serta buang sifat ini semoga berjaya di dunia dan berkekalan sehingga ke negeri akhirat amin.

Hadis: 193 (2)

يحشرالجبارون المتكبرون يوم القيامة فى صورة الذر يطاؤهم الناس لهوائهم على الله عزّ وجلّ[1151]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* ini dikutip daripada karya al-Ghazali[1152] dan beliau katakan diriwayatkan dan ditakhrij oleh al-Bazzar yang bersumber daripada ᶜAwf bin Malik al-Ashjaᶜi r.a.. Namun begitu, ada hadis lain yang seumpama dengannya pada penggalan pertamanya, ia diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan Ahmad bin Hanbal[1153]. Dari segi *matan* pula sememangnya nukilan al-Palembani di atas berbeza dengan rujukan bagi hadis yang seumpamanya. Hadis dimaksud adalah sebagai berikut:

عن عمرو بن شعيب عن أبيه عن جده عن النبي صلى الله عليه و سلم قال يحشر المتكبرون يوم القيامة أمثال الذر في صور الرجال يغشاهم الذل من كل مكان فيساقون إلى سجن في جهنم

Al-Turmudhi menilai hadis ini adalah *ṣaḥīḥ* manakala mengikut al-Arnaut adalah *isnad ḥasan*. Adapun terhadap hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini, al-Dhahabi[1154] dan al-ᶜAsqalani[1155] menyangsikan

keberadaan al-Hasan bin Dinar dalam *sanad* ini, namun mengikut ᶜAbdullah ᶜUrwani[1156] bahawa *isnad* adalah *ḥasan.* Oleh itu, hadis ini pada asasnya adalah *daᶜif*, kerana salah seorang rawinya diperkatakan *jarh* terhadapnya. Akan tetapi ada hadis dan riwayat lain yang boleh mengangkat darjat hadis berkenaan kepada *ḥasan li ghayrih*. Kesimpulan ini sepertimana dinyatakan oleh al-Mundhiri[1157], dan al-Albani[1158] pun menilai hadis yang kedua tersebut adalah *ḥasan*. Jadi boleh diharmonikan di antara kenyataan para ulama tersebut dengan kenyataan bahawa hadis yang kedua adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih* dan dapat dijadikan sebagai pembetulan kepada *matan* hadis yang menjadi tajuk perbincangan di atas dengan kenyataan *ḥasan li ghayrih*.

Hadis: 194 (3)

مَنْ تَعَظَّمَ فِي نَفْسِهِ أَو اخْتَالَ فِي مِشْيَتِهِ لَقِيَ اللهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضْبَانُ[١١٥٩]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh al-Palembani. Hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Ahmad bin Hanbal dan ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh*nya[1160]. Ahmad bin Hanbal menerima periwayatan daripada Yahya bin Ishaq, sehinggalah ᶜIkrimah bin Khalid al-Makhzumi (*tabiᶜin*) berkata, aku mendengar Ibn ᶜUmar (sahabat) berkata, mendengar Rasulullah SAW bersabda, sebagaimana nukilan tersebut. Ada satu jalur *sanad* ini sahaja, hal ini memberi petunjuk bahawa hadis ini sememangnya *gharib*. Adapun *matan* pula al-Palembani betul-betul menukil daripada riwayat Ahmad.

Nilai hadis ini dapat disimpulkan dan dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh majoriti ulama, antaranya al-Mundhiri[1161], al-Haythami[1162], Ahmad Shakir dan al-Arna'ut[1163] mereka menyatakan *rijal*nya atau *isnad ṣaḥīḥ*; al-Albani[1164] pun menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Wadiᶜi[1165], pula menyatakannya *ṣaḥīḥ* juga kerana *rijal* yang meriwayatkan hadis ini adalah *ṣaḥīḥ-ṣaḥīḥ* belaka.

Fasal Kesembilan tentang *ᶜUjub*

Dalam fasal kesembilan bagi bab keempat kitab yang dikaji ini, ada satu hadis sahaja yang dinukil oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani. Berikut ini paparan hadis serta *takhrij sanad* dan analisis *matan* sehinggalah diketahui nilai hadis berkenaan.

Hadis: 195 (1)

ثَلاَثٌ مُهْلِكَاتٌ شُحٌّ مُطَاعٌ وَهَوًى مُتَّبَعٌ وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ.[1166]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan oleh al-Palembani ke dalam *Hidayat al-Salikin*nya ini seumpama dengan yang diriwayat oleh Imam al-Tabrani dan al-Bayhaqi, juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi dan Abu Na^{c}im[1167]. Daripada periwayatan tersebut dapat digambarkan bahawa hadis tersebut dan hadis seumpamanya bersumber daripada Qatadah, Anas bin Malik, Abi Hurayrah r.a. dan juga daripada Ibn ^{c}Umar r.a. Hal ini memberi erti bahawa ada beberapa periwayat yang dapat dijadikan *shahid* dan *mutaba^{c}at* terhadap masing-masing periwayatan ini. Adapun *matan* hadis daripada riwayat tersebut pada prinsipnya sama khasnya riwayat al-Bayhaqi yang diikuti oleh al-Palembani dalam nukilannya, sementara riwayat al-Tabrani cukup panjang antara *matan* menyebutkan perkara yang dibahaskan tersebut, dan sebenarnya hadis ini ada sambungannya yang selengkapnya seperti riwayat al-Bayhaqi berikut:

متبع وإعجاب المرء عن قتادة عن أنس قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: ثلاث مهلكات! شح مطاع وهوى الرضا والغضب الغنى والفقر وكلمة الحق في والعلانية والقصد في وثلاث منجيات: خشية الله من السر بنفسه

Masing-masing periwayat dalam sanad adalah bersendirian dalam meriwayatkannya, oleh itu, wajar apabila dikatakan *gharib* oleh Abu Na^{c}im[1168], mengikut al-Haythami[1169] dalam sanad ada Ibn Luhay^{c}ah dan orang yang tidak dikenali, al-^{c}Iraqi[1170] dan al-^{c}Ajluni[1171] menyatakan *isnad*nya *da^{c}if*. Namun demikian, hadis ini dapat diperkatakan sebagai *ḥasan li ghayrih* kerana adanya *shawahid* di antara periwayatan yang ada. Kesimpulan tersebut selaras dengan kenyataan Syeikh al-Albani[1172], yang pada satu kenyataannya *ḥasan* dengan *shawahid* dan pada kenyataan yang lain *ḥasan li ghayrih*. Jadi, pada asasnya hadis ini *isnad*nya *da^{c}if* akan tetapi dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* kerana adanya sokongan daripada riwayat lain.

Fasal Kesepuluh tentang *Riya*

Dalam fasal ini ada empat buah hadis yang dinukil oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* apabila beliau ingin mendasari sebuah penjelasan yang berkenaan dengan perkara riya.

Berikut ini paparan hadisnya, *takhrij sanad* dan analisis *matan* sehinggalah dapat dikenal pasti nilai hadis berkenaan, sama ada dapat diikuti mahupun ditinggalkan menerusi kajian hadis dan ilmu hadis.

Hadis: 196 (1)

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكُ الْأَصْغَرُ قيل وما هو، قال الرياء قَالَ الرِّيَاءُ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ للمرائين إذا جازى العباد بِأَعْمَالِهِم اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنتُمْ تُرَاءُونَ فانظروا فَانْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْدَهُمْ الجَزَاءَ.[1173]

Takhrij al-Hadith: Hadis seumpama dengan nukilan al-Palembani ini, diriwayatkan antaranya oleh Imam Ahmad dan al-Bayhaqi[1174], dengan *sanad* pada *tabaqah* sahabatnya sama, iaitu Mahmud bin Labid r.a., manakala pada *tabaqah* sesudahnya berlainan; Ahmad meriwayatkan daripada *tabi*ᶜ*in* ᶜAmr, sementara al-Bayhaqi daripada Qatadah, hal ini dapat diertikan bahawa hadis ini mempunyai *tabi*ᶜ. Adapun dari segi *matan* pula pengkaji berkeyakinan bahawa nukilan al-Palembani tersebut pada asasnya sama atau semakna dengan kedua-dua riwayat ini, apalagi dengan riwayat al-Bayhaqi, namun ada beberapa lafaz yang berbeza, seperti dalam nukilan al-Palembani disebut وماهو؟ sementara dalam sumber وما الشرك الأصغر؟, kemudian dalam nukilan tidak disebut lafaz لهم bagi ayat يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ sementara dalam sumber disebut, juga nukilan tidak menyebut kata فى الدنيا dalam ayat كُنْتُمْ تُرَاءُونَ فِي الدُّنْيَا sementara dalam sumber disebut, dan apapun yang nampak daripada perbezaan tersebut tidaklah menjejaskan makna dan kandungan hadis ini, dan kita sedia maklum akan mengambil *matan* berdasarkan kitab sumber rujukan asalnya.

Hadis ini pun dapat diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan oleh majoriti ulama terhadap *sanad* dan *matan*, antaranya al-Tabari[1175] dan Ibn Muflih[1176] menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*; al-ᶜIraqi[1177], al-Haythami[1178] dan al-Guzzi[1179] menyatakan *rijal thiqat* atau *ṣaḥīḥ*; demikian juga dengan Syeikh al-Albani[1180] menyatakannya adalah hadis *ṣaḥīḥ*.

Hadis: 197 (2)

لا يقبل الله عملا فيه مقدار ذرة من رياء.[1181]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini hanya diriwayatkan oleh Abu Naᶜim[1182] di mana riwayat ini hanya sampai kepada Yusuf bin Asbat yang kemudian membuat kenyataan ini.

Hal demikian memberi petunjuk bahawa riwayat ini tidak *marfu*ᶜ kepada Rasulullah SAW sepertimana dinyatakan oleh al-Zabidi[1183], Ibn al-Subki[1184] bahawa tidak ditemukan sanad hadis ini, begitu juga mengikut al-ᶜIraqi[1185] bahawa tidak ditemukan riwayat sebegitu.

Pengajaran yang terdapat dalam *matan* pula tidaklah semestinya terus dibuang kerana hanya tidak bersumber daripada Nabi SAW ia boleh diterima sebagai perbandingan kepada hadis Nabi yang menyatakan bahawa ikhlas menjadi syarat kepada diterimanya sebuah amalan, akan tetapi penerimaan ini bukan bererti mengakuinya sebagai hadis Nabi, melainkan ia boleh diterima sebagai *qawl al-Hukama'* sahaja yang tidak bercanggah dengan nas yang kuat lainnya. Oleh itu, walaupun sanad tidak ditemukan secara pasti, namun ianya dihukumkan *daᶜif* sahaja, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[1186].

Hadis: 198 (3)

قَالَ وَادٍ فِي جَهَنَّمَ أُعد للقراء المرائين إستعيذُوا بِاللَّهِ مِنْ جُبِّ الْحُزَنِ قيل وما هو،.[1187]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* dan ia seumpama dengan yang diriwayat antaranya oleh Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Bayhaqi[1188]. Ketiga-tiga periwayatan tersebut sama dalam jalur *sanad*, iaitu daripada (sahabat) Abi Hurayrah bahkan (*tabaqah tabiᶜin*) Ibn Sirin sehingga (*tabiᶜ al-tabiᶜin*nya) Abi Muᶜadh al-Basri juga sama. Hal ini memberi petunjuk bahawa hadis ini *ahad* dan juga *gharib*. Manakala, *matan* hadisnya pula pada asasnya nukilan al-Palembani dengan temuan dalam tiga kitab sumber berkenaan adalah sama maknanya, namun ada perbezaan pada lafaz yang dikemukakan. Lafaz pertama dalam nukilan adalah إستعيذوا sementara dalam rujukan تَعَوَّذُوا , dalam nukilan قيل وما هو sementara dalam sumber rujukan قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا جُبُّ الْحَزَنِ , dalam nukilan hanya sampai أُعد للقراء المرائين sementara dalam rujukan ada sambungannya, seperti riwayat al-Tirmidhi berikut:

عن أبي معان البصري عن ابن سيرين عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم تعوذوا بالله من جب الحزن قالوا يا رسول الله وما جب الحزن ؟ قال واد في جهنم تتعوذ منه جهنم كل يوم مائة مرة قلنا يا رسول الله ومن يدخله ؟ قال القراء المراءون بأعمالهم

Dan sebagaimana yang menjadi prinsip dalam kajian hadis bahawa perbezaan seumpama ini dapat diselaraskan dengan mengikuti kitab rujukan

yang sebenar. Para ulama memberi penilaian, antaranya al-Tirmidhi[1189] menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan gharib*; al-Bayhaqi[1190], mengutip pandangan al-Bukhari yang memberikan kenyataan bahawa Abu Mu^{c}adh adalah *majhul* dan tidak diketahui bahawa ia mendengar daripada Ibn Sirin; al-Mundhiri[1191] menyatakan *isnad ḥasan*. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa hadis ini adalah *da^{c}if* sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[1192], namun keda^{c}ifannya tidak bersangatan, dan masih lagi dapat dijadikan sandaran bagi perkara *fada'il* atau nasihat.

Hadis: 199 (4)

يا معاذ إني محدثك بحديث ..... ثم تأتى الحفظة بعمل صالح من أعمال العبد فتزكيه وتكثره حتى تبلغ به إلى السماء الثانية فيقول لهم الموكل بها قفوا واضربوا بهذا العمل وجه صاحبه إنه أراد بعمله هذا غرض الدنيا أمرنى ربي أن لا ادع عمله يجاوزنى إلى غيرى إنه كان يفتخر على الناس فى مجالسهم أنا ملك الفخر ... قلت بأبى وأمي يا رسول الله من يطيقه هذه الخصال ومن ينجو منها قال يا معاذ إنه ليسير على من يسره الله عليه.[1193]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang cukup panjang ini dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Ia kutip daripada karya Imam al-Ghazali[1194] yang oleh beliau dinyatakan sebagai sabda Nabi SAW, diriwayatkan oleh ^{c}Abdullah bin al-Mubarak daripada Khalid bin Ma^{c}dan daripada Mu^{c}adh bin Jabal r.a. dengan *matan* periwayatan yang sangat panjang, menceritakan perjalanan amalan setiap orang. Para ulama seperti al-Mundhiri[1195], menyatakan bahawa semua jalur periwayatan dan lafaz riwayat seumpama ini adalah dibuat-buat; al-^{c}Iraqi[1196] pula menyatakan *isnad* tidak disebutkan. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa periwayatan hadis ini adalah *mawdu^{c}*, sepertimana disimpulkan oleh al-Albani [1197].

Hadis Bab Kelima tentang *Ta^{c}at Batin*

Bab yang kelima daripada tujuh bab bagi kitab *Hidayat al-Salikin* ini mangandungi 10 fasal dengan 23 nukilan hadis apabila al-Palembani mengemukakan penjelasannya. Pada awal bab ini Syeikh Abdus Samad tidak menukil sebarang hadis untuk memulakan perbahasannya.

Fasal Pertama tentang Taubat

Memasuki fasal pertama bagi bab kelima ini hanya ada satu hadis yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam menguatkan penjelasan beliau

berkenaan dengan tajuk taubat ini. Berikut ini hadis serta *takhrij sanad* dan analisis *matan*.

Hadis: 200 (1)

التائب حبيب الله التَّائِبُ مِنْ الذَّنْبِ كَمَنْ لاَ ذَنْبَ لَهُ.[1198]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini hanya penggalan keduanya yang seumpama dengan riwayat Imam Ibn Majah, al-Tabrani dan al-Bayhaqi[1199], daripada ᶜAbdullah bin Masᶜud. Dari segi *matan* jelas bahawa penggalan pertama daripada nukilan di atas (التائب حبيب الله) tidak jelas siapa yang meriwayatkannya, manakala *matan* selanjutnya adalah sama dengan riwayat rujukan yang ada.

Para ulama seumpama al-Subki[1200], menyatakan bahawa -bagi penggalan pertamanya- tidak ditemukan *isnad*; al-ᶜIraqi[1201], menyatakan tidak ditemukan asalnya, manakala bagi penggalan keduanya majoriti ulama memberi kenyataan baik terhadap riwayat Abu Saᶜid dan ᶜAbdullah bin Masᶜud, antaranya al-Zarqani[1202], menyatakan hadis ini adalah *ḥasan*; demikian juga al-Saᶜdi[1203], menyatakan sedemikian, al-Albani juga menyatakan bahwa *matan* penggalan pertama[1204] tidak ada asalnya, manakala *matan* bagi penggalan keduanya[1205] dinyatakan beliau bernilai *ḥasan*. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa hanya penggalan kedua yang berasal daripada Nabi SAW dengan darjat *ḥasan*, manakala penggalan pertamanya (التائب حبيب الله) tidak ada asalnya.

Fasal Kedua tentang *Khawf*

Dalam fasal kedua kitab *Hidayat al-Salikin* ini Syeikh Abdus Samad al-Palembani tidak ada menukilkan sebarang hadis pun untuk memaparkan masalah yang berkenaan dengan tajuk fasal ini.

Fasal Ketiga tentang *Zuhud*

Bagi menjelaskan masalah *zuhud* dalam fasal ketiga ini, Syeikh Abdus Samad menukilkan tiga buah riwayat yang dikatakan beliau dalam kitab *Hidayat al-Salikin* sebagai hadis Nabi. *Takhrij sanad* dan kritik *matan* hadis dalam fasal ini akan dipaparkan sebentar lagi di bawah ini.

Hadis: 201 (1)

ازْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللهُ، وَازْهَدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُحِبَّكَ النَّاسُ.[1206]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin* ini diriwayatkan antaranya oleh Imam Ibn Majah, al-Tabrani, al-Hakim dan al-Bayhaqi[1207]. Daripada riwayat tersebut tergambar bahawa jalur periwayatan *sanad* ada satu sahaja, iaitu bersumber daripada Sufyan al-Thawri, pe*rawi* (*tabaqah tabi*ᶜ *al-tabi*ᶜ*in*), daripada Abi Hazim (*tabaqah tabi*ᶜ*in*), daripada Sahl bin Saᶜd (*tabaqah sahabah*), beliau berkata: datang kepada Nabi SAW seorang lelaki dan berkata, ya Rasulullah tunjukkan kepadaku suatu amalan yang boleh menjadikan Allah sayang kepadaku dan manusia juga mencintai aku, maka Rasulullah SAW bersabda sebagaimana nukilan di atas. Adapun *matan* hadis yang dijumpai dalam kitab sumber menunjukkan kesamaannya dengan nukilan, kecuali riwayat Ibn Majah yang lafaz terakhir يُحِبُّوكَ dengan *faᶜil* adalah *damir mustatar*, sementara riwayat lainnya dengan *faᶜil isim zahir* يُحِبَّكَ النَّاسُ , akan tetapi perbezaan ini tidak menjejaskan atau merubah langsung makna kandungan hadis ini.

Para ulama seumpama al-Hakim membuat kenyataan bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ sanad*; Abu Hatim[1208], menyatakan bahawa dengan *sanad* ini (Sahl bin Saᶜd) adalah *batil*; al-ᶜUqayli[1209] menyatakan tidak ada asalnya; al-Bayhaqi [1210] pula menyatakannya *munkar* kerana ada *rawi* Khalid bin ᶜAmr; al-Nawawi[1211], menyatakannya *ḥasan*; al-Dhahabi[1212] dan al-ᶜAsqalani[1213] mengkritik keberadaan Khalid bin ᶜAmr dalam sanad hadis tersebut yang dinilai oleh Ahmad tidak *thiqah*, al-Bukhari menyebutnya *munkar al-hadith*, Saleh Jazrah, menyatakannya memalsukan hadis; namun mengikut mereka (al-Dhahabi dan al-ᶜAsqalani) ada *mutabaᶜah*nya; oleh itu, al-ᶜAsqalani[1214] menilainya *ḥasan*; al-Sakhawi[1215] juga mempermasalahkan Khalid bin ᶜAmr yang dinisbahkan dengan memalsu; Ibn al-Daybaᶜ[1216], menyatakan *isnad ḥasan*; al-Zarqani[1217], menyatakan *ḥasan* bahkan dikatakan *ṣaḥīḥ*; al-Shawkani[1218], membuat kenyataan bahawa riwayat ini mempunyai *shahid* dan *rijal thiqat*.

Sesungguhnya benar apa yang diperkatakan oleh ulama (pengkritik) terhadap salah seorang *rawi* daripada sanad hadis ini, iaitu Khalid bin ᶜAmr al-Qurashi, akan tetapi adalah Muhammad bin Kathir al-Sanᶜani dapat dijadikan *shahid* atau *mutabaᶜah* kepada Khalid dalam periwayatan ini, kerana beliau juga menerima periwayatan yang sama daripada Sufyan.

Oleh itu, sebahagian ulama -tersebut di atas- menyatakan riwayat ini *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* dengan *shahid* atau *mutabaᶜah*nya. Dengan demikian dapat disimpulkan dan diperkatakan bahawa pada asalnya hadis ini adalah *ḥasan* (menerusi sanad Muhammad bin Kathir al-Sanᶜani) dan boleh dinaik tarafkan kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih*, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[1219], bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, atau minima *ḥasan li ghayrih* (menerusi *sanad* Khalid bin ᶜAmr al-Qurashi) dengan *shahid rawi* yang lain.

Hadis: 202 (2)

[1220].زهده فى الدنيا ورغبه فى الآخرة وبصر عيوب نفسه إذا أراد الله بعبد خيرا

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani dalam kitabnya, seumpama riwayat al-Bayhaqi, juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh* al-Manawi[1221], daripada Anas bin Malik dan Muhammad bin Kaᶜb al-Qurazi dengan *matan* sedikit berbeza, yakni dalam rujukan tidak disebutkan ayat ورغبه فى الآخرة namun ditambah dengan ayat وفقهه فى الدين . Selengkapnya riwayat dimaksud adalah sebagai berikut:

عن موسى بن عبيدة عن محمد بن كعب القرظي قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : إذا أراد الله بعبد خيرا جعل فيه ثلاث خلال : فقهه في الدين و زهده في الدنيا و بصره عيوبه

Para ulama melakukan kritik terhadap hadis ini, seumpama Ibn al-Subki[1222] menyatakan bahawa apabila dengan lafaz seperti nukil al-Palembani di atas, adalah tidak ditemui *isnad*; lain dengan Muhammad al-Ghuzzi[1223] yang memberi komen terhadap riwayat al-Bayhaqi bahawa ianya adalah *mursal*, dan dengan begitu dapatlah diperkatakan bahawa hadis ini darjatnya *daᶜif*, sepertimana disimpulkan oleh al-Manawi[1224] dan dinyatakan juga oleh al-Albani[1225].

Hadis: 203 (3)

[1226].من زهد فى الدنيا أدخل الله الحكمة فى قلبه فانطلق بها لسانه وعرفه داء الدنيا ودواءه وأخرجه منها سالما إلى دار السلام

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syekh al-Palembani di atas, diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan Abu Naᶜim[1227] bersumber daripada Safwan (Ibn Sulaym) dan ᶜAli bin Abi Talib r.a. dan *matan* yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi lebih dekat kepada nukilan al-Palembani

tersebut, hanya sedikit yang -mengikut penulis- adalah tersilap cetak sahaja. Riwayat tersebut dapat diperhatikan sebagai berikut:

عن حمزة بن سالم عن محمد بن مسلم الطائفي عن صفوان يعني ابن سليم قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: من زهد في الدنيا أسكن الله الحكمة قلبه وأطلق بها لسانه و بصره عيوب الدنيا داءها و دواءها و أخرجه منها سالما مسلما إلى دار السلام

Manakala, riwayat Abu Na^{c}im pula berbeza pada *matan*, namun pada makna kurang lebih sama, adalah sebagai berikut:

من زهد في الدنيا علمه الله تعالى بلا تعلم، وهداه بلا هداية، وجعله بصيراً وكشف عنه العمى

Adapun nilai hadis ini dapat diperkatakan sebagai hadis *da^{c}if*, kerana para ulama nampaknya *ittifaq* dengan kenyataan tersebut. Al-Bayhaqi[1228] dan Ibn ^{c}Iraq al-Kannani[1229] menyatakan terhadap hadis yang diriwayatkannya adalah *mursal*; al-^{c}Asqalani[1230] pula menyatakan terhadap hadis riwayat Abu Na^{c}im (yang kedua) ada Ibrahim bin al-'Ash^{c}ath adalah *da^{c}if*; begitu pula al-Albani[1231] menyatakan bahawa periwayatan hadis ini adalah *da^{c}if*.

Fasal Keempat tentang *Sabar*

Dalam fasal keempat ini Syeikh Abdus Samad menyebutkan dua buah hadis Nabi dalam konteks penjelasan beliau terhadap masalah sabar ini, berikut ini dikemukakan hadis dimaksud berserta *takhrij sanad* dan analisis *matan* sehinggalah *natijah* nilai hadis berkenaan.

Hadis: 204 (1)

الصبر نصف الإيمان.[1232]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini semamngnya termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani, Ianya antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Hakim dan al-Bayhaqi[1233] yang bersumber dar ipada sahabat Ibn Mas^{c}ud r.a. Adapun mengikut al-Ghazali[1234] bahawa riwayat ini diriwayatkan oleh Abu Na^{c}im dan al-Khatib juga daripada Ibn Mas^{c}ud. Al-Hakim menerima riwayat daripada Abu Zakaria al-^{c}Anbari, dan seterusnya daripada Abi Zabyan, daripada ^{c}Alqamah daripada Ibn Mas^{c}ud, beliau berkata, bersabda

Rasulullah SAW. Dari segi *matan* pula dapat digambarkan bahawa kedua-dua riwayat itu menyebutkan seperti nukilan al-Palembani dan sebenarnya ada sambungan bagi kelengkapan hadis tersebut, seperti riwayat al-Hakim berikut:

عن أبي ظبيان قال كنا نعرض المصاحف عند علقمة فقرأ هذه الآية إن في ذلك لآيات للموقنين فقال قال عبد الله اليقين الإيمان كله وقرأ هذه الآية إن في ذلك لآيات لكل صبار شكور قال فقال عبد الله الصبر نصف الإيمان

Para ulama majoritinya membuat kenyataan yang baik terhadap hadis ini, Abu Na^{c}im[1235], umpamanya menyatakan riwayat ini *gharib* kerana al-Makhzumi daripada Sufyan bersendirian dalam periwayatannya; al-Bayhaqi[1236] menyatakan adalah hadis ini *marfu^{c}* dan *mawquf* akan tetapi yang *mawquf* lebih kuat dan *mahfuz*; al-Mundhiri[1237], menyatakan bahawa *rijal* adalah para periwayat yang *ṣaḥīḥ*; al-Dhahabi[1238] menyatakan bahawa dalam sanad ada Ya^{c}qub bin Humayd yang dikatakannya *da^{c}if*, juga Muhammad bin Khalid al-Makhzumi adalah tidak seberapa dapat diperpegangi; al-Haythami[1239], menyatakan bahawa *rijal*nya adalah para periwayat yang *ṣaḥīḥ*; al-^{c}Iraqi[1240] pula menyatakan *isnad ḥasan*; al-^{c}Asqalani[1241], menegaskan semula bahawa yang betul adalah *mawquf*; al-Sa^{c}di[1242], menyatakan hadis ini *da^{c}if*.

Dengan demikian dapatlah disimpul dan dinyatakan bahawa ada dua sanad bagi periwayatan hadis ini; pertama riwayat ^{c}Abdullah bin Mas^{c}ud yang diperkatakan hadisnya *da^{c}if* sepertimana yang dikritik oleh para ulama tersebut dan dinyatakan demikian oleh al-Albani[1243], manakala jalur kedua adalah riwayat ^{c}Alqamah, yang dapat dinyatakan darjatnya adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana kenyataan para ulama di atas sebagai *ṣaḥīḥ al-isnad*, juga dinyatakan oleh al-Albani[1244] sebagai *ṣaḥīḥ mawquf*. Jadi, tidak ada percanggahan di antara kedua-dua nilai yang dikemukakan kerana penilaian ulama tersebut terhadap dua sanad hadis yang berbeza. Jadi, riwayat yang *ṣaḥīḥ* dapatlah kiranya menaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* bagi riwayat yang lemah dalam satu tajuk dengannya.

Hadis: 205 (2)

الصبر كنز من كنوز الجنة.[1245]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini hanya termaktub dalam karya al-Ghazali[1246], dan dikatakan beliau bersumber daripada Jabir, apabila beliau bertanya kepada Rasulullah SAW tentang

iman dan baginda memberikan jawaban seperti nukilan di atas, *sanad* pun tidak dapat dikesan secara sempurna. Oleh itu mengikut al-Subki[1247], riwayat ini tidak ditemukan *sanad* atau tidak diketahui asalnya; dalam istilah al-ᶜIraqi[1248], adalah *gharib* dan beliau tidak menemukannya; ᶜAli al-Qari[1249] membuat kenyataan bahawa dikatakan orang tidak ada asalnya atau asalnya *mawduᶜ*. Dengan demikian jelaslah bahawa riwayat sebegini tidak ada sanad yang menunjukkan berasal daripada Nabi SAW, atau dengan kata lain ialah *mawduᶜ*.

Fasal Kelima tentang *Shukur*

Dalam fasal ini disebutkan oleh Syeikh al-Palembani dua buah hadis sahaja, apabila beliau ingin mempertegaskan perkara yang berhubung kait dengan *shukur* ini, paparan hadis, *takhrij sanad* dan analisis *matan* adalah seperti berikut:

Hadis: 206 (1)

الطَّاعِمُ الشَّاكِرُ بِمَنْزِلَةِ الصَّائِمِ الصَّابِرِ.[1250]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin.* Ia seumpama dengan hadis yang diriwayatkan antaranya oleh al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad, al-Hakim dan Ibn Hibban[1251], sementara al-Bukhari[1252] menyebutnya pada salah satu tajuk sub bab perbahasannya sahaja, tanpa menyebut riwayatnya. Dan daripada periwayatan *muhaddithin* tersebut dapat digambarkan bahawa sumber hadis ini -pada *tabaqah sahabah*nya- dua orang, iaitu Abu Hurayrah dan Sinan bin Sinnah al-Aslami, manakala pada *tabaqah tabiᶜin* antaranya; Saᶜid al-Maqbari, Hanzalah bin ᶜAli al-Aslami, dan Hakim bin Abi Hurrah, hal ini dapat diertikan bahawa hadis ini mempunyai *shahid* dan *mutabaᶜat*. Dari segi *matan* pada asasnya sama kecuali lafaz perumpamaan (*tamthil*) yang berbeza, sebahagian riwayat dengan lafaz بمنزلة الصائم, seperti riwayat al-Tirmidhi, salah satu riwayat Ibn Majah dan riwayat Ibn Hibban, dan riwayat inilah yang diikuti oleh al-Palembani dalam nukilannya. Adapun riwayat lain dengan lafaz مثل الصائم , seperti satu riwayat Ibn Majah dan al-Hakim berikut:

عن محمد بن عبد الله بن أبي حرة عن عمه حكيم بن أبي حرة عن سنان بن سنة الأسلمي صاحب النبي صلى الله عليه و سلم قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم الطاعم الشاكر له مثل أجر الصائم الصابر

Ada juga riwayat dengan lafaz كالصائم seperti riwayat Ahmad berikut ini:

قال حدثنا عبد الرزاق قال حدثنا معمر عن الزهري عن رجل من بنى غفار انه سمع سعيدا المقبري يحدث عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم الطاعم الشاكر كالصائم الصابر

Namun, ketiga-tiga lafaz tersebut adalah sama dalam pemakaiannya, iaitu sebagai alat untuk memperbandingkaan, pada masa ini "antara orang yang bersyukur dengan orang yang bersabar, yakni sama keadaannya di sisi Allah SWT Dua riwayat dengan lafaz بمنزلَة الصائم dan مثل الصائم di atas dapat diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana dinyatakan oleh para ulama. Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[1253], menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan gharib*; al-Hakim[1254] pula menyatakannya *ṣaḥīḥ* di atas syarat dua Imam hadis (al-Bukhari dan Muslim); al-ᶜAsqalani[1255] membuat kenyataan bahawa riwayat ini mempunyai *shahid*; Ahmad Shakir[1256], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*; begitu pun al-Albani[1257], menyatakan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*. Adapun riwayat ketiga (riwayat Ahmad) yang dengan lafaz كالصائم mengikut al-ᶜAsqalani[1258] adalah *ḥasan*, begitu juga dinyatakan oleh al-Arna'ut[1259], bahawa isnad hadis ini adalah *daᶜif*, kerana ada *rawi* seorang lelaki dari Bani Ghifar yang *majhul*, tetapi ia dapat dinaik taraf menjadi *ḥasan li ghayrih* dengan sokongan daripada hadis terdahulu yang kuat. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa secara amnya hadis ini adalah *ṣaḥīḥ*, kalaupun ada yang dinilai *daᶜif al-isnad*, tetapi ia tidak dinyatakan lemah melainkan disebut *ḥasan gharib*, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[1260], bahkan ianya boleh dinaik taraf kepada yang lebih tinggi lagi minima *ḥasan li ghayrih*.

Hadis: 207 (2)

ينادى يوم القيامة لِيَقُمِ ٱلحَمّادون فيقوم زمرة فينصب لهم لواء فيدخلون الجنة قيل ومَن الحمادون قال الذين يشكرون الله كل حال على.[1261]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ini dikutip daripada karya al-Ghazali[1262]. Adapun riwayat yang ada hubungkaitnya dengan nukilan di atas, antaranya, riwayat Imam al-Tabrani, al-Hakim dan al-Bayhaqi[1263]. Hampir semua periwayatan yang ada menunjukkan bahawa hadis ini bersumber daripada Ibn ᶜAbbas r.a., disamping ᶜUqbah bin ᶜAmir menerusi riwayat al-Hakim. Al-Tabrani

umpamanya menerima riwayat daripada Idris bin ᶜAbd al-Karim al-Haddad, dan seterusnya daripada ᶜAsim bin ᶜAli, daripada Qays bin al-Rabiᶜ, daripada Habib bin Abi Thabit, daripada Saᶜid bin Jubayr, daripada Ibn ᶜAbbas r.a. daripada Nabi SAW. Dari segi *matan*, nukilan al-Palembani tersebut sememangnya tidak sama dengan riwayat yang sedia ada, seperti riwayat al-Tabrani berikut:

عن ا بن عباس عن النبي صلى الله عليه و سلم قال أول من يدعى إلى الجنة الحمادون الذين يحمدون الله في السراء والضراء

Hadis ini ada satu jalur periwayatan sahaja, bagaimana tidak Qays bin al-Rabiᶜ bersendirian menerima riwayat daripada Habib bin Abi Thabit, sehingga boleh dikatakan *gharib*. Riwayat lain daripada al-Hakim dan al-Bayhaqi dengan hadis yang cukup panjang, ringkasnya seperti berikut:

... عن عقبة بن عامر الجهني رضى الله تعالى عنه قال كنا مع رسول الله حدثني علي بن عيسى الحيري حدثنا مسدد صلى الله عليه وسلم في سفر فكنا نتناوب الرعية فلما كانت نوبتي سرحت إبلي ثم رجعت فجئت رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يخطب الناس فسمعته يقول ..... ثم ينادي مناد سيعلم الجمع لمن الكرم اليوم ثم يقول أين الحمادون الذين كانوا يحمدون ربهم

Riwayat yang menjadi tajuk perbahasan -sepertimana dinukil oleh al-Palembani- ini dapat diperkatakan sebagai hadis *daᶜif*, hal ini menepati kenyataan al-ᶜIraqi kerana ada seorang *rawi* "Qays bin al-Rabiᶜ" yang disepakati oleh jumhur ulama ke*daᶜif*annya, begitu juga mengikut al-Albani[1264] bahawa riwayat al-Tabrani adalah *daᶜif*. Manakala, riwayat al-Hakim dan al-Bayhaqi di atas, mengikut al-Hakim[1265] adalah *ṣaḥīḥ*. Hal ini tidak memberi kesan adanya perbezaan kerana nilai yang berbeza tersebut terlahir daripada penilaian terhadap dua hadis/riwayat yang juga berbeza, sama ada dari segi sanad mahupun *matan*. Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa secara umumnya hadis ini *daᶜif*, namun tidaklah lemah sangat kerana itu masih dibolehkan untuk menguna pakainya dalam perkara nasihat atau *fada'il*, bahkan secara makna dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* dengan adanya sokongan daripada riwayat al-Hakim.

Fasal Keenam tentang Ikhlas dan Benar

Apabila Syeikh al-Palembani menjelaskan tentang sifat ikhlas dan sikap benar dalam fasal keenam ini, beliau menukil tiga buah hadis Nabi SAW, yang mana paparan *takhrij sanad*, dan analisis *matan* serta nilai darjatnya

dapatlah diperhatikan dalam perbahasan berikut ini.

Hadis: 208 (1)

الإخلاص سر من أسرارى إستودعته فى قلب من أحببته من عبادى.[1266]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani ini, tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis Nabi SAW, ianya dikutip dalam kitab *Ihya'* karya al-Ghazali[1267] dan mengikut beliau diriwayatkan oleh Abu al-Qasim al-Qushayri daripada ᶜAli bin Abi Talib, akan tetapi *sanad* juga tidak dapat dikesan. Mengikut kaedah penyelidikan Hadis dan ilmu hadis, apabila berasaskan kajian setakat ini tidak ditemukan sebarang *sanad* bagi sesebuah riwayat, dan para ulama hadis sendiri tidak meriwayatkannya, maka dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *mawduᶜ isnad*.

Hadis: 209 (2)

أخلص دينك يكفك العمل القليل.[1268]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini, diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Hakim, al-Bayhaqi dan Abu Naᶜim[1269]. Ketiga-tiga periwayatan itu daripada sumber yang sama, iaitu Muᶜadh bin Jabal pada peringkat sahabatnya sehinggalah *rawi* kelima *tabaqah atbaᶜ al-tabiᶜin*. Al-Hakim, contohnya menerima riwayat daripada Abu al-ᶜAbbas; Muhammad bin Yaᶜkub, daripada Bahr bin Nasr, daripada ᶜAbdullah bin Wahb, daripada Yahya bin Ayyub al-Masri, daripada ᶜAbdillah bin Zuhr, daripada al-Walid bin ᶜImran, daripada ᶜAmr bin Murrah al-Jamali, daripada Muᶜadh bin Jabal r.a. beliau berkata kepada Rasulullah SAW, -ketika diutus ke Negeri Yaman-, "Ya Rasulullah wasiatkan kepadaku!" Rasulullah bersabda sebagaimana nukilan di atas. *Matan* hadisnya pula pada asasnya sama, kecuali berbeza letak sahaja, yakni antara lafaz القليل dengan العمل didahulukan atau dikemudiankan. Al-Bayhaqi dan Abu Naᶜim dengan ayat يكفك القليل من العمل sementara al-Hakim dengan ayat يكفك العمل القليل . Akan tetapi kedua-duanya pemahaman maknanya sama, iaitu bahawa amalan sedikit memadai asalkan ada ikhlas di dalamnya.

Mengikut al-Hakim[1270] adalah hadis ini *ṣaḥīḥ*, sementara mengikut al-Bayhaqi[1271] bahawa periwayatan hadis ini daripada orang kufah yakni ᶜAmr bin Murrah al-Jamali yang tidak berjumpa secara terus kepada Muᶜadh

bin Jabal, jadilah *isnad*nya *da*^{c}*if*; al-Mundhiri[1272] dan al-Dhahabi[1273] pula menyatakan bahawa dalam sanad ada *rawi* ^{c}Ubaydullah bin Zahr yang dinilai *da*^{c}*if*. Ulama yang menyatakan hadis ini *ṣaḥīḥ* adalah nampaknya memperhati *matan* semata-mata yang nampak bersesuaian dengan kehendak nas lain yang menyuruh agar ikhlas dalam setiap amalan, sama ada banyak mahupun sedikit. Akan tetapi apabila diperhatikan sanad adalah kritikan ulama menunjukkan bahawa hadis ini adalah *mursal* dan *da*^{c}*if*. Oleh itu dapat diperkatakan bahawa hadis ini adalah *da*^{c}*if isnad,* sepertimana dinyatakan oleh Muhammad Basyuni Zaghlul[1274] dan menepati kenyataan Syeikh al-Albani[1275] bahawa hadis ini *da*^{c}*if*.

Hadis: 210 (3)

إِنَّ اللهَ لاَ يَقْبَلُ مِنْ ٱلأَعْمَالِ إِلاَّ مَا كَانَ خَالِصًا وَابْتِغَاءَ وَجْهه.[1276]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh Abdus Samad ini, seumpama dengan riwayat Imam al-Nasa'i dan al-Bayhaqi[1277], dengan *rawi* pada tingkatan sahabatnya; Abu Umamah al-Bahili bagi riwayat al-Nasa'i dan al-Dahhak bagi riwayat al-Bayhaqi. Hal ini bermakna bahawa masing-masing riwayat dapat menjadi *shahid* dan *mutaba*^{c}*ah*. Adapun *matan* hadis nukilan al-Palembani di atas dapat dikatakan seumpama dengan riwayat al-Nasa'i, setidaknya dari segi makna kandungan dan pemahamannya kecuali berbeza sedikit pada lafaznya. Nukilan umpamanya menyebutkan lafaz الأعمال dengan *jama*^{c} sementara riwayat al-Nasa'i dengan lafaz العمل *mufrad* sahaja, kemudian dalam nukilan ابتغاء وجهه kalimah *isim,* manakala riwayat al-Nasa'i dengan lafaz *fi*^{c}*il* وابتغي به وجه , akan tetapi kedua-duanya dalam erti dan *mafhum* yang sama. Riwayat al-Nasa'i dimaksud adalah seperti berikut:

عن شداد أبي عمار عن أبي أمامة الباهلي قال جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه و سلم فقال أرأيت رجلا غزا يلتمس الأجر والذكر ما له فقال رسول الله صلى الله عليه و سلم لا شيء له فأعادها ثلاث مرات يقول له رسول الله صلى الله عليه و سلم لا شيء له ثم قال إن الله لا يقبل من العمل إلا ما كان له خالصا وابتغى به وجهه

Al-Mundhiri[1278] menyatakannya sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, al-Haythami[1279], membuat kenyataan bahawa dalam sanad hadis ini ada Ibrahim bin Mahshar yang mempunyai ke*da*^{c}*if*an, namun begitu beliau juga menyatakan bahawa Ibn Hibban dan ulama lain menilainya *thiqah* serta periwayat lainnya, adalah *ṣaḥīḥ*. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa pada asalnya hadis ini

adalah *ḥasan*, akan tetapi kerana ada sokongan hadis lain yang semakna, maka nilai hadis ini boleh dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih*, sepertimana dinyatakan oleh al-Mundhiri di atas dan menepati kenyataan al-Albani[1280] bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ li ghayrih*.

Fasal Ketujuh Tentang *Tawakkal*

Syeikh al-Palembani apabila menjelaskan perkara *tawakkal* dalam fasal ketujuh daripada bab kelima kitab *Hidayat al-Salikin* ini menukilkan satu hadis sahaja, paparan *takhrij sanad*, analisis *matan* dan darjatnya dapat dilihat pada penjelasan berikut:

Hadis: 211 (1)

لَوْ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَتَوَكَّلُونَ عَلَى اللهِ حَقَّ تَوَكُّلِهِ لَرُزِقْتُمْ كَمَا يُرْزَقُ الطَّيْرُ تَغْدُو خِمَاصًا وَتَرُوحُ بِطَانًا.[1281]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini sememangnya dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab beliau, ia diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad dan al-Bayhaqi[1282]. Kesemua riwayat sama dalam jalur periwayatannya, iaitu jalur *sanad* ᶜUmar bin al-Khattab pada (*tabaqah sahabah*), Abi Tamim al-Jayshani (*tabaqah tabiᶜin*), sehinggalah (*tabaqah atbaᶜ al-tabiᶜin*) ᶜAbdillah bin Hubayrah. Adapun *matan* hadisnya nampak bahawa ianya sama antara nukilan dengan kitab rujukan, kecuali satu lafaz yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ahmad dengan lafaz *fiᶜil madi* توكلتم sementara riwayat al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi dengan lafaz *fiᶜil mudariᶜ* iaitu تتوكلون, dan riwayat terakhir inilah yang diikuti oleh al-Palembani dalam nukilannya.

Ulama seumpama Abu Hatim al-Razi[1283] menyatakan *batil* sanad yang berasal daripada ᶜAbdullah bin ᶜUmar; Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[1284] pula memberi kenyataan bahawa "kami tidak mengetahui jalur periwayatan yang lain kecuali *sanad* melalui ᶜUmar bin al-Khattab sahaja". Hal ini memberi erti bahawa hadis ini *gharib*, akan tetapi beliau menyatakan kualiti hadis ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*; Ibn Hibban[1285], menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Baghawi[1286], membuat kenyataan *ḥasan* bagi hadis ini; Ibn al-ᶜArabi[1287]; pula menyatakannya *ṣaḥīḥ*; begitu juga al-Zarqani[1288] dan al-Saᶜdi[1289] mereka menyatakan *ṣaḥīḥ*; Ahmad Shakir[1290] menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*; yang ditambahkan oleh al-Albani[1291] bahawa *isnad ṣaḥīḥ* di

atas syarat Muslim. Oleh itu, hadis riwayat ᶜUmar bin al-Khattab dapat disimpulkan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana dinyatakan para ulama dan juga dinyatakan demikian oleh al-Albani[1292], manakala riwayat daripada ᶜAbdullah bin ᶜUmar dapat diperkatakan sebagai *ḥasan li ghayrih*, sepertimana dinyatakan oleh al-Wadiᶜi[1293].

Fasal Kelapan tentang *Mahabbah*

Memasuki perkara *mahabbah* (cinta) dalam fasal kelapan daripada bab kelima kitab *Hidayat al-Salikin* ini oleh Syeikh al-Palembani -dalam penjelasanya- dinukil tiga buah hadis sahaja. Paparan *takhrij sanad,* analisis *matan* dan nilai darjat hadisnya adalah seperti berikut:

Hadis: 212 (1)

أَحِبُّوا اللَّهَ لِمَا يَغْذُوكُمْ مِنْ نِعْمَتِهِ وَأَحِبُّونِي يُحِبُّ اللهُ.[1294]

Takhrij al-Hadith: Nukilan Syeikh Abdus Samad dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini sememangnya diriwayatkan oleh *muhaddithin* antaranya Imam al-Tirmidhi, al-Hakim dan al-Bayhaqi[1295]. Ketiga-tiga periwayatan tersebut bersumber daripada *rawi* yang sama, *tabaqah sahabat* adalah Ibn ᶜAbbas, *tabaqah tabiᶜin*; ᶜAli bin ᶜAbdillah bin ᶜAbbas, *tabaqah atbaᶜ al-tabiᶜin*; Muhammad bin ᶜAli bin ᶜAbdillah bin ᶜAbbas, sehinggalah *rawi* yang kelima; Hisham bin Yusuf. Adapun *matan* hadisnya pula ada sedikit perbezaan antara nukilan dengan sumber rujukan hadis yang didapati, iaitu pada penggalan akhirnya; dalam nukilan disebut وَأَحِبُّونِي يُحِبُّ اللهُ "*dan kasihilah oleh kamu akan daku niscaya Allah Taᶜala kasih akan kamu"* sementara dalam sumber وَأَحِبُّونِي بِحُبِّ اللهِ (riwayat al-Tirmidhi) atau وَأَحِبُّونِي لِحُبِّ اللَّهِ (riwayat al-Hakim dan al-Bayhaqi) "*dan kasihi oleh kamu akan daku kerana mencintai Allah Taᶜala*" dan sebenarnya masih ada sambungan bagi kesempurnaan hadis ini, iaitu وَأَحِبُّوا أَهْلَ بَيْتِي بِحُبِّي "dan kasihi ahli keluargaku (Nabi) kerana mengasihi aku".

Abu ᶜIsa al-Tirmidhi[1296] menyatakannya *ḥasan gharib*; Al-Hakim[1297] pula membuat kenyataan adalah *ṣaḥīḥ al-isnad*, Abu Naᶜim[1298] menyatakan dengan lafaz ini tidak diketahui sanad, kecuali daripada ᶜAli bin ᶜAbdillah bin ᶜAbbas, dan tidak ada orang yang meriwayatkan daripadanya kecuali Hisham bin Yusuf akan tetapi riwayatnya boleh dijadikan *hujah* kerana dia adalah salah seorang *rawi* yang *thiqah*. Manakala, mengikut Ibn

Taymiyah[1299] adalah *isnad daᶜif*; al-Dhahabi[1300] menyatakannya *gharib*; kerana mengikut al-Dhahabi[1301] dalam sanad ada ᶜAbdullah bin Sulayman al-Nawfali yang tidak diketahui (*majhul*) dan itulah yang menyebabkan al-Albani[1302] menilai *isnad daᶜif*. Pengkaji memperjelaskan semula bahawa al-Dhahabi mengkritik sanad hadis ini, namun pada masa yang sama beliau tidak menafikan bahawa periwayat berkenaan ada menerima riwayat daripada al-Zuhri, Thabit bin Thawban dan lain-lain.

Untuk memperjelaskan lagi, dikemukakan paparan tentang sanad hadis ini, yakni ada tujuh periwayat daripada Abu Dawud sehinggalah Ibn Abbas r.a. yang menerima riwayat daripada Rasulullah SAW:

1. Ibn ᶜAbbas (ᶜAbdullah bin ᶜAbbas), dikenali sebagai sahabat penafsir al-Quran yang tentunya disepakati keadilannya.
2. ᶜAli bin ᶜAbdullah bin ᶜAbbas, (Abih), al-Mizzi[1303] dengan mengutip padangan ᶜAbd al-Malik Marwan, menyatakan bahwa walaupun dia anak Ibn ᶜAbbas yang paling muda dan sedikit meriwayat hadis, namun dia thiqah, begitu juga pandangan al-ᶜAjli dan Abu Zurᶜah, dia *thiqah*.
3. Muhammad bin ᶜAli bin ᶜAbdullah bin ᶜAbbas, dinyatakan oleh Ibn Hajar[1304], dengan mengutip pandangan Ibn Hibban adalah dalam kumpulan tabiin yang *thiqah*; Muslim menyatakan tidak diketahui ia mendengar daripada atuknya (Ibn ᶜAbbas) dan juga tidak berjumpa, akan tetapi dalam riwayat ini beliau menerima daripada ayah beliau ᶜAli bin ᶜAbdullah bin ᶜAbbas.
4. ᶜAbdullah bin Sulayman al-Nawfali, al-Mizzi[1305] menyatakan bahawa riwayat hadis ini menjadi tinggi darjatnya kerana diriwayat oleh Yahya bin Maᶜin, ini bermakna bahawa periwayat ini, majhul sebagaimana al-Dhahabi yang tidak menyebut dalam penilaian beliau, akan tetapi mengikut Ibn Hajar[1306], ia adalah periwayat yang *maqbul*.
5. Hisham bin Yusuf al-Sanᶜani, al-Mizzi[1307] mengutip pandangan para ulama, seumpama al-Husayn bin al-Hasan al-Razi yang bertanya kepada Yahya bin Maᶜin, dan dijawab bahawa tidak apa-apa, dia lebih *dabit* daripada Ibn Jurayj; Ibn Hajar[1308] menukil pandangan al-Khalili yang menyatakan disepakati kethiqahannya; Abu Hatim juga menyatakannya *thiqah mutqin*.
6. Yahya bin Maᶜin bin ᶜAwn, dinyatakan oleh Ibn Hajar[1309] dengan mengutip pandangan Ibn Hibban dimasukkan dalam kumpulan orang-

orang *thiqah*, dia ahli hadis yang masyhur.

7. Abu Dawud Sulayman bin al-Ash^{c}ath, dikenali dan masyhur sebagai periwayat hadis yang dipercayai.

Berdasarkan penilaian sanad di atas dapatlah diperkatakan bahawa hadis adalah bernilai *ḥasan*, kerana kesemua periwayatnya dinilai baik, walaupun ada salah seorang periwayat dinilai oleh al-Dhahabi *majhul*, namun mengikut Ibn Hajar adalah *maqbul* jua adanya, akan tetapi tidaklah sampai pada peringkat *ṣaḥīḥ*, *wallahu a^{c}lam*.

Hadis: 213 (2)

لا يؤمن أحدكم حتى يكون الله ورسوله أحب إليه من نفسه وأهله وأولاده وماله والناس أجمعين.[1310]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh al-Palembani di atas seumpama dengan hadis yang antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim dan Ahmad bin Hanbal[1311]. Kedua-dua riwayat ini adalah sama sumber periwayatannya, iaitu Anas bin Malik r.a. Imam Muslim umpamanya menerima riwayat daripada Muhammad al-Muthanna dan Ibn Bashshar, keduanya daripada Muhammad bin Ja^{c}far, meriwayatkan daripada Shu^{c}bah, (*tabi^{c} al-tabi^{c}in*) daripada Qatadah (*tabi^{c}in*) daripada Anas bin Malik r.a. (sahabat). Adapun *matan* nukilan al-Palembani sememangnya tidak sama dengan kitab rujukan hadis, namun secara makna boleh dikatakan sama. Dalam nukilan ada penambahan واهله dan وماله semantara dalam rujukan tidak ada. Riwayat Muslim dengan lafaz ولده didahulukan daripada والده seperti berikut:

ووالده والناس أجمعين لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من ولده

Sementara riwayat al-Bukhari dan Ahmad terbalik letaknya, dan ada satu lagi riwayat Ahmad yang sama dengan riwayat Muslim di atas, seperti berikut:

لا يؤمن أحدكم حتى يكون الله ورسوله أحب إليه مما سواهما وحتى يقذف في النار أحب إليه من أن يعود في الكفر بعد أن نجاه الله منه ولا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من ولده ووالده والناس أجمعين

Dan juga ada satu riwayat yang masyhur dan boleh dikatakan semakna dengan hadis di atas, ia antaranya diriwayatkan oleh al-Bukhari, al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanabal, dan Ibn Hibban[1312] seperti berikut:

عَنْ أَنَسٍ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ

Daripada kesemua periwayatan tersebut dapat diperkatakan bahawa *sanad* ada dua jalur periwayatan yang bersumber daripada dua orang *sahabah*, iaitu Anas bin Malik dan Abu Umamah al-Bahili r.a.

Hadis ini dengan mengikuti *matan* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan Ahmad dapat diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ*, sepertimana sepakati dan diriwayatkan oleh Imam *muhaddithin* tersebut dan juga dinyatakan demikian oleh al-Arna'ut[1313] serta ada riwayat yang kuat dan masyhur, di mana ulama sepakat bahawa hadis berkenaan adalah *ṣaḥīḥ*, antaranya dinyatakan oleh Ibn al-ᶜArabi[1314], Ibn Taymiyah[1315] dan al-Albani[1316].

Hadis: 214 (3)

النِّسَاءُ وَجُعِلَ قُرَّةُ عَيْنِي فِي الصَّلَاةِ حُبِّبَ إِلَيَّ مِنْ دُنْيَاكم ثلاث الطِّيبُ وَ.[1317]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil semula oleh al-Palembani untuk kali kedua, setelah sebelumnya disebut pada fasal ketujuh bab keempat halaman 196 daripada kitab *Hidayat al-Salikin*, oleh itu pada kesempatan ini paparannya tidak diulang. Dengan demikian apabila ingin mengetahui lebih terperinci perihal yang berkenaan dengan riwayat ini, sila lihat semula perbahasannya pada hadis nombor 189 (6) buku ini dan secara ringkasnya dapat dinyatakan bahawa hadis ini diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Nasa'i, Ahmad bin Hanbal dan al-Hakim[1318]. daripada Anas bin Malik dengan darjat *ṣaḥīḥ* akan tetapi tanpa lafaz ثلاث ataupun ثلاثة, sepertimana dinyakan oleh para ulama antaranya al-Saᶜdi[1319] dan al-Albani[1320].

Fasal Kesembilan tentang *Rida* terhadap *Qada'*

Penjelasan Syeikh Abdus Samad al-Palembani berkenaan dengan *rida* terhadap *qada'* pada fasal kesembilan ini, beliau nukilkan tiga buah hadis Nabi yang mana paparan *takhrij sanad*, analisis *matan* dan nilai darjat hadis ini dapat diperhatikan dalam perbahasan berikut:

Hadis: 215 (1)

أعبدوا الله بالرضا فإن لم تستطع ففى الصبر على ما تكره خير كثير.[1321]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan al-Palembani dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini, seumpama dengan yang diriwayatkan antaranya oleh Imam al-Bayhaqi[1322] dan Ahmad bin Hanbal, bersumber daripada Ibn ᶜAbbas r.a. Dari segi *matan*, tidak ditemukan riwayat yang sama betul dengan nukilan tersebut, hanya secara makna daripada penggalan *matan* sahaja yang boleh dikatakan sama, dan sebenarnya hadis ini cukup panjang. *Matan* dimaksud selengkapnya seperti riwayat al-Bayhaqi berikut:

قال حدثنا عمر بن عبد الله مولى عفرة عن عبد الله بن عباس كذا قال كنت رديف رسول الله صلى الله عليه و سلم فقال : يا غلام ألا أعلمك كلمات لعل الله أن ينفعك بهن قلت: بلى يا رسول الله قال: احفظ الله يحفظك احفظ الله تجده أمامك تعرف إلى الله في الرخاء يعرفك في الشدة إذا سألت فاسأل الله و إذا استعنت فاستعن بالله ..... فإن استطعت أن تعمل لله بالرضا واليقين فافعل وإن لم تستطع فإن الصبر على ما تكره خيرا كثيرا و اعلم أن النصر مع الصبر و أن الفرج مع الكرب و أن مع العسر يسرا

Hadis ini dapat diperkatakan pada asasnya *ḥasan* dan boleh dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* berdasarkan kenyataan majoriti ulama. Antaranya, Ibn Taymiyah[1323], membuat kenyataan bahawa hadis ini *maᶜruf* dan *masyhur*; Ibn Rajab[1324], berkesimpulan *ḥasan jayyid*; al-ᶜAsqalani[1325], menyatakan bahawa sanad *ṣaḥīḥ* sehingga Qays, dan beliau berkenyataan *ḥasan*; al-Sanᶜani[1326], menyatakan *isnad ḥasan*; dan Ahmad Shakir[1327], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*, bahkan dinilai oleh al-Arna'ut sebagai hadis *ṣaḥīḥ*[1328]. Jadi, kenyataan ulama *ḥasan* bermakna *ḥasan li dhatih*, manakala kenyataan *ṣaḥīḥ* bermaksud *ṣaḥīḥ li ghayrih* atau *ṣaḥīḥ al-isnad, wallahu aᶜlam*.

Hadis: 216 (2)

إذا أحب الله عبدا ابتلاه فإن صبر إجتباه وإن رضي إصطفاه.[1329]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Syeikh Abdus Samad untuk menguatkan paparan beliau tentang rida terhadap *qada* dan *qadar* Allah SWT, dan hadis seumpamanya -pada penggalan pertamanya (إذا أحب الله عبدا ابتلاه)- diriwayatkan oleh al-Bayhaqi juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh*nya al-Manawi[1330] yang bersumber daripada Abi Hurayrah dan Ibn Masᶜud. Ada lagi hadis seumpamanya yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Bayhaqi[1331], bersumber daripada Anas bin Malik. Dari segi

matan pula, antara nukilan dengan kitab sumber rujukan ada perbezaan, nukilan al-Palembani nampak lebih fokus kepada seorang hamba sahaja, sama dengan penggalan pertama daripada riwayat al-Daylami dan al-Bayhaqi, manakala sambungannya tidak sama, dan riwayat al-Bayhaqi dimaksud dapat dilihat seperti berikut:

صلى الله عليه و سلم قال إذا أحب الله عبدا ابتلاه أخبرنا هشام الدستوائي عن حماد عن أبي وائل عن ابن مسعود أنه فمن حبه إياه يمسه البلاء حتى يدعوه فيسمع دعاءه

Riwayat ini mengikut al-Suyuti[1332] mempunyai *shawahid* dengan sanad yang baik, dan mengikut al-Albani[1333] adalah hadis ini *daᶜif*. Adapun riwayat lain dalam kitab sumber lebih bersifat *ᶜam* (umum) untuk semua orang (sesuatu kaum) dan penggalan pertamanya ada lagi sehingga ianya menjadikan hadis ini lengkap dan sempurna, seperti riwayat Ibn Majah berikut:

عن يزيد بن أبي حبيب عن سعد بن سنان عن أنس بن مالك عن رسول الله صلى الله عليه و سلم أنه قال عظم الجزاء مع عظم البلاء، إن الله إذا أحب قوما ابتلاهم، فمن رضى فله الرضا، ومن سخط فله السخط

Terhadap riwayat ini, majoriti ulama menyatakan hadis ini baik. Al-Tirmidhi[1334], membuat kenyataan bahawa hadis ini adalah *ḥasan gharib*; al-Mundhiri[1335], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ* atau *ḥasan*; Ibn Muflih[1336], membuat kenyataan *isnad jayyid*; dan al-Albani[1337] juga menyatakan *ḥasan*. Adapun terhadap hadis yang menjadi tajuk perbahasan ini (nukilan al-Palembani di atas) dapat diperkatakan bahawa pada asasnya adalah *daᶜif al-isnad*, sepertimana dinyatakan oleh al-ᶜIraqi[1338]. Akan tetapi secara *ᶜam*nya bahawa maksudnya sama dengan riwayat yang lebih kuat, dan oleh itu ia dapat dinaik tarafkan secara makna kepada *ḥasan li ghayrih*.

Hadis: 217 (3)

قال الله تعالى: أَنا الله لا إله إلا أَنا فمن لم يصبر على بلائى ولم يشكر لنعمائى ولم يرض بقائى فليطلب ربا سوائى.[1339]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitab beliau, ia adalah hadis qudsi yang mengikut ᶜAbdullah ᶜUrwani[1340] ditakhrij oleh al-Tabrani dan Ibn Hibban, dan bersumber daripada Abi Hind. Al-Tabrani umpamanya menerima riwayat daripada Yahya bin ᶜAbd al-Baqi, daripada Saᶜid bin Ziyad, daripada Abi Ziyad bin Fa'id, daripada ayahnya (Fa'id bin Ziyad) daripada atuknya (Ziyad bin Abi Hind) daripada Abi Hind al-Dari, beliau berkata mendengar Rasulullah SAW bersabda. Lain lagi dengan *sanad* riwayat al-Bayhaqi yang menerima daripada Abu

ᶜAbdillah al-Hafiz, daripada Abu al-Husayn Muhamamd bin al-Hasan bin Ali al-Warraq, daripada Ali bin Yazdad al-Jurjani, daripada ᶜIsam bin al-Layth al-Sudusi berkata, Anas bin Malik r.a. mendengar Rasulullah SAW bersabda dengan *matan* yang perbezaan.

Dari segi *matan* pada asasnya ada kesamaan iaitu bahawa riwayat ini adalah hadis qudsi dan memperbincangkan perihal rida di aatas ketentuan Allah SWT, akan tetapi ada juga perbezaan; dalam nukilan disebut ولم يشكر لنعمائى sementara rujukan tidak menyebutnya, kemudian nukilan meriwayatkan dengan lafaz فليطلب ربا سوائى sementara dalam rujukan diriwayatkan dengan lafaz فَلْيَلْتَمِسْ رَبًّا سِوَايَ . Perbezaan ini dalam maksud yang sama, yakni ingin menyampaikan bahawa ketentuan Allah mesti dipatuhi dan dijalankan, tiada sesiapa yang boleh mengubahnya. Lafaz ولم يشكر لنعمائى dalam nukilan tersebut dapat dinyatakan sebagai *ziyadah* yang mesti ditinggalkan, walaupun ia timbul mungkin kerana ingin menyelaraskan dengan lafaz لم يصبر di mana pada kebiasaannya dua sifat ini sentiasa berdampingan untuk menyatakan dua keadaan yang berbeza, akan tetapi ianya tidak menyebabkan diakuinya sebagai hadis, justeru nyata bahawa ia bukan daripada hadis Nabi SAW.

Mengikut al-Dhahabi[1341] dalam *sanad* ada Saᶜid bin Ziyad yang dikatakannya *matruk* dan kenyataan ini diikuti oleh al-Azdi dan Ibn Hibban; al-ᶜIraqi pula terus menyatakan sanad hadis ini *daᶜif jiddan*; namun demikian mengikut ᶜAbdullah ᶜUrwani[1342] sanad *daᶜif*, begitu pula al-Albani[1343] berkesimpulan bahawa adalah hadis ini *daᶜif* kerana ada sokongan daripada hadis lain yang lebih kuat dan semakna dengannya. Oleh itu, nyatalah bahawa hadis ini adalah *daᶜif* yang boleh diambil pengajaran sebagai nasihat sahaja.

Fasal Kesepuluh tentang *Zikir al-Mawt*

Perkara *zikir al-mawt* dalam fasal kesepuluh daripada bab kelima kitab *Hidayat al-Salikin* ini dalam penjelasanya, Syeikh al-Palembani menyebutkan lima buah hadis. Paparan *takhrij* dan analisis *matan* serta darjat hadisnya dapat dilihat dalam penjelasan berikut:

Hadis: 218 (1)

أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ فإنه ما ذكره أَحد فى ضيق من العيش إلا وسعه ولا فى سعة إلا ضيقها.[1344]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin* ini, seumpama dengan riwayat *muhadditin*, antaranya Imam al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah, dan al-Bayhaqi[1345]. Dan daripada periwayatan tersebut tergambar bahawa *rawi* pertamanya (sahabat) adalah Abu Hurayrah r.a., Abi Sa^{c}id al-Khudri r.a., Ibn ^{c}Umar r.a. dan Anas bin Malik r.a. Pada *tabaqah tabi^{c}in* pula adalah Abi Salamah, ^{c}Atiyah, Nafi^{c} dan Thabit. Dengan demikian dapat diperkatakan bahawa hadis ini mempunyai *shawahid* dan *mutaba^{c}at*. Daripada Abu Hurayrah diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah sementara Abi Sa^{c}id al-Khudri diriwayatkan juga oleh al-Tirmidhi, daripada Ibn ^{c}Umar dan Anas, masing-masingnya diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Bayhaqi. Adapun *matan* bagi hadis ini, nampaknya nukilan al-Palembani tersebut sama dengan riwayat al-Tabrani, manakala riwayat dalam sumber rujukan lainnya hanya menyebut: أَكْثِرُوا ذِكْرَ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ ataupun ada tambahan يَعْنِي الْمَوْتَ (mengikut riwayat Ibn Majah), ada juga riwayat al-Tirmidhi yang bersumber daripada Abi Sa^{c}id cukup panjang, tetapi hanya sama pada penggalan pertamanya sahaja, tidak menyebut sambungannya sebagaimana nukilan tersebut.

Hadis yang masyhurnya dan dapat dipertanggungjawabkan adalah setakat أكثروا ذكر هاذم اللذات يعني الموت dan hukum hadisnya pula adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih*, berdasarkan kenyataan para ulama, antaranya Ibn Hibban[1346], menyatakannya *ṣaḥīḥ*; al-Mundhiri[1347], membuat kenyataan *isnad ḥasan*; al-Nawawi[1348], membuat kenyataan *isnad ṣaḥīḥ*; al-^{c}Asqalani[1349] menyatakannya *ḥasan*; Ahmad Shakir[1350], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*; dan al-Albani[1351], pada satu kenyataannya *ṣaḥīḥ* dan pada kenyataan yang lain adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*[1352]. Dengan demikian boleh difahamkan dan disimpulkan bahawa pada asasnya hadis ini adalah *ḥasan*, dan kemudiannya dapat dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* kerana adanya *shawahid* dan *mutaba^{c}at*.

Hadis: 219 (2)

لو يعلم البهائم من الموت ما يعلم ابن أَدم لما اكلتم منها سمنا.[1353]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini semakna dengan riwayat Imam al-Bayhaqi dan juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta

sharh al-Manawi[1354]. al-Bayhaqi menerima daripada Abi al-Husayn bin Bishran, daripada Isma^{c}il bin Muhammad al-Saffar, daripada Muhammad bin Saleh al-Anmati, daripada Muhammad bin Isma^{c}il, daripada ^{c}Abdullah bin Salamah, daripada Ummu Habibah al-Juhaniyah beliau berkata, bersabda Rasulullah SAW Adapun *matan* antara nukilan dengan temuan pada asasnya sama maksudnya, namun ada sedikit perbezaan, pada pertengahan nukilan disebutkan ابن ادم sementara dalam sumber بنوآدم , kemudian yang sangat ketara perbezaannya adalah pada bahagian akhir hadis ini, nukilan menyebutkan لما اكلتم منها yang menjadi *fa^{c}il* adalah manusia, sementara kitab sumber dangan lafaz ما أكلَتْ *fa^{c}il* adalah *baha'im* (haiwan); kemudian lafaz terakhir dalam nukilan disebut سمنا, manakala sumber menyebut سمينا ada huruf "*ya*".

Perbezaan lafaz pertama dan terakhir pada perbahasan ini tidaklah menjadikan masalah yang berlarutan apabila dilihat maksudnya sama sahaja, akan tetapi pada lafaz yang melibatkan perbezaan dalam struktur bahasa maka mesti diluruskan, dalam hal ini riwayat dalam kitab sumber adalah lebih logik kerana yang menjadi perbandingan adalah manusia dan haiwan. "Kalaulah haiwan mengetahui akan kematian sebagaimana manusia" bererti ayat selanjutnya tentulah menunjukkan kepada haiwan dan kita pun sedia maklum, mestilah merujuk kepada kitab sumber rujukan yang sebenar. Riwayat al-Bayhaqi dimaksud adalah seperti berikut:

أخبرنا أبو الحسين بن بشران أنا إسماعيل بن محمد الصفار ثنا محمد بن صالح الأنماطي ثنا محمد بن إسماعيل ثنا عبد الله بن سلمة عن أم حبيبة الجهنية قالت قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : لو يعلم البهائم الموت ما يعلم بنو آدم ما أكلت سمينا

Mengikut al-Bayhaqi[1355] adalah periwayatan hadis ini *da^{c}if*; al-^{c}Asqalani[1356] menyatakan hadis ini *gharib*; al-Manawi[1357] berkesimpulan *da^{c}if* dengan mengutip pandangan al-Dara Qutni bahawa *rawi* ^{c}Abdullah bin Salamah dalam sanad ini *da^{c}if*; begitupun dengan al-Albani[1358]. menyatakan *da^{c}if* terhadap riwayat Abu Sa^{c}id, manakala riwayat daripada Khawlah binti Qays al-Ansari adalah *da^{c}if jiddan*[1359]. Dengan demikian dapat dinyatakan bahawa hadis ini mempunyai dua sanad yang berbeza, ada yang bernilai *da^{c}if* dan juga ada yang *da^{c}if jiddan* dengan *sanad* berlainan.

Hadis: 220 (3)

[1360].يارسول الله هل يحشر مع الشهداء أَحد، قال نعم. من يذكر الموت فى اليوم والليلة عشرين مرة

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ini, disebut juga oleh al-Ghazali dan al-Manawi[1361] sebagai sabda Nabi SAW daripada ᶜA'ishah r.a. setelah beliau bertanya kepada baginda. Al-Manawi mengutip daripada *Tadhkirat al-Qurtubi*, tanpa menyebutkan jalur periwayatannya, maka jadilah riwayat ini tidak jelas *sanad*. Dari segi *matan* pula memanglah banyak nas yang menyatakan tentang kematian dan sememangnya manusia diingatkan dengan masalah kematian ini, namun tidak menyebut fasal bilangan (20 kali) agar bersama kumpulan orang-orang mati *syahid* (*syuhada'*).

Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa sanad hadis ini tidak dapat dikesan, sepertimana dinyatakan oleh ᶜAbdullah ᶜUrwani[1362] mengutip pendapat al-ᶜIraqi bahawa tidak dapat menentukan sanadnya, dan hal ini memberi erti bahawa berdasarkan sanadnya, maka hadis ini adalah *mawduᶜ*, kerana secara rasional tidak perlu sebenarnya mengira-ngira kematian dengan bilangan tertentu kerana ianya termasuk benda yang abstrak, dan hadis nombor 218 -yang bernilai *ṣaḥīḥ*-, menggalakkan umat ini agar memperbanyak mengingati mati, tanpa menyebut angka tersebut.

Hadis: 221 (4)

كفى بالموت واعظا.[1363]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil Syeikh Abdus Samad ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya ini, diriwayat oleh al-Bayhaqi dan juga ditakhrij oleh al-Suyuti serta di*sharh* al-Manawi[1364] dengan sumber pertamanya ᶜAmmar bin Yasir. Al-Bayhaqi menerima riwayat daripada Abu al-Husayn bin Bishran, Ismaᶜil bin Muhammad al-Saffar, ᶜUmar bin Anis al-Dalal, Dawud bin Rashid, al-Rabiᶜ bin Badr, Yunus bin ᶜUbayd, al-Hasan, dan daripada ᶜAmmar bin Yasir beliau berkata, bersabda Rasulullah SAW. Adapun *matan* hadis ini tidak ada perbezaan antara nukilan dan rujukan, hanya saja dalam kitab sumbernya disebutkan secara lengkap seperti berikut:

حدثنا داود بن رشيد ثنا الربيع بن بدر عن يونس بن عبيد عن الحسن عن عمار يعني ابن ياسر قال كان النبي صلى الله عليه و سلم يقول : كفى بالموت واعظا و كفى باليقين غنى و كفى بالعبادة شغلا

Mengikut al-Mundhiri[1365] dan al-Haythami[1366], dalam sanad ada *rawi* al-Rabiᶜ bin Badr yang dinilai *matruk* hadisnya; al-ᶜIraqi[1367] menambah bahawa kenyataan pada riwayat tersebut masyhur sebagai kenyataan daripada al-Fudayl bin ᶜIyad semata-mata; al-Sakhawi[1368] dan al-Ghuzzi[1369]

menyatakan *isnad da^c^if*; manakala al-Albani[1370] menyatakannya sebagai *da^c^if jiddan*. Pada asasnya hadis ini adalah *da^c^if*, akan tetapi apabila memperhatikan kepada kritik ulama seumpama al-Mundhiri dan al-Haythami terhadap seseorang rawi sedemikian, sementara sokongan daripada riwayat lain yang lebih kuat tidak ada, maka riwayat hadis ini dapatlah diperkatakan sebagai hadis *da^c^if jiddan* sepertimana disimpulkan al-Albani di atas.

Hadis: 222 (5)

[1371].تركت بينكم واعظين صامتا وناطقا فالصامت الموت والناطق القرآن

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang kelima pada fasal kesepuluh ini dinukil oleh al-Palembani ke dalam kitab beliau, dan setakat ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab rujukan hadis, kecuali dinyatakan oleh al-Ghazali[1372] sebagai sabda Nabi SAW dan nukilan al-Palembani di atas sememangnya sama dengan nukilan al-Ghazali. Dengan demikian berdasarkan pandangan ilmu hadis menerusi penyeledikian ini, diperkatakan bahawa nukilan di atas tidak dapat dikesan sanad, sepertimana dinyatakan oleh ^c^Abdullah ^c^Urwani[1373] dan tidak dapat dikatakan berasal daripada Nabi SAW walaupun kandungannya dapat diambil pengajaran yang amat baik dan berharga serta logik. Oleh itu, pengkaji mempunyai pandangan bahawa kenyataan ini boleh digolongkan sebagai *qawl al-Hukama',* kerana selain kandungannya yang boleh dijadikan pengajaran ia juga tidak bercanggah dengan mana-mana nas yang *qat^c^iy*.

Hadis Bab Keenam tentang Keutamaan Zikir dan Adabnya

Bab keenam daripada tujuh bab kandungan kitab *Hidayat al-Salikin* ini hanya merangkumi tiga fasal, dan Syeikh al-Palembani dalam penjelasannya mengemukakan tujuh riwayat yang dikatakan sebagai hadis Nabi SAW ditambah satu riwayat yang merupakan nukilan tambahan daripada Shamsuddin Siddiq apabila memperjelas paparan Syeikh al-Palembani, dan nukilan riwayat hadis dalam bab ini pun kesemuanya terdapat dalam fasal pertama sahaja.

Fasal Pertama tentang Keutamaan Zikir

Inilah fasal yang pertama daripada tiga fasal bagi bab keenam kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syekh Abdus Samad al-Palembani. Sebagaimana disebut sebelum ini bahawa dalam fasal ini mengandungi tujuh riwayat yang disebut sebagai Sabda Nabi SAW ditambah satu nukilan tambahan daripada pen*tahqiq* (Shamsuddin Siddiq). Paparan hadis, *takhrij sanad* dan analisis *matan* serta nilai darjatnya seperti berikut:

Hadis: 223 (1)

لا إله إلا الله أَفضل الذكر.[1374]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Shamsuddin Siddiq apabila menambah jelas kenyataan Syeikh Abdus Samad mengenai *Fadilat al-dhikr* (keutamaan zikir) dalam fasal ini. Sebenarnya hadis ini telah pun disebut oleh beliau apabila menguatkan paparan al-Palembani mengenai zikir juga, yakni pada bab kedua fasal keenam nombor hadis kelima daripada fasal berkenaan. Oleh itu, dalam ruang ini penulis tidaklah mengulang semula paparannya. Apabila mahukan paparannya sila rujuk kepada hadis nombor 44 (5), dan secara ringkasnya dapatlah diperkatakan bahawa semua periwayatannya daripada sahabat, Jabir bin ᶜAbdilllah sahaja dan hasil kompromnya dapat disimpulkan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ li ghayrih*.

Hadis: 224 (2)

أَلا أُنَبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ وَأَرْفَعِهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ وَخَيْرٍ من أن يعطوا الذَّهَب وَالْوَرِقِ وَ أَنْ تَلْقَوْا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوا أَعْنَاقَكُمْ قَالُوا ما ذاك يا رسول الله قَالَ ذِكْرُ اللَّهِ.[1375]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas ini dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*. Hadis seumpamanya antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi, Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim dan al-Bayhaqi[1376], dan daripada riwayat tersebut dapat digambarkan bahawa ianya bersumber daripada *rawi* sama, iaitu Abi al-Darda' r.a. pada *tabaqah sahabah* sehinggalah *tabaqah atbaᶜ al-tabiᶜin* yakni Ziyad. Al-Tirmidhi umpamanya menerima periwayatan daripada al-Hasan bin Hurayth, daripada al-Fadl bin Musa, daripada ᶜAbdillah bin Saᶜid

yakni Ibn Abi Hind, daripada Ziyad, daripada Abi Bahriyyah, daripada Abi al-Darda' r.a. beliau berkata, bersabda Rasulullah SAW Adapun dari segi *matan* pula pada asasnya antara nukilan dengan kitab sumber adalah sama, kecuali ada sedikit perbezaan lafaz yang diriwayatkan. Nukilan dalam kitab *Hidayat al-Salikin* nampaknya lebih mirip dengan riwayat Imam al-Hakim kecuali dalam nukilan lafaz يعطوا الذَّهَب menggunakan lafaz *fi*^{c}*il* sementara al-Hakim dan Ibn Majah meriwayat dengan lafaz *isim masdar*nya, إعطاء الذهب, selengkapnya seperti berikut:

عن أبي الدرداء رضى الله تعالى عنه قال قال النبي صلى الله عليه وسلم ..... وخير لكم من إعطاء الذهب والورق وأن تلقوا عدوكم فتضربوا أعناقهم ويضربوا أعناقكم قالوا وما ذاك يا رسول الله قال ذكر الله عز وجل وقال معاذ بن جبل ما عمل آدمي من عمل أنجى له من عذاب الله من ذكر الله عز وجل .

Adapun apabila diperbandingkan dengan riwayat al-Tirmidhi adalah perbezaannya pada dua kalimah, iaitu dalam nukilan وَخَيْر من أن يعطوا الذَّهَبِ dan قَالُوا ما ذاك يا رسول الله sementara dalam riwayat *al-Tirmidhi* disebut من إنفاق الذهب dan قالوا بلى. seperti riwayat berikut:

عن أبي الدرداء رضي الله عنه قال قال النبي صلى الله عليه و سلم ..... وخير لكم من إنفاق الذهب والورق وخير لكم من أن تلقوا عدوكم فتضربوا أعناقهم ويضربوا أعناقكم ؟ قالوا بلى قال ذكر الله تعالى فقال معاذ بن جبل رضي الله عنه ما شيء أنجى من عذاب الله من ذكر الله

Walaupun ada perbezaan pada ayat dan lafaznya, akan tetapi maknanya sama dan tidaklah sampai menjejaskan maksud kandungan hadis berkenaan.

Para ulama seperti al-Hakim[1377] membuat kenyataan bahawa hadis ini adalah *ṣaḥīḥ al-isnad*; al-Mundhiri[1378] menyatakan *isnad ḥasan* semantara al-^{c}Asqalani[1379] menyatakan *ḥasan*, manakala al-Albani[1380] dan al-Wadi^{c}i[1381], menyatakannya *ṣaḥīḥ*. Oleh itu, dapat diperkatakan dan dinyatakan dengan mengambil kira semua pandangan ulama di atas bahawa hadis ini pada asasnya adalah *ḥasan li dhatih,* kemudian dapat dinaik taraf kepada *ṣaḥīḥ li ghayrih* sebagai kompromi daripada pandangan para ulama tersebut di atas, bahawa kenyataan *ḥasan* bermakna *ḥasan li dhatih*, adapaun kenyataan *ṣaḥīḥ* bermakna *ṣaḥīḥ li ghayrih*, *wallahu a*^{c}*lam*.

Hadis: 225 (3)

إِنَّ لِلَّهِ مَلائِكَةً سَيَّارَةً يَتَتَبَّعُونَ مَجَالِسَ الذِّكْرِ فَإِذَا وَجَدُوا مَجْلِسًا فِيهِ ذِكْرٌ قَعَدُوا مَعَهُمْ وَحَفَّ بَعْضُهُمْ بَعْضًا بِأَجْنِحَتِهِمْ حَتَّى

يَمْلَئُوا مَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ السَّمَاءِ فَإِذَا تفَرَّقُوا عَرَجُوا وَصَعِدُوا إِلَى السَّمَاءِ...[1382]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani. Hadis seumpama nukilan di atas antaranya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim, dan al-Hakim[1383] dengan *matan* yang sedikit berbeza. Ketiga-tiga riwayat ini sama jalur *sanad* periwayatannya, iaitu daripada Abi Hurayrah (pada tingkatan sahabat) sehinggalah *tabi*^{c} *al-tabi*^{c}*in*; Suhayl. Adapun *matan* hadisnya pula, pada asasnya nukilan al-Palembani tersebut sama dengan riwayat Imam Muslim kecuali ada sedikit perbezaan seperti dalam sumber ada lafaz فُضُلا selepas kata سيارة sementara nukilan tidak ada; dalam sumber termaktub وَبَيْنَ سمَاءِ الدُّنْيَا ada tambahan الدنيا sementara dalam nukilan tidak menyebutkannya, perbezaan lafaz sedemikian tidak merubah makna dan tentulah hal ini tidak menjejaskan maksud kandungan hadis berkenaan. Namun demikian, sebagaimana yang sudah menjadi perinsip bahawa apabila berlaku perbezaan seperti ini, sepatutnya yang diperpegangi adalah kitab sumber rujukan kepada hadis berkenaan. Riwayat al-Bukhari yang sedikit berbeza seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ لِلَّهِ مَلائِكَةً يَطُوفُونَ فِي الطُّرُقِ يَلْتَمِسُونَ أَهْلَ الذِّكْرِ فَإِذَا وَجَدُوا قَوْمًا يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَنَادَوْا هَلُمُّوا إِلَى حَاجَتِكُمْ قَالَ فَيَحُفُّونَهُمْ بِأَجْنِحَتِهِمْ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا قَالَ فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ مِنْهُمْ مَا يَقُولُ عِبَادِي قَالُوا يَقُولُونَ يُسَبِّحُونَكَ وَيُكَبِّرُونَكَ وَيَحْمَدُونَكَ وَيُمَجِّدُونَكَ.... الحديث

Hadis ini dapat diperkatakan sebagai hadis *ṣaḥīḥ* sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh dua Imam hadis (al-Bukhari dan Muslim), dan yang lainnya, serta dinyatakan oleh al-Hakim[1384], al-Mundhiri[1385] dan Ibn al-Qayyim[1386] bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ* di atas syarat bagi imam Muslim.

Hadis: 226 (4)

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ حيث ذَكَرَنِي.[1387]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, hadis seumpanya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Majah dan al-Hakim[1388], dan nampaknya nukilan al-Palembani tersebut sama dengan salah satu riwayat Muslim. Daripada keselurahan riwayat tersebut, *sanad* akhir bagi hadis ini (*tabaqah sahabah*) adalah sama, iaitu Abu Hurayrah r.a. sementara pada *tabaqah tabi*^{c}*in*nya ada dua, iaitu Abu Saleh dan Yazid bin al-^{c}Asam. Hal ini bererti bahawa hadis ini tiada

sebarang *shahid* namun ada *tabi*ᶜ. Hadis ini sebenarnya cukup panjang namun dinukil hanya potongannya sahaja kerena berdasarkan keperluan semasa. Kecuali ada satu lafaz yang berbeza, sama ada antara nukilan dengan kitab sumber mahupun antara kitab sumber itu sendiri.

Dalam nukilan disebut أنَا مَعَهُ حيث ذَكَرَنِي sementara dalam kitab sumber, ada yang dengan lafaz إذا ذكرني (riwayat al-Bukhari), ada dengan lafaz حين يذكرنى (satu riwayat Muslim, al-Tirmidhi dan Ibn Majah), ada dengan lafaz حيث يذكرني (riwayat Muslim yang lain) dan ada juga riwayat al-Tirmidhi yang lain dengan lafaz إذا دعاني, perbezaan tersebut sama sekali tidak menjejaskan makna dan maksud hadis berkenaan. Riwayat al-Bukhari dimaksud adalah seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي فَإِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَإٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَإٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِشِبْرٍ تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً

Adapun darjat hadis ini dapat diperkatakan dan dinyatakan *ṣaḥīḥ*, sepertimana disepakati dan diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, pada masa yang sama juga diikuti kesepakatan tersebut oleh para ulama seumpama al-Mundhiri[1389], al-Nawawi[1390], Ibn Taymiyah[1391], al-Zarqani[1392], al-Albani[1393] dan lain-lain.

Hadis: 227 (5)

سَبَقَ الْمُفْرِدُونَ قَالُوا وَمَا الْمُفْرِدُونَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْمُسْتَهْتَرُونَ فِي ذِكْرِ اللَّهِ يَضَعُ الذِّكْرُ عَنْهُمْ أَثْقَالَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.[1394]

Takhrij al-Hadith: Riwayat tentang keutamaan zikir ini dinukil oleh al-Palembani, dan hadis seumpamanya diriwayatkan antaranya oleh Imam Muslim, al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim, dan al-Bayhaqi[1395]. dengan *sanad* hadis pada *tabaqah sahabah*nya adalah Abu Hurayrah r.a. manakala pada *tabaqah tabi*ᶜ*in* dan seterusnya ada dua, iaitu al-ᶜAla' daripada ayahnya dan Yahya bin Kathir daripada Abi Salamah. Umpamanya, Imam Muslim menerima riwayat daripada Umayyah bin Bistam al-ᶜAyshi, daripada Yazid yaᶜni Ibn Zurayᶜ, daripada Rawh bin al-Qasim, daripada al-ᶜAla', daripada ayahnya, daripada Abi Hurayrah r.a. Dari segi *matan* pula nukilan al-Palembani di atas hampir sama dengan riwayat Imam al-Tirmidhi yang diikuti salah satu riwayat al-Bayhaqi,

kecuali ada sedikit perbezaan; pada bahagian akhirnya, dalam nukilan disebut يَضَعُ الذِّكْرُ عَنْهُمْ أَثْقَالَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ sementara dalam kitab *Sunan al-Tirmidhi* disebutkan يَضَعُ الذِّكْرُ عَنْهُمْ أَثْقَالَهُمْ فَيَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِفَافًا ada tambahan فَيَأْتُونَ sebelum lafaz *yawm al-qiyamah* dan خِفَافًا .

Sebagaimana sedia maklum bahawa kita mempunyai prinsip untuk sentiasa mengikuti kitab yang menjadi rujukan hadis daripada kitab yang lainnya apabila terjadi perbezaan, dengan matlamat membetulkan ataupun meluruskan kesilapan yang berlaku pada masa ini. Adapun mengikut riwayat Imam Muslim dan juga riwayat yang lainnya seumpama riwayat Ahmad, al-Hakim dan al-Tabrani, *matan* seperti berikut:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسِيرُ فِي طَرِيقِ مَكَّةَ فَمَرَّ عَلَى جَبَلٍ يُقَالُ لَهُ جُمْدَانُ فَقَالَ سِيرُوا هَذَا جُمْدَانُ سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ قَالُوا وَمَا الْمُفَرِّدُونَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الذَّاكِرُونَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتُ

Hadis yang seperti mana diriwayatkan oleh Muslim dapat diperkatakan adalah *ṣaḥīḥ*, sebagaimana juga dinyatakan ulama, seperti al-Mundhiri[1396] manakala riwayat yang dinukil al-Palembani, para ulama menilainya; al-Tirmidhi[1397], menyatakan *ḥasan gharib*; Ibn ᶜAdi[1398] menyatakan bahawa dalam sanad ada ᶜUmar bin Rashid, yang mana majoriti hadisnya tidak selaras dengan riwayat yang *thiqat*, bahkan dia lebih dekat kepada *daᶜif*; al-Mundhiri[1399], menyatakan *isnad* boleh *ṣaḥīḥ* ataupun *ḥasan*; al-Dhahabi[1400] menyebut ᶜUmar bin Rashid dikritik; al-ᶜIraqi[1401] menyatakannya *daᶜif*; begitupun al-Albani[1402] juga menyatakannya *daᶜif.* Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hadis ini pada asasnya *daᶜif* akan tetapi kerana tidak terlalu *daᶜif* dan adanya riwayat lain seumpamanya yang lebih kuat, sehingga dapat menaik tarafnya menjadi *ḥasan li ghayrih*, *wallahu aᶜlam*.

Hadis: 228 (6)

مَنْ شَغَلَهُ ذِكْرِي عَنْ مَسْأَلَتِي أَعْطَيْتُهُ أَفْضَلَ مَا أُعْطِي السَّائِلِينَ.[1403]

Takhrij al-Hadith: Riwayat di atas termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* karya Syeikh Abdus Samad al-Palembani. Hadis ini seumpama dengan riwayat Imam al-Tirmidhi dan al-Bayhaqi[1404], riwayat al-Tirmidhi bersumber daripada Abi Saᶜid, manakala riwayat al-Bayhaqi daripada ᶜUmar bin al-Khattab dan Jabir bin ᶜAbdillah. Hal ini bermakna bahawa hadis ini mempunyai tiga jalur periwayatan pada tingkat sahabat yang boleh diertikan ada *shahid* bagi periwayatan ini. Dari segi *matan* pun

boleh dikatakan sama antara nukilan dengan kitab sumber rujukan, khasnya dengan riwayat al-Bayhaqi, sehingga boleh dikatakan bahawa al-Palembani mengutip daripada riwayat al-Bayhaqi. Manakala, riwayat al-Tirmidhi ada tambahan lafaz القرآن selepas lafaz شغله ini bererti -mengikut riwayat al-Tirmidhi ini- bahawa zikir dan membaca al-Quran adalah satu pekerjaan yang berlainan namun sama dalam matlamatnya, iaitu dalam kerangka berzikir (mengingati) Allah SWT.

Dan sebenarnya ada lagi sambungan *matan* seperti riwayat al-Tirmidhi berikut:

حدثنا محمد بن الحسن بن أبي يزيد الهمداني عن عمرو بن قيس عن عطية عن أبي سعيد قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم يقول الرب عز و جل من شغله القرآن وذكري عن مسألتي أعطيته أفضل ما أعطي السائلين وفضل كلام الله على سائر الكلام كفضل الله على خلقه

Hal ini memberi gambaran bahawa salah satu bentuk zikir kepada Allah adalah membaca al-Quran, sehinggalah Allah SWT melalui hadis *qudsi* ini menyatakan bahawa *kalamullah* (al-Quran) ini mempunyai kelebihan yang amat besar. Adapun penilaian para ulama terhadap hadis ini seumpama al-Tirmidhi[1405], menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan gharib*, mengikut al-Bayhaqi[1406], hadis sebegini juga diriwayat oleh al-Bukhari daripada Dirar daripada Safwan, di dalam al-Tarikh, dan mengikut al-Albani[1407] pula adalah hadis ini *da^{c}if*, kerana mengikut beliau dalam *sanad* al-Tirmidhi ada ^{c}Atiyyah yang *da^{c}if* juga ada Muhammad bin al-Hasan bin Abi Yazid yang dituduh tidak baik, begitu juga -mengikut beliau- yang disebut ada *takhrij* al-Bukhari, sebenarnya *sanad*, justeru *da^{c}if jiddan*, kerana Safwan dan gurunya adalah kedua-duanya *da^{c}if.* Akan tetapi mengikut al-Albani, kalaulah apa yang dikata oleh al-Bayhaqi -ada *mutaba^{c}ah-,* itu benar *sanad* "al-Hakam bin Bashir" menjadi penyokong maka ianya betul-betul kuat dengan penilaian *saduq*.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa walaupun hadis ini pada asasnya *da^{c}if* seperti kenyataan al-Albani, akan tetapi boleh jadi *ḥasan li ghayrih* berdasarkan kenyataan al-Tirmidhi dan juga adanya kemungkinan *mutaba^{c}ah* terhadap periwayat yang lemah, jika tidak pun, maka ia masih boleh dijadikan sebagai motivasi beramalan.

Hadis: 229 (7)

[1408].إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا فيها فقيل (له) وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ قَالَ مجالس الذِّكْرِ

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin* al-Palembani. Hadis seumpamanya diriwayatkan diriwayat oleh Imam al-Tirmidhi, Ahmad bin Hanbal, al-Hakim dan al-Bayhaqi[1409], dengan dua jalur *sanad* sahaja, iaitu daripada Anas bin Malik dan Jabir bin ᶜAbdillah r.a. Al-Tirmidhi umpamanya dalam salah satu riwayatnya menerima daripada ᶜAbd al-Warith bin ᶜAbd al-Samad, daripada ayahnya, daripada Muhammad bin Thabit al-Bannani, daripada ayahnya, daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, dan inilah pula *sanad* yang diikuti oleh Ahmad bin Hanbal dan al-Bayhaqi, sementara periwayatan lainnya menerusi jalur *sanad* Jabir bin ᶜAbdillah r.a..

Adapun *matan* hadis yang diriwayatkan pada asasnya sama, hanya ada satu lafaz yang berbeza, iaitu pada lafaz حلق الذكر ataupun مجالس الذكر, dan daripada hal ini dapat digambarkan bahawa apabila mengikut riwayat Anas bin Malik adalah dengan lafaz حلق الذكر, manakala riwayat Jabir dengan lafaz مجالس الذكر , namun kedua-dua lafaz tersebut dalam erti dan maksud yang sama, iaitu satu kumpulan orang yang sedang melaksanakan pembacaan dengan tujuan berzikir atau mengingati Allah SWT. Al-Tirmidhi juga meriwayat satu hadis yang sedikit berbeza *matan* dengan tajuk yang diperbincangkan ini tetapi sedikit sebanyak ada hubungkaitnya. Ianya diriwayat oleh Abu Hurayrah, iaitu:

عن أبي هريرة قال، قال رسول الله صلى الله عليه و سلم إذا مررتم برياض الجنة فارتعوا قلت يا رسول الله وما رياض الجنة؟ قال المساجد قلت وما الرتع يا رسول الله؟ قال سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر

Riwayat ini mengikut al-Tirmidhi adalah nilainya *ḥasan gharib*, manakala mengikut al-Albani[1410] adalah *daᶜif*, riwayatnya yang lain daripada Anas bin Malik seperti berikut:

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه و سلم قال إذا مررتم برياض الجنة فارتعوا قال وما رياض الجنة ؟ قال حلق الذكر قال أبو عيسى هذا حديث

Hadis ini mengikut al-Tirmidhi adalah nilainya *ḥasan gharib*, manakala mengikut al-Albani[1411] adalah *ḥasan*, kemudian ada satu riwayat al-Hakim daripada Jabir bin ᶜAbdillah seperti berikut:

قال جابر بن عبد الله رضى الله تعالى عنهما خرج علينا النبي صلى الله عليه وسلم فقال يا أيها الناس إن لله سرايا من الملائكة تحل وتقف على مجالس الذكر في الأرض فارتعوا في رياض الجنة قالوا وأين رياض الجنة قال مجالس الذكر فاغدوا وروحوا في ذكر الله وذكروه أنفسكم من كان يحب أن يعلم منزلته عند الله فلينظر كيف منزلة الله عنده فإن الله ينزل العبد

منه حيث أنزله من نفسه

Mengikut al-Tirmidhi[1412], riwayat hadis ini adalah *ḥasan gharib*; dan mengikut al-Hakim[1413], hadis ini adalah *ṣaḥīḥ al-isnad*, al-Qaysarani[1414] menyatakan bahawa dalam sanad ada Muhammad bin Thabit yang dinilai "tak ada apa-apa hadisnya", al-Mundhiri[1415], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ*, *ḥasan* atau yang dekat; al-Dhahabi[1416], pula menyatakannya ada orang yang mengkritiknya; al-ᶜAsqalani[1417] dalam satu kesempatan menyatakan *gharib* dan ia boleh menjadi *tabiᶜ* yang baik, dan pada saat yang lain beliau[1418] menyatakan *ḥasan*; begitu juga dengan al-Albani[1419], pada suatu ketika menyatakannya *daᶜif* dan pada masa yang lain beliau[1420] menyatakannya *ḥasan* atau *ḥasan li shawahid*.

Hal tersebut memberi kefahaman bahawa pada asalnya hadis ini -khasnya riwayat yang ada Muhammad bin Thabit dalam sanad- adalah *daᶜif*, akan tetapi kerana ada riwayat lain yang lebih kuat (*ḥasan*) dan dapat dijadikan penyokong -sama ada sebagai *shahid* mahupun *tabiᶜ*,- maka hadis dalam tajuk ini dapat dinaik taraf kepada darjat *ḥasan li ghayrih*, sepertimana juga dinyatakan oleh sebahagian ulama tersebut.

Hadis: 230 (8)

ذاكر الله فى الغافلين كالشجرة الخضراء فى الهشيم.[1421]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* ini diriwayat oleh Imam al-Bayhaqi[1422], daripada Ibn ᶜUmar r.a.. Al-Bayhaqi menerima riwayat daripada Abu ᶜAli al-Rudhbari dan rakan-rakannya, mereka berkata daripada Ismaᶜil bin Muhammad al-Saffar, daripada al-Hasan bin ᶜUrfah, meriwayatkan daripada Yahya bin Salim al-Ta'ifi, mendengar daripada ᶜImran bin Muslim dan ᶜUbbad bin Kathir, mereka meriwayatkan daripada ᶜAbdillah bin Dinar, daripada ᶜAbdillah bin ᶜUmar r.a. beliau berkata bersabda Rasulullah SAW. Adapun dari segi *matan* pula pada prinsipnya antara nukilan al-Palembani dengan kitab sumber riwayat al-Bayhaqi adalah sama, kecuali ada beberapa lafaz atau ayat yang berbeza, seperti nukilan menggunakan huruf ك bagi الشجرة sementara riwayat al-Bayhaqi lafaznya adalah مثل, pada bahagian akhir dalam nukilan hanya فى الهشيم "di dalam kumpulan kayu yang kering" sementara dalam *Shuᶜb al-Iman* termaktub في وسط الشجر الذي قد تحات ورقه "di tengah-tengah pohon yang daunnya berjatuhan" nukilan al-Palembani

hanya bahagian akhir daripada *matan* hadis berkenaan. Manakala, riwayat al-Bayhaqi selengkapnya seperti berikut:

عن عبد الله بن عمر قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: ذاكر الله في الغافلين مثل الذي يقاتل عن الفارين و ذاكر الله في الغافلين مثل الشجرة الخضراء في وسط الشجر الذي قد تحات يعني من الضريب

Para ulama seumpama al-Bayhaqi[1423] sendiri menyatakan bahawa *sanad* tidak kuat; al-Nawawi[1424] menyatakannya *daᶜif*; kerana mengikut al-Dhahabi[1425] -mengutip pandangan al-Bukhari- bahawa ᶜImran bin Muslim dalam sanad dinilai *munkar*; al-ᶜIraqi[1426] pula menyatakan *sanad daᶜif*. Oleh itu, hadis ini dapat dikatakan sebagai hadis *daᶜif* sepertimana dinyatakan oleh para ulama di atas, dan demikian juga dinyatakan oleh al-Albani[1427]. Walaupun demikian keadaan sanad dan *matan* hadis ini, akan tetapi perlu menjadi perhatian bahawa ianya tidak serta merta meniadakan amalan zikir kerana masih banyak hadis lain yang menggalakkan umat ini agar banyak-banyak berzikir, dan sudah tentu mengamalkan zikir janganlah berpegang kepada hadis yang *daᶜif*, sebaliknya jangan pula kerana hadis ini *daᶜif* tiba-tiba tidak mahu berzikir, sementara masih banyak riwayat lain yang lagi *ṣaḥīḥ* menggalakkan berzikir ini.

Fasal Kedua tentang Adab Berzikir

Tidak ada sebarang hadis yang dikemukakan oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani apabila menjelaskan perkara berkenaan dengan adab berzikir ini.

Fasal Yang Ketiga Tentang Tatacara Berzikir

Begitupun dengan fasal ini, Syeikh Abdus Samad al-Palembani tidak mengemukakan sebarang hadis dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin* untuk dijadikan bahaasan.

Hadis dalam Bab Ketujuh pada Menyatakan Adab Bersahabat dan *Muᶜasharah* (Berkasih-Kasihan) Serta *al-Khaliq* (Allah SWT) serta Makhluk

Pada bab yang ketujuh ini, Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam

kitabnya *Hidayat al-Salikin* membahagikan paparannya kepada empat fasal. Daripada empat fasal tersebut dinukil tujuh buah hadis Nabi SAW Adapun pada pendahuluan bab ini dinukil empat buah hadis, paparan *takhrij sanad* dan analisis *matan* serta *natijah* kualitinya dapat disemak berikut ini.

Hadis: 231 (1)

أنا جليس من ذكرني.[1428]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ini, diriwayat antaranya oleh al-Bayhaqi, al-Sakhawi, al-Suyuti juga ditakhrij oleh al-Manawi[1429] apabila beliau mensharh sebuah hadis. Daripada riwayat al-Bayhaqi tergambar bahawa pada tingkat sahabatnya adalah Ka^{c}b, *tabi^{c}in*nya adalah Abi Marwan al-Aslami, dan nampaknya al-Palembani menukil riwayat ini, kerana antara riwayat ini dengan nukilannya sama, kecuali ia hanya potongan sahaja, secara lengkap riwayat al-Bayhaqi dimaksud adalah seperti berikut:

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ و أبو سعيد بن أبي عمرو قالا : ثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ثنا أسيد بن عاصم ثنا الحسين بن حفص عن سفيان عن عطاء بن أبي مروان أبي مصعب الأسلمي قال: حدثني أبي عن كعب قال قال موسى عليه السلام : يا رب أقريب أنت فأناجيك أم بعيد فأناديك ؟ فقيل له: يا موسى أنا جليس من ذكرني فقال:إني أكون على حال أجلك عنها قال: ماهي يا موسى؟ قال: عند الغائط والجنابة قال: اذكرني على كل حال

Apabila diperhatikan *sanad* daripada riwayat di atas nampak bahawa ianya tidak bersumber daripada Nabi SAW melainkan terhenti kepada Ka^{c}b sahaja atau dengan kata lain *mawquf*. Dan dari segi kandungannya pula bercerita keadaan yang berlaku lama sebelum adanya para perwiwayat itu sendiri yang ini *ghayr ma^{c}qul* secara ilmiah. Lain halnya apabila sesuatu berita itu betul-betul dibawa oleh Rasulullah SAW kerana ia boleh jadi wahyu daripada Allah SWT. Dengan demikian dapatlah disimpulkan dan dinyatakan bahawa hadis ini adalah jalur sanad *da^{c}if* dan *mawquf*, sepertimana disepakati oleh ulama seumpama al-Samhudi[1430] dan Muhammad Jar Allah al-Sa^{c}di[1431].

Hadis: 232 (2)

أنا عند المنكسرة قلوبهم من أجلى.[1432]

Takhrij al-Hadith: Riwayat nukilan Syeikh al-Palembani ini diriwayat

oleh Abu Na^{c}im dan ditakhrij oleh al-Suyuti serta *sharh*nya[1433]. Abu Na^{c}im menerima riwayat ini daripada Abu Hamid bin Jabalah, sehinggalah daripada Malik bin Dinar, beliau berkata bahawa Nabi Musa berkata seumpama nukilan di atas. Nampak dari segi *sanad* bahawa tidak *marfu^{c}* kepada Nabi SAW bahkan terhenti sampai kepada Malik bin Dinar sahaja.

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa riwayat ini tidak ada asalnya atau dengan kata lain, tidak berasal daripada Nabi SAW sepertimana dinyatakan oleh ^{c}Ali al-Qari[1434], tidak ada asalnya dalam hadis *marfu^{c}*.

Hadis: 233 (3)

مَا ٱلإِحْسَانُ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ ربك كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.[1435]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang dinukil oleh Syeikh al-Palembani ini seumpama dengan hadis yang diriwayatkan oleh hampir semua *muhaddithin*; antaranya Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah, Ahmad bin Hanbal[1436]. Daripada kesemua periwayatan tersebut, *sanad* dapat digambarkan bahawa pada *tabaqah sahabah* bersumber daripada Abu Hurayrah dan ^{c}Umar bin Khattab, bahkan al-Tirmidhi menambahkan bahawa ia juga diriwayatkan oleh Talhah bin ^{c}Ubaydillah dan Anas bin Malik. Riwayat hadis ini masyhur semacam cerita, oleh itu ringkasnya dikemukakan riwayat Muslim yang menerima daripada Abu Khaythamah Zuhayr bin Harb, daripada Waki^{c}, daripada Kahmas, daripada ^{c}Abdillah bin Buraydah, daripada Yahya bin Ya^{c}mar, daripada Ma^{c}bad al-Juhani dan Humayd bin ^{c}Abd al-Rahman al-Himyari, daripada ^{c}Abdillah bin ^{c}Umar, daripada ayahnya ^{c}Umar bin al-Khattab.

Adapun *matan* hadis ini dapat diperkatakan bahawa semua riwayat -pada perinsipnya- adalah sama, kecuali ada perbezaan sedikit antara riwayat yang bersumber daripada Abi Hurayrah dengan ^{c}Umar bin al-Khattab, akan tetapi apabila fokus kepada ayat yang dikehendaki daripada nukilan di atas adalah sama juga. Walaupun begitu, dalam nukilan tertulis أَنْ تَعْبُدَ ربك sementara dalam kitab rujukan diriwayatkan dengan lafaz أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ. Walaupun maksudnya sama akan tetapi semestinya kita mengikut rujukan yang sebenar dan inilah perinsip yang diguna pakai dan maklumi bersama.

Para ulama sepakat bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ* dan masyhur, sepertimana disepakati dan riwayatkan oleh dua Imam hadis (al-Bukhari dan Muslim), walaupun Abu ^{c}Isa al-Tirmidhi[1437] membezakan nilai antara dua sumber

periwayatan tersebut; bahawa hadis yang bersumber daripada Abi Hurayrah adalah *ḥasan ṣaḥīḥ*, manakala daripada ᶜUmar bin al-Khattab adalah *ṣaḥīḥ*. Ulama yang lain menyatakannya *ṣaḥīḥ*, seumpama al-Bayhaqi[1438], *isnad ṣaḥīḥ* dengan syarat ikut *sanad* Muslim; al-ᶜAsqalani[1439] menyatakan bahawa riwayat yang kurang kuat, ianya mempunyai *shahid* yang *ṣaḥīḥ*; demikian pula al-Albani[1440] menyatakan riwayat Abu Hurayrah adalah *ṣaḥīḥ*. Oleh itu, disimpulkan bahawa hadis ini *ṣaḥīḥ* sepertimana kenyataan para ulama tersebut di atas.

Hadis: 234 (4)

عليك بطول الصمت فإنه مطرد للشيطان.[1441]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini termaktub dalam kitab *Hidayat al-Salikin*. Ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bayhaqi sahaja[1442]. Beliau menerima riwayat daripada Abu ᶜAbdillah al-Hafiz, daripada Abu al-Hasan Ali bin al-Fadl al-Samiri, daripda al-Hasan bin Urfah, daripada Yahya bin Saᶜid al-Saᶜdi al-Basri, daripada ᶜAbd al-Malik bin Jurayj, daripada ᶜAta', daripada ᶜUbayd bin ᶜUmayr al-Laythi, daripada Abi Dharr r.a. beliau berkata, aku menemui Rasulullah SAW. *Matan* hadis ini sebenarnya cukup panjang, ia mengandungi dialog antara Abi Dharr yang meminta wasiat kepada Rasulullah SAW dan riwayat selengkapnya adalah seperti berikut:

عن أبي ذر قال دخلت على رسول الله صلى الله عليه و سلم فذكر الحديث بطوله إلى أن قال: قلت يا رسول الله أوصني قال: أوصيك بتقوى الله عز و جل فإنه أزين لأمرك كله قلت: زدني قال عليك بتلاوة القرآن و ذكر الله عز و جل فإنه ذكر لك في السماء و نور لك في الأرض قلت: زدني قال: عليك بطول الصمت فإنه مطردة للشيطان وعون لك على أمر دينك قلت زدني قال: إياك و كثرة الضحك فإنه يميت القلب و يذهب بنور الوجه، قلت: زدني، قال: قل الحق و إن كان مرا، قلت: زدني، قال: لا تخف في الله لومة لائم، قلت: زدني، قال : ليحجزك عن الناس ما تعلم من نفسك

Para ulama seumpama al-Mundhiri[1443], menyatakan *isnad ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* atau seumpamanya; begitu pula al-ᶜAjluni[1444] menyatakan *isnad jayyid*. Manakala, mengikut al-Albani[1445] adalah *daᶜif*. Dengan begitu jelas bahawa pada asasnya hadis ini adalah *daᶜif*, akan tetapi tidak terlalu lemah, sehinggalah dimungkinkan untuk dinaik taraf nilainya kepada *ḥasan li ghayrih*, ataupun *daᶜif* yang masih boleh diguna pakai untuk nasihat dan *fada'il*.

Fasal tentang Adab Seorang Ulama

Dalam fasal pertama ini Syeikh al-Palembani hanya menukil sebuah hadis. Paparan *takhrij sanad*, analisis *matan* dan *natijah* kualitinya dapat disemak berikut:

Hadis: 235 (1)

أسأل جبريل فسأله فقال لا أدرى حتى ان رجلا سأل النبي صلى الله عليه وسلم أي البلاد أشر فقال : لا أدرى حتى أسأل رب العزة.[1446]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh Syeikh al-Palembani ke dalam kitab *Hidayat al-Salikin*nya. Hadis seumpamanya diriwayat oleh al-Hakim dan al-Tabrani[1447], daripada riwayat al-Hakim, daripada Ibn ᶜUmar, beliau berkata datang seorang lelaki kepada Rasulullah bertanya tentang tempat yang baik dan tidak baik. Manakala, riwayat al-Tabrani pula daripada Anas bin Malik. akan tetapi beliau sendiri memberikan kenyataan bahawa tidak meriwayatkan hadis ini daripada ᶜAmmar bin ᶜAmmarah al-Azdi melainkan daripada ᶜUbayd bin Waqid. Hal ini bermakna bahawa mengikut al-Tabrani, hadis ini hanyalah satu jalur periwayatan sahaja.

Adapun *matan* hadisnya, pada asasnya sama maknanya dengan nukilan al-Palembani di atas, namun dalam kitab sumber lebih lengkap dan jelas adanya dialog antara Rasulullah dengan seorang lelaki yang bertanya, kemudian Nabi bertanya kepada Jibril sehinggalah Jibril bertanya kepada Allah SWT dan Allah pun menyatakannya. Juga dapat ditunjukkan bahawa nukilan di atas mengisyartkan kepada sesebuah negeri tertentu sementara dalam sumber memberikan petunjuk kepada satu tempat, tidak kira di mana-mana pun. Untuk lebih jelas dapat diperhati nukilan riwayat al-Hakim seperti berikut:

عن عبد الله بن عمر قال جاء رجل إلى النبي صلى الله عليه وسلم فقال يا رسول الله أي البقاع خير فقال لا أدري قال فأي البقاع شر فقال لا أدري فأتاه جبريل فقال سل ربك فقال جبريل ما نسأله عن شيء فانتفض انتفاضة كاد ان يصعق منهما محمد صلى الله عليه وسلم فلما صعد جبريل قال الله تعالى سألك محمد أي البقاع خير فقلت لا أدري وسألك أي البقاع شر فقلت لا أدري قال فقال نعم قال فحدثه أن خير البقاع المساجد وأن شر البقاع الأسواق

Para ulama berbeza penilaian terhadap dua periwayatan yang berlainan. Periwayat daripada Ibn ᶜUmar, dinilai oleh al-Mundhiri[1448], bahawa *isnad ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* atau seumpamanya; al-Dhahabi[1449], menyatakan *gharib*, *salih al-isnad* atau *isnad salih*; Ibn Hajar[1450] pula memberi kenyataan terhadap riwayat ini *ḥasan ṣaḥīḥ*; bahkan al-Saᶜdi[1451],

menyatakan *ṣaḥīḥ*. Adapun terhadap riwayat daripada Anas bin Malik dinilai *da^c^if* oleh majoriti ulama, antaranya al-Haythami[1452] menilai *da^c^if* kerana dalam sanad ada ^c^Ubayd bin Waqid yang *da^c^if*; begitu juga penilaian al-^c^Asqalani[1453], namun beliau katakan ianya mempunyai jalur lain dan baik sanad; al-Albani[1454], juga menyatakan *da^c^if* terhadap riwayat daripada Anas bin Malik ini, manakala riwayat daripada Ibn ^c^Umar beliau nyatakan sebagai *ḥasan.*

Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa tidak terjadi *khilaf* ke atas nilai hadis ini, kerana perberbezaan nilai tersebut, disebabkan penilaian terhadap sanad yang berlainan. Jadi, pada asasnya hadis yang bersumber daripada Anas bin Malik adalah *da^c^if*, akan tetapi dapat dinaik taraf kepada *ḥasan li ghayrih* dengan sokongan riwayat Ibn ^c^Umar yang bernilai *ḥasan*, sepertimana dinyatakan oleh al-Albani[1455], dan berkemungkinan menjadi *ṣaḥīḥ li ghayrih* dengan adanya sokongan daripada riwayat yang seumpama atau semakna dengannya. Jadi, hadis yang menjadi tajuk ini boleh jadi *ṣaḥīḥ li ghayrih* atau setidaknya *ḥasan li ghayrih* kerana ada antara dua riwayat tersebut yang dinilai *ḥasan li dhatih*.

Fasal tentang Adab Seorang Pelajar

Pada fasal ini tidak ada sebarang hadis pun yang dikemukakan oleh Syeikh Abdus Samad al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin*.

Fasal tentang Adab Anak terhadap Kedua Orang Tua

Berkenaan dengan sub perbahasan ini tidak ada nukilan satu hadis pun yang dikemukakan oleh al-Palembani dalam kitab beliau *Hidayat al-Salikin*.

Fasal tentang Adab Seorang Sahabat terhadap Sahabatnya

Dalam fasal keempat bagi bab kelapan ini ada dinukil oleh al-Palembani satu hadis sahaja dan paparannya seperti berikut:

Hadis: 236 (1)

حب الدنيا رأس كل خطيئة.[1456]

Takhrij al-Hadith: Nukilan Syeikh al-Palembani ini adalah untuk kali kedua, setelah yang pertama disebut pada muka surat 195 daripada kitab *Hidayat al-Salikin*, apabila beliau menjelaskan masalah cinta dunia. Oleh itu, sekiranya menginginkan paparan lebih teperinci sila merujuk semula sub bahasan hadis nombor 184 (1), dan secara ringkas diungkapkan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan Abu Na^{c}im, daripada al-Hasan al-Basri, dan pada asasnya hadis ini adalah *da^{c}if* akan tetapi ia boleh manjadi *ḥasan li ghayrih* berdasarkan kenyataan ulama lain yang menyatakan sedemikian, manakala ada juga hadis seumpamanya yang *mawdu* akan tetapi dengan *sanad* dan *matan* yang lain.

Hadis: 237 (2)

ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ فَهُوَ مُنَافِقٌ وَإِنْ صَامَ وَصَلَّى مَنْ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ.[1457]

Takhrij al-Hadith: Riwayat ini dinukil oleh al-Palembani dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*, juga untuk kali kedua selepas yang pertama disebut pada muka surat 159 kitab ini, apabila beliau menjelaskan perkara yang berkenaan dengan memelihara lidah. Oleh itu, sekiranya mengingini paparan yang lebih terperinci lagi dapatlah merujuk kepada hadis nombor 151 (3). Secara ringkas, riwayat tersebut daripada sahabat Abu Hurayrah, ^{c}Abdullah bin Mas^{c}ud, al-Hasan dan Anas bin Malik r.a., dan dari segi *matan* pula ada sedikit variasi. Adapun nilai atau darjat hadis ini secara ^{c}amnya adalah *ṣaḥīḥ* sepertimana diriwayatkan imam Muslim juga dinyatakan oleh majoriti ulama.

Hadis dalam Khatimah/Penutup: Adab serta Orang yang Berkenal-kenalan dan orang yang tiada Berkenal-kenalan daripada Umum segala Muslimin

Mengakhiri perbincangannya dalam kitabnya *Hidayat al-Salikin*, Syeikh Abdus Samad al-Palembani masih lagi menukil dua buah hadis Nabi SAW kerana pada bahagian *khatimah*/penutup ini beliau mengikutkan sekali dengan perbahasan tentang adab terhadap orang yang dikenali mahupun yang tidak kenali. Paparan hadis, *takhrij sanad*, analisis *matan*, dan *natijah*

dapat diperhatikan seperti berikut:

Hadis: 238 (1)

من تواضع لغني لغناه ذهب ثلثا دينه.[1458]

Takhrij al-Hadith: Nukilan ini sudah pun disebut pertama kalinya oleh Syeikh al-Palembani apabila beliau menghuraikan perbahasan tentang memelihara kedua kaki pada muka surat 184 kitab berkanaan. Oleh itu, sekiranya mengingini paparan yang terperinci sila merujuk semula kepada subperbahasan hadis nombor 167 (1). Dan ringkasannya dapat dikemukakan bahawa riwayat ini tidak ditemukan dalam mana-mana kitab sumber rujukan hadis melainkan dalam kitab *Bidayat al-Hidayah* dan *Muraqi al-ᶜUbudiyah* sahaja. Dan riwayatnya pun *daᶜif* dan *mawquf*, dan boleh turun darjatnya -apabila mengambil kira pandangan sebahagian ulama-, kepada *daᶜif jiddan* (sangat lemah) walaupun maknanya dapat dijadikan sebagai kata-kata hikmah.

Hadis: 239 (2)

خير الأمور أوسطها.[1459]

Takhrij al-Hadith: Riwayat yang terakhir daripada nukilan Syeikh al-

Nombor yang di luar kurungan merupakan bilangan daripada keseluruhan hadis yang dikaji dalam kitab *Hidayat al-Salikin*, manakala nombor yang di dalam kurungan tersebut adalah bilangan daripada bab atau fasal yang berkenaan dan berdekatan.

2 Syeikh Abdus Samad al-Palembani, (sekali sekala ditulis al-Palembani atau Abdus Samad) t.th. *Hidayat al-Salikin*, t.tp. Cahaya Purnama, hlm. 9.

3 Abu ᶜAbdillah Muhammad bin Ismaᶜil bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Bukhari, 1422 H. *al-Jamiᶜ al-Sahih/Sahih al-Bukhari*, kitab al-ᶜIlm, bab qawl al-nabiy SAW. "rubba muballigh awᶜa min samiᶜ: bab al-ᶜilm qabl al-qawl wa al-ᶜamal, (selanjutnya ditulis al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* atau *al-Jamiᶜ al-Sahih*), Tah. Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, t,tp.: Dar Tawq al-Najah, Cet. ke-1, Juz 1/24, No: 67; Abu Dawud, Sulayman Ibn al-ᶜAshᶜath al-Sijistani al-Azdi, 1420 H/1999 M. *Sunan Abi Dawud*, kitab al-ᶜilm, bab al-haththu ᶜala talab al-ᶜilm, (selanjutnya ditulis Abu Dawud, *Sunan*), Tah. Muhammad Muhy al-Din ᶜAbd al-Hamid, Bayrut: Dar al-Fikr, Juz 2/341, Nombor Hadis (selanjutnya disingkat No:) 3641-3642; Abu ᶜIsa Muhammad bin ᶜIsa bin Surah al-Tirmidhi, 1419 H/1999 M. *Sunan*, kitab al-ᶜilm, bab ma ja'a fi fadl al-fiqh ᶜala al-ᶜibadah, (selanjutnya ditulis al-Tirmidhi atau al-Turmudhi, *Sunan*), Tah. Ahmad Muhammad Shakir, al-Qahirah: Dar al-Hadith, Juz 5/48, No: 2682; Abu ᶜAbdillah bin Yazid al-Quzwini Ibn Majah, 1419 H/1998 M. *Sunan Ibn Majah*, kitab al-ᶜilm, bab fadl al-ᶜulama' wa al-haththu ᶜala talab al-ᶜilm, (selanjutnya ditulis Ibn Majah, (selanjutnya ditulis Ibn Majah, *Sunan*), Tah. Muhammad Fu'ad ᶜAbd al-Baqi, al-Qahirah: Dar al-Hadith, Juz 1/81, No: 223; Muhammad Ibn Hibban, 1993, *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*, kitab al-ᶜilm, bab zikir wasf al-ᶜulama' al-ladhi lahum al-fadl, (selanjutnya ditulis Ibn Hibban, *Sahih*), Tah. Shuᶜayb al-Arna'ut, (selanjutnya ditulis al-Arna'ut), Bayrut:Mu'assasah al-Risalah, Cet. ke-2, No: 88.

[4] Muhammad Nasir al-Din al-Albani, (selanjutnya ditulis al-Albani), 1979, *Daᶜif al-Jamiᶜ al-Saghir wa ziyadatih*, (selanjutnya ditulis *Daᶜif al-Jamiᶜ*), Bayrut: Al-Maktabah al-Islami, cetakan (selanjutnya ditulis cet.) Ke-2, No: 3889.

[5] ᶜAbd al-ᶜAzim bin ᶜAbd al-Qawi al-Mundhiri, (selanjutnya ditulis al-Mundhiri), 1417 H. *al-Targhib wa al-Tarhib*, Tah. Ibrahim Shamsuddin, Juz 1, No: 106.

[6] Ahmad bin ᶜAli bin Hajar al-ᶜAsqalani (selanjutnya ditulis Ibn Hajar), *Hidayat al-Ruwwah*, Bayrut: Dar al-Fikr, Juz 1, hlm. 151.

[7] Muhammad bin ᶜAbd al-Rahman al-Sakhawi, 1407 H./1987 M. *Al-Maqasid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ahadith al-Mushtahirah ᶜala al-Alsinah*, (selanjutnya ditulis al-Sakhawi, *al-Maqasid al-Hasanah*) Bayrut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyah, Cet. Ke-1, No: 340.

[8] Ismaᶜil bin Muhammad al-ᶜAjluni, t.th. *Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas ᶜan ma ishtahara min Alsinat al-Nas*, (selanjutnya ditulis al-ᶜAjluni, *Kashf al-Khafa'*), Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-ᶜArabi, Cet. ke-3, Juz 2, No: 83.

[9] Muhammad ᶜAbd al-ᶜAzim al-Zarqani, (selanjutnya ditulis al-Zarqani), *Mukhtasar al-Maqasid*, No: 653.

[10] Al-Palembani, *Hidayat al-Salikin*, hlm. 9.

[11] Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, 1387 H/ 1968 M., *Ihya' ᶜUlum al-Din* (selanjutnya ditulis al-Ghazali, *Ihya'*), al-Qaherah: Mu'assasah al-Halabi wa Syurkah, Juz 1, hlm. 6.

[12] Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqi (selanjutnya ditulis al-Bayhaqi), 1410 H. *Shuᶜb al-Iman*, bab ke-17: fi talab al-ᶜilm, fasl: fi fadl al-ᶜilm wa sharaf miqdarih, Tah. Muhammad Saᶜid Basyuni Zaghlul, Bayrut: Dar al-Kutub al-ᶜIlmiyyah, Juz 2/236, No: 1591.

[13] Taj al-Din Abi Nasr ᶜAbd al-Wahhab ᶜAli bin ᶜAbd al-Kafi al-Subki, 1386 H/1967 M. *Tabaqat al-Shafiᶜiyyah al-Kubra* (selanjutnya ditulis al-Subki, *Tabaqat al-Shafiᶜiyyah*), Tah. ᶜAbd al-Fattah Muhammad al-Halw dan kawan-kawan, Mesir: Isa al-Babi al-Halabi wa Syurkah, Cet. ke-1, Juz 6, No: 287.

[14] Zayn al-Din Abu al-Fadl ᶜAbd al-Rahim bin al-Husayn al-ᶜIraqi, 1967, *al-Mughni ᶜan Haml al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar*, di bawah al-Ghazali, *Ihya' ᶜUlum al-Din*, al-Qahirah: Mua'assasah al-Halabi wa Shurakah li al-Nashr wa al-Tawziᶜ, (selanjutnya ditulis al-ᶜIraqi, *Takhrij al-Ihya'*) Juz 1, No: 20.

[15] Al-Palembani, *Hidayat al-Salikin*, hlm. 9.

[16] Al-ᶜIraqi, *Takhrij al-Ihya'*, Juz 1, No: 11.

[17] Al-Sakhawi, *al-Maqasid al-Hasanah*, No: 340.

[18] Muhammad bin ᶜAli al-Shawkani, 1380 H. *al-Fawa'id al-Majmuᶜah fi al-Ahadith al-Mawduᶜah* (selanjutnya ditulis al-Shawkani, *al-Fawa'id al-Majmuᶜah*), Tah. ᶜAbd al-Rahman bin Yahya al-Muᶜallimi al-Yamani dan ᶜAbd al-Wahhab ᶜAbd al-Latif, al-Qaherah: Matbaᶜah al-Sunnah al-Muhammadiyah, Cet. ke-1, hlm. 286.

[19] Al-ᶜIraqi, *Takhrij al-Ihya'*, Juz 1, No: 11.

[20] Al-Palembani, *Hidayat al-Salikin*, hlm. 9.

[21] Ibn Majah, *Sunan*, *kitab al-Zuhd*, *bab zikir al-shafaᶜah*, Juz 2/1443, No: 4313.

[22] Ibn ᶜAdi, Abu Ahmad ᶜAbdullah al-Jurjani, 1988, *al-Kamil fi al-Duᶜafa' al-Rijal*, (selanjutnya ditulis Ibn ᶜAdi, *al-Kamil fi al-Duᶜafa'*) Tah. Yahya Mukhtar al-Ghazawi, Bayrut: Dar al-Fikr, Cet. ke-3, Juz 6, No: 461.

[23] Al-Qaysarani dalam al-Imam al-Hafiz Muhammad bin Tahir al-Maqdisi (w. 448-507 H), 1416 H./1996 M. (selanjutnya ditulis al-Maqdisi), *Dhakhirat al-Huffaz*, Tah. Dr, ᶜAbd al-Rahman bin ᶜAbd al-Jabbar al-Faryubi, Riyad: Dar al-Salaf, hlm. 2786.

[24] Nur al-Din Ali bin Abi Bakar al-Haythami (selanjutnya ditulis al-Haythami), 1982, *Mujmaᶜ al-Zawa'id*, Bayrut: Dar al-Kutub al-ᶜArabi, Juz 1/384.

